

## ANG KERJA PEMULIHARAAN DAN P

2591/89

ter lidan A  
.....marining simet  
.....mabifit' athen

# LAPURAN EKONOMI 1972-73

# **PERBENDAHARAAN KERAJAAN MALAYSIA**

KUALA LUMPUR  
DISEMBER 1972

MS  
530.9595  
MKKLE  
f

537107

APB

*Boleh didapati daripada:*


KETUA PENGARAH PERCETAKAN, MALAYSIA BARAT  
JALAN CHAN SOW LIN,  
KUALA LUMPUR 07—03

*Harga: \$3.00*

- 5 OCT. 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

# BELANJAWAN PERSEKUTUAN .....

- ANGGARAN -




**HASIL**

(\$3,950 Juta)


## PERBELANJAAN

(\$3,950 Juta)




## .. DAN EKONOMI NEGARA DALAM TAHUN 1972

- ANGGARAN -



## PENAWARAN

BARANG DAN PERKHIDMATAN (\$18,800 Juta)



## PERMINTAAN

BARANG DAN PERKHIDMATAN (\$18,800 Juta)

## DATA-DATA MALAYSIA YANG PENTING

<b>LUAS KAWASAN</b>	...	...	...	...	...	...	128,308 batu persegi
— <i>Malaysia Barat:</i>	...	...	...	...	...	...	50,670 batu persegi
— <i>Malaysia Timur:</i>	...	...	...	...	...	...	77,638 batu persegi

*Ibu Negara: Kuala Lumpur (452,000 penduduk)*

<b>PENDUDUK (1972):</b>	...	...	...	...	...	...	11,450 juta
— <i>Malaysia Barat:</i>	...	...	...	...	...	...	9,480 juta
— <i>Malaysia Timur:</i>	...	...	...	...	...	...	1,970 juta

Pertumbuhan purata penduduk (1962-1972): ... 2.8%

Kepadatan penduduk: ... 89 penduduk satu batu persegi

Kadar orang dewasa yang boleh membaca dan menulis (1967): 77%

### **KELUARAN NEGARA KASAR (1972):** ... ... ... \$12,900 juta

KNK per kapita: ... ... ... ... ... ... ... \$1,127

Penggunaan Kerajaan sebagai % daripada KNK: ... ... ... 21.6%

Pelaburan tetap awam sebagai % daripada KNK: ... ... ... 9.3%

Pelaburan tetap swasta sebagai % daripada KNK: ... ... ... 9.8%

KNK Malaysia Barat sebagai % daripada jumlah KNK: ... ... 82.5%

Pertanian sebagai % daripada KDNK: ... ... ... ... ... 21.1%

Perusahaan-perusahaan perkilangan sebagai % daripada KDNK: 14.7%

Perbendaharaan  
Kerajaan Malaysia

# LAPURAN EKONOMI 1972-73

KUALA LUMPUR  
DISEMBER 1972

## KANDUNGAN

	<i>Muka</i>
Ringkasan	1
I. Edaran Perniagaan Malaysia	4
II. Ekonomi Dunia dan Permintaan untuk Ekspot dari Malaysia	7
III. Permintaan dalam Negeri—Awam dan Swasta	15
(a) Permintaan Sektor Awam	15
(b) Permintaan Swasta	22
IV. Bekalan—Pengeluaran dan Impot	26
(a) Pengeluaran dalam Negeri	26
(b) Impot	32
V. Matlamat, Kejayaan dan Masaalah	37
VI. Tinjauan bagi Tahun 1973	44
Kalender Peristiwa-peristiwa Ekonomi yang penting, 1960-1972	48
Lampiran Perangkaan	55
Fahrasat	157
Peta Malaysia	disebelah dalam kulit belakang

Laporan Ekonomi ini adalah laporan pertama yang dibentang sebagai dokumen berasingan oleh Menteri Kewangan bersama-sama dengan Ucapan Belanjawan. Adalah diharapkan bahawa laporan ini akan dapat mengemukakan kepada Parlimen dan orang ramai dengan satu kajian dan analisa yang luas mengenai ekonomi negara. Adalah juga menjadi tujuan laporan ini untuk menyediakan maklumat yang sedia ada berkenaan dengan ekonomi Malaysia yang kian rumit di dalam bentuk yang kemas dan diperbaharuan pada tiap-tiap tahun.

M  
330 75  
MKL/SC  
4  
**16682**  
UPB

## **Ringkasan**

1. Hampir sepanjang tahun 1972, ekonomi Malaysia berkembang dengan perlahan akibat daripada ekspot yang tidak berubah dan harga-harga pasaran yang rendah untuk barang-barang ekspot utama. Walau bagaimanapun, tingkat pertumbuhan ekonomi telah mula bertambah cepat di dalam separuh kedua tahun 1972. Dalam tahun 1972, pada keseluruhannya, keluaran negara kasar adalah dianggarkan 5.8% lebih tinggi daripada tahun 1971. Kenaikan permintaan, pengeluaran dan harga-harga ekspot, yang telah ternyata di bulan-bulan kebelakangan ini, nampaknya akan berterusan dalam tahun 1973, maka dengan itu keluaran negara kasar secara nominal adalah dijangka akan melebihi paras tahun 1972 sebanyak 8 hingga 9% (perenggan 118-127). Kenaikan yang baharu ini, adalah didorong oleh pusingan dalam ekspot yang mengikuti pemulihian di negara-negara perusahaan, terutama sekali Amerika Syarikat. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tahun 1972, adalah juga disokong oleh perkembangan permintaan-awam yang berterusan, yang telah memberi kesan-kesan tindak balas edaran dengan kuatnya di masa perkembangan ekonomi yang perlahan dalam tahun 1971 dan 1972.

2. Permintaan ekspot, yang sangat besar pengaruhnya terhadap perubahan ekonomi Malaysia dari tahun ke tahun, telah berkembang dengan perlannahnya sejak tahun 1970. Ekspot telah jatuh dalam dua tahun yang berturut-turut. Ekspot pertanian utama telah mengalami kesan yang teruk dari kemerosotan ini. Nilai ekspot getah misalnya telah jatuh sebanyak 50% di antara puncak masa getah melambung dalam pertengahan tahun 1969 dan tempuh merosot dalam pertengahan tahun 1972. Pada bulan April tahun 1972, harga getah (R.S.S. I) jatuh kepada 86 sen sekilo, paras yang paling rendah sejak tahun 1947. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1972 terdapat pusingan yang jelas yang menunjukkan tanda-tanda kenaikan yang selanjutnya. Oleh itu, permintaan ekspot seharusnya menggalakkan perkembangan ekonomi negeri dalam tahun 1973. Dorongan-dorongan ini munkeh jelas kelihatan terutamanya di dalam perusahaan-perusahaan ekspot seperti kayu-kayan dan letronik.

3. Permintaan sektor awam telah berkembang sebanyak 21% dalam tahun 1972, menyambung aliran yang bermula pada tahun 1970 di bawah Dasar Ekonomi Baharu. Pelaburan awam meningkat sebanyak 40%, sebahagian daripadanya adalah akibat daripada pembelian kapal terbang dan kapal laut untuk Sistem Penerangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC). Tanpa pembelian khas ini, sektor awam telah mengembangkan permintaan pelaburan dengan kadar yang agak besar sebanyak 12%, mengurangkan sebahagian daripada kesan-kesan kemerosotan ekspot dua tahun yang lampau (perenggan 32-43 dan 101). Terdapat satu pertukaran yang penting dalam pelaburan sektor awam daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun, yang memperluaskan lagi asas usaha pembangunan awam. Oleh kerana kenaikan harga atas barang-barang pelaburan yang diimpor, dan perluasan jentera perlaksanaan untuk pembangunan, perbelanjaan sektor awam untuk pembangunan telah melebihi matlamat Rancangan Malaysia Kedua. Dengan ini peruntukan dalam rancangan bagi pembangunan bolehlah dinaikkan. Kewangan tidaklah menjadi satu halangan bagi menambahkan kegiatan pembangunan, di mana terlibatnya projek-projek ekonomi yang teguh. Penggunaan awam telah naik kira-kira tiga kali ganda lebih cepat daripada KNK dalam tahun-tahun kebelakangan ini, sebahagiannya adalah disebabkan oleh bayaran tunggakan gaji. Di samping mempunyai kesan-kesan penyertabilan pendapatan, pertumbuhan seperti ini dalam perbelanjaan penggunaan awam tidak dapat dikekalkan dalam jangka yang lebih panjang tanpa membebankan ekonomi.

4. Pelaburan swasta telah meningkat hanya sebanyak 3% dalam tahun 1972. Perkembangan yang perlahan dalam pelaburan swasta ini, sebahagiannya adalah disebabkan oleh kenaikan yang cepat dalam kos jentera dan alat-alat yang diimpor. Perkembangan pelaburan yang perlahan seperti ini tidaklah sejajar dengan matlamat pertumbuhan yang setabil. Tanda-tanda menunjukkan bahawa tahun 1973 akan menjadi satu tahun pemulihian kenaikan dalam pelaburan swasta. Penggunaan swasta adalah merupakan unsur yang setabil dalam ekonomi. Ini telah meningkat sebanyak 51% dalam tahun 1972 dan adalah dijangkakan terus meningkat kepada 61%. Data yang didapati menunjukkan penggunaan meningkat dengan agak cepat terhadap barang-barang pengguna tahun lama seperti motorkar, motosikal dan peti-peti talivisyen, dan agak lambat bagi

barang-barang keperluan asasi, seperti kain dan makanan. Harga pengguna telah naik sebanyak 24% dalam tahun 1972, terutamanya adalah sebagai reaksi terhadap keadaan inflasi yang berlaku di serata dunia. Walau bagaimanapun, perkembangan paras harga di Malaysia adalah terkemuka mengikut perbandingan antarabangsa.

5. Pengeluaran dalam negeri telah bergerak mengikut perkembangan permintaan yang perlahan hingga pertengahan tahun 1972, dan nampaknya akan bergerak dengan sertamerta kepada kenaikan yang baharu. Ini adalah benar terutamanya bagi sektor perkilangan, di mana cawangan-cawangan tertentu, seperti keluaran kayu-kayan telah menempuh keadaan melambung ekspot yang kuat. Dalam tahun-tahun kbelumkangan ini, sektor perkilangan biasanya telah berkembang kira-kira 2 kali ganda lebih cepat dari ekonomi seluruhannya. Sebaliknya bidang pertanian telah menderita akibat kemerosotan permintaan dan paras harga. Jumlah keluarannya dalam tahun 1972 telah berkembang hanya sebanyak 4% sahaja.

6. Kadar pengangguran adalah masih pada kadar yang kurang sedikit dari 8%. Pengangguran tidak berkurangan dalam tahun 1972, setelah ianya jatuh sedikit dalam tahun 1971 yang merupakan reaksi terhadap keadaan melambung tahun 1970. Dari itu, pengangguran tetap menjadi satu daripada masaalah-masaalah besar jangka panjang ekonomi negara (perenggan 86-87 dan 111-114).


7. Jumlah impot barang dan perkhidmatan telah naik dengan kadar kira-kira 7% dalam tahun 1972. Kenaikan ini mencerminkan terutamanya pembelian kapalterbang awam dan kapal-kapal pengangkutan untuk MAS dan MISC. Ini juga adalah akibat daripada kenaikan harga-harga impot, iaitu bagi barang-barang makanan serta jentera-jentera dan alat-alat, yang menjadi bahan utama di dalam proses pembangunan.

8. Imbangan pembayaran masih dalam kesimbangan dan sebagai akibatnya ringgit Malaysia telah bertambah kukuh selepas krisis matawang tahun 1971 dan 1972. Pada baki kira-kira semasa, terdapat kurangan yang besar sebanyak \$600 juta, yang mencerminkan perkembangan ekspot yang lemah hampir-hampir sepanjang tahun 1972 dan juga dengan bertambahnya impot. Walau bagaimanapun, kurangan kira-kira semasa ini akan turun dalam tahun 1973. Lebihan impot ke atas ekspot telah lebih dari sepenuhnya diatasi oleh kemasukan modal. Kerajaan tidak mengalami kesusahan dalam memperolehi pinjaman dengan syarat-syarat pasaran yang baik di pasaran-pasaran modal asing. Pelabur-pelabur swasta asing memperlihatkan minat baharu dalam pasaran saham Malaysia.

9. Tinjauan bagi tahun 1973 adalah berdasarkan kepada kenaikan permintaan dunia yang berterusan dan perkembangan permintaan pelaburan sektor-awam yang tidak terganggu. Kadar pertumbuhan keseluruhan adalah diramalkan 8 hingga 9% dari segi nominal dan kira-kira 6% dalam segi sebenar. Walau bagaimanapun, perkembangan permintaan yang agak cepat dalam tahun 1973 ini tidak akan menghabiskan keupayaan-keupayaan produktif, dan dengan itu adalah dijangka bahawa tidak ada kesusahan tambahan inflasi yang akan berlaku kepada ekonomi negara.

RAJAH 1

# KELUARAN NEGARA KASAR



SUMBER: JABATAN PERANGKAIAN

## I. EDARAN PERNIAGAAN MALAYSIA

10. Keadaan ekonomi sekarang ini lebih jelas dikaji dari segi jangkamasa yang lebih luas. Sebagaimana ternyata di Rajah 1 pertumbuhan yang perlahan pada tahun 1971/1972 berlaku selepas keadaan melambung dalam tahun 1969/1970. Ini sejajar dengan pengalaman di masa-masa yang lampau. Tahun-tahun pertumbuhan ekonomi yang giat (1959/60, 1964/65 dan 1969/70) pada lazimnya diikuti pula dengan keadaan ekonomi yang kurang berkembang dalam tempuh selama lebih kurang tiga tahun. Walaupun sejarah tidak berulang secara tepat, namun terdapat persamaan tertentu pada permintaan dan pengeluaran. Dengan itu bolehlah dikatakan ekonomi Malaysia biasanya mengalami edaran perniagaan antara 4-5 tahun dan hampir keseluruhan tahun 1972 merupakan sebahagian dari keadaan perkembangan yang perlahan selepas keadaan melambung tahun 1969. Pemulihran yang telah menjadi nyata dalam masa pertengahan tahun 1972 mengesahkan corak edaran yang dialami pada masa lampau.

11. Edaran perniagaan Malaysia mencerminkan kenaikan dan kejatuhan perdagangan dunia yang terutamanya disebabkan oleh perkembangan permintaan dan pengeluaran oleh negara-negara perusahaan. Rajah 2 menunjukkan dengan jelasnya keadaan turun naik yang melampau dalam eksport Malaysia yang terlampau. Tahun-tahun pertumbuhan perdagangan dunia yang agak pesat (1959, 1964/65, 1968/69) biasanya bertembung atau tidak lama kemudiannya diikuti oleh eksport Malaysia yang melambung, manakala pada tahun-tahun pertumbuhan perdagangan dunia yang perlahan (1966/67, dan 1970/71) eksport Malaysia bertembung atau diikuti dengan kejatuhan mutlak. Keadaan eksport yang terlampau bergantung hanya kepada beberapa bahan-bahan mentah untuk pengeluaran perusahaan luar negeri sangatlah nyata. Eksport barang utama (getah, bijih timah dan kayu kayan) yang masih menyumbangkan lebih daripada dua pertiga jumlah eksport barang keseluruh sangatlah bergantung pada perkembangan pengeluaran dan penyimpanan stok-stok perniagaan di negara-negara perusahaan utama. Apabila perkembangan ekonomi di negara-negara perusahaan mula melambung, adalah menjadi kebiasaan untuk menambahkan simpanan stok bahan-bahan mentah. Sebaliknya apabila pengeluaran perusahaan kurang pesat, pengusaha-pengusaha menganggap simpanan stok mereka terlalu banyak dan seterusnya berhenti atau mengurangkan pembelian bahan-bahan mentah. Keadaan seperti ini selalunya diikuti dan diperkuatkan lagi oleh keadaan harga turun naik yang melampau dan bercorak sepekulasi.

12. Keadaan turun naik eksport mempunyai kesan yang besar ke atas ekonomi Malaysia kerana permintaan eksport merupakan kira-kira satu pertiga jumlah permintaan barang-barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan. Perkembangan eksport kemudiannya diikuti dengan keadaan turun naik yang besar dalam keluaran negara kasar (Rajah 2). Pada umumnya bolehlah dikatakan edaran perniagaan Malaysia adalah "diimpol". Keadaan turun naik ekonomi Malaysia pada jangka pendek menunjukkan pertalian yang rapat dengan keadaan perniagaan di negara-negara perusahaan utama. Tahun-tahun tatkala eksport melambung dan pengeluaran meningkat dengan pesat (seperti dalam tahun 1965 dan 1969) selalunya berlaku selepas perkembangan pesat di Eropah dan di Jepun (1963/1964 dan 1968/1969) yang dipengaruhi pula oleh pemulihran di Amerika Syarikat. Demikian juga tahun-tahun tatkala eksport merosot (1961, 1967 dan 1971) yang mana bertembung atau mengikuti dengan rapatnya dengan kemerosotan di Amerika Syarikat (1961, 1967 dan 1970) atau di Eropah (1967 dan 1971). Keadaan bergantung kepada eksport ini telah agak berkurangan dalam tahun enam puluhan tetapi perkembangan ekonomi dari tahun ketujuh masih dipengaruhi oleh keadaan permintaan eksport yang turun naik.


13. Pengaruh permintaan eksport yang tidak menyertabikan biasanya mendatangkan perubahan pada lain-lain sektor ekonomi utama. Ini boleh digambarkan dengan jelas dalam konteks edaran 1968-1972:

- (a) Permintaan pelaburan swasta lazim mengikuti permintaan eksport dengan jarak setahun kemudian. Selepas perlambungan eksport pada tahun 1969 negara mengalami keadaan lambungan pelaburan terbesar dalam sejarah (Rajah 2). Dengan kejatuhan eksport dan pertumbuhan perlahan pada KNK dalam tahun 1971 dan 1972, pelabur-pelabur hampir memberhentikan penambahan upaya mereka (*lihat perenggan 54-56 di bawah*).

RAJAH 2

## EDARAN PERNIAGAAN MALAYSIA

- % PERTUKARAN DARI TAHUN LALU, MALAYSIA BARAT -



- (b) Impot yang meningkat dengan pesatnya dalam tahun 1970 semasa pelambungan pelaburan berkembang dengan lebih perlahan dalam tahun 1971 dan 1972. Ini seperti biasa mengakibatkan perubahan kedudukan imbangan perdagangan Malaysia yang biasanya menunjukkan lebihan yang terbanyak pada tahun-tahun permulaan dalam edaran yang dipengaruhi oleh eksport (seperti 1969 atau 1965) dan lebihan yang agak kecil pada masa akhir edaran (seperti dalam tahun 1972 dan 1967).
- (c) Gunatenaga nampaknya lebih lambat berubah dengan jarak masa yang lama sedikit dari pelaburan dan impot. Dengan demikian pertumbuhan gunatenaga adalah cepat dalam tahun 1971 meskipun terdapat perkembangan pengeluaran yang perlahan sahaja. Pertumbuhan gunatenaga menjadi perlahan hanya pada awal tahun 1972. Seperti yang dialami oleh negara-negara asing, upaya pengeluaran yang baharu dipasang akan mengambil masa untuk dikendalikan. Majikan biasanya akan menunggu sehingga pengeluaran berkembang dengan perlahan sebelum memberhentikan pengambilan pekerja-pekerja baharu atau mula mengurangkan kakitangan yang sedia ada.
- (d) Hasil cukai juga biasanya mengikut perkembangan edaran permintaan dan pengeluaran, dengan cukai tidak langsung (terutama sekali cukai eksport) mempunyai reaksi yang awal dan diikuti dengan hasil cukai pendapatan yang mengikut dengan jarak masa di antara satu hingga dua tahun. Pertumbuhan hasil cukai pendapatan yang perlahan bagi tahun 1972 bolehlah dikatakan sebagai akibat dari perkembangan ekonomi yang lebih perlahan dan keuntungan yang rendah selepas tahun 1970 (perenggan 44-48).

## II. EKONOMI DUNIA DAN PERMINTAAN UNTUK EKSPOT DARI MALAYSIA

14. Ekonomi-ekonomi perusahaan Amerika Utara, Eropah Barat dan Jepun, ke mana hampir-hampir 2/3 daripada barang-barang ekspot Malaysia dihantar, mengalami perkembangan yang meningkat, inflasi berterusan dan kekecohan yang agak berkurangan dalam keadaan wang antarabangsa pada tahun 1972. Kenaikan pada keseluruhananya yang cidorongi oleh dasar-dasar fiskal dan kewangan dimulai oleh ekonomi Amerika Syarikat yang menghampiri keadaan melambung pada penghujung tahun 1972, setelah mengalami permulaan pemulihan yang agak perlahan dalam tahun 1971. Di Eropah dan Jepun pemulihan ini jelas kelihatan dalam separuh tahun 1972. Arah aliran ini amat kuat di Perancis, Jerman dan Jepun, dan agak berkurangan di United Kingdom dan Itali. Pada keseluruhananya, ini telah mengurangkan keupayaan-keupayaan perusahaan yang tidak digunakan dan simpanan-simpanan bahan-bahan mentah perusahaan, yang mengakibatkan pelabur-pelabur lebih optimis. Akibat daripada itu impot negara-negara perusahaan daripada negara-negara membangun telah mula meningkat dengan pesatnya sebagaimana yang lazim pada masa perkembangan perusahaan yang pesat. Ini telah disertai oleh pemulihan kuat harga-harga bahan mentah, yang sekurang-kurangnya dapat menampung sebahagian dari kerugian nisbah impot-ekspot yang dialami oleh negara-negara membangun dalam tahun-tahun 1970 dan 1971 disebabkan kenaikan pesat bagi kos jentera dan alat-alat pelaburan yang diimpot.

15. Tahun 1972 telah menunjukkan satu pemulihan yang kuat dalam permintaan dan pengeluaran Amerika Syarikat, iaitu berikutnya dengan dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berkembang yang telah dilaksanakan dalam tahun 1971. Pelaburan swasta dalam bidang-bidang perkilangan dan perumahan terutamanya ikut meningkat dengan pesatnya. Dengan pengeluaran yang lebih tinggi (Rajah 3) penggunaan keupayaan meningkat, membolehkan pengeluar-pengeluar melambatkan kadar kenaikan-kenaikan harga. Ini dan pembekuan upah-harga yang dimulakan dalam bulan Ogos 1971, telah mengurangkan inflasi selepas kenaikan harga tertinggi dalam tahun 1970/71. Walau bagaimanapun, harga-harga pengguna naik lebih kurang 3% dalam tahun 1972, dan ini melebihi inflasi yang dialami sehingga pertengahan tahun enam puluhan (Jadual 2.3).<sup>1</sup> Meskipun terdapat kenaikan harga dalam negeri yang perlahan dan devaluasi ringgit Amerika terhadap matawang-matawang yang penting, imbalan perdagangan Amerika Syarikat mengalami satu kekurangan dalam tahun 1972, iaitu dua kali ganda besarnya daripada tahun kerisik 1971. Ini adalah sebahagiannya disebabkan oleh penyelesaian kadar pertukaran yang mengambil masa untuk melahirkan kesan-kesan ke atas imbalan perdagangan dan sebahagiannya pula oleh kerana penanding-penanding Amerika telah menurunkan harga-harga jualan mereka untuk mengurangkan kesan-kesan kenaikan nilai matawang mereka.

16. Impot Amerika Syarikat meningkat dengan banyak dalam tahun 1972. Ini merupakan reaksi biasa semasa pemulihan perusahaan. Lagi pun, devaluasi ringgit Amerika menyebabkan barang-barang impot menjadi lebih mahal. Pembelian-pembelian Amerika daripada Malaysia yang telah merosot semenjak pertengahan tahun 1969 mula meningkat naik di awal tahun 1972 ini. Pemulihan ekspot Malaysia ke Amerika Syarikat walau bagaimanapun tidaklah sangat mengejut (Rajah 4). Perkembangan dalam tahun 1972 menyerupai perkembangan di akhir tahun 1967 dan separuh pertama tahun 1968 apabila pengeluaran perusahaan di Amerika Syarikat meningkat dengan pesat, sementara permintaan Amerika Syarikat untuk ekspot dari Malaysia hanya meningkat selepas pertengahan tahun 1968.


17. Pemulihan ekonomi Eropah ketinggalan dibelakang pemulihan Amerika Syarikat, tetapi nampaknya telah dapat mengatasi tempuh kebekuan yang bermula pada pertengahan tahun 1970 dan telah mula menjadi satu proses perkembangan yang saling menguatkan. Pemulihan ini berlaku awal dan kuat terutamanya di Perancis dan agak terlambat dan teragak-agak di Jerman Barat. Kadar pertumbuhan di United Kingdom telah meningkat semenjak pertengahan tahun 1972. Walau bagaimanapun, permogokan baharu telah melambatkan kegiatan-kegiatan pengeluaran dan dengan itu tekanan-tekanan kuat terhadap upah dan harga-harga pengguna terus berlanjut (Jadual 2.3). Dalam bulan November, Kerajaan British mengemukakan satu pembekuan ke atas upah dan harga.

<sup>1</sup> Lihat Lampiran Perangkaan, muka surat 55.

RAJAH 3

**PENGELUARAN PERUSAHAAN  
DINEGARA UTAMA**

— ANGKA TUNJUK 1963 = 100, MUSIM DISELARASKAN —




<sup>1</sup> AMERIKA UTARA, EROPA BARAT DAN JEPUN  
<sup>2</sup> ANGARAN TERSENDRIRI

SUMBER: OECD

RAJAH 4

# EKSPOT BARANGAN MALAYSIA

- JUTA, KADAR SUKU TAHUNAN -



I ANGKARAN TERSENDIRI

SUMBER: JABATAN PERANGKAAN

18. Eksport Malaysia ke pasaran Eropah Barat yang merupakan 1/5 daripada jumlah eksport, telah mula mencerminkan satu pemulihan dalam pengeluaran perusahaan Eropah Barat, setakat memberhentikan kejatuhan eksport Malaysia (Rajah 4). Tetapi pemulihan ekonomi Eropah yang baharu bermula itu setakat ini belum dapat menambahkan eksport Malaysia dengan kadar yang sama seperti yang telah berlaku semasa pelabuhan dalam tahun 1968/69 di Eropah. Patutlah diperhatikan bahawa eksport Malaysia ke Eropah mengandungi barang-barang buatan yang kian bertambah. Ini ada kaitannya dengan dasar EEC yang menurunkan sekatan-sekatan tarif sebanyak 15% bagi negara-negara yang sedang membangun.

19. Kebekuan pengeluaran di Jepun yang bermula kira-kira pada pertengahan tahun 1970 yang mendatangkan kejatuhan pembelian Jepun yang besar dan lama dari Malaysia (Rajah 4) telah bertukar kepada satu pemuliharaan baharu. Kadar pertumbuhan dalam tahun 1972 dianggarkan sebanyak 8%, dan ini masih rendah dari pertumbuhan pesat dalam masa sepuluh tahun yang lampau (Jadual 2.1). Oleh kerana keimbangan yang bertambah terhadap kos suasana pertumbuhan pengeluaran di Jepun dan oleh kerana sekatan terhadap pertumbuhan pesat bagi eksport perusahaannya telah mula timbul, mungkin sekali perkembangan perkilangan jangka panjang di Jepun akan mula jadi perlahan. Ini akan menyekatkan perkembangan impot bahan-bahan mentah untuk perusahaan. Kenaikan nilai yen sebanyak 15% pada akhir tahun 1971 mungkin akan menguatkan perubahan ini dalam arah-aliran jangka panjang. Pembelian Jepun daripada Malaysia adalah sebanyak kira-kira 18% daripada jumlah eksport Malaysia. Pembelian ini biasanya berkembang lebih cepat dari jumlah eksport. Walau bagaimanapun, sejak akhir tahun 1969 eksport Malaysia ke Jepun telah berkurban. Eksport ini tidak berkembang pada hampir keseluruhan tahun 1972, sungguhpun pemuliharaan kegiatan dalam negeri telah menyebabkan pembelian getah dan kayu kayaan bertambah dalam separuh kedua tahun 1972. Pembelian bahan mentah yang bertambah ini oleh pengeluar-pengeluar Jepun nampaknya telah dipercepatkan oleh spekulasi mengenai kenaikan nilai yen yang kedua. Spekulasi ini telah didorong oleh lebihan yang banyak dan berterusan dalam imbangan perdagangan Jepun.

20. Lebih 1/3 dari eksport-eksport Malaysia diantar ke negara-negara yang lain daripada negara-negara perusahaan dan ekonomi yang maju di Amerika Utara, Eropah Barat dan Jepun. Di antara tempat-tempat itu ialah ekonomi berancang seperti Russia, Eropah Timur dan Republik Rakyat Cina. Walau bagaimanapun, pembelian-pembelian mereka ini telah turun naik dengan banyaknya dalam masa yang lampau. Keadaan yang sama berlaku dalam tahun 1972 apabila Republik Rakyat Cina selepas mengadakan perundungan perdagangan dengan Malaysia, telah mula menambahkan pembelian getah, yang menyebabkan eksport Malaysia ke Cina boleh jadi bertambah dua kali ganda daripada tahun 1971. Sebaliknya pembelian-pembelian Eropah Timur (termasuk Russia) daripada Malaysia telah jatuh sebanyak satu perempat. Eksport Malaysia ke Thailand, Indonesia dan Filipina serta eksport-eksport sebenar ke Singapura tidaklah berkembang sebegini pesat buat masa-masa yang lampau jika dibandingkan dengan perkembangan jumlah eksport. Sebahagiannya adalah akibat daripada penghususaan Malaysia sebagai sebuah negara pengeksport bahan mentah, dan sebahagian yang kian besar ialah akibat daripada dasar-dasar penggantian impot yang sama dengan negara-negara Asia Tenggara lain. Sehingga sekarang, perdagangan serantau tidaklah memainkan peranan yang penting, terutama sekali dalam bidang perdagangan yang mengutamakan barang-barang buatan.

### **Perkembangan-perkembangan Kewangan Antarabangsa**

21. Tahun 1972 merupakan tahun yang lebih tenang dalam suasana kewangan antara bangsa dari tahun-tahun sebelumnya. Perjanjian Smithsonian, yang dicapai di akhir tahun 1971, mengakibatkan kadar pertukaran matawang-matawang utama hampir kepada kesimbangan. Ini telah membawa kepada kenaikan nilai matawang Yen Jepun sebanyak 16.9%, D-mark sebanyak 13.6% dan Sterling sebanyak 8.6%. Matawang-matawang daripada kebanyakan negara-negara perusahaan dan juga negara-negara membangun telah dinaikkan nilainya berbanding dengan ringgit Amerika Syarikat. Tambahan pula, kebanyakan negara-negara mengambil lingkungan yang lebih luas bagi perubahan-perubahan kadar-pertukaran pasaran di sekitar nilai-nilai setara yang kukuh (dalam kebanyakan kes ialah 4.5%), yang telah membantu mengurangkan kesan pergerakan-pergerakan jangka pendek matawang. Selanjutnya, negara-negara perusahaan utama memperbaiki lagi kawalan-kawalan ke atas pergerakan-pergerakan modal untuk mengurangkan kemungkinan

terjadinya krisis matawang utama yang berterusan. Satu faktor yang membantu mengurangkan ketegangan-ketegangan kewangan antarabangsa ialah paras harga Amerika Syarikat yang naik lebih perlahan daripada Eropah Barat dan Jepun, dengan itu pergerakan-pergerakan tingkat harga dalam negeri menguatkan kesan devaluasi ringgit Amerika Syarikat dan revaluasi matawang Eropah dan Jepun.

22. Bertentangan dengan latarbelakam yang lebih berkeseimbangan ini, dua tumpuan ke atas ketidakimbangan menjadi jelas disepanjang tahun ini. Sterling, yang telah pun dinaikkan nilainya sebanyak 8.6% jika dibandingkan dengan ringgit Amerika Syarikat pada penghujung tahun 1971, mendapat tekanan baharu apabila keadaan inflasi dalam negeri tidak berkurangan dan apabila pemogokan-pemogokan baharu membayangkan kemungkinan kenaikan kos di masa hadapan. Penghapusan tarif yang beransur akibat daripada kemasukan Britain ke dalam EEC mungkin juga menjadi faktor selanjutnya yang menyebabkan orang-orang awam mendugakan bahawa adanya satu lagi devaluasi Kerajaan Britain bertindak terhadap tekanan-tekanan ini pada tanggal 23hb Jun dengan membuat kadar pertukaran Sterling lebih longgar. Kadar tersebut mulai turun kepada \$2.35 ringgit Amerika Syarikat sepound pada akhir bulan November. Bidang ketidakimbangan kedua ialah yen, kerana lebihan eksport Jepun terus bertambah walaupun terdapat kenaikan nilai yen yang tinggi. Walau bagaimanapun, pergerakan spekulasi yang baharu terhadap yen tidak begitu kuat untuk menjelaskan sistem kewangan seluruhnya.

23. Disepanjang krisis matawang, Malaysia mengikuti haluan yang sama dan jelas, yang telah diikuti semenjak tahun 1959. Kerajaan telah mengekalkan nilai emas ringgit Malaysia pada 0.290299 gram emas tulin. Dengan adanya paras cadangan yang kukuh dan keseimbangan dalam imbalan pembayaran, Kerajaan tidak mempunyai sebab langsung untuk menukarca haluannya. Dengan kejatuhan nilai Sterling, bahagian Sterling dalam cadangan luar negeri kita akan berkurangan nilainya. Menteri Kewangan telah menghubungi Canselor Exchequer British lama sebelum apungan Sterling meminta supaya Perjanjian Jaminan Sterling diperbaharui dengan memberi jaminan supaya cadangan-cadangan Sterling kita dinilaikan pada kadar ringgit Amerika Syarikat selepas perjanjian Smithsonian. Oleh kerana permintaan ini tidak dipersetujui, Malaysia tidak mempunyai pilihan lain untuk memperlindungkan pertukaran wang luar melainkan keluar dari Sterling. Berikut dengan ini campurtangan pertukaran resmi pasaran sekarang diuruskan dalam ringgit Amerika Syarikat.

#### **Pecahan Ekspot-ekspot Barang**


24. Kejatuhan ekspot Malaysia sejak tahun 1970, sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh aliran harga yang menurun di dalam pasaran getah. Permintaan dan harga-harga getah adalah berkait rapat dengan perkembangan-perkembangan perusahaan yang perlahan, seperti biasa, dengan kejatuhan mutlak yang besar. Akibatnya, nilai eksport getah Malaysia telah jatuh dengan banyaknya dari pertengahan tahun 1969 hingga pertengahan tahun 1972 (Jadual 3.2). Eksport getah Malaysia pada akhir tempuh meleset, iaitu 50% lebih rendah daripada kemuncaknya dalam tahun 1969. Kesan daripada kejatuhan dalam pasaran getah ke atas keseluruhan ekonomi Malaysia adalah sangat besar, ini adalah kerana 30% daripada pendapatan eksport dan kira-kira 15% daripada jumlah pengeluaran mempunyai hubungan langsung dengan getah. Kepentingan perubahan dalam harga getah ke atas keseluruhan ekonomi Malaysia boleh digambarkan dengan hakikat bahwa sekiranya berlaku perubahan harga getah sebanyak 8% bermakna perubahan sebanyak 1% dalam Keluaran Negara Kasar Malaysia. Dari pertengahan tahun 1969 hingga pertengahan tahun 1972, harga getah telah jatuh kira-kira 45%.

25. Jumlah dan nilai eksport getah dalam tempuh separuh tahun pertama tahun 1972 adalah masih rendah daripada tingkat kemerosotan yang dialami dalam tahun 1971. Jumlah eksport, yang meningkat dalam tahun 1971, telah terbantut dalam tahun 1972 akibat harga rendah. Walau bagaimanapun, telah berlaku satu pemuliharan yang pesat terhadap permintaan dan harga getah dalam masa separuh kedua tahun 1972 (Rajah 5). Ini boleh ditafsirkan sebagai satu hasil pemuliharan dalam negara-negara perusahaan dan kecenderungan pembelian baharu daripada negara-negara Sosialis dan negara-negara lain yang telah didorong oleh usaha-usaha jualan baharu Malaysia. Ada kemungkinannya bahawa corak yang telah lepas itu akan berulang dan harga getah akan sampai kepada kemuncaknya dalam tahun 1973 seperti yang telah berlaku dalam tahun-tahun 1960,

RAJAH 5

## HARGA EKSPOT UTAMA

— PURATA SUKU TAHUNAN —

<sup>1</sup> f.o.b. Kuala Lumpur<sup>2</sup> f.o.b. Penang<sup>3</sup> c.i.f. London

4 Angsuran Tersendiri

1965 dan 1969. Aliran harga jangka panjang bagi masa lampau menunjukkan kejatuhan sebanyak 4 hingga 5% tiap-tiap tahun akibat persaingan getah tiruan. Dengan kos minyak mentah yang lebih tinggi serta kos yang meningkat untuk mengurangkan kesan-kesan suasana yang ujud dari perusahaan kimia, mungkin aliran harga getah yang menurun di masa lepas tidak akan berterusan di masa hadapan. Walau bagaimanapun, perusahaan getah asli mestilah mengkalkulan usahanya untuk memperbaiki daya pengeluaran supaya dapat mempertahankan kedudukan persaingannya dalam pasaran.

26. Ekspot bijih timah yang merupakan bahan ekspot yang kedua besarnya di Malaysia (20% daripada jumlah ekspot) tidak berkembang, tetapi nampaknya mula meningkat di akhir tahun 1972. Harga bijih timah menghadapi tekanan sejak tahun 1971 dan hampir seluruh tahun 1972, tetapi kejatuhan harga telah berkurangan. Ada kecenderungan dalam pasaran dunia ke arah bekalan bijih timah yang berlebihan. Mesyuarat Majlis Bijih Timah Antarabangsa yang telah berlangsung di Jakarta pada bulan Oktober 1972, telah memutuskan bahawa keadaan pasaran boleh dikawal tanpa menggunakan sekatan-sekatan kuantiti atas ekspot bijih timah. Jumlah ekspot dari Malaysia tidak berkembang pada beberapa tahun yang lampau sebahagiannya akibat dari kehabisan punca-punca yang diketahui.

27. Minyak kelapa sawit dan kayu-kayan merupakan bahan-bahan ekspot yang agak baharu jika dibandingkan dengan dua bahan ekspot yang utama iaitu getah dan bijih timah. Semenjak akhir tahun 1968 Malaysia telah mengalami satu keadaan melambung dalam ekspot-ekspot minyak kelapa sawit yang dapat menampung sebahagian daripada kemerosotan yang berlaku dalam perkembangan yang tak memuaskan dalam perusahaan getah. Usaha untuk memperbaiki ekspot pertanian telah dibantu oleh paras harga yang tinggi bagi lemak dan minyak makanan dalam pasaran dunia pada penghujung tahun enam puluhan, ini adalah akibat daripada kegagalan tanaman di tempat-tempat lain di dunia. Kejatuhan harga minyak kelapa sawit sejak pertengahan tahun 1971 dan hampir keseluruhan tahun 1972 mungkin mencerminkan satu peroses biasa terhadap perkembangan pesat pengeluaran minyak kelapa sawit di Malaysia dan negara-negara lain. Adalah nyata bahawa kelapa sawit ialah satu jenis tanaman yang menguntungkan walaupun pada paras harga yang lebih rendah yang diduga pada masa hadapan. Kesan ekonomi dari perusahaan minyak kelapa sawit sedang diperluaskan begitu pesat berikut dengan aliran mengikuti minyak kelapa sawit dalam keadaan yang telah diperoses. Khususnya ekspot minyak isi kelapa sawit telah bertambah dengan pesatnya. Aliran ini telah dibantu oleh cukai ekspot isi kelapa sawit yang diganda dari 10% kepada 20% pada 27hb Julai, 1972.

28. Ekspot-ekspot kayu-kayan yang telah mengalami kemerosotan di waktu ekonomi Jepun sedang meleset dalam tahun 1971, telah mula meningkat naik dalam tahun 1972. Sejak pertengahan tahun 1972 harga-harga kayu-kayan telah naik dengan pesatnya, dengan yang demikian, perusahaan kayu-kayan terutamanya di Sabah harus pulih semula daripada kemerosotan yang berlaku dalam tahun 1971. Krisis tahun 1971 ini telah menimbulkan kesan jangka panjang yang baik oleh kerana ia mengalih perhatian pengekspot-pengekspot daripada menumpukan hanya kepada pasaran-pasaran Jepun dan Korea Selatan, dan telah memulakan satu proses memperbaiki pasaran kawasan yang lebih luas. Di antara ekspot-ekspot kayu-kayan Malaysia Barat, keluaran papan sekaran ini sedang maju dengan pesatnya. Dalam tahun 1972, ekspot papan ialah lebih daripada 1/3 tingginya dari tahun kemerosotan 1971. Kenaikan yang pesat ini dapat mengujudkan pekerjaan-pekerjaan yang terjamin pada masa hadapan dan menunjukkan satu kejayaan Malaysia dari segi penyatuhan bahan mentah, iaitu kayu-kayan dengan lebihan buruh sebelum diekspot. Ini juga boleh dijelaskan secara kebetulan oleh berbagai-bagai faktor lain. Faktor-faktor ini termasuklah kenaikan permintaan perusahaan dan pembinaan dari seberang laut; usaha-usaha penjualan daripada badan pengekspot kayu-kayan Malaysia, terutama sekali di pasaran-pasaran yang belum ditumpukan sebelumnya; mutu pengeluaran bagi ekspot yang bertambah baik dan pengenaan cukai ekspot kayu balak dari Malaysia Barat yang dikenakan dalam Belanjawan 1972, yang memberi galakan tambahan untuk menukar ekonomi ekspot balak kepada pengeluaran barang-barang buatan daripada kayu-kayan.

29. Kemajuan yang pesat dalam ekspot keluaran kayu-kayan merupakan satu daripada contoh yang terkemuka tentang kejayaan memindahkan ekspot Malaysia dari bahan mentah kepada keluaran-keluaran yang diperoses. Tetapi kejayaan ini bukan sekata ini sahaja. Ekspot kain misalnya adalah 77% lebih tinggi dalam separuh pertama tahun 1972 daripada tahun sebelumnya. Ekspot barang-barang perkilangan pada keseluruhannya telah bertambah dalam beberapa tahun yang lepas dengan kadar lebih kurang dua kali ganda tingginya daripada kadar jumlah ekspot (purata 1968-1972 lebih kurang 18% setahun). Selepas perkembangan yang agak perlana dalam tahun 1971, ekspot barang perkilangan (tidak termasuk logam timah yang secara perangkaan dikira sebagai barang perkilangan) telah bertambah hampir 30% dalam tahun 1972 (Jadual 3.3). Sumbangannya dalam jumlah ekspot sekarang ini menghampiri 10%. Pertumbuhan pesat ini adalah penting dalam strategi pembangunan keseluruhannya. Ini menunjukkan bahawa perusahaan

Malaysia, berlainan dari pengalaman kebanyakan lain-lain negara membangun, sedang pesat beralih daripada penggantian impot kepada perbaigan ekspot. Perusahaan yang berorientasikan ekspot mempunyai kemungkinan yang besar untuk menjadi daya penggerak utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia, iaitu dengan menggunakan tenaga buruh Malaysia berserta dengan punca-punca hasil bumi asli, dibantu pula oleh keadaan ekonomi dan politik yang setabil dan paras kos yang rendah.

#### **Ekspot Perkhidmatan**

30. Lebih kurang \$600 juta atau 12% daripada jumlah ekspot Malaysia terdiri daripada perkhidmatan-perkhidmatan. Di samping kejatuhan pesat perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada asykar-asykar British, semasa pengunduran mereka dalam tahun 1966/67, ekspot perkhidmatan menunjukkan kenaikan yang pesat jika dibandingkan dengan ekspot barang-an. Ini sejajar dengan pengalaman bagi kebanyakan negara-negara lain. Satu kategori yang terutamanya sedang meningkat naik dari segi pendapatan pertukaran asing ialah pelancungan (Jadual 3.6). Dalam tahun 1971 dan 1972, jumlah pelancung-pelancung yang datang ke Malaysia telah meningkat hampir 30% setahun. Kenaikan yang pesat ini menunjukkan ada kemungkinan kejayaan yang besar untuk perusahaan ini yang banyak menggunakan buruh. Malaysia mempunyai prasyarat-prasyarat yang baik untuk pembangunan perusahaan pelancungan seperti keindahan-keindahan semula jadi, kawasan-kawasan lapang yang luas, infrastruktur terbaik dalam perkhidmatan-perkhidmatan udara dan jalanraya, hotel-hotel taraf tinggi, taraf kesihatan yang baik dan satu adukan kebudayaan-kebudayaan Asia yang utama. Kemungkinan kejayaan ini hanya baharu sedikit sahaja diperusahakan jika Malaysia dibandingkan dengan negara tetangga Singapura dan Thailand. Satu lagi aliran terkemuka jangka panjang dalam kira-kira perkhidmatan ialah Malaysia, berlainan dari kebanyakan negara-negara membangun, mempunyai pendapatan yang meningkat lebih cepat daripada pembayaran dalam bidang pelaburan (Jadual 3.6).

31. Satu perkhidmatan penting yang Malaysia masih banyak memperolehi dari luar negeri ialah pengangkutan dan insuran. Kos pertukaran asing bagi bidang-bidang ini telah naik lebih kurang 35%, dalam tempuh tiga tahun yang lepas, walaupun terdapat pertumbuhan yang agak perlahan dalam jumlah perdagangan luar negeri dalam tempuh ini. Bahagian terbesar daripada kenaikan ini adalah disebabkan oleh kenaikan kadar-kadar bayaran pengangkutan oleh perhubungan perkапalan, yang bukan sahaja telah menaikkan bayaran pertukaran wang Malaysia tetapi juga mendatangkan satu behan ke atas perusahaan ekspot Malaysia. Sebagai contoh, kos perkapanan satu tan minyak kelapa sawit dari Malaysia Barat ke London telah berganda di antara 1969 dan 1972. Oleh kerana minyak kelapa sawit (dan kebanyakan ekspot-ekspot utama Malaysia) dijual di pasaran-pasaran yang mempunyai pertandingan hebat dan di kuasai oleh pembeli-pembeli negara perusahaan, kebanyakan dari kenaikan kos pengangkutan dan insuran terpaksa ditanggung oleh perusahaan ekspot dan ekonomi Malaysia keseluruhannya. Sebagai tindak balas terhadap keadaan ini Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.) telah dilancarkan dengan tujuan untuk mengambil bahagian di dalam perdagangan pengangkutan. Hingga akhir tahun 1972, dua belas buah kapal telah mula digunakan dan ini akan dapat mengurangkan dengan banyaknya kurangan yang besar yang lama terdapat dalam kira-kira perkhidmatan Malaysia. (Jadual 3.7).

### III. PERMINTAAN DALAM NEGERI—AWAM DAN SWASTA

#### (a) Permintaan Sektor Awam

32. Dalam tahun 1972, permintaan sektor awam yang bertambah sebanyak 20% dari tahun 1971 terus menjadi kuasa utama dalam perkembangan ekonomi yang mungkin tidak berkembang tanpa pertumbuhan permintaan awam ini. Aliran ini menolong mengawal kesan kejatuhan eksport ke atas ekonomi dalam negeri, walaupun sektor awam ini agak kecil (lebih kurang 1/5 dari jumlah permintaan) dan tidak boleh berubah dengan mudahnya untuk mengendurkan pergolakan dari luar sepenuhnya.

33. Satu perkara yang menarik perhatian ialah bahawa kejatuhan yang berlanjut dalam permintaan eksport pada tahun 1971 dan 1972 hanya memperlakukan perkembangan ekonomi. Ini bertentangan dengan pengalaman di tahun-tahun lima puluhan dan di awal enam puluhan, apabila kejatuhan edaran dalam permintaan eksport telah membawa kepada kemerosotan keseluruhannya (*Ihhat Rajah 2*). Perubahan dalam keadaan keseluruhan ekonomi ini seharusnya menimbulkan kesan sosial yang baik. Pekerjaan-pekerjaan menjadi lebih terjamin kerana pelabur-pelabur swasta bolch merancang berdasarkan perkembangan ekonomi yang lebih setabil. Jika tindakan penetabilan sektor awam bolch diulang, pelabur-pelabur swasta akan dapat mengkalkan keyakinan mereka di masa-masa perkembangan eksport pelahan atau kejatuhan dalam eksport dan seterusnya menolong menyetabilkan arah perkembangan mereka sendiri. Ini mengesahkan perhatian yang dibuat di negara-negara lain bahawa perkembangan yang setabil membawa perkembangan yang lebih cepat dalam jangka panjang.

34. Meskipun terdapat kesan anti-edaran perbelanjaan sektor awam yang banyak dan kena pula pada masanya dalam tahun 1970-1972, had-had tindakan anti-edaran sektor awam harusnya ditegaskan. Menekankan hanya peranan anti-edaran bagi perbelanjaan awam akan meletakkan sektor awam dalam peranan lebihan dan menggunakan keperluan dasar menahan—and—meneruskan perbelanjaan awam yang akan menyekat perjalanan projek-projek pembangunan yang seluruhnya mengambil masa yang panjang untuk dilaksanakan. Kerumitan selanjutnya bagi dasar anti-edaran di Malaysia terletak dalam kerumitan untuk meramalkan keadaan turun naik pasaran eksport dengan lebih awal untuk mengambil tindakan perbelanjaan awam bagi menentang edaran ini. Pengalaman di tempat-tempat lain menunjukkan adanya bahaya kerana sektor awam mungkin membuat tindakan yang sangat perlahan dan terlambat, dengan akibat menambahkan lagi turun naik permintaan swasta daripada mengurangkannya. Tambahan lagi, hampir kesemua perbelanjaan semasa adalah terikat oleh tanggungan di bawah undang-undang dan kebanyakkan projek-porjek pembangunan biasanya rumit disebabkan oleh sifat jangka panjangnya, dan yang demikian peranan sektor awam untuk menentang edaran dengan patuhnya mungkin terhad kepada mencepat atau melambatkan projek-projek kecil dan baruah sahaja.

35. Sebahagian dari kesan anti-edaran perbelanjaan sektor awam dalam tahun 1972 timbul dari projek-projek khas seperti perbelanjaan Sistem Penerbangan Malaysia, MAS (sebanyak \$150 juta) pembelian kapal-kapal oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia, MISC (\$112 juta), penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara (\$50 juta) dan pindahan kepada Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan (\$20 juta). Jika pembelian kapal laut dan kapal terbang dari seberang laut dikeluarkan (kerana pembelian ini melibatkan permintaan dalam negeri yang kecil sahaja), jumlah permintaan awam masih meningkat sebanyak 12% dan dengan ini memberi dorongan kepada ekonomi dalam negeri pada masa kemerosotan eksport dan tindakan pelabur-pelabur yang teragak-agak. Lagi pun, adanya bayaran tunggakan gaji guru-guru dan angkatan tentera sebanyak \$261 juta yang juga mempunyai kesan penetabilan pendapatan swasta.


#### Pelaburan Awam

36. Pelaburan tetap awam (tidak termasuk pembelian kapal terbang dan kapal laut dari seberang laut sebanyak \$262 juta) adalah 12% lebih tinggi dalam tahun 1972 daripada paras yang tinggi dalam tahun 1971. Untuk mengira kesan sektor awam ke atas permintaan keseluruhan, kesan pengeluaran pinjaman yang tinggi dalam tahun 1971 (*Jadual 7.2*) yang membawa kepada pelaburan dalam tahun 1972 seharusnya dikira juga. Sebahagian dari pelaburan ini dikira sebagai pelaburan swasta walaupun ianya berbangkit dari pinjaman-pinjaman dari Kerajaan. Oleh itu perbelanjaan Kerajaan keseluruhannya dalam tahun 1972 terus mendorong pelaburan walaupun kadar penambahan adalah agak kurang daripada kadar perkembangan yang pesat dalam tahun 1971

(Jadual 1.1). Meninjau jauh kehadapan maka bolehlah dikatakan bahawa perbelanjaan pembangunan (dan dengan pelaburan awam) masih menuju ke arah pertumbuhan pesat yang bermula pada tahun 1969, selepas hampir-hampir terhenti dalam tahun-tahun 1965-68 (Rajah 6). Dengan pindahan kebanyakan daripada perbelanjaan pertahanan daripada kira-kira pembangunan kepada kira-kira semasa dari Belanjawan tahun 1973, perbelanjaan pembangunan selanjutnya akan mencerminkan pelaburan awam dengan lebih tepat.

RAJAH 6

### PERBELANJAAN PEMBANGUNAN - \$ JUTA -



#### Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan

37. Kadar kenaikan yang lebih perlakuan dalam pelaburan awam pada tahun 1972 jelas kelihatan dalam kira-kira Kerajaan Persekutuan. Jumlah perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1972 dianggarkan sebanyak \$1,100 juta, iaitu 1.4% lebih dari paras dalam tahun 1971 (Jadual 1). Perbelanjaan pembangunan langsung daripada Kumpulan Wang Pembangunan tidak termasuk perbelanjaan pertahanan, masih lagi pada paras yang tinggi dalam

JADUAL I

## RINGKASAN KIRA-KIRA HASIL DAN PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

—5 juta—

	1969	1970	1971 <sup>1</sup>	1972(I) <sup>1</sup>	1972(II) <sup>1</sup>	1973(II) <sup>1</sup>
	Sebenar			Anggaran terakhir		Anggaran Belanjawan (atas kadar cukai sekarang)
<b>I. KIRA-KIRA HASIL</b>						
1.1a Hasil Belanjawan biasa ..	(a) 2,091 + 10.6	2,394 + 14.5	2,417 + 5.7	2,793 + 15.6	2,793	2,887 + 3.4
1.1b Tanpa butir-butir khas <sup>2</sup> ..	(a) (2,091) + 10.6	(2,394) + 14.5	(2,380) + 4.1	(2,608) + 9.6	(2,608)	(2,820) + 8.1
1.2a Perbelanjaan belanjawan biasa ..	(a) 1,982 + 4.3	2,222 + 12.1	2,458 + 13.3	2,897 + 17.9	3,036	3,155 + 3.9
1.2b Tanpa butir-butir khas <sup>3</sup> ..	(a) (1,982) + 4.3	(2,202) + 11.1	(2,435) + 13.3	(2,827) + 16.1	(2,966)	(3,155) + 6.4
1.3a Lebihan/kurangan kira-kira hasil yang disatukan ..	(b) 109	172	-41	-104	-243	-268
1.3b Lebihan/kurangan kira-kira hasil yang disatukan (tanpa butir-butir khas) ..	(b) (109)	(192)	(-55)	(-219)	(-358)	(-335)
1.4 Penyelesaian <sup>4</sup> ..	1.4a Hasil <sup>5</sup> .. - 2 + 49	1.4b Perbelanjaan <sup>6</sup> .. - 6 + 59	-1 + 60	-2 + 53	-2 + 53	-2 + 60
1.5a Lebihan/kurangan semasa ..	160	237	20	-49	-188	-206
<b>II. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PENGELOUARAN PINJAMAN BERSIH</b>						
2.1 Perbelanjaan kumpulan wang pembangunan ..	(a) 615 - 0.6	725 + 17.9	1,085 + 58.4	1,100 + 1.4	961	1,125 + 17.1
2.2 Tolak: Pengeluaran pinjaman kasar <sup>7</sup> ..	(a) 111 - 9.8	160 + 44.1	331 + 106.9	350 + 5.7	350	375 + 7.1
2.3 Perbelanjaan pembangunan langsung ..	(a) 504 + 1.6	565 + 12.1	754 + 43.6	750 - 0.5	611	750 + 22.7
2.4 Perbelanjaan pembangunan langsung tidak termasuk jumlah pertahanan ..	(b) 432 + 15.8	441 + 2.1	567 + 41.4	565 - 0.4	565	649 + 14.9
2.5 Pengeluaran pinjaman kerajaan:						
2.5a Pengeluaran pinjaman ..	111	163	331	350	350	375
2.5b Tolak: Bayaran balik ..	17	16	15	23	23	24
2.5c Pengeluaran pinjaman bersih ..	94	147	316	327	327	351
2.6 Jumlah perbelanjaan pembangunan dan pengeluaran pinjaman bersih ..	(a) 598 + 20.6	712 + 19.1	1,070 + 59.2	1,077 + 0.7	938	1,101 + 17.4
<b>III. PUNCA-PUNCA PEMBIAYAAN</b>						
3.1 Pinjaman bersih dalam negeri ..	379	308	676	736	736	803
3.2 Pinjaman bersih luar negeri ..	155	-2	344	305	305	200
3.3 Penerimaan-penerimaan khas ..	24	17	39	79 <sup>8</sup>	79 <sup>8</sup>	36 <sup>10</sup>
3.4 Lebihan/kurangan semasa ..	160	237	20	-49	-188	-206
3.5 Perubahan harta <sup>4</sup> ..	- 120	+ 152	-9	+ 6	+ 6	+ 268
3.6 Jumlah ..	598	712	1,070	1,077	938	1,101

<sup>1</sup> Dari tahun 1971 seterusnya tidak termasuk Talikom. Kadar pertukaran ke atas asas tahun 1970 tidak termasuk Talikom. Dalam belanjawan tahun 1973, perbelanjaan-perbelanjaan pertahanan tertentu tidak lagi di taraf sebagai perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan, tetapi, selaras dengan taraf antarabangsa, adalah termasuk di antara antara perbelanjaan biasa. Untuk membuat perbandingan di antara belanjawan tahun 1973 dengan belanjawan tahun 1972, belanjawan tahun 1972 di tunjuk dalam taraf baru (1972 (11)).

<sup>2</sup> Seperti pinjaman kepada perbadanan Lembaga Malaung.

<sup>3</sup> Seperti pinjaman kepada Persatuan Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan, dan Lembaga Pemasaran Beras.

<sup>4</sup> — = tambah; + = kurang.

<sup>5</sup> Tidak termasuk bayaran balik pinjaman (di tunjuk di bawah pengeluaran pinjaman bersih) tetapi termasuk hasil kumpulan wang penjelas hutang.

<sup>6</sup> Tidak termasuk capai kepada kumpulan wang penjelas hutang, bayaran bunga kepada lain-lain kumpulan wang Kerajaan, tetapi termasuk perbelanjaan kumpulan wang perbadanan harta.

<sup>7</sup> Termasuk beberapa kredit yang direkod di bawah perbelanjaan biasa.

<sup>8</sup> Tidak termasuk pinjaman dari kumpulan wang Kerajaan.

<sup>9</sup> Tidak termasuk penerimaan \$55 juta yang dianggarkan dari pemansuhan MSA.

<sup>10</sup> Termasuk penerimaan \$16 juta yang di anggarkan dari pemansuhan MSA.

tahun 1971. Perkembangan yang perlahan ini telah diimbangkan oleh pindahan dalam perkembangan pelaburan awam kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun dan dengan dorongan pinjaman Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1971. Dengan ini beberapa projek dapat dimulakan. Pindahan pelaburan awam kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun mencerminkan perluasan asas usaha pembangunan awam. Ini adalah perubahan yang penting dalam proses pembangunan, yang telah meresap dengan luasnya di luar lingkungan Kerajaan Persekutuan pada masa dua tahun yang lampau.

38. Rajah 6 menunjukkan perbandingan dalam perbelanjaan pembangunan dalam masa dua tahun yang pertama Rancangan Malaysia Kedua dengan matlamat minima yang asal. Bolehlah dilihat bahawa perbelanjaan pembangunan dalam kedua-dua tahun 1971 dan 1972, terutama sekali oleh badan-badan berkanun, melebihi matlamat minima dalam Rancangan itu. Sebahagian dari sebab-sebabnya ialah kenaikan kos pelaburan awam yang tidak diramalkan dan sebahagian besarnya disebabkan oleh kegiatan usaha untuk melaksanakan Rancangan dan untuk menghapuskan rintangan-rintangan kepada perlaksanaan ini. Oleh kerana projek-projek yang kukuh dari segi ekonomi telah bertambah dengan pesatnya dari apa yang diramalkan pada mulanya, matlamat bagi peruntukan Rancangan keseluruhannya boleh ditambahkan. Pembayaran tidak akan menjadi halangan dengan bertambahnya perkembangan pembangunan di mana projek-projek ekonomi terlibat.

### **Penggunaan Awam**

39. Penggunaan Kerajaan bertambah sebanyak 14% dalam tahun 1972. Ini disebabkan oleh perkembangan institusi yang berterusan dalam sektor awam dan bayaran tunggakan gaji yang dibuat dalam tahun 1972.

### **Kerajaan Persekutuan**

40. Perbelanjaan biasa Kerajaan Persekutuan, yang meningkat sebanyak 17.9% bertambah dengan banyaknya oleh semakan gaji guru-guru (\$150 juta) dan angkatan tentera (\$111 juta) dan bayaran balik dari Kumpulan Penceen Balu dan Anak Yatim (\$25 juta). Tambahan pula, pindahan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (\$50 juta) dan kepada Bahagian Pinjaman Perumahan (\$20 juta) telah dicatitkan sebagai perbelanjaan biasa. Dengan tiadanya butiran khas ini, perbelanjaan biasa Persekutuan mungkin telah meningkat hanya lebih kurang 41%.

41. Untuk meramalkan kesan ekonomi perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan pada tahun 1972, kesan dari semakan gaji seharusnya dimasukkan, tetapi tidak termasuk pindahan kepada Lembaga Padi dan Beras Negara dan pinjaman-pinjaman perumahan oleh kerana butir-butir ini akan mengambil masa yang panjang untuk menjadi permintaan berkesan. Kesan ekonomi perbelanjaan biasa Persekutuan dalam tahun 1972 diramalkan akan menambahkan permintaan pengguna Kerajaan Persekutuan sebanyak kira-kira 16% (Jadual 1). Ini adalah perkembangan yang besar. Dorongan seperti itu kepada penggunaan awam, terutama sekali menerusi pembayaran tunggakan gaji kepada pendapatan dan penggunaan swasta telah membawa kesan-kesan penyentabian yang baik. Walau bagaimanapun, kenaikan ini seharusnya dikaji dari segi kesimbangan jangka panjang dalam ekonomi dan Belanjawan Kerajaan Persekutuan yang seimbang. Sejak tiga tahun yang lampau (1969-72), perbelanjaan biasa Kerajaan Persekutuan meningkat lebih dari 50%. Ini adalah tiga kali ganda dari kenaikan keluaran negara. Kadar tambahan perbelanjaan penggunaan seperti itu dalam jangka yang lebih panjang tidak boleh diteruskan tanpa membebankan ekonomi.

42. Butir-butir perbelanjaan semasa yang telah meningkat dengan agak pesat ialah keselamatan, yang mengandungi kira-kira satu perempat dari jumlah perbelanjaan semasa, pelajaran, kesihatan dan bayaran bunga (Jadual 7.4). Perbelanjaan untuk pelajaran dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik diukur dari segi perangkaan sebagai perbelanjaan pengguna dan perbelanjaan semasa. Walau bagaimanapun, perbelanjaan-perbelanjaan itu bermaksud untuk menyediakan tenaga rakyat yang berkelayusan dan pada sebagiananya harus ditafsirkan sebagai perbelanjaan bagi pelaburan tenaga manusia yang mendorongkan pembangunan jangka panjang.

43. Kenaikan yang pesat dalam pembayaran bunga ialah akibat dari lebih banyaknya pelaburan awam yang dibayai menerusi pinjaman-pinjaman. Jumlah pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan meningkat dari \$184 juta dalam tahun 1960 kepada \$1,041 juta dalam tahun 1972

(Jadual 7.6). Dalam usaha mendapat pinjaman bagi pelaburan untuk pembangunan, Kerajaan Persekutuan telah menempu kepada pinjaman-pinjaman dari luar negeri. Nisbah pinjaman bersih luar negeri telah meningkat dari 14% dari jumlah hutang dalam tahun 1960 kepada satu pertiga dalam tahun 1972. Jumlah pinjaman bersih luar negeri dalam tahun 1972 adalah kurang dari tahun 1971, apabila kadar bunga yang rendah diseberang laut membuatkan pengambilan kredit-kredit baharu untuk pembangunan agak murah. Oleh kerana kadar bunga masih rendah dalam tahun 1972, Kerajaan meneruskan rancangan pinjaman luar negeri dalam tahun 1972. Kerajaan Malaysia membuat pinjaman pertamanya berjumlah \$70.4 juta di pasaran modal Jerman Barat. Ini adalah pinjaman pasaran yang pertama oleh Kerajaan sebuah negara membangun di Asia yang dibuat di Jerman. Ini diikuti pula dengan pinjaman sebanyak \$138 juta dengan gabungan-gabungan bank Malaysia dan antarabangsa. Kedua-dua pinjaman disambut baik dalam pasaran. Ini mencerminkan kedudukan kredit Malaysia yang cemerlang. Pinjaman dalam negeri, yang berkurangan dalam pertengahan tahun-tahun enam puluhan, telah meningkat dengan pesatnya berikut dengan usaha baharu untuk mempercepatkan perbelanjaan pembangunan selepas tahun 1969. Dalam tahun 1971, pinjaman dalam negeri bertambah dua kali ganda dan sebahagian besarnya telah dibayai oleh Bil-bil Perbendaharaan, yang sedia dibeli oleh kerana kecairan yang tinggi di kalangan bank. Dalam tahun 1972, surat-surat jaminan jangka panjang Kerajaan semakin banyak diguna sebagai sumber pembayaran dalam negeri. Kadar bunga bagi surat jaminan 20 tahun ia-lah 7%. Jumlah kedudukan Bil-bil Perbendaharaan terus meningkat, hampir-hampir mencapai \$1.000 juta.

#### Dasar Cukai Persekutuan

44. Hasil biasa bagi tahun 1972 adalah dianggarkan sebanyak \$2,793 juta. Jumlah ini mengandungi butir-butir khas seperti penerimaan dari pembubaran Lembaga Matawang (\$184.8 juta) dan pemecahan Syarikat Penerbangan Singapura Malaysia MSA (\$0.5 juta). Tanpa butir-butir ini, hasil belanjawan ialah \$2,608 juta iaitu 91% lebih tinggi daripada tahun 1971 (Jadual 1). Hasil cukai iaitu butiran yang terbesar sekali dalam hasil Persekutuan, telah meningkat sebanyak 10.7% kepada \$2,304 juta. Ini adalah perkembangan yang lebih pesat berbanding dengan tahun 1971 (Jadual 7.3). Kenaikan yang pesat ini ialah terutama sekali disebabkan oleh cukai jualan, yang telah dikemukakan dalam Belanjawan 1972 dan dikuatkuasakan pada 29hb Februari, 1972. Telah pun terbukti bahawa cukai jualan yang baharu ini adalah satu punca hasil yang lumayan daripada apa yang dijangkakan. Hasil dari cukai jualan dalam sepuluh bulan pertama pada tahun 1972, apabila cukai ini dikenakan, adalah dijangka akan berjumlah \$108.5 juta dan ini lebih banyak dari \$84 juta yang diramalkan dalam Belanjawan 1972. Ini berlaku meskipun terdapat pengecualian cukai yang luas yang diberi terutama sekali bagi barang-barang pengguna yang mustahak dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan dalam tahun 1972.

45. Hasil dari cukai pendapatan, yang termasuk cukai keuntungan bijih timah dan cukai pembangunan, dianggarkan berjumlah \$710 juta dalam tahun 1972. Ini merupakan satu kenaikan sebanyak 3.1% sahaja dari penerimaan sebenar dalam tahun 1971. Kenaikan yang agak kecil dari punca ini terutama sekali disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi keseluruhannya yang perlahan sejak tahun 1970, kerana pungutan cukai dalam tahun 1972 ditaksirkan ke atas pendapatan yang didapat dalam tahun 1971.

46. Pungutan dari cukai-cukai ekspot adalah dianggarkan berjumlah sebanyak \$227.6 juta, berkurangan sebanyak 1.7% dari penerimaan-penerimaan dalam tahun 1971. Perlaksanaan hasil ekspot ini adalah tidak memuaskan. Kejatuhan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pungutan yang rendah dari getah dan minyak kelapa akibat dari kejatuhan dalam harga-harga pada keseluruhan tahun 1972. Harga purata getah RSS 1 dalam tahun 1972 dianggarkan sebanyak 93 sen satu kilo (lebih kurang 42 sen satu paun) dan minyak kelapa sawit hanya \$550 satu tan. Meskipun perkembangan ekonomi merosot dalam tahun 1972 dengan agak perlahan, hasil dari cukai impot dan eksais adalah dijangka akan menghasilkan \$806 juta, iaitu kenaikan sebanyak 5% dari penerimaan sebenar pada tahun 1971.


47. Dalam tahun-tahun enam puluhan, hasil cukai Persekutuan meningkat sebanyak 8.6% setahun, iaitu lebih kurang  $1\frac{1}{2}$  kali lebih cepat dari keluaran negara kasar. Perkembangan ini adalah selaras dengan pengalaman dikebanyakkan negara-negara lain. Negara-negara yang membangun memerlukan sektor awamnya mendapat bahagian yang bertambah dari keluaran

negara untuk memenuhi keperluan-keperluan perkhidmatan awam, seperti pelajaran, jalanraya dan perkhidmatan kesihatan. Kenaikan hasil itu adalah sebahagiannya berlaku dengan sendirinya disebabkan oleh perkembangan asas cukai, terutama sekali menerusi kenaikan yang agak pesat dalam hasil cukai pendapatan (Rajah 7) dan sebahagiannya juga disebabkan oleh kenaikan-kenaikan kadar cukai, terutamanya cukai impot dan eksais. Pertumbuhan hasil daripada cukai sepatutnya lebih cepat dan lebih setabil disepanjang tahun-tahun yang lampau, jika tidak disebabkan oleh cukai ekspot yang turun naik sebegitu hebat desekeling aliran yang tidak berkembang. Nisbah hasil dari cukai getah dalam jumlah hasil dari cukai telah berkurangan. Pada tahun 1960, kira-kira 75% dari semua cukai ekspot diperolehi dari getah. Dalam tahun 1971/72, nisbah ini telah jatuh kepada kira-kira 25%. Beban cukai yang rendah dikenakan ke atas barangan ini kerana kadar cukai yang lebih rendah dikenakan apabila harganya jatuh. Kejatuhan hasil cukai getah pada sebahagiannya diperimbangkan oleh cukai-cukai ekspot yang lain, seperti minyak kelapa sawit dan kayu kayan.

RAJAH 7

### HASIL CUKAI PERSEKUTUAN

- \$ JUTA, KADAR SUKU TAHUNAN -



48. Perubahan yang lampau dalam undang-undang cukai dan kadar cukai ditunjukkan dalam Kalender Peristiwa-peristiwa Ekonomi dalam Lampiran. Aliran yang penting dalam dasar cukai dalam tahun enam puluhan adalah selaras dengan perubahan dalam struktur cukai yang terdapat dikebanyakannya negara-negara membangun. Satu daripada perubahan ialah peralihan beban cukai kepada cukai langsung. Ini telah dicapai melalui jentera pungutan cukai pendapatan yang lebih baik kerana naik tambahnya cukai ini dan dengan mengadakan langkah-langkah cukai pendapatan yang baharu, seperti menyatukan pendapatan suami isteri, cukai pembangunan, cukai perolehan dan cukai daftar gaji (sungguh pun dua cukai yang akhir telah dimansuhkan). Kenaikan cukai-cukai pendapatan telah memberi sumbangan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru, untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang saksama. Aliran penting yang kedua dalam sistem cukai ialah cukai-cukai telah banyak dipungut daripada ekonomi dalam negeri dan telah menunjukkan satu kekurangan dalam pembahagian cukai-cukai impot dan ekspot, iaitu punca-punca hasil tradisional di zaman penjajahan dahulu. Dengan pertumbuhan ekonomi negara dan cara-cara pungutan yang lebih moden, Kerajaan tidak payah mengharapkan hasil dari cukai impot dan ekspot. Dengan ini sekatan tarif disekeliling ekonomi Malaysia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain dan dengan ini mendorongkan pembahagian kerja antarabangsa. Hanya dalam bidang-bidang tertentu di mana terdapat satu dasar menggalakkan perindustrian melalui perlindungan, terutama sekali dalam sektor barang-barang pengguna perlindungan tarif ditinggikan. Pada keseluruhannya, matlamat dasar cukai ialah untuk mendapat wang bagi keperluan awam dengan semurah-murahnya dan mengurangkan kesan yang buruk ke atas matlamat-matlamat dasar lain seperti pertumbuhan ekonomi yang memuaskan, kesetabilan harga dan kesaksamaan masyarakat. Matlamat selanjutnya ialah menyamakan kadar-kadar cukai antara Malaysia Timur dan Malaysia Barat yang sedang dilaksanakan secara beransur-ansur supaya mengujudkan persamaan yang lebih besar.

#### **Kerajaan-kerajaan Negeri**

49. Kerajaan-kerajaan negeri juga telah memberi sumbangan kepada perkembangan permintaan sektor awam dalam tahun 1972 seperti yang dicerminkan dalam kira-kira Kerajaan-kerajaan negeri (Jadual 7.7). Berpandu kepada asas penerangan yang masih belum lengkap, adalah dianggarkan bahawa jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri telah meningkat naik sebanyak 5.6% dalam tahun 1972. Walau bagaimanapun, kenaikan ini adalah kurang dari tahun 1971. Perbelanjaan modal diramalkan meningkat sebanyak kira-kira 8% dalam tahun 1972, dan menyumbang sebanyak 12% kepada jumlah pelaburan awam. Sebahagian besar daripada perbelanjaan dari kumpulan wang pembangunan digunakan untuk membayai projek-projek untuk pembangunan kawasan-kawasan desa, pertanian, rancangan pemuliharan tanah dan pembangunan kawasan perusahaan. Perbelanjaan dari Kumpulan Wang Pembekalan Air telah meningkat dengan banyaknya sejak tahun 1971 terutama sekali berkaitan dengan pemodenan bekalan air di Pulau Pinang.

50. Kira-kira semasa kerajaan-kerajaan negeri sentiasa menunjukkan lebihan. Beserta dengan pemberian balik Kerajaan dan pinjaman Kerajaan, lebihan ini telah digunakan untuk membayai kurangan keseluruhan dan mengumpul harta-harta kewangan. Memandangkan bahawa Kerajaan Negeri dapat mengumpulkan simpanan-simpanan, dan kerumitan kewangan Kerajaan Persekutuan, cokolah Kerajaan-kerajaan Negeri membayai lebih banyak perbelanjaan pembangunan mereka.

#### **Badan-badan Berkanun**

51. Dalam tahun 1972, badan-badan berkanun telah banyak menyumbangkan kepada perkembangan permintaan sektor awam. Perbelanjaan berulang-ulang adalah 13% lebih dalam tahun 1972 dari tahun 1971. Perbelanjaan pembangunan meningkat tidak kurang dari 44% dan menyumbang kira-kira 14% kepada jumlah pelaburan awam dalam tahun 1972 (Jadual 7.8). Pinjaman luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan telah digunakan untuk pelaburan dan membayai kira-kira 11% dari jumlah pelaburan dalam tahun 1972. Kebanyakannya pelaburan ialah untuk kuasa letrik, pengangkutan dan perhubungan bagi menyediakan infrastruktur yang diperlukan oleh sektor swasta. Perkembangan badan-badan berkanun untuk memodenkan dan meluaskan keupayaan-keupayaan dalam dua tahun yang lepas ialah satu perubahan yang

besar berbanding dengan masa sepuluh tahun yang lampau apabila ia meningkat dengan kadar purata tahunan sebanyak 4%. Dari tahun 1962 kepada tahun 1972, perbelanjaan pembangunan oleh badan-badan berkutan telah meningkat dengan purata tahunan sebanyak 5%.

52. Pada masa ini, semua Negeri-negeri, kecuali Perlis, Sarawak dan Sabah, telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC) untuk menyamakan dan menyalarkan pembangunan perusahaan dan perdagangan selaras dengan Dasar Ekonomi Baharu. Mereka telah mula menyumbang kepada usaha pembangunan awam. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, yang mula-mula sekali ditubuhkan, memberi tumpuan yang besar ke atas pembangunan kawasan-kawasan perusahaan dan pembinaan rumah-rumah, kompleks-kompleks kedai dan bangunan-bangunan pejabat. Dalam tahun 1972, \$52.3 juta telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan di Selangor.

#### (b) Permintaan Swasta

53. Dalam tahun 1972 permintaan swasta berkembang dengan perlannnya seperti juga dalam tahun 1971. Pelaburan swasta hampir-hampir tidak berkembang langsung sejak dua tahun dahulu ketika pelaburan melambung. Penggunaan swasta telah berkembang dengan agak perlana sejak tahun 1970 (Jadual 1.1). Perkembangan yang perlana ini selaras dengan corak yang didapati pada permulaan edaran perniagaan yang lampau iaitu ekspot dikuti dengan pelaburan dengan jarak masa satu tahun (perenggan 7). Berdasarkan kepada pengalaman lampau, mungkin boleh diduga bahawa pelaburan swasta akan berkurangan dalam tahun 1971 dan 1972 selepas kemerosotan ekspot dalam tahun 1972. Permintaan pengguna swasta dianggarkan telah meningkat sebanyak 5% dalam tahun 1972. Oleh kerana penggunaan swasta tidak begitu turun naik dan ia juga merupakan bahagian yang terbesar sekali dalam ekonomi, iaanya adalah satu unsur kesetabilan.

#### Pelaburan Swasta

54. Pelaburan swasta pada harga semasa adalah dianggarkan lebih sedikit sahaja dari parus tahun 1970 dan 1971. Perkembangan ini telah diduga selepas kegiatan pelaburan yang terlalu pesat dalam tahun 1970. Keupayaan baharu yang telah dibina memerlukan masa untuk matang dan permintaan seharusnya berkembang untuk memenuhi tambahan keupayaan penawaran. Oleh itu perkembangan yang perlana itu tidak membimbangkan. Tetapi yang membimbangkan ialah jarak masanya. Perkembangan perlana yang bagitu lama dalam pelaburan swasta, yang sudah pun berlaku dahulu tidak sejajar dengan matlamat perkembangan yang pesat dan untuk mengujudkan pekerjaan. Masa hadapan akan bergantung kepada kebolehan pelabur-pelabur di Malaysia untuk ke arah pertumbuhan yang lebih setabil.

55. Setakat ini, pelaburan telah diperincangkan dari segi nominal sahaja, iaitu menge-nepikan kenaikan harga. Apa yang peting bagi sesuatu ekonomi ialah pelaburan sebenarnya, iaitu bilangan dan mutu alat jentera yang dipasangkan, kilang-kilang yang dibina dan tanaman-tanaman kekal baharu. Petunjuk-petunjuk harga yang ada menunjukkan bahawa harga barang-barang pelaburan telah naik pada kadar yang pesat sememjak tahun 1969. Ini adalah mencerminkan kecemasan inflasi dunia yang bermula di Amerika Syarikat pada akhir tahun 1960an, dan merasmi semua negara-negara perusahaan. Dari segi ringgit Malaysia, harga barang-barang pelaburan yang diimpor juga telah naik dengan revaluasi matawang-matawang negara Eropah dan yen Jepun diakhir tahun 1971. Harga barang-barang pelaburan yang diimpor meningkat pada kadar yang tidak kurang dari 7.8% dalam tahun 1971. Pelabur-pelabur Malaysia susah untuk mengalihkan permintaan mereka kepada pembekal-pembekal yang sehingga ini tidak mengalami inflasi. Kenaikan kos jentera dan alat-alat yang diimpor mungkin juga menambahkan kepada kerugian pelabur-pelabur, kerana separuh daripada mereka tidak pasti samaada mereka dapat menyalurkan kos pelaburan yang lebih tinggi itu kepada pembeli-pembeli barang-barang mereka pada masa perkembangan permintaan dalam negeri yang perlana.

56. Petunjuk-petunjuk permintaan pelaburan jangka pendek (Jadual 4.1) menunjukkan yang pelaburan pembinaan telah berkembang, tetapi sebaliknya, pelaburan kepada jentera dan alat-alat telah tidak berkembang. Pelaburan dalam tanaman-tanaman kekal yang merupakan kira-kira 8% dari jumlah pelaburan Malaysia telah berkurangan dalam tahun 1971 dan 1972 pada kadar kira-kira 10%, setahun walaupun terdapat rancangan-rancangan sektor awam dalam bidang ini. Oleh kerana kemerosotan dalam penanaman tanaman-tanaman kekal, perangkaan-perangkaan

pelaburan keseluruhan nampaknya merosot sekali. Pelaburan perusahaan yang mana pada masa-masa yang lampau adalah kalangan yang paling dinamik, nampaknya telah berkembang dalam tahun 1972 pada kadar yang agak perlahan seperti dalam tahun 1971. Berdasarkan kepada Penyesianan Aliran Perusahaan yang dijalankan pada pertengahan tahun 1972 oleh Lembaga Pembangunan Perusahaan Persekutuan (FIDA), kemungkinan pelaburan selepas ini tidak akan berkembang walaupun aliran harga dan jualan, di-kedua-dua pasaran dalam dan luar negeri, sekali lagi didapati lebih optimis. Jika pendapat optimis ini diperkuatkan oleh prospek ekspot, pertengahan tahun 1972 mungkin menjadi titik pusingan dimana edaran pelaburan mula meningkat. Pendapat ini nampaknya disokong oleh penambahan yang pesat dalam kredit-kredit bank kepada peminjam-peminjam swasta (Jadual 6.1).

### **Penggunaan Swasta dan Harga-Harga Pengguna**

57. Dalam tahun 1972, penggunaan swasta dianggarkan sebanyak 51% lebih tinggi dari tahun 1971. Ini ialah dari segi nominal. Oleh kerana harga-harga pengguna meningkat sebanyak kira-kira 21%, penggunaan yang sebenarnya telah hanya meningkat sebanyak 3%. Ini ialah kurang daripada kadar dalam masa dua tahun yang lampau dan agak sama seperti perkembangan yang perlahan dalam tahun 1968. Walau bagaimanapun pertumbuhan penggunaan nampaknya telah berkembang dengan pesatnya dari segi barang-barang penggunaan yang tahan lama seperti motorkar, motosikal, peti talivisen dan agak perlahan dari segi kain-kain dan makanan (Jadual 4.1). Kenaikan dalam kos makanan dalam tahun 1972 adalah terutama sekalinya disebabkan oleh kenaikan harga dunia bagi gula dan keluaran ternakan.

58. Kecepatan dalam kadar kenaikan harga pada tahun 1972 adalah sebahagianya hasil dari inflasi dunia yang berluasan dan oleh revaluasi yang mengikutinya. Malaysia tidak dapat mengelak sepenuhnya kesan inflasi yang diimpotkan. Oleh kerana kenaikan harga impot bertembung dengan pengenaan cukai jualan pada permulaan tahun 1972, setengah-setengah dari pedagang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga jualan mereka. Walau bagaimanapun, bukti yang ada menunjukkan bahawa ini bukanlah amalan yang berluasan dan pada keseluruhannya, ia lebih mempengaruhi masa kenaikan harga dari kenaikan itu sendiri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menguatkan usahanya untuk menguatkusakan penggunaan tanda harga bagi mengurangkan pedagang-pedagang daripada membuat keuntungan yang berlebihan.

59. Meskipun terdapat kenaikan harga yang pesat dalam tahun 1972, Malaysia mengalami kesetabilan harga dalam negeri dalam masa sepuluh tahun yang lampau yang melebihi negara-negara lain, samada yang membangun atau yang maju (perenggan 105). Jadual 2.3 menunjukkan bahawa negara-negara perusahaan utama terpaksa mengatasi kadar inflasi antara 3 hingga 9% dalam tahun 1972. Ini adalah lebih tinggi dari apa yang tercatit dalam tahun-tahun lima puluhan. Dilihat dari latar belakang ini, perkembangan di Malaysia adalah menakjubkan, terutama sekali kerana ekonomi Malaysia adalah terbuka dengan beberapa hubungan secara langsung dengan negara-negara perusahaan yang besar.

### **Perkembangan Kewangan Dalam Negeri**

60. Bekalan wang berkembang pada kadar kira-kira 10% dalam tahun 1972 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 4.2% dalam tahun 1971 (Jadual 6.1). Pertumbuhan bekalan wang yang berkembang dengan pesatnya dalam tempuh separuh kedua tahun 1972 adalah berlebihan dari kenaikan biasa. Ini mungkin dapat ditafsirkan sebagai satu tanda pemulihan kegiatan ekonomi. Perkembangan bekalan wang sebanyak 10% dalam tahun 1972 adalah selaras dengan pertumbuhan K.N.K. yang dianggarkan sebanyak 6%, dengan mengambil kira kenaikan yang baru mula berlaku dan perbelanjaan Kerajaan yang bertambah. Seperti kenaikan dalam tahun 1968, apabila bekalan wang berkembang sebanyak 11%, kenaikan tahun 1972 telah diiringi oleh perkembangan bekalan wang yang pesat. Dalam jangka masa yang lebih panjang, perhubungan di antara pertumbuhan dalam bekalan wang dan K.N.K. tidak banyak berubah. Perkembangan bekalan wang dalam jangka masa yang panjang selaras dengan K.N.K. adalah dikekalkan untuk menjamin satu proses kemajuan yang licin dari segi kewangan dan untuk mengekalkan paras harga yang setabil.

61. Faktor utama mempengaruhi perkembangan dalam bekalan wang dalam tahun 1972, seperti dalam tahun 1971, adalah perbelanjaan yang berkembang oleh sektor awam. Perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi kedua-dua tujuan biasa dan pembangunan terus naik sama cepat seperti dalam tahun 1971 (Jadual 6.1). Tidak seperti tahun 1971, Kerajaan-kerajaan Negeri juga menyediakan satu dorongan bagi pertumbuhan bekalan wang oleh kerana perbelanjaan-perbelanjaan bertambah dan simpanan-simpanan dengan sistem bank, yang telah terkumpul dengan banyaknya dalam tahun 1971, telah digunakan untuk membiasai projek-projek pembangunan. Pengaruh sektor awam yang berkembang disambut baik pada masa ekonomi keseluruhannya berkembang dengan perlahan. Wang tidak sahaja disediakan dengan lebih banyak, tetapi juga lebih murah. Kadar bunga bagi pinjaman dan simpanan bank diturunkan pada awal tahun 1972 untuk memberi pinjaman yang lebih murah kepada pelabur-pelabur. Dalam masa separuh pertama tahun 1972, terdapat juga penurunan kadar bil-bil Perbendaharaan. Pada masa yang sama, kadar surat jaminan jangka panjang telah dinaikkan. Ini mengakibatkan kepada satu peralihan dalam pemegangan-pemegangan oleh sistem bank dari bil-bil Perbendaharaan kepada surat-surat jaminan jangka panjang. Ini adalah merupakan matlamat Kerajaan. Peralihan ini seharusnya menjamin satau sumber pembiasai yang lebih setabil bagi tujuan-tujuan pembangunan dan menunjukkan kesediaan pehak bank-bank melibatkan dalam tanggong-tanggongan jangka panjang. Sebagai satu gambaran pertumbuhan ekonomi yang perlahan dalam tahun 1971 dan 1972, sektor swasta terus menimbulkan pengaruh yang mengurangkan bekalan wang dengan mengumpul simpanan-simpanan dan tidak membelanjakan lebih banyak lagi dari tahun 1971. Pinjaman-pinjaman kalangan swasta dari sistem bank bertambah dengan kadar yang lebih cepat dari tahun 1971 dan ini mungkin menunjukkan satu tanda bagi pemuliharan baharu. Walau bagaimanapun, simpanan-simpanan kalangan swasta bertambah dengan kadar yang pesat. Perkembangan ini mencerminkan aliran untuk menyimpan lebih banyak lagi di bank-bank dan boleh difasirkan sebagai alamat keyakinan pehak awam terhadap kesetabilan yang berterusan dalam matawang Malaysia. Cadangan-cadangan resmi tidak banyak berubah dalam tahun 1972 (Jadual 6.3). Oleh itu bekalan wang tidak berkembang oleh pengaruh sektor luar negeri. Hanya pinjaman dari pasaran-pasaran luar negeri oleh Kerajaan sahaja boleh menahan urusniaga wang antarabangsa dari mengurangkan bekalan wang.

62. Memandangkan kepada kelambatan pelaburan swasta yang berlarutan dalam tahun 1972, dasar kewangan dalam negeri sebahagian besarnya ditumpukan untuk menggalakkan pemuliharan dalam pelaburan dan ekonomi pada keseluruhannya. Seperti telah disebutkan, kadar bunga bagi kedua-dua pinjaman dan simpanan bank telah diturunkan. Sambutan dasar ini tidaklah begitu teguh, kerana pendahuluan-pendahuluan bagi pelaburan kepada modal yang produktif tidak meningkat dengan begitu banyak. Disepanjang tahun, pendahuluan-pendahuluan keseluruhannya menunjukkan satu aliran yang meningkat. Mungkin terdapat beberapa pinjaman bagi spekulasi dalam Pasaran Saham yang amat melambong, tetapi pinjaman-pinjaman untuk pelaburan dalam usaha-usaha perdagangan dan perusahaan juga mula meningkat. Selain dari menurunkan kadar bunga, kerajaan terus mendesak bank-bank supaya memainkan satu peranan aktif bagi mengujudkan pelaburan dengan memberi pinjaman kepada bakal-bakal pelabur berasaskan kepada keutuhan sesuatu projek dan tidak kepada cagaran yang dapat disediakan. Dalam bulan Oktober 1972, peruntukan bagi cadangan-cadangan berkanan dinaikkan untuk menggalakkan peminjaman kepada sektor swasta. Juga, satu Perbadanan Jaminan Kredit (Credit Guarantee Corporation) telah tubuhkan untuk mengurangkan risiko pinjaman dan mendorong bank-bank supaya mengikut satu dasar pinjaman yang lebih agresif. Perubahan-perubahan ini harus menggalakkan pelabur-pelabur dan bakal-bakal peniaga kecil yang dahulunya telah menghadapi kerumitan untuk memulakan perniagaan-perniagaan mereka kerana kekurangan wang. Kerajaan juga telah cuba mempengaruhi orang ramai dan bank-bank untuk mengurangkan pendahuluan-pendahuluan bagi spekulasi dalam saham-saham dan tujuan-tujuan lain yang tidak produktif.

63. Dasar kewangan dalam jangka panjang purata adalah berkembang selaras dengan lain-lain dasar Kerajaan untuk memajukan pembangunan. Dalam tahun enam puluhan, dasar kewangan adalah bertujuan untuk mengadakan satu struktur kewangan yang teguh, untuk menyediakan rancangan-rancangan memperbaikkan ekonomi dan untuk memenuhi keperluan bagi membesarkan lagi kegunaan wang dalam ekonomi tanpa menjelas tujuan kesetabilan paras harga dalam negeri. Dengan tujuan kesetabilan paras harga, kadar tambahan penawaran wang dalam jangka panjang telah dikekalkan pada kira-kira 6½%, iaitu kira-kira setengah peratus lebih dari kadar

pertumbuhan ekonomi keseluruhannya. Dalam sebuah ekonomi yang agak kecil dan terbuka seperti di Malaysia, dasar kadar bunga seharusnya berhubung rapat dengan perkembangan-perkembangan kadar bunga dalam pasaran wang dan modal antarabangsa. Ini adalah perlu untuk menyekat keluaran dan kemasukan wang yang berlebihan, yang boleh menjasasimbangan bayaran dan pembangunan ekonomi negara. Oleh kerana lapangan bagi dasar kadar bunga sangat terhad, kawalan-kawalan kewangan yang lebih terpilih digunakan untuk menentukan kesetabilan dan ketegohan rangka kewangan yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi. Di antara kawalan-kawalan terpilih ini ialah menetapkan kadar-kadar bunga, nisbah cadangan berkanun, nisbah-nisbah cair yang ditentukan dan pujukan moral. Kawalan-kawalan atas bank-bank dan syarikat-syarikat pinjaman telah ditumpukan untuk mempengaruhi kedua-dua arah dan jumlah pinjaman. Pada awal tahun 1972, simpanan-simpanan tetap selama 4 hingga 5 tahun telah dimulakan. Kadar-kadar bunga bagi simpanan ini ditentukan dengan bebasnya oleh kuasa-kuasa pasaran.

64. Pasaran saham telah mengalami perniagaan yang pesat dalam tahun 1972. Pasaran ini telah menguruskan satu jumlah saham-saham yang terbesar. Angka tunjuk harga saham menunjukkan kenaikan-kenaikan harga yang luar biasa cepatnya. Dalam tempuh sembilan bulan pertama tahun 1972, petunjuk harga-harga saham perusahaan naik tidak kurang dari 47% dan saham-saham harta yang disebutkan naik hampir-hampir 190% lebih tinggi. Perasaan optimis ini telah diperkuatkan oleh permintaan luar negeri terhadap harta-harta Malaysia, terutama sekali dari negara-negara Asia Timur yang lain, yang mempunyai unsur-unsur spekulasi.

65. Dalam beberapa tahun yang lampau, jumlah urusniaga saham yang dikemukakan dipasaran saham Malaysia naik sebanyak 30% tiap-tiap tahun. Angka tunjuk harga saham-saham perusahaan naik hampir-hampir 20% setahun dalam tahun-tahun yang lampau, menunjukkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan kemajuan perjalanan syarikat-syarikat yang telah tertubuh. Pengeluaran-pengeluaran saham perbadanan-perbadanan baharu adalah satu punca besar bagi pelaburan swasta. Dalam tempuh 1961-72, kira-kira 5% dari jumlah pelaburan swasta telah dibayai dengan cara ini. Kerajaan sedang memajukan pertumbuhan pasaran saham yang teguh dan teratur dengan menyediakan kemudahan-kemudahan dagangan dan nasihat teknik. Kerajaan juga telah menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi iaitu Jawatankuasa Pengeluaran-pengeluaran Modal untuk menyeliakan perjalanan-perjalanan dan menyekat amalan-amalan yang tidak diingini. Peraturan-peraturan dan undang-undang kecil baharu dan keperluan-keperluan "listing" diadakan oleh Jawatankuasa Pasaran Saham dalam tahun 1970 dan 1971 dengan tujuan untuk menambah keyakinan dalam perjalanan pemasaran saham Malaysia.

#### **IV. BEKALAN—PENGELUARAN DAN IMPOT**

66. Jumlah bekalan barang-barang dan perkhidmatan dari pengeluaran dalam negeri dan dari impot selalunya turun-naik mengikut gerakan jumlah permintaan (iaitu permintaan bagi pelaburan dan penggunaan oleh kedua-dua sektor swasta dan awam dan juga permintaan asing). Turun-naik dalam pengeluaran menyebabkan turun-naik dalam penggunaan keupayaan stok modal dan tenaga buruh dalam negeri, dua daripada faktor-faktor pengeluaran utama. Kedua-dua pengeluaran dan impot biasanya menurut dengan rapat perubahan dalam permintaan, terutamanya dalam sektor utama. Ini jelas kelihan dalam turun-naiknya pengeluaran bagi kedua-dua sektor pertanian dan perlombongan yang tidak berkembang sejak tahun 1969 (Jadual 1.2).

##### **(a) Pengeluaran dalam Negeri**

67. Dalam tahun 1972, aliran pengeluaran dipengaruhi oleh permintaan dari dalam dan luar negeri yang berkembang dengan perlahan dan paras harga yang rendah bagi bahan-bahan mentah yang diekspot. Keluaran dalam negeri kasar (pada kos faktor) dianggar akan mencapai \$11,260 juta (Jadual 1.2). Dengan ini, Malaysia telah mencapai satu tingkat pengeluaran bagi tiap-tiap penduduk yang lebih tinggi daripada negara-negara Asia Selatan dan Timur kecuali negara Jepun, negeri-negeri bandaraya Hong Kong dan Singapura, dan Brunei. (perenggan 98).

##### **Pertanian**

68. Pertanian, yang masih menyumbang kira-kira satu suku kepada jumlah pengeluaran dan menggunakan kira-kira dua perlina jumlah guna tenaga, dianggar mula berkembang sebanyak 1% dalam tahun 1972, sesudah merosot selama dua tahun berturut-turut (Jadual 1.2). Perkembangan ini dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan pesat dalam pengeluaran minyak kelapa sawit dengan bermulanya pengeluaran dari kawasan-kawasan baharu, dan oleh kejatuhan pengeluaran getah asli.

69. Pengeluaran getah masih lagi merupakan kegiatan utama dalam ekonomi seluruhnya, dari segi ekspot dan gunatenaga. Dalam tahun 1972, pengeluaran getah meningkat dengan perlahan sahaja kepada 1.33 juta tan metrik, selepas bertambah sebanyak 4.3% dalam tahun yang lepas (Jadual 4.2). Perkembangan yang perlahan ini disebabkan oleh kejatuhan harga getah dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1972. Akibat harga yang rendah ini telah amat dirasai di Malaysia Timur, di mana penurunan getah menjadi tidak menguntungkan di kebun-kebun kecil yang rendah hasilnya dan dimana buruh mahir agak berkurangan.

70. Dalam masa sepuluh tahun yang lampau harga getah asli telah turun dengan kadar purata sebanyak kira-kira 4.5%, setahun dengan edaran turun naik yang luas di sekitar aliran ini (Rajah 5). Dalam keadaan pasaran yang sukar ini, perusahaan getah asli telah menunjukkan kebolehan yang besar untuk pembaharuan dan penambahan daya pengeluaran. Pengeluaran telah bertambah dengan kadar purata hampir 5% setahun. Dengan usaha yang pesat oleh perusahaan dan bantuan Kerajaan melalui tanaman semula dan rancangan penyelidikan, perusahaan ini telah dapat terus mempertahankan keutuhannya dari persaingan getah tiruan. Satu daripada cara-cara untuk memperbaiki kedudukan persaingan getah asli ialah dengan memulakan pengeluaran Getah Mutu Malaysia (SMR), yang mula dijalankan dengan besar-besaran pada awal tahun 1965. Pengeluaran getah SMR telah bertambah dengan pesatnya dan sekarcang hampir-hampir meningkat satu per tiga jumlah pengeluaran. Ini bukan sahaja memperkuatkahkan kedudukan persaingan getah Malaysia, tetapi juga mengujudkan perkerjaan tambahan dalam bidang memperoses sebelum ekspot. Dengan ini juga ekspot getah yang diperoses, selain dari getah keping yang tidak diperoses telah berkembang dengan pesatnya. Besar kemungkinannya bahawa kira-kira separuh dari jumlah ekspot getah akan diekspot dalam bentuk getah krumb menjelang tahun 1975.

71. Kejatuhan permintaan bagi ekspot melibatkan terutamanya pekebun-pekebun kecil, yang mempunyai dua pertiga daripada jumlah kawasan yang ditanam dengan getah dan mengeluarkan setengah daripada jumlah pengeluaran. Selain daripada daya pengeluaran yang rendah, sektor pekebun kecil dibebankan oleh potongan-potongan harga bagi pengeluaran yang bermutu rendah. Oleh kerana kesulitan-kesulitan sektor pekebun kecil ini mempunyai kesan sosial, perkauman dan kedaerahan yang agak besar, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MRDC) pada tahun 1971 untuk memperoses

dan juga memasarkan getah pekebun-pekebun kecil. Pada masa ini MRDC telah menguruskan enam buah kilang SMR dan sedang menyiapkan beberapa buah lagi. Kilang-kilang ini boleh memperoses kira-kira 5 hingga 6% pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Menjelang akhir tahun 1973 keupayaan pengeluaran akan dapat memperoses 60,000 tan (atau kira-kira 10%).

72. Pengeluaran minyak kelapa sawit terus berkembang dengan pesatnya dalam tahun 1972 meskipun harga pasaran dunia jatuh dari paras yang tinggi dalam tahun 1970/71 (*lihat Rajah 5*). Pengeluaran akan meningkat hampir-hampir 890,000 tan, atau 25% lebih tinggi daripada pengeluaran tahun 1971. Malaysia telah menjadi pembekal minyak kelapa sawit yang utama dipasaran dunia dengan nisbah yang berjumlah lebih daripada 50%. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak dapat mempengaruhi penentuan harga, kerana bahagian Malaysia dalam pasaran lemak dan minyak makanan dunia, di mana pasaran-pasaran kecil adalah berkaitan rapat, ialah hanya 3%. Perkembangan perusahaan minyak kelapa sawit di Malaysia dalam masa sepuluh tahun yang lampau adalah mengagumkan. Dalam tahun 1961, terdapat hanya 136,000 ekar ditanam dengan kelapa sawit apabila Kerajaan memulakan peralihan besar-besaran di bawah rancangan memperbaikkan pertanian. Lima tahun kemudian, dalam tahun 1966, kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit meningkat  $2\frac{1}{2}$  kaliganda dan menjelang tahun 1971 iaanya meningkat lebih  $2\frac{1}{2}$  kaliganda lagi. Dari tahun 1960-1972 pengeluaran minyak kelapa sawit bertambah dengan kadar purata tahunan sebanyak 18%. Dengan ini sebahagian daripada akibat pertumbuhan yang perlahan dalam keluaran getah dapat diimbangkan.

73. Sebahagian besar daripada minyak kelapa sawit dikspoitkan dalam bentuk kasar dengan terdapat kekotoran tertentu seperti "free fatty acid". Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menambah jumlah minyak yang tinggi mutunya dengan kandungan acid yang rendah. Pada masa ini Instituti Piawaian Malaysia sedang bekerja dengan pihak perusahaan ini untuk menentukan mutu bagi minyak kelapa sawit. Sungguhpun hanya sedikit sahaja minyak kelapa sawit ditapis di Malaysia sehingga sekarang, aliran kearah penapisan yang lebih banyak sebelum diekspot sudah kelihatan. Pada masa sekarang ada lapan buah kilang yang menapis minyak kelapa sawit. Setengah daripada mereka ialah hasil usaha bersama di antara pihak ladang dan penapis asing. Kerajaan menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi kilang-kilang penapis, meskipun ada bahayanya yang penapis-penapis asing, yang juga menjadi pembeli utama minyak kelapa sawit kasar Malaysia, akan mencari punca-punca lain untuk bekalan mereka. Satu bidang di mana terdapatnya kejayaan meninggikan nilai pengeluaran sebelum diekspot ialah isi kelapa sawit. Dahulunya isi kelapa sawit diekspot tanpa diproses, tetapi sekarang empat buah kilang telah ditubuhkan untuk menghancurkan isi kelapa sawit dan memerah minyak (perenggan 27). Sesungguhnya pada masa ini terdapat kekurangan bekalan isi kelapa sawit bagi perusahaan bercorak pertanian yang baharu ini.

74. Pengeluaran beras telah berkembang dengan pesatnya dalam beberapa tahun yang lampau. Dalam tahun 1972, pengeluaran dianggarkan sebanyak 1.23 juta tan metrik atau 8% lebih tinggi daripada tahun lepas (Jadual 4.2). Tambahan ini telah dicapai meskipun kawasan padi dikurangkan dengan sebanyak 7%, akibat bertambahnya penanaman dua kali setahun. Pada masa ini lebih daripada setengah kawasan padi adalah ditanam dua kali setahun, dan ini dapat meninggikan taraf hidup petani-petani berkenaan. Pengeluaran juga membawa keuntungan dengan dasar-dasar pengantian impot untuk melindungkan petani-petani tempatan, dan menentukan yang harga beras Malaysia adalah lebih tinggi daripada harga pasaran dunia. Oleh kerana pengeluaran bertambah dengan pesatnya Malaysia telah mencapai matlamat Kerajaan untuk membekal 90% daripada kehendak beras dari puncak dalam negeri dalam tahun 1972. Sekiranya pengeluaran terus berkembang secepat yang terdapat dalam tahun-tahun kebelakangan ini, dan ini ada kemungkinan besar, masalah untuk menjual beras Malaysia dipasaran dunia akan timbul. Ini disebabkan oleh harga-harga pasaran dunia yang terus jatuh selama empat tahun sehingga pertengahan tahun 1972 disebabkan kejayaan "rebolusi hijau". Walau bagaimanapun, dalam masa separuh kedua tahun ini, harga telah naik dengan pantasnya akibat kegagalan tanaman di Filipina dan Indonesia. Sungguhpun Malaysia Timur akan terus mengimpor beras, kos pengeluaran di Malaysia Barat yang agak tinggi itu dan kos pengangkutan akan merugikan sekiranya keperluan Malaysia Timur dibekal oleh Malaysia Barat. Umpamanya harga beras Mahsuri, termasuk kos pengangkutan daripada Malaysia Barat di Kuching ialah hampir-hampir \$450 satu tan pada pertengahan tahun 1972, berbanding dengan \$300 satu tan bagi beras China yang bermutu sama.

75. Berbagai jenis tanaman yang kurang penting telah berkembang dengan pesatnya. Setengah-setengah tanaman (seperti tembakau, sayur-sayuran, jagung dan jelai) telah digalakkan sebagai tanaman sulaman luar musim dalam kawasan-kawasan padi untuk menambahkan pendapatan sektor penanaman padi, satu daripada sektor yang mundur sekali dalam ekonomi. Sehingga sekarang, hanya kira-kira 3% daripada kawasan padi yang ditanam setahun sekali disulami dengan tanaman luar musim. Pengeluaran lada hitam telah meningkat kepada 295,000 tan metrik dalam tahun 1972, dengan ini Malaysia telah menjadi pengekspor yang utama di pasaran dunia. Pengeluaran gula oleh kilang-kilang dalam negeri sehingga sekarang bergantung kepada gula mentah yang diimport. Oleh kerana tebu boleh ditanam di sini, Malaysia telah memulakan perusahaan gula dengan menyatakan penanaman dan unit memperoses. Pengeluaran ubi kayu hingga sekarang belum bermula secara besar-besaran, sungguhpun hasil tiap-tiap ekar di Malaysia dan mutu keluarannya sering melebihi Negeri Thai, satu pengeluar yang utama. Pasaran bagi ubi kayu sedia ada, terutama sekali di Pasaran Bersama Eropah (EEC). Ekspot nenas dalam tin mengalami kemerosotan di tahun-tahun kebelakangan ini kerana pertandingan yang hebat dan perkembangan permintaan dunia yang perlahan. Dengan kemasukan United Kingdom, (pasaran Malaysia yang terbesar) ke dalam EEC pada bulan Januari 1973, nenas dalam tin Malaysia akan beransur-ansur menghadapi halangan baharu berbentuk tarif bersama EEC. Pada masa ini, usaha-usaha sedang dijalankan untuk memasarkan nenas dalam tin ke dalam Sistem Keutamaan Am EEC (Generalised System of Preference).

#### **Perhutanan dan Perusahaan kayu kayan**

76. Perusahaan perhutanan dan kayu-kayan telah menjadi bertambah penting. Perusahaan kayu-kayan ialah di antara perusahaan-perusahaan yang berkembang dengan pesat sekali yang menggunakan bahan asli negara. Selepas perkembangan yang agak perlahan dalam tahun 1971, dan awal tahun 1972, terutama sekali disebabkan oleh permintaan dari Negeri Jepun yang tidak berkembang, kayu-kayan telah mula berkembang dengan pesat meskipun terdapat pertandingan hebat dari Indonesia. Nilai jumlah pengeluaran mungkin meningkat dengan kadar 20% dalam tahun 1972. Kegunaan kayu bagi perusahaan tempatan dijangka akan bertambah sekiranya perubahan yang dicadang dalam undang-undang kecil pembinaan lembaga bandaran membolehkan rumah-rumah kayu dibina di kawasan-kawasan bandar. Dari segi pasaran ekspot, Kerajaan sedang menubuhkan Lembaga Perusahaan Ekspot Kayu-Kayan Malaysia. Di antara tugas-tugasnya termasuklah kawalan mutu bagi ekspot. Setakat ini, kawalan mutu yang berkesan tidak dapat dijalankan oleh kerana kekurangan kakitangan teknikal. Adalah diharapkan untuk mendaftar semua pemerengkat-pemerengkat (graders) kayu-kayan dan membuat undang-undang untuk menentukan kawalan mutu yang cukup.

77. Di Malaysia Barat, Kerajaan telah menaikkan cukai ke atas ekspot kayu balak kepada 15% dalam Belanjawan tahun 1972. Tujuan langkah ini ialah untuk menggalakkan perusahaan memperoses kayu-kayan tempatan. Pengeluaran kilang-kilang papan lapis dan kilang mengetam kayu meningkat dengan pesatnya, setengah-setengah darinya sebanyak 40% lebih tinggi daripada paras pada tahun 1971. Ini telah menimbulkan masalah bekalan bagi perusahaan memperoses kayu yang mungkin bertambah rumit tanpa kenaikan cukai ekspot kayu balak itu. Pada akhir tahun 1972 pengharaman sementara telah dikenakan ke atas ekspot jenis-jenis balak tertentu dari Malaysia Barat.

#### **Perikanan**

78. Perusahaan perikanan telah menambahkan pengeluarannya sebanyak kira-kira 1% dalam tahun 1972, mencerminkan perkembangan yang perlahan selepas pertumbuhan pesat dalam masa tiga atau empat tahun yang lampau. Pertumbuhan ini terutama sekali berbangkit dari pukat tunda yang sekarang menangkap lebih kurang 35% dari jumlah penangkapan. Perusahaan perikanan tepi pantai tetap menjadi satu masalah yang dibebani oleh daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah, terutama sekali di Pantai Timur di mana alat moden dan kemudahan pemasaran amat kekurangan tetapi sedang dimajukan sekarang. Lembaga Kemajuan Perikanan yang ditubuhkan pada bulan November 1971, akan menggalakkan penggunaan cara-cara moden dan kemudahan-kemudahan menyimpan dan memperoses. Dengan adanya kemungkinan besar permintaan luar negeri terutama sekali di Negeri Jepun dan Amerika Syarikat, perusahaan ini harus mempunyai pasaran yang tersedia.


## Perlombongan

79. Perusahaan perlombongan di Malaysia Barat adalah satu sektor pengeluaran yang bertambah merosot (Rajah 8). Ini pertamanya disebabkan oleh penutupan lombong-lombong besi di Pantai Timur, Malaysia Barat dan keduanya, akibat pengeluaran bijih timah yang tidak berkembang selama tiga tahun berturut-turut semenjak tahun 1969. Punca-punca yang diketahui makin berkurangan dan ini mungkin menimbulkan masalah-masalah serantau pada masa akan datang. Tetapi hingga sekarang, pengeluaran dapat dipertahankan dengan menggunakan cara-cara

RAJAH 8

### ANGKA TUNJUK PENGETAHUAN PERUSAHAAN

- 1968 = 100, MALAYSIA BARAT -



<sup>1</sup> TERUTAMANYA MINYAK KELAPA SANTU DAN GETAH.

<sup>2</sup> ANGGARAN TERSENDRIO.

SUMBER: JABATAN PERANGKAAN

melombong yang lebih cekap dan lebih menggunakan modal. Oleh itu lombong-lombong yang mempunyai mutu bijih yang rendah boleh dikerjakan dengan lebih menguntungkan. Usaha mencari bijih sedang dilakukan di kawasan-kawasan simpanan Melayu. Melombong di dasar laut mempunyai satu lagi kemungkinan.

80. Pengeluaran minyak petroleum di telaga-telaga baharu di Miri (Sarawak) telah terus berkembang dengan pesatnya dalam tahun 1972. Selepas pembukaan kawasan melombong di dasar lautan yang ketiga di Bakau, Sarawak, pengeluaran minyak kasar dalam tahun 1972 dianggarkan berjumlah 34.2 juta tong, iaitu 36% lebih dari tahun 1971 (Jadual 4.2). Dengan paras pengeluaran ini, minyak petroleum kasar yang diimpor dari Brunei untuk ditapis jatuh dengan banyaknya. Terdapat juga kejatuhan minyak petrol yang diekspot semula oleh kerana bertambah banyaknya nisbah pengeluaran dari kilang-kilang penapis Malaysia Timur disalurkan kepada pasar tempatan. Oleh itu telaga-telaga minyak baharu ini membolehkan Malaysia mengurangkan impot minyak pembakar dengan banyaknya.

### **Perkilangan**

81. Sektor perkilangan telah mengambil alih peranan dari perusahaan getah dan bijih timah sebagai sektor pertumbuhan yang terkemuka. Dalam tahun 1972, yang mana pada amnya ekonomi berkembang dengan perlahan, pengeluaran sektor perkilangan bertambah sebanyak 12% (Rajah 8). Ini adalah pemulihan yang nyata selepas perkembangan perlahan dalam tahun 1971. Kadar pertumbuhan jangka panjang harus boleh meningkat ke kadar 2 kali ganda perkembangan ekonomi seluruhnya. Nisbah sektor ini dalam jumlah pengeluaran dalam negeri ialah hampir-hampir satu perenam. Ini masih rendah berbanding dengan keadaan antarabangsa. Pertumbuhan yang pesat dan pertunjukan ekspot yang baik pada masa lampau menunjukkan bahawa sektor ini mempunyai kemungkinan bagi pertumbuhan yang lebih pesat lagi.

82. Bidang-bidang utama yang membawa pemulihan sektor perkilangan ini dalam tahun 1972 ialah memperos kayu (iaitu papar lapis, mengetam, pertukangan dan pintu dan jendela bagi pasaran ekspot), memperos minyak kelapa sawit, bahan logam, kain dan berbagai-bagai perusahaan perintis yang kecil. Kebanyakan bidang perusahaan yang cepat pulih ialah perusahaan-perusahaan yang mempunyai kadar pertumbuhan yang tertinggi dalam masa lima tahun yang lampau, dan juga telah mulai memperbaikkan ekspot (Jadual 4.3). Bidang-bidang perkilangan lain yang berkembang dengan pesatnya pada masa lampau, seperti memasang kereta, alat jentera elektrik dan bateri, besi dan besiwa, membuat cat dan kebanyakan perusahaan makanan pulih dengan lebih perlahan. Perusahaan-perusahaan ini adalah perusahaan-perusahaan pengganti impot yang membekal pasaran dalam negeri dan dilindungi oleh sekatan tarif daripada pertandingan antarabangsa dan mengekspot hanya sedikit sahaja. Setengah-setengah perusahaan ini nampaknya telah mencapai had pasaran dalam negeri dan seharusnyalah dijangka akan berkembang perlahan-lahan sahaja, kecuali jika mereka dapat memasuki pasaran dunia. Seperti yang telah terbukti oleh pengalaman lain-lain negeri, adalah sukar bagi perusahaan-perusahaan yang bergantung kepada perlindungan untuk mendapatkan pasaran ekspot.

83. Semenjak akhir tahun enam puluhan, dasar perindustrian Malaysia telah menjadi lebih agresif. Perusahaan-perusahaan yang lebih menggunakan tenaga buruh telah dititikberatkan untuk mengatasi masalah pengangguran dan untuk membanyakkan perusahaan di merata-rata kawasan. Bagi tujuan ini, estet-estet perusahaan baharu telah dibuka di merata-rata di negeri ini (*lihat* peta di kulit belakang). Sebagai menyambut dasar-dasar ini, 25% daripada projek-projek perusahaan yang baharu, diluluskan dalam setengah pertama tahun 1972 telah ditempatkan di negeri-negeri yang kurang maju. Untuk menggalakkan pengeluaran yang menggunakan lebih tenaga buruh, Pengecualian Cukai Tentang Kegunaan Buruh telah dilaksanakan pada tahun 1971 dan galakan khas diberi kepada perusahaan-perusahaan lektronik dan hotel. Manakala pada awal tahun enam puluhan kepentingan dasar perindustrian ditumpukan kepada pertumbuhan sektor perkilangan dan barang-barang pengguna pengganti impot terutama sekali untuk mengurangkan pergantungan kepada getah dan bijih timah, perhatian sekarang ditumpukan kepada perusahaan bercorak ekspot dalam bidang di mana Malaysia mungkin mempunyai faedah berbanding dalam jangka panjang. Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) menggalakkan dan menyelaraskan dasar ini. Akta Galakan Pelaburan, 1968 memberi pelabur-pelabur perusahaan satu susunan pengecualian cukai dan

perlindungan tarif yang selaras. Tambahan pula, punca kewangan yang murah dan tanah yang dimajukan di estet-estet perusahaan dapat diperolehi. Untuk menarik pelaburan asing FIDA baharu-baharu ini telah membuka pusat-pusat penerangan di New York dan Dusseldorf, Jerman Barat. Semua langkah-langkah ini bertujuan untuk menambahkan lagi suasana pelaburan yang teguh dan menarik, yang timbul dari kesetabilan politik dan ekonomi. Adalah menjadi satu dari pada dasar utama Kerajaan untuk membaiki suasana pelaburan.

### Pembinaan dan perkhidmatan


84. Perusahaan pembinaan telah mengalami keadaan melambung dalam masa tiga tahun yang lalu, yang nampaknya ditumpu kepada pusat-pusat bandar, terutama sekali di dalam dan di sekitar Kuala Lumpur. Dalam tahun 1972, terdapat perkembangan yang perlahaan sedikit dalam kegiatan pembinaan (Jadual 1.2). Bekalan letrik dan air terus berkembang pada kadar yang makin meningkat (dianggarkan pada kadar 9% dalam tahun 1972) sebagai sambutan kepada dasar-dasar pembangunan dan permintaan yang meningkat dengan pesatnya. Dalam sektor perkhidmatan, yang terdiri lebih daripada dua perlima jumlah nilai ditambah di Malaysia, perdagangan mempunyai bahagian yang agak besar. Seperti yang sudah-sudah, sektor perdagangan berkembang lebih perlahaan daripada jumlah KDNK dalam tahun 1972. Sektor bank dan insuran, seperti terdapat dikebanyakannya negara-negara membangun, satu sektor yang pesat berkembang, dianggarkan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 12% dalam tahun 1972.

### Aliran Jangka Panjang dalam Pengeluaran

85. Rajah 9 meringkaskan sumbangan berbagai-bagai sektor terhadap pertumbuhan pengeluaran seluruhnya di Malaysia Barat dalam masa sepuluh tahun 1960-70. Bolehlah dilihat bahawa sektor perkilangan ialah satu sumber pertumbuhan yang utama dengan kadar pertumbuhan kira-kira dua kali ganda kadar pertumbuhan purata negara. Sektor yang ada perhubungan rapat dengannya iaitu bekalan letrik dan air, dan sektor bank dan insuran melebihi kadar pertumbuhan sektor perkilangan. Dalam hal sektor bank, sebahagian daripada pertumbuhan pesat dalam tahun-tahun enam puluhan itu ialah akibat perpisahan dari Singapura yang diikuti oleh pertumbuhan

RAJAH 9

PERTUKARAN DALAM BENTUK PENGETUARAN  
- 1960 - 1970, MALAYSIA BARAT -



pesat Kuala Lumpur sebagai pusat bank dan insuran. Rajah 9 juga menunjukkan bahawa 2 sektor yang besar, iaitu pertanian dan perdagangan, yang menyumbang hampir dua perlima dari jumlah ekonomi, berkembang pada kadar yang lebih rendah daripada kadar keseluruhan dan dengan ini membantuan pertumbuhan ekonomi keseluruhannya. Akibat perbezaan kadar pertumbuhan berbagai-bagai sektor ini, ekonomi Malaysia telah mengalami perubahan struktur yang cepat dan telah berjaya menukar dari ekonomi yang mengekspot bahan mentah berdasarkan kepada hanya beberapa bahan kepada ekonomi yang lebih luas dan bercorak perusahaan yang mempunyai kemungkinan pertumbuhan tersendiri bagi menggunakan tenaga buruh yang makin meningkat.

#### **Gunatenaga**


86. Pengangguran masih menjadi satu masaalah sosial yang rumit bagi negara ini. Pengangguran dianggarkan kurang sedikit daripada 8% dari jumlah tenaga buruh dalam tahun 1972. Menurut Penyiasatan Tenaga Buruh bagi Malaysia Barat pengangguran di bandar-bandar ialah 10.2% sementara pengangguran di desa ialah kira-kira 6%. Perkembangan permintaan dan pengeluaran yang perlahan sejak tahun 1970 telah tidak membantu membaiki keadaan ini. Petunjuk-petunjuk membayangkan bahawa pengangguran telah meningkat semula dalam tahun 1972, sesudah berkurangan berikutnya tahun-tahun melambung 1969/70, selepas jarak masa setahun. Data dalam Rajah 10 tidak menunjukkan paras jumlah pengangguran tetapi iaanya boleh digunakan sebagai petunjuk gerakan jangka pendek mengenai pengangguran dan permintaan buruh tambahan. Berdasarkan maklumat ini, terdapat kenaikan dalam kewujudan kerja-kerja baharu dalam tahun 1972, tetapi kenaikan ini bukan begitu kuat untuk mengurangkan pengangguran yang berdaftar. Ini ialah oleh kerana tenaga buruh di Malaysia berkembang pada kadar 3.2% setahun, iaitu satu daripada kadar yang tertinggi di dunia. Untuk menghalang kadar pengangguran dari meningkat, kerja baharu sebanyak 119,000 purata tiap-tiap tahun hendaklah diwujudkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Matlamat ini tidak dicapai dalam tahun 1972, terutama sekali di sebabkan oleh permintaan yang tidak berkembang. Sektor ladang getah dan lombong (terutama sekali lombong besi) telah mengurangkan tenaga buruhnya. Sebaliknya kerja-kerja pentadbiran awam dan guna-tanaga dalam perdagangan yang kebanyakannya pekerjaan yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah, nampaknya telah berkembang dengan lebih cepat dari yang diduga dalam Rancangan Malaysia Kedua. Pengangguran telah mula meningkat di Malaysia Timur.

87. Walau bagaimanapun, terdapat satu unsur yang tidak diduga yang mempunyai kaitan dengan kedudukan gunatenaga. Buruh sekarang ini sedang berpindah ke Singapura, terutamanya untuk bekerja sebagai pekerja-pekerja pembinaan dan perusahaan. Perkembangan seterusnya yang mungkin telah membantu kedudukan pengangguran dari menjadi lebih buruk dalam tahun 1971/72 ialah dasar Kerajaan menarik balik permit kerja dari pekerja-pekerja asing dan mengantinya dengan rakyat Malaysia. Semenjak bulan Julai 1969, kira-kira 54,000 pekerjaan yang dahulunya dipegang oleh bukan rakyat terutama dari negeri-negeri Asia lain, telah bersuransur digantikan oleh rakyat Malaysia. Faktor seterusnya yang mungkin mengurangkan pengangguran terbuka, ialah pergerakan pencari-pencari kerja, terutama sekali belia-belia di bawah umur 25 tahun yang merupakan 2/3 daripada jumlah penganggur-penganggur, kepada pekerjaan sendiri. Pekerjaan-pekerjaan ini mungkin mempunyai daya pengeluaran yang rendah. Akhir sekali dasar menggalakkan perusahaan-perusahaan perintis menggunakan lebih banyak buruh nampaknya telah mula memberi kesan untuk menjauahkan pengangguran daripada bertambah.

#### **(b) Impot**

88. Jumlah impot barang-barang dan perkhidmatan dianggarkan meningkat kepada \$5,920 juta dalam tahun 1972, iaitu hampir-hampir 7% lebih mengikut hitungan nominal berbanding dengan tahun 1971. Dari jumlah bekalan ekonomi Malaysia, kira-kira 31% datangnya daripada seberang laut, iaitu satu nisbah yang tidak berubah dengan banyaknya dalam tahun-tahun lampau sekiranya turun naik edaran tidak diperhitung. Selepas perkembangan impot yang perlahan dalam tahun 1971, impot telah meningkat dan menyebabkan kurangan sebanyak hampir-hampir \$600 juta pada baki kira-kira semasa. Ini adalah kurangan pertama yang besar semenjak tertubuhnya Malaysia.

**KEDUDUKAN GUNATENAGA  
ARAH-ALIRAN JANGKA PENDEK**  
— PURATA 5-BULAN BERANJAK —

<sup>1</sup> KEKOSONGAN BARU YANG DILAPURKANSUMBER: KEMENTERIAN BURUH  
DAN TENAGA RAKYAT

### **Impot Barang**

89. Impot barang dianggarkan sebanyak 7% lebih tinggi dalam tahun 1972 berbanding dengan tahun 1971, meskipun terdapat perkembangan ekonomi dalam negeri yang perlahan. Hampir kesemua kenaikan ini disebabkan oleh impot kapalterbang oleh MAS dan kapal-kapal laut oleh MISC yang bernilai \$262 juta. Tambahan pula, impot makanan, yang semakin turun pada masa lampau oleh kerana pengeluaran dalam negeri yang lebih banyak dan lebih luas diperbaikan, meningkat tidak kurang dari 13% (Rajah 11). Satu butiran yang cepat meningkat dalam impot makanan ialah gula. Harga gula telah meningkat dengan pesatnya di pasaran dunia dalam beberapa tahun ini (Jadual 5.2). Impot beras terus jatuh. Malaysia sekarang impot hanya kira-kira 10% dari jumlah keperluannya. Angka-angka impot juga bertambah oleh kerana pemulihan impot bijih timah dari Indonesia untuk diperoses dan diekspot kembali. Sekiranya kapalterbang kapalterbang dan kapal-kapal laut dikecualikan, impot jentera dan alat-alat hampir tidak berkembang langsung sesudah perkembangan yang pesat pada tahun-tahun lampau (Jadual 3.5). Ini ialah akibat perkembangan permintaan pelaburan yang perlahaan yang berlanjut di Malaysia. Malaysia telah dapat menjimatkan wang asing dari impot bahan petroleum kerana impot bahan ini telah jatuh sebanyak 36% di bawah paras pada tahun 1971, oleh kerana terdapat pengeluaran minyak dan bahan penapis di Malaysia Timur.

90. Pembahagian impot Malaysia mengikut negara-negara menunjukkan kejatuhan impot daripada Eropah Barat dan impot daripada Jepun yang tidak berkembang (Jadual 3.4). Perkembangan ini menakjubkan dan membayangkan kenaikan harga-harga ekspot yang pesat di negara-negara itu dan juga revaluasi matawang-matawang beberapa negara Benua Eropah dan yen. Pengimpot-pengimpot Malaysia telah sentiasa bertindak dengan agak cepat terhadap kenaikan-kenaikan harga dan mencari punca-punca yang lebih murah. Mereka boleh berbuat demikian oleh kerana dasar impot liberal yang diikuti di Malaysia. Walau bagaimanapun, kejatuhan impot dari negara-negara ini harus juga dipandang dari segi permintaan pelaburan yang perlahaan di Malaysia oleh kerana negara-negara itu membelkalkan kebanyakan daripada jentera dan alat pengangkutan baharu yang diperlukan oleh Malaysia.

### **Impot perkhidmatan**

91. Impot perkhidmatan pada masa lampau sering meningkat lebih cepat dari impot barang (Jadual 3.6). Ini jelas kelihatan dari segi pengangkutan dan insurasi, di mana kos telah meningkat dengan pesatnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1972, impot perkhidmatan dijangka akan meningkat pada kadar yang sederhana sahaja, kerana usaha Malaysia untuk membawa belih banyak barang-barang ekspot dan impotnya dengan kapal-kapal kebangsaan telah mengurangkan perbelanjaan wang asing untuk pengangkutan. Tambahan pula bayaran terhadap pendapatan pelaburan dijangka akan berkembang hanya dengan perlahaan-lahan memandangkan kepada pertumbuhan dalam negeri yang kurang pesat dan paras keuntungan yang berkurangan.

### **Imbanan Pembayaran**


92. Meskipun terdapat kejatuhan dalam pendapatan ekspot dan kenaikan dalam bayaran impot, Malaysia terus mengalami lebihan dalam keseluruhan imbanan pembayaran, disebabkan oleh kemasukan wang yang lebih banyak di dalam kira-kira modal, terutamanya daripada pinjaman Kerajaan. Baki keseluruhan, termasuk semua urusniaga pertukaran asing mencatitkan lebihan sebanyak \$90 juta (termasuk peruntukan HPK) jika dibandingkan dengan \$185 juta dalam tahun 1971 (Jadual 3.7). Ini adalah tahun yang kelima berturut-turut di mana cadangan luar bersih meningkat. Pada 11 haribulan November, 1972 cadangan resmi berjumlah \$2,874 adalah juta (Jadual 6.3).

93. Kira-kira urusniaga semasa yang mencatit urusniaga perdagangan dan perkhidmatan dan pemindahan antarabangsa, menunjukkan kekurangan yang terbesar sejak Merdeka (\$600 juta). Ini adalah disebabkan terutamanya oleh harga-harga yang merosot untuk ekspot-ekspot tradisional kita dan kenaikan yang banyak pada kos impot. Semenjak penghujung tahun-tahun enam puluhan, telah terdapat satu aliran kearah kurangan yang besar dalam kira-kira perdagangan dan perkhidmatan, dengan ekspot bertambah pada jangka pertengahan kira-kira 4% dan impot kira-kira 7½%

RAJAH II

# MALAYSIA: IMPOT BARANG

-\$ JUTA, KADAR SUKU TAHUNAN - 1972



<sup>1</sup> ANGGARAN TERSENDAKI (TANPA IMPOT OLEH MAS DAN MISC)

SUMBER: JABATAN PERANGKAAN

Aliran kearah kurangan kira-kira semasa ini dapat dilihat sebagai akibat rancangan pembangunan yang lebih pesat. Malaysia sedang menggunakan lebih banyak bahan-bahan untuk pembangunan dalam negeri dan cuba mengimpor lebih banyak modal dari luar negeri. Ini hanya boleh dibuat dengan mengimpor lebih dari apa yang dicikspot.

94. Impot modal, terutama sekali pinjaman jangka panjang, telah meningkat selaras dengan kurangan kira-kira semasa (Jadual 3.7). Terutamanya pinjaman luar negeri resmi, yang sehingga pertengahan tahun enam puluhan adalah sangat rendah bagi satu-satu negara membangun, telah meningkat. Malaysia mempunyai taraf kredit yang tinggi dipasaran-pasaran modal dunia. Pinjaman-pinjaman pasaran Kerajaan Persekutuan semuanya telah diterima dengan baik. Malaysia, misalnya, adalah negara membangun dari Asia yang pertama mengeluarkan bon-bon DM di pasaran Jerman.

95. Kemasukan modal yang bertambah telah membolehkan pembiayaan pembangunan yang lebih pesat dan bagi membayai kenaikan impot yang berbangkit dari perkembangan ini, tanpa membahayakan keselimbangan-imbangan pembayaran. Namun dalam tahun 1972, satu tahun tatkala ekspot dan harga-harga ekspot merosot, cadangan pertukaran-asing terus bertambah, walaupun sedikit sahaja. Walau bagaimanapun, patut juga ditekankan iaitu penerusan arah aliran ekspot dan impot yang bertentangan boleh membawa kepada satu peringkat di mana pinjaman resmi dan swasta akan menyebabkan beban pembayaran hutang menjadi sangat berat.

## V. MATLAMAT, KEJAYAAN DAN MASAALAH

96. Kejayaan dasar ekonomi yang dicapai dalam sepuluh tahun yang lampau dan awal tahun tujuh puluhan boleh dikaji dari segi beberapa matlamat yang luas yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, iaitu:

- (a) pertumbuhan ekonomi;
- (b) kesetabilan harga;
- (c) keseimbangan-imbalan pembayaran;
- (d) paras gunatenaga yang tinggi; dan
- (e) pembahagian pendapatan.

Dalam tahun keenam puluhan, keutamaan telah ditumpukan kepada tiga matlamat yang pertama di bawah strategi "Pertumbuhan dengan Kesetabilan". Di bawah Dasar Ekonomi Baharu pada awal tahun-tahun tujuh puluhan matlamat gunatenaga dan pembahagian pendapatan telah mendapat banyak perhatian oleh kerana perpaduan negara telah menjadi dasar utama Kerajaan dalam usaha pembangunan negara.

### Pertumbuhan

97. Dalam tahun 1972 jumlah pengeluaran telah meningkat kira-kira 6% dari segi nominal, disebabkan oleh perkembangan permintaan yang perlahan di dalam dan di luar negeri dan harga barang-barang eksport kita yang rendah. Meskipun hasil dari eksport telah jatuh tetapi kadar perkembangan dalam tahun 1972 adalah tidak banyak berkurangan dari kadar purata jangka panjang yang dicapai oleh ekonomi dalam sepuh tahun yang lalu. Kekenyalan ekonomi yang kian bertambah dalam menghadapi pengaruh-pengaruh dari luar dan kesan perbelanjaan-perbelanjaan anti edaran Kerajaan Persekutuan adalah bertambah nyata.

98. Keluaran negara kasar di Malaysia Barat<sup>1</sup> meningkat sebanyak kira-kira 6% setahun di antara tahun 1960 dan 1970 (Jadual 1.1). Kadar pertumbuhan ini adalah lebih tinggi dari yang dirancangkan dan juga tinggi dari matlamat 5% yang ditetapkan untuk negara-negara membangun pada permulaan "Deked Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu". Ada kemungkinan bahawa kesetabilan paras harga yang tinggi di Malaysia akan memberi satu nyataan yang merendahkan perkembangan pertumbuhan sebenar di negara ini berbanding dengan negara yang sering mengalami inflasi. Menjelang tahun 1972, KNK per kapita telah meningkat sebanyak \$1,130, iaitu satu daripada angka yang tertinggi di Asia. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual II (tahun 1969 digunakan oleh sebab-sebab perangkaan) pengeluaran per kapita Malaysia diati di Selatan dan Timur Asia hanya oleh Jepun, negeri-negeri bandaraya Hong Kong dan Singapura dan Brunei.

JADUAL II

KELUARAN NEGARA KASAR TIAP-TIAP PENDUDUK DI ASIA SELATAN DAN TIMUR  
—A.S.S., 1969—

Jepun	...	...	...	1,430
Hong Kong	...	...	...	850
Singapura	...	...	...	800
<b>Malaysia</b>	<b>...</b>	<b>...</b>	<b>...</b>	<b>340</b>
Taiwan	...	...	...	300
Korea, Utara	...	...	...	280
Korea, Selatan	...	...	...	210
Sri Lanka	...	...	...	190
Negeri Thai	...	...	...	160
Vietnam Republik	...	...	...	140
Khmer Republik	...	...	...	130
India	...	...	...	110
Loas	...	...	...	110
Pakistan	...	...	...	110
Indonesia	...	...	...	100
Burma	...	...	...	di bawah 100
Republik Rakyat Cina	...	...	...	di bawah 100
Nepal	...	...	...	di bawah 100

Sumber: IBRD, Peta Bank Dunia.

<sup>1</sup> Perangkaan Kira-kira Negara yang betul tidak terdapat bagi seluruh Malaysia sebelum tahun 1967.

99. Sejak awal tahun-tahun selepas Merdeka, ekonomi kita telah menuju kearah pertumbuhan yang lebih setabil. Dalam tahun-tahun lima puluhan ekonomi kita telah mengalami kadar perkembangan tahunan yang turun-naik dengan hebat, tetapi turun naik ini telah berkurangan dengan banyaknya dalam sepuluh tahun kemudiannya. Dalam tahun-tahun enam puluhan, jarak turun naik ini telah dirapatkan di antara +9.4% hingga -0.4% sungguhpun jarak ini masih lagi luas. Perkembangan yang tidak setabil dari tahun ke tahun adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan eksport yang tidak setabil yang berjumlah lebih dari satu pertiga daripada KNK. Apa yang menarik perhatian ialah bahawa ekonomi negara telah membuktikan keutuhannya menghadapi kesan buruk faktor-faktor luar negeri pada tahun-tahun kебelakangan ini. Dalam tahun 1958, kemerosotan eksport telah mengakibatkan kemerosotan mutlak KNK. Dalam tahun 1961 ini telah mengakibatkan terhentinya perkembangan. Sebaliknya dalam tahun 1967 kekenyalan ekonomi telah ternyata walaupun adanya kemerosotan eksport. Dalam tahun-tahun 1971 dan 1972 bilamana eksport telah jatuh bagi dua tahun berturut-turut dan bila harga getah telah jatuh kepada paras harga yang paling rendah dalam tempuh lebih daripada 25 tahun, ekonomi kita masih lagi boleh berkembang dengan kadar 4.7% dan 5.7%.


100. Kekenyalan ekonomi yang bertambah dalam menghadapi kejatuhan harga eksport pengeluaran utama yang turun naik dengan hebatnya, adalah akibat dari memperbaikkan struktur ekonomi yang berasal dari pengeluaran beberapa barang sahaja untuk eksport. Di antara tahun 1960 dan 1970 nisbah eksport dari jumlah KNK telah jatuh dari 39% kepada 33%. Nisbah keluaran pertanian dari jumlah keluaran dalam negara kasar telah jatuh daripada 37% kepada 25% manakala barang-barang perkilangan telah meningkat daripada 9% kepada 15%. Nisbah keluaran pertanian mungkin akan jatuh lebih banyak lagi jika sekiranya perusahaan getah dan bijih timah Malaysia tidak mencapai kejayaan yang besar dalam memodenkan dan mencapkan perusahaan-perusahaan tersebut. Dalam pada itu terdapat juga peralihan besar kearah pengeluaran minyak kelapa sawit dan kayu-kayu dan kemajuan pesat dalam usaha perindustrian bagi barang-barang penggantian impot, terutama sekali barang-barang pengguna.

101. Faktor kedua yang penting yang membawa kepada kekenyalan ekonomi ialah perubahan peranan yang dimainkan oleh sektor awam. Di akhir tahun lima puluhan dan awal tahun enam puluhan, urusan sektor awam adalah seringkali merupakan pro-edaran. Misalnya, dalam tahun 1958 kemerosotan mutlak KDNK (-4.5%) telah diikuti oleh kejatuhan pelaburan awam (-17.4%). Kenaikan 11% KDNK di dalam tahun 1960 telah diikuti dengan tambahan pelaburan Kerajaan sebanyak 29.6%. Ini mencerminkan dasar mengseimbangkan belanjawan pada tiap-tiap tahun. Pada tahun-tahun yang lampau dan khasnya sejak tahun 1969, urusan sektor awam adalah merupakan anti-edaran yang sengaja dilakukan. Perkembangan ekonomi yang perlakan akibat dari kemerosotan eksport dalam tahun 1970-1972 telah ditentang dengan bertambahnya pelaburan sektor awam yang berkembang pada kadar tidak kurang dari 23.5% di dalam tahun 1971 dan 40% di dalam tahun 1972. Penggunaan Kerajaan telah dibenarkan meningkat pada kadar sebanyak 18.5% dalam tahun 1971 dan 14% dalam tahun 1972. Ini telah mengimbangkan sebahagian daripada kelemahan sektor eksport dan seterusnya kelemahan pelaburan swasta yang hampir-hampir tidak berkembang sejak keadaan pelaburan yang melambung dalam tahun 1970. Oleh yang demikian, sektor awam terbukti sebagai pendorong yang penting bagi pertumbuhan ekonomi dalam masa dua tahun yang lampau.

102. Rekod pertumbuhan Malaysia sejak Merdeka dan kekenyalan ekonomi yang bertambah meskipun terdapat kemerosotan eksport adalah menarik perhatian, kerana negara ini terpaksa menghadapi kemerosotan besar dalam nisbah kos impot eksportnya (Rajah 12). Di antara tahun 1963 dan tahun 1971 nisbah kos impot eksport telah jatuh sebanyak tidak kurang dari 20% (Jadual 5.3). Ini bererti ekonomi kita terpaksa mengekspot 20% lebih banyak barang-barang atau perkhidmatan bagi tiap-tiap yunit impot, kerana harga eksport (atau harga jualan) Malaysia jatuh dan harga impot (atau harga pembelian) naik. Perkembangan ini menimbulkan bebanan teruk ke atas ekonomi pada masa separuh pertama tahun 1972 apabila getah telah dijual dengan serendah harga seperti yang terdapat dalam tahun 1947. manakala impot dibeli dengan harga yang melambung pada tahun 1972. Usaha-usaha oleh negara-negara membangun untuk mengelakkan perkembangan buruk ke atas harga-harga bagi eksport bahan mentah mereka dan harga impot barang-barang perusahaan dengan mengekspot barang-barang perusahaan

RAJAH 12

## HARGA-HARGA EKSPOT DAN IMPOT DAN "NISBAH HARGA EKSPOT-IMPOT" — 1963 = 100 —



<sup>1</sup> SITC 5-B.

<sup>2</sup> SITC 7.

<sup>3</sup> ANGGARAN TERSENDRIDI

SUMBER: JABATAN PERANGKAAN

seringkali dihalang oleh langkah-langkah pelindungan yang dijalankan oleh negara-negara maju. Dengan yang demikian faedah yang mungkin diperolehi oleh Malaysia dari Sekim Keutamaan Am EEC yang bertujuan untuk menggalakkan pembelian barang-barang perlilangan oleh EEC dari negara-negara membangun, akan berkurangan lagi apabila EEC mengurangkan kota impot papan lapis mulai dari tahun 1973 kerana desakan setengah-setengah negara sekutu EEC.

### Kesetabilan Harga

103. Dalam tahun 1972 harga barang-barang pengguna telah naik 23%, walhal di dalam lima tahun yang terdahulu ianya meningkat pada kadar 1% setahun. Kenaikan yang cepat ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh inflasi yang diimpot (perenggan 39-41). Tahun 1969 hingga 1972 adalah tempuh inflasi yang berlauasan diseluruh dunia yang mana pada akhirnya telah memberi kesan ke atas harga di negeri ini. Kesan ini bertambah kuat kerana negara setabill yang berdagang dengan kita menilai semula matawang mereka. Ini menyebabkan barang-barang mereka menjadi lebih mahal. Usaha pembangunan Malaysia telah tergendala oleh sebab harga impot jentera-jentera telah meningkat pada kadar yang luar biasa iaitu 9.6% dalam tahun 1971 (Jadual 5.3).

104. Dalam tahun-tahun enam puluhan, kesetabilan harga di Malaysia tidak dapat diatas oleh negara-negara lain. Angka-tunjuk harga runcit meningkat kurang dari 1% tiap-tiap tahun (Jadual 5.4). Dasar fiskal dan dasar kewangan Kerajaan telah memainkan peranan yang besar untuk mewujudkan kedudukan ini. Kerajaan telah mengekal dan seterusnya memajukan satu sistem cukai yang terator supaya perbelanjaan semasa dapat dibayai oleh hasil semasa dan perbelanjaan pembangunan dibayai oleh pinjaman. Perkembangan bekalan wang dalam masa jangka panjang telah diselaraskan dengan perkembangan KNK (perenggan 60-65).

105. Angka tunjuk harga runcit yang resmi berpandukan kepada corak penggunaan orang-orang dalam kumpulan pendapatan rendah dalam tahun 1957 adalah tidak sesuai lagi untuk kegunaan sekarang. Jabatan Perangkaan telah mengambil inisiatif untuk mencetak angka tunjuk harga pengguna yang baharu, yang mencerminkan sifat pengguna yang terdapat pada masa ini (Jadual 5.4). Sungguhpun angka tunjuk harga pengguna ini menunjukkan adanya kenaikan kadar harga yang lebih tinggi (dari tahun 1967 hingga 1972: sebanyak 1.3% setahun), tetapi ini tidak mengubah hakikat asas bahawa rekod kesetabilan harga adalah cemerlang berbanding dengan negara-negara lain (Rajah 13). Bagi tahun 1971 dan 1972 angka tunjuk harga pengguna menunjukkan kenaikan sebanyak 1.6% dan 24%.

106. Aliran yang jelas kelihatan ke arah kenaikan harga yang makin cepat dalam masa dua tahun yang lalu adalah membimbangkan Kerajaan. Dalam masa-masa yang lepas, usaha untuk mengekalkan kesetabilan harga telah ditumpukan ke atas pengawasan harga. Keperluan meletakkan tanda harga bagi barang-barang pengguna telah diperluaskan dan akan dijadikan satu peraturan am dalam tahun 1973. Ini akan memperbaiki lagi urusan pasaran. Tambahan pula, semua perusahaan yang telah mendapat perlindungan adalah dikehendaki meminta kebenaran dahulu sebelum mereka boleh menaikkan harga. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak dapat mengelak sepenuhnya dari inflasi di negara-negara perusahaan. Dalam tahun 1971 sahaja, harga impot naik dengan kadar 7.6%; harga impot barang pelaburan iaitu bahan utama dalam usaha pembangunan naik lebih tinggi lagi iaitu dengan kadar 9.6%, satu kadar yang belum pernah dialami. Sehingga penghujung tahun enam puluhan Malaysia dapat mengelakkan inflasi dunia dengan jayanya dengan mengubah punca bekalan dari pengekspot-pengekspot yang mahal kepada pembekal-pembekal yang murah dari Asia Timur, terutama sekali dalam impot barang-barang pengguna. Ini telah menolong mengekalkan kesetabilan angka-tunjuk harga impot (Rajah 12). Walau bagaimanapun, inflasi dunia yang makin cepat (Jadual 2.3) dan revolusi yen dan DM dalam bulan Disember, 1971 telah menghadkan pilihan Malaysia bagi mengurangkan inflasi yang diimpot.


### Keseimbangan imbanginan pembayaran

107. Dalam tahun 1972 telah terdapat kurangan kira-kira semasa yang terbanyak (\$600 juta) dan lebihan dalam kira-kira modal. Faktor utama yang menyebabkan kurangan kira-kira semasa ialah kelemahan pendapatan ekspot yang merosot lagi selepas kejatuhan dalam tahun

RAJAH 13

## HARGA PENGGUNA DI NEGARA TERPILIH

ANGKA TUNJUK 1963 = 100



<sup>1</sup> ANGARAN

SUMBER: KMA, OECD DAN  
STATISTIK NEGARA.

1971 sementara impot naik sebanyak 7%. Aliran ke arah kurangan ini telah diburukkan lagi oleh nisbah kos impot ekspot yang terus merosot (perenggan 102). Disebabkan oleh dasar pembangunan yang lebih tegas, pinjaman luar negeri terutama sekali pinjaman pasaran, meningkat dengan banyaknya. Pinjaman pasaran luar negeri untuk tujuan pembangunan mempunyai kesan tambahan cadangan yang meningkat ke paras yang tertinggi.

108. Di sepanjang sepuluh tahun yang lampau, Malaysia telah mengekalkan lebihan dagangannya yang besar dan yang sering berlaku (Jadual 3.7). Lebihan ini ialah dalam lingkungan terendah sebanyak \$272 juta semasa kerosotan ekspot pada tahun 1964 dan yang tertinggi sebanyak \$1,464 juta semasa ekspot melambung pada tahun 1969. Dalam masa 3 tahun yang lampau, jumlah purata lebihan dagangan ialah melebihi \$1,000 juta setahun. Kedudukan baki perdagangan yang berlebihan pada lazimnya diimbangkan oleh kurangan dalam baki perkhidmatan, yang termasuk bayaran untung dan dividen yang kian meningkat kepada orang-orang asing, kenaikan kos pengangkutan dan insuran dan kerosotan perbelanjaan tentera asing disebabkan pengunduran tentera British dari Malaysia. Pertumbuhan dalam kurangan perkhidmatan telah dapat dijawuh oleh perkhidmatan MISC dan pendapatan yang meningkat dari perusahaan pelancungan (perenggan 30-31).

109. Malaysia adalah satu daripada sebilangan kecil negara-negara membangun yang mempunyai imbalan pembayaran yang berlebihan yang agak tetap. Dalam tempoh sepuluh tahun yang lampau dan seterusnya ke tahun tujuh puluhan, Malaysia telah mengumpul baki luar negeri yang besar (Jadual 6.3). Dalam tahun 1972, jumlah cadangan resmi berjumlah \$2,880 juta iaitu bersamaan dengan lebih dari 8 bulan jumlah impot yang diguna dalam negeri. Paras cadangan yang tinggi ini telah dianggap sebagai mencerminkan dasar yang konservatif. Pendapat ini mungkin mengenepikan satu faktor yang penting. Kedudukan cadangan yang sihat telah mengukuhkan keyakinan negara dan antarabangsa ke atas ekonomi dan menjamin negara dari aliran keluar modal sepekulasi jangka pendek sekitaranya berlaku perkembangan ekonomi dan politik yang tidak diduga di Asia Tenggara. Ekonomi yang bergantung berat kepada perdagangan luar senang dihalang dalam pilihan-pilihan dasarnya oleh paras cadangan yang tidak mencukupi. Tambahan lagi, pelabur-pelabur asing di Malaysia tidak harus bimbang mengenai pengeluaran modal mereka kerana kemungkinan berlakunya krisis wang asing. Akhirnya, Malaysia tidak terpaksa menerima "bantuan" atas syarat yang berat sebelum kerana sebab-sebab imbalan pembayaran. Walau bagaimanapun patutlah ditegaskan bahawa sebagai satu dasar, Malaysia tidak mempunyai keberatan untuk menggunakan cadangan asing bagi membiayai pembentukan modal yang lebih besar di negeri ini apabila terdapat projek-projek yang menguntungkan. Kekurangan kewangan luar negeri tidak pernah menjadi halangan untuk pembangunan di Malaysia.

110. Jumlah besar lebihan cadangan adalah satu-satunya punca yang memberi keyakinan kepada nilai matawang Malaysia. Keputusan Majlis Bijih Timah Antarabangsa dalam bulan Julai tahun ini untuk menyebutkan harga lantai dan bumbung bijih timah dalam ringgit Malaysia selepas peapungan sterling, membuktikan keyakinan antarabangsa terhadap ringgit Malaysia. Dasar cadangan yang teguh ini membolehkan negeri ini menjamin nilai luar ringgit Malaysia. Semenjak tahun 1949 Malaysia telah mengekalkan pariti emas ringgit Malaysia dan kebebasan menukarannya kepada matawang-matawang lain.

#### **Gunatenaga**

111. Pengangguran adalah kurang sedikit daripada 8% (perenggan 86). Pengangguran meningkat dengan pesatnya pada tahun-tahun enam puluhan tetapi telah tidak bertambah dalam tahun 1970. Pengangguran agak berkurangan dalam hampir-hampir sepanjang tahun 1971. Dalam tahun 1972 paras pengangguran meningkat semula. Perkembangan ini mencerminkan pertumbuhan ekonomi yang perlahaan selepas satu jarak masa. Perusahaan perkilangan telah menunjukkan kadar pertumbuhan gunatenaga yang tertinggi berbanding dengan sektor-sektor lain. Pada masa sekarang 84% dari jumlah tenaga buruh bekerja dalam perusahaan perkilangan. Disebaliknya, bidang pertanian telah tidak mengujudkan peluang pekerjaan baharu yang banyak.

112. Perkembangan penduduk dan tenaga buruh yang pesat telah menimbulkan masalah pengangguran struktur yang rumit. Sungguhpun Kerajaan menyedari betapa beratnya masalah ini, pengangguran bukanlah satu masalah yang boleh diatasi dalam jangka pendek. Masalah ini

bertambah buruk dengan terdapatnya nisbah penduduk belia yang ramai dan makin bertambah. Dalam tahun 1972, lebih empat perlima dari jumlah penganggur-penganggur terdiri dari lelaki dan perempuan berumur di bawah 30 tahun.

113. Masaalah pengangguran ini diburukkan lagi oleh pemilihan kerja oleh pemohon-pemohon kerja baharu bagi kerja-kerja perkeranian dan tidak kerja-kerja buruh kasar yang lebih mudah diadakan. Oleh yang demikian banyak murid-murid yang baharu meninggal bangku sekolah tidak mendapat kerja yang mereka fikir bersesuaian dengan kelulusan persekolahan mereka.

114. Bertambahnya penyesuaian rancangan pelajaran ke arah hendak-hendak guna-tenga yang berubah dan pertukaran mata pelajaran dari pelajaran kesusteraan semata-mata akan menolong mengurangkan masaalah penganggur-penganggur terpelajar. Pelajaran vokesyenal seharusnya jangjalan terlalu terhad dalam mata pelajarannya sehingga keluarannya menjadi usang akibat perkembangan teknoloji yang pesat. Dalam masa jangka panjang, rancangan perancang keluarga yang luas akan menimbulkan kesan yang penting ke atas masaalah pengangguran.

#### **Pembahagian Pendapatan**

115. Seperti di negara-negara membangun yang lain, data yang boleh diguna amat berkurangan pada masa ini untuk membobekhan penilaian yang teliti dibuat tentang kejayaan berhubung dengan matlamat dasar ini. Mengikut taksiran kasar, pendapatan yang tidak seimbang di Malaysia nampaknya sama dengan apa yang terdapat di negara-negara membangun Asia yang lain. Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, penyamaan keadaan tak seimbang ini dengan perbezaan kaum menyebabkan keadaan ini lebih sukar diterima.

116. Ada bukti yang menunjukkan bahawa sektor awam telah dapat membantu untuk menghalang ketidakseimbangan ekonomi daripada menjadi lebih buruk yang merupakan masaalah yang makin rumit di negara-negara membangun. Satu aliran utama dasar cukai dalam tahun enam puluhan ialah perubahan ke arah cukai langsung dan ini akan menambah lagi kesan progresif sistem cukai. Sumbangan yang dibuat oleh perbelanjaan awam untuk pembahagian semula pendapatan di Malaysia adalah besar. Perkhidmatan awam yang dahulunya diperolehi oleh orang-orang yang berada dan penduduk-penduduk bandar, telah tersebar dengan lebih sama rata selepas Kemerdekaan akibat usaha Kerajaan yang dirancangkan. Kemudahan bagi penduduk-penduduk di luar pusat-pusat bandar utama yang selama berpuluhan-puluhan tahun diabai-abaiakan itu telah mula diseimbangkan oleh pelaburan awam yang besar pada awal tahun enam puluhan. Perbelanjaan awam mengenai pelajaran boleh dianggapkan sebagai satu unsur yang penting dalam meninggikan kelayakan dan latihan gulungan berpendapatan kecil dengan tujuan mendapatkan pekerjaan, mobiliti buruh dan sosial supaya mereka boleh mendapat pekerjaan yang lebih lumayan. Hasil rancangan pembangunan desa dan pelajaran dalam tahun-tahun enam puluhan memberi bukti bahawa perbelanjaan awam diguna untuk mencapai pembahagian serantau dan pendapatan persendirian yang lebih baik. Oleh kerana sebahagian besar penduduk desa terdiri dari orang-orang Melayu, rancangan pembangunan desa mempunyai juga unsur pembahagian pendapatan kaum yang agak besar. Yang menarik perhatian juga dalam segi pembahagian pendapatan serantau, ialah bahawa pertumbuhan ekonomi adalah lebih cepat di Malaysia Timur berbanding dengan Malaysia Barat.

117. Perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baharu melibatkan langkah-langkah tambahan yang lebih meluas untuk pembahagian peluang-peluang dan faedah-faedah kemajuan ekonomi. Bidang rancangan ini melebihi rancangan-rancangan tahun-tahun enam puluhan. Unsur pembahagian pendapatan yang termaktub dalam rancangan pembangunan Kerajaan bagi tahun-tahun 1971-1975 merupakan bidang baharu sumbangan Belanjawan untuk memperseimbangkan peluang-peluang bagi semua rakyat. Dalam pada itu tindakan yang diambil untuk mengurangkan pengenalan kaum dengan pekerjaan telah menjadi satu sumber penggerak bagi mereka yang terikat kepada pekerjaan-pekerjaan tradisional yang berpendapatan rendah dan harus mengujudkan corak pembahagian pendapatan yang lebih sesuai dalam jangka panjang.

## VI. TINJAUAN UNTUK TAHUN 1973

118. Sesuatu ramalan mengenai perkembangan ekonomi untuk tahun akan datang hanyalah setakat merupakan satu gambaran am tentang arah aliran utama dalam ekonomi negara. Ia terpaksa diasaskan kepada andaian dan nilai-nilai pertimbangan dan dengan itu tidaklah boleh dianggap sebagai angka-angka yang tepat.

119. Adalah diramalkan yang keluaran negara kasar pada tahun 1973 akan meningkat dari 8 hingga 9% dari segi nominal. Ini banyak melebihi kadar pertumbuhan jangka panjang (Jadual III). Ramalan ini diasaskan terutamanya kepada 2 faktor:

- (a) pemulihan perdagangan dunia yang berterusan, yang dapat dijangka untuk mencapai lagi pertumbuhan eksport Malaysia yang telah pun mula meningkat pada akhir tahun 1972, dan
- (b) perkembangan permintaan sektor awam yang tidak terganggu, yang memain peranan utama bagi memajukan pembangunan ekonomi dan masyarakat Malaysia.

JADUAL III

### KELUARAN NEGARA KASAR MENGIKUT JUMLAH PERBELANJAAN: RAMALAN 1973

\$ juta, pada harga semasa, Malaysia

		KKK pada harga pasaran	Eksport	Pemborong awam	Pemborong tetap swasta	Pengeluaran kerajaan	Pengeluaran swasta	Pertukaran dalam negara	Total
1970*	... (a)	11,634	+ 6.0	5,666 + 2.1	693 + 17.8	3,181 + 21.8	2,062 + 12.9	7,131 + 6.4	+ 181 —
1971†	... (a)	12,194	+ 4.8	5,327 - 2.5	850 + 23.5	3,233 + 4.4	2,443 + 18.3	7,532 + 5.3	+ 138 —
1972‡	... (a)	12,900	+ 5.8	5,470 - 1	1,200* + 40	3,270 + 3	2,780 + 14	7,935 + 5.1	+ 150 —
1973§	... (a)	13,990	+ 8.1	6,070 + 11	1,418 + 17	3,400 + 10	2,975 + 7	8,470 + 8.1	+ 100 —
1968-72	... (c)		+ 6.3		+ 17.2		+ 8.3	+ 12.4	+ 7.6

(a) = \$ juta. (b) = % tukaran berbanding dengan tahun lepas. (c) = % tukaran jatah tahunan.

\* Anggaran oleh Bahagian Ekonomi, Perbadanan.

† Ramalan oleh Bahagian Ekonomi, Perbadanan.

‡ Terhadap MAM pada tarikh penubuhan persekutuan MNC.

§ Terhadap MAM pada tarikh wawancara-suruhanjaya MAS dan MNC.

120. Seperti yang disebutkan dalam Bab I, permintaan dunia telah merupakan gejala petunjuk yang paling penting mengenai perkembangan setahun kesetahun ekonomi Malaysia. Semua tanda-tunjuk yang terdapat menunjukkan perdagangan dunia akan pesat meningkat sepanjang hampir keseluruhan tahun 1973. Dengan itu dapatlah dijangka bahawa ekonomi Malaysia akan mengalami kenaikan permintaan eksport yang bertambah selepas pemulihannya yang telah menjadi nyata dalam bulan-bulan terakhir tahun 1972. Tahun 1973 akan merupakan satu tahun pemulihan yang didorongkan oleh eksport, sama seperti tahun 1968/69 atau tahun 1964/65, walaupun besar kemungkinannya kekuatan pemulihan eksport itu kurang dari tahun perlumbungan tahun 1968/69 yang luarbiasa itu.

121. Permintaan dan pengeluaran di dalam kawasan-kawasan perusahaan utama (Amerika Utara, Eropah Barat, Jepun) pada keseluruhannya telah berkembang kira-kira  $5\frac{1}{2}$  peratus pada tahun 1972 (dalam kadar sebenar). Pengeluaran dan permintaan dijangka akan berkembang pada kadar  $6\frac{1}{2}\%$  dalam tahun 1973. Perkembangan permintaan nampaknya sangat kuat di Tanah Besar Eropah dan Jepun, dengan ekonomi Amerika Syarikat berkembang di antara 6 dan  $6\frac{1}{2}$  peratus, iaitu kira-kira pada kadar yang sama dengan tahun 1972. Sejertiman biasa di masa peningkatan sepenuhnya di dalam negara-negara besar, perdagangan dunia akan bertambah agak lebih cepat. Nilai jumlah impot negara-negara kumpulan OECD akan meningkat naik sebanyak kira-kira 12%, berbanding dengan 9% dalam tahun 1972. Ini memberi sumbangan kepada kenaikan yang berterusan harga bahan-bahan mentah dunia, yang telah bermula pada tahun 1972. Sebaliknya, adalah dijangkakan bahawa inflasi kos di negara-negara perusahaan akan berterusan pada tingkat yang agak tinggi, dan perkembangan permintaan ini akan membenarkan kenaikan harga selanjutnya,

dan dengan itu harga ekspot negara-negara perusahaan akan juga meningkat naik. Oleh itu nisbah kos impot ekspot negara-negara perusahaan dan negara-negara membangun akan berubah sedikit sahaja.

122. Mengenai permintaan terhadap ekspot Malaysia, tahun 1973 adalah tahun pemulihan selepas dua tahun morosot. Adalah dijangkakan yang jumlah ekspot barang-barang dan perkhidmatan akan meningkat naik sebanyak 11%. Pandangan yang optimistik ini adalah disokong oleh pemulihian yang berlaku baharu-baharu ini terhadap pasaran-pasaran getah dan lain-lain ekspot utama dan ramalan tentang pertambahan impot yang pesat di Jepun (+17 peratus) dan Eropah Barat (+12 peratus), iaitu dua kawasan di mana pada masa-masa yang lalu kuat sekali mempengaruhi turun naik ekspot Malaysia. Berasaskan kepada arah aliran pasaran barang dunia, adalah dijangkakan yang harga getah purata adalah dalam lingkungan 110 sen sekiло. Nampaknya permintaan asing akan mendorong pengeluaran perusahaan di Malaysia secara lebih langsung lagi daripada waktu pemulihan yang telah lalu, kerana ekonomi telah menunjukkan satu kecenderungan untuk mengekspot lebih banyak keluaran-keluaran yang telah diproses. Penggalak ekspot ini telah ternyata di setengah-setengah bidang perkilangan yang mana Malaysia telah membuktikan keupayaan pertandingan yang sebenarnya, seperti memproses kayu kayan.

123. Berdasas kepada sangkaan penggalak ekspot perkilangan yang awal, adalah dijangka bahawa pelaburan swasta, sekurang-kurangnya bagi setengah-setengah sektor ekonomi, akan meningkat naik agak lebih awal, dan gunatunamen akan bergerak lebih kuat ke arah kenaikan dalam permintaan ekspot daripada dalam edaran yang lampau. Pelaburan swasta sepatutnya berkembang lebih tinggi daripada kadar purata tahun 1968-1972, walaupun setengah-setengah sektor penggantian impot akan merasai susah untuk menambah lagi keupayaan mereka. Adalah dijangka bahawa pelaburan swasta akan berkembang dalam lingkungan 10% dari segi nominal (dan 8 peratus dari segi sebenar). Pandangan yang lebih optimistik ini adalah juga didasarkan kepada hakikat bahawa Malaysia telah berjaya menarik beberapa urusan perusahaan utama yang baharu bagi memenuhi kehendak pasaran ekspot. Beberapa projek lektronik di Selangor, Pulau Pinang, dan Melaka adalah dijadualkan memulakan urusan mereka dalam tahun 1973.

124. Permintaan dalam sektor awam akan terus menambahkan daya pengembang kepada ekonomi. Peralihan dalam pertambahan dari perbelanjaan pengguna kepada perbelanjaan pelaburan akan timbul, terutama sekali oleh Kerajaan Persekutuan. Penggunaan Kerajaan, yang telah naik begitu pesat sekali dalam tahun-tahun kebelakangan ini, nampaknya akan berkembangan dengan perlahan pada kadar kira-kira 7%. Berdasarkan kepada Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Persekutuan sebanyak \$1,125 juta, iaitu 17% lebih tinggi daripada angka yang sama bagi tahun 1972 (*lihat Jadual 1 muka surat 17*), dan kenaikan dalam perbelanjaan langsung pembangunan (tidak termasuk pertahanan) sebanyak 15%, maka bolehlah dijangkakan bahawa jumlah pelaburan tetap awam akan meningkat sekurang-kurangnya sebanyak 17% dalam tahun 1973. Usaha-usaha di bawah Dasar Ekonomi Baharu untuk mempercepatkan penyediaan projek, dan melicinkan sekatan-sekatan terhadap perlaksanaan akan membolehkan tercapainya kenaikan ini dengan projek-projek yang produktif dan menasabah dari pandangan ekonomi. Rancangan-rancangan yang besar adalah untuk pembangunan serantau, termasuk projek-projek Pahang Tenggara dan Johor Tenggara, yang meliputi kawasan seluas lebih daripada 3.2 juta ekar, dan menyiapkan kajian-kajian rancangan utama (master plan) untuk rantaui Miri-Bintulu (Sarawak), untuk lembah Kelang dan untuk Trengganu. Sebanyak \$366 juta akan dibelanjakan untuk rancangan-rancangan pertanian, seperti kemajuan tanah, penanaman semula getah, ternakan dan perikanan. Sebanyak \$108 juta daripada perbelanjaan pembangunan akan membayai penggalakan perusahaan dan perdagangan, antara lainnya ialah untuk Perbadanan Kemajuan Getah (MRDC), rancangan-rancangan kiat Lembaga Pembangunan Bandar (UDA), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan MARA. Sejumlah wang yang besar adalah dikhaskan bagi pengangkutan dan perhubungan (\$364 juta). Projek-projek lebohraya yang besar (Lebohraya Timur-Barat dari Kelantan ke Perak, Lebohraya Timur-Barat di Sabah, jalanraya Kota Kinabalu-Ranau dan jalanraya Semporna-Kunah-Lahat Datu), telah pun bermula atau hampir-hampir dalam perengkat perlaksanaan. Bantuan luar negeri mungkin boleh diperolehi bagi projek-projek ini. Kerja-kerja memperbesarkan lapangan terbang Pulau Pinang adalah dijadual akan bermula dengan segera dan kerja-kerja bagi lapangan terbang Johor telah berjalan dengan lancar. Projek

pelabuhan baharu di utara Kuantan telah sampai kepada perengkat pengajian kejuruteraan yang lengkap, dan projek meluaskan Tambak Johor ke Singapura nampaknya akan dijalankan dalam tahun 1973, dengan kemungkinan mendapat bantuan pinjaman dari Bank Pembangunan Asia.

125. Kerajaan-kerajaan negeri adalah dijangkakan akan melabur kira-kira \$275 juta, dan badan-badan berkanun akan melabur hampir \$300 juta daripada punca-punca mereka sendiri, iaitu untuk lektrik, keretapi, pelabuhan dan perhubungan. Sebagai tambahan, badan-badan berkanun ini akan membayai projek-projek pembangunan mereka dengan pinjaman-pinjaman luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Projek-projek besar dari jenis ini ialah Pembangunan Pelabuhan Kota Kinabalu, Sandakan, Kuching dan Sibu dan projek-projek lektrik di Malaysia Barat dan Timur.


126. Penggunaan swasta yang berkembang dengan begitu setabil dari tahun ke setahun, adalah dijangkakan meningkat naik sebanyak 6% dalam tahun 1973, iaitu lebih sedikit daripada tahun 1972. Ini sebahagiannya, disebabkan oleh pertumbuhan dalam gunatenaga dan pendapatan dan sebahagiannya pula disebabkan oleh bertambahnya proses perbandaran yang biasanya membawa kepada meningkatnya penggunaan swasta. Penggunaan swasta dari segi sebenar patut meningkat naik sebanyak kira-kira 4% iaitu kira-kira 2% atas asas per kapita. Pertambahan begini adalah sejajar dengan apa yang biasanya berlaku di tahun-tahun awal pemulihran ekspot.

127. Seperti dalam tempuh pemulihran yang lampau, kenaikan jumlah besar permintaan yang diramalkan ini, akan membawa kepada kecepatan dalam impot, yang mana harga-harganya akan juga meningkat lebih dari di luar kenaikan sebenar, dengan terdapatnya kemungkinan berterusnya inflasi dunia. Berdasarkan kepada pengalaman yang lampau, dan sekiranya pelaburan meningkat seperti yang dijangka, tambahan impot nominal sebanyak 9% telah di duga. Ini bererti bahawa kurangan yang besar di dalam kira-kira barang-barang dan perkhidmatan akan berkurangan menjadi kira-kira \$370 juta.

128. Berasaskan kepada sangaan-sangaan ini, KNK akan meningkat naik sebanyak 8% hingga 9% dari segi nominal dan kira-kira 6% dari segi sebenar. Per kapita KNK menghampiri hingga 9% dari segi nominal dan kira-kira 6% dari segi sebenar. Perbezaan di antara perkembangan KNK sebenar dan nominal \$1,200 dalam segi nominal. Perbezaan di antara perkembangan KNK sebenar dan nominal akan menjadi lebih besar daripada tahun-tahun akhir ini, kerana harga-harga eksport akan meningkat lebih tinggi. Harga-harga eksport utama mungkin kekal pada paras edaran yang tinggi bagi hampir sepanjang tahun 1973. Kadar pertumbuhan sebenar (6%) yang agak tinggi akan mudah sahaja diselaraskan dengan adanya keupayaan pengeluaran dalam ekonomi Malaysia, memandangkan kepada hakikat bahawa perkembangan yang lambat di tahun-tahun yang lalu telah menyebabkan keluaran kebelakangan ketinggalan jumlah besar keupayaan daya pengeluaran ekonomi, yang mengandungi pertumbuhan stok modal yang berterusan dan tenaga buruh yang makin perkembang (Rajah 14). Walau bagaimanapun, masih lagi terdapat kelambatan dalam perkembangan ekonomi, sekiranya disangka bahawa ekonomi mencapai keupayaan maksima dalam tahun 1969, dan bahawa pertumbuhan kemungkinan pengeluaran jangka panjang ialah pada kadar 5% setahun, iaitu satu kadar yang telah tercapai pada masa 10 tahun yang lampau. Dengan yang demikian masih terdapat keupayaan bagi memenuhi perkembangan permintaan yang lebih pesat tanpa halangan penawaran yang berlusuan dan tanpa mengakibatkan inflasi bagi ekonomi negara.

RAJAH 14

## PERTUMBUHAN KEUPAYAAN DAN PENGELUARAN - KNK DALAM HARGA 1970, MALAYSIA<sup>1</sup> -



<sup>1</sup> ANGGARAN DAN RAMALAN OLEH BAHAGIAN EKONOMI, PERBENDAHARAAN.

## LAMPIRAN

### Kalender Peristiwa-peristiwa Ekonomi yang Penting 1960-1972

#### 1960

- Mac 30 — Penubuhan Syarikat Pemodalran Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDF)—satu saluran wang untuk membayai perusahaan-perusahaan kedua dalam negeri.
- Mei 9 — Permulaan perniagaan Pasaran Saham di Persekutuan Tanah Melayu.
- Ogos 31 — Tamatnya darurat yang telah diistiharkan kerana kegiatan-kegiatan komunis dalam tahun 1948.

#### 1961

- Januari 1 — Perjanjian Matawang Malaya British Borneo, 1960, meminda Perjanjian tahun 1950, menguntukkan pengeluaran "fiduciary" yang terhad.
- Februari 9 — Parlimen meluluskan Rancangan Lima Tahun Persekutuan Tanah Melayu Yang Kedua.
- Mac 4 — Kenaikan nilai matawang Deutsche mark.
- Julai 30 — Perjanjian Bijih Timah Antarabangsa Yang Pertama ditamatkan dan Perjanjian Bijih Timah Yang Kedua bermula.
- Julai 31 — Penubuhan ASA (Persatuan Negara-negara Asia Tenggara) berikut dengan Peristiwaran Bangkok.
- Ogos 23 — Mesyuarat pertama di antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mengenai pembentukan Malaysia.
- Oktober 16 — Parlimen Tanah Melayu meluluskan pada dasarnya cadangan pembentukan Malaysia.
- November 23 — Kenyataan bersama oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan United Kingdom meluluskan pembentukan Malaysia.
- Disember 21 — Cukai ekspot ke atas besi bertambah dari 10% *ad valorem* kepada 15% *ad valorem*.  
— Cukai impot ke atas jam tangan dan jam-jam kecil diturunkan dari 25% kepada 10%.

#### 1962

- Januari 1 — Mengenakan nisbah kecairan minima sebanyak 25% dari jumlah simpanan ke atas bank-bank perdagangan oleh Bank Negara.
- Jun 21 — Suruhanjaya Jawatankuasa Cobbold melapurkan sebahagian besar dari rakyat Sabah dan Sarawak menyokong pembentukan Malaysia.
- Julai 20 — Persekutuan Tanah Melayu menetapkan nilai tara permulaan bagi ringgit Tanah Melayu sebanyak 0.290299 gram mas tulin atau 32.6667 sen AS. bagi tiap-tiap satu ringgit Tanah Melayu dengan Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF).
- Ogos 15 — Parlimen mengesahkan Perjanjian Malaysia.
- November 28 — Cukai impot ke atas tembakau, rokok dan minyak petrol dinaikkan dan cukai ke atas petis ikan dihapuskan.  
— Cukai impot ke atas semua pen dan pensel diturunkan dari 25% kepada 10% *ad valorem*.  
— Cukai impot ke atas timah putih dalam minyak dan perekat aluminium sebanyak 20% *ad valorem* dihapuskan.  
— Chukai impot ke atas penyediaan perubatan bagi kegunaan hawian sebanyak 25% *ad valorem* dihapuskan.
- Disember 1 — Bayaran lesen tahunan kenderaan berjinjin dinaikkan sebanyak 10%.

**1963**

- Januari — Memulakan sebahagian sistem "Pay As You Earn" (PAYE) bagi pungutan cukai pendapatan.
- Januari 16 — Akta Insuran Menyeluruh (meliputi insuran nyawa dan am) dikuatkuasakan.
- April 4 — Memperluaskan liputan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja (KWSP) daripada majikan yang mempunyai 5 pekerja dan lebih kepada majikan yang mempunyai 3 pekerja dan lebih.
- Julai 9 — Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Britain menandatangani perjanjian penubuhan Malaysia.
- Julai 19 — Pelancaran £5 juta pinjaman dipasaran London oleh Persekutuan Tanah Melayu—pinjaman pasaran luar negeri yang pertama dibuat sejak Merdeka.
- Ogos 26 — D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong memperkenankan Rang Undang-Undang Malaysia.
- September 9 — Bank Negara diberi kuasa meminjam, menetapkan atau menjaminkan kredit dalam mana-mana matawang, di dalam dan di luar Tanah Melayu.
- September 16 — Penubuhan Malaysia yang mengandungi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.
- Akta Lembaga Penasihat Tarif dikuatkuasakan. Lembaga untuk menasihat Kerajaan ke atas penubuhan pasaran bersama dalam Malaysia.
- Disember 16 — Belanjawan Malaysia yang Pertama dikemukakan oleh Menteri Kewangan.
- Cukai impot sebanyak \$20 satu tan ke atas getah asli mentah dihapuskan.

**1964**

- Jun — Lembaga Penasihat Tarif dianggotai sepenuhnya.
- Ogos 6 — Akta Pengawalan Pertukaran, 1953 diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Singapura.
- November 25 — Keputusan untuk mengenakan cukai keuntungan modal diumumkan.
- Cukai ekspot ke atas minyak kelapa sawit bertambah dari 5% kepada 7½% *ad valorem*.
- Lesen memandu dan bayaran-bayaran ujian bertambah dari \$5 ke \$10 setahun. Bayaran Pendaftaran bagi motokar bertambah dari \$5 kepada \$15 dan bagi motosikal dari \$2 kepada \$5.

**1965**

- Januari 1 — Cukai Daftar Gaji sebanyak 2% dikenakan di Malaysia Barat.
- Cukai sewa filem sebanyak 15% dikenakan.
- Cukai Perolehan sebanyak ½% dikenakan diseluruh Malaysia.
	Revenue			Current expenditure <sup>1</sup>	Special receipts <sup>2</sup>	
	Total	State sources	Federal grants			
1960 ..	.. .. .. .. (a)	202.1	136.5	65.6	166.2	0.1
1961 ..	.. .. .. .. (a) (b)	229.1 + 13.3	144.2 + 5.6	84.9 + 29.4	165.3 - 0.5	0.3
1962 ..	.. .. .. .. (a) (b)	234.2 + 2.2	157.0 + 8.9	77.2 - 9.0	170.9 + 3.4	4.3
1963 ..	.. .. .. .. (a) (b)	234.7 + 0.2	147.9 - 5.7	86.8 + 12.4	181.6 + 6.2	0.2
1964 ..	.. .. .. .. (a) (b)	369.2 + 57.3	241.4 + 63.2	127.8 + 47.2	303.3 + 66.9	8.4 —
1965 ..	.. .. .. .. (a) (b)	408.7 + 10.7	253.1 + 4.8	155.6 + 21.8	315.0 + 4.0	5.2 —
1966 ..	.. .. .. .. (a) (b)	461.6 + 12.9	299.6 + 18.3	162.0 + 4.1	349.4 + 10.9	4.7 —
1967 ..	.. .. .. .. (a) (b)	523.5 + 13.4	350.5 + 16.5	173.0 + 6.7	395.2 + 13.1	1.8 —
1968 ..	.. .. .. .. (a) (b)	578.7 + 10.5	394.1 + 12.5	184.6 + 6.7	400.6 + 1.4	1.3 —
1969 ..	.. .. .. .. (a) (b)	605.1 + 4.6	410.3 + 4.1	194.8 + 5.5	415.7 + 3.8	2.5 —
1970 ..	.. .. .. .. (a) (b)	635.7 + 5.1	460.8 + 12.8	174.9 - 10.2	442.7 + 6.5	5.3 —
1971 ..	.. .. .. .. (a) (b)	677.7 + 6.6	514.4 + 11.6	163.3 - 6.6	492.8 + 12.2	5.3 —
1972 ..	.. .. .. .. (a) (b)	704.8 + 4.0	539.5 + 4.8	165.3 + 1.2	516.6 + 4.0	3.8 —

<sup>1</sup> Tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Ayer tetapi termasuk Perbelanjaan Berulang dalam Kumpulan Wang Bekalan Ayer, bayaran pinjaman dan faedah.

<sup>2</sup> Terimaan-terimaan khas daripada punca-punca negeri dimasukkan kedalam Kumpulan Wang Pembangunan. (Tidak termasuk pinjaman-pinjaman dan pindahan daripada hasil).

<sup>3</sup> 1960-63 Negeri-negeri Tanah Melayu sahaja; 1964 seterusnya Malaysia.

— = bertambah.

<sup>4</sup> Anggaran disemak.

TABLE 7.7

STATE GOVERNMENTS—CONSOLIDATED ACCOUNT<sup>1</sup>  
\$ million, Malaysia

Perbelanjaan pembangunan			Keseluruhan lebihan/ kurangan-kurangan	Pembayaan		
Jumlah pembangunan	Kumpulan wang Pembangunan	Kumpulan wang bekalan ayer		Bayaran-bayaran baik Persekutuan	Pinjaman- pinjaman Persekutuan	Perubahan harta-harta <sup>4</sup>
<i>Development expenditure</i>				<i>Sources of finance</i>		
Total development	Development fund	Water supply fund	Overall surplus/ deficit	Federal reimbursements	Federal loans	Change in assets <sup>4</sup>
29.6	27.8	1.8	6.4	3.6	0.3	-10.3
80.1 + 170.6	71.9 + 158.6	8.2 + 355.0	-16.0	12.7 + 252.7	10.4 + 3,366.6	-7.1
152.1 + 90.0	134.3 + 71.4	17.8 + 177.0	-84.3	55.4 + 336.2	21.7 + 108.7	+ 7.2
140.1 - 7.9	117.4 - 12.5	22.7 + 27.5	-86.8	53.8 - 2.9	22.8 + 5.1	+ 10.2
205.3 + 46.5	182.7 + 50.6	22.5 - 0.9	-130.6	70.1 + 30.3	46.8 + 105.3	+ 13.7
185.8 - 9.5	141.9 + 22.3	23.9 + 6.2	-85.9	66.5 - 5.1	32.7 - 30.1	-13.3
162.9 - 12.3	142.2 + 0.2	20.7 - 13.4	-46.0	63.4 - 4.7	26.3 - 19.6	-43.7
164.7 + 1.1	152.5 + 7.2	12.2 - 41.1	-34.6	56.5 - 10.9	35.3 + 34.2	-57.2
198.3 + 20.4	191.6 + 25.6	16.7 + 36.9	-18.9	64.4 + 14.0	24.4 + 30.9	-69.9
220.6 + 1.1	215.7 + 12.6	4.9 - 70.7	-28.7	56.1 - 12.5	19.2 - 21.3	-46.6
249.5 + 13.1	241.0 + 11.7	8.5 + 73.5	-51.2	51.3 - 8.6	35.6 + 85.4	-35.7
276.8 + 10.9	246.5 + 2.2	30.2 + 255.2	-90.5	56.4 + 9.9	39.2 + 10.1	-4.2
300.0 + 8.3	268.5 + 8.9	31.5 + 4.3	-108.0	70.6 + 25.1	47.0 + 19.8	-9.6

<sup>1</sup> Excluding contribution to Development and Water Supply Funds but including recurrent expenditure from Water Supply Fund, loan repayments and interest.<sup>2</sup> Special receipts from State sources credited to Development Fund (excluding loans and transfers from revenue).<sup>3</sup> 1960-63 States of Malaya only; 1964 onwards Malaysia.<sup>4</sup> - = increase.<sup>5</sup> Revised estimate.

JADUAL 7.8

## KIRA-KIRA BADAN-BADAN BERKANUN YANG DISATUKAN<sup>1,2</sup>

S juta

<sup>1</sup> 1960-63 Negeri-negeri Tanah Melayu sahaja; 1964 seterusnya, Malaysia.

<sup>2</sup> Lembaga Letrik Negara (tahun kewangan berakhir pada 31 Ogos), Keretapi Tanah Melayu, Lembaga Pelabuhan Kelang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Letrik Sabah, Lembaga Pelabuhan Kuching, Persyarikatan Pembekal Lelira Sarawak, Dewan Bandaraya Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan Majlis Bandaran Ipoh dan Melaka. Termasuk Talikom mulai tahun 1971.

3 - = bertambah.

TABLE 7.8  
PUBLIC AUTHORITIES CONSOLIDATED ACCOUNT<sup>1,2</sup>,  
\$ million

Perbelanjaan pembangunan	Keseluruhan lebihan/kurangan	Pembentukan			
		Pemberian Persekutuan	Pinjaman bersih Persekutuan/Negeri	Pinjaman bersih luar negeri	Perubahan harta <sup>3</sup>
<i>Development expenditure</i>	<i>Overall surplus/deficit</i>	<i>Sources of finance</i>			
		<i>Federal grants</i>	<i>Net borrowing from Federal/State Governments</i>	<i>Net foreign borrowing</i>	<i>Change in assets</i> <sup>3</sup>
51.6	- 17.9	0	23.2	6.9	- 12.2
73.6	+ 42.6	- 36.5	0	35.2 + 51.7	8.9 + 29.0 - 7.6 -
118.5	+ 61.0	- 79.1	0.8	53.8 + 52.8	21.7 + 143.8 + 3.6 -
117.3	- 1.0	- 78.8	12.3	42.6 - 20.8	24.2 + 11.5 + 12.0 -
119.8	(+ 2.1)	- 70.8	22.7	44.1 (+ 3.5)	15.3 (- 36.8) + 11.4 -
132.2	+ 10.4	- 76.4	17.4	14.9 - 66.2	29.4 + 92.2 + 31.7 -
167.1	+ 26.4	- 105.3	36.9	13.7 - 8.1	44.7 + 52.0 10.2 -
167.0	- 0.1	- 99.9	31.3	13.2 - 3.6	51.8 + 15.9 2.2 -
161.8	- 3.1	- 86.6	13.7	22.5 - 70.5	40.6 + 21.6 8.9 -
129.5	- 20.0	- 40.4	8.7	14.8 - 34.2	30.8 - 24.1 - 8.6 -
100.6	- 22.3	4.5	3.2	16.3 + 10.1	4.6 - 85.1 - 26.0 -
190.6	(+ 89.5)	- 30.0	2.6	23.7 + 45.4	3.5 - 23.9 + 0.2 -
284.7	+ 49.4	- 121.7	2.2	53.7 + 126.6	21.9 + 525.7 + 43.9 -

<sup>1</sup> 1960-63, States of Malaya only; 1964 onwards, Malaysia.

<sup>2</sup> National Electricity Board (financial year ending 31st August), Malayan Railway Administration, Klang Port Authority, Penang Port Commission, Sabah Electricity Board, Kuching Port Authority, Sarawak Electricity Supply Corporation, City Councils of Penang and Kuala Lumpur and Municipalities of Ipoh and Malacca. Including Telecoms from 1971 onwards.

<sup>3</sup> - = increase.

JADUAL 7.9

**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KALANGAN AWAM  
PENGELASAN MENGIKUT FUNGSI<sup>1</sup>**

\$ juta

	Perbelanjaan pembangunan, jumlah	Keselamatan	Perkhidmatan masyarakat			Pertanian dan pembangunan luar bandar
			Jumlah	dari itu: Pelajaran	dari itu: Kesihatan	
			<i>Social services</i>			
	<i>Development expenditure, total</i>	<i>Security</i>	<i>Total</i>	<i>of which: Education</i>	<i>of which: Health</i>	<i>Agriculture and rural development</i>
1960	.. (a) 199	11	25	14	5	60
1961	.. (a) 347 (b) + 74.4	23 + 109.1	49 + 96.0	28 + 100.0	9 + 80.0	72 + 20.0
1962	.. (a) 537 (b) + 54.8	28 + 21.7	88 + 79.6	44 + 57.1	30 + 233.3	108 + 50.0
1963	.. (a) 579 (b) + 7.8	62 + 121.4	81 - 8.0	46 + 4.5	19 - 36.7	88 - 18.5
1964	.. (a) 672 (b) (+ 16.1)	72 (+ 16.1)	122 (+ 50.6)	51 (+ 10.9)	18 (- 5.3)	129 (+ 46.6)
1965	.. (a) 740 (b) + 10.1	120 + 66.7	111 - 9.0	70 + 37.3	27 + 50.0	133 + 3.1
1966	.. (a) 813 (b) + 9.9	179 + 49.2	130 + 17.1	63 - 10.0	36 + 33.3	158 + 18.8
1967	.. (a) 786 (b) - 3.3	134 - 25.1	129 + 0.8	52 - 17.5	35 - 2.8	182 + 15.2
1968	.. (a) 827 (b) + 5.2	99 - 26.1	153 + 18.6	53 + 1.9	26 - 25.7	239 + 31.3
1969	.. (a) 841 (b) + 1.7	105 + 6.1	141 - 7.8	44 - 16.0	22 - 15.4	260 + 8.8
1970	.. (a) 994 (b) + 18.2	172 + 63.8	114 - 19.1	45 + 2.3	24 + 9.1	259 + 0.4
1971	.. (a) 1,427 (b) + 43.6	217 + 26.2	182 + 59.6	86 + 91.1	23 - 4.2	303 + 17.0
1972	.. (a) 1,619 (b) + 13.5	237 + 9.2	244 + 34.1	109 + 26.7	35 + 55.2	361 + 19.1
1960-70	.. (b) + 17.5	+ 32.0	+ 16.4	+ 12.4	+ 17.0	+ 15.7
1970-72	.. (b) + 27.5	+ 17.4	+ 46.3	+ 55.2	+ 20.5	+ 18.0

<sup>1</sup> 1960-63 Negeri-negeri Tanah Melayu; 1964 seterusnya Malaysia.

*Sumber:* Bahagian Perancang Ekonomi.

TABLE 7.9


PUBLIC SECTOR DEVELOPMENT EXPENDITURE  
BY FUNCTIONAL CLASSIFICATION<sup>1</sup>

\$ million

Kemudahan awam	Perdagangan, pengangkutan dan perhubungan				Perkhidmatan am
	Jumlah	dari itu: Perdagangan dan perusahaan	dari itu: Pengangkutan	dari itu: Perhubungan	
Public utilities	Commerce, transport and communication				General administration
	Total	of which: Commerce and industry	of which: Transport	of which: Communication	
44	51	1	42	8	8
76	+ 72.7	107	+ 109.8	2	-
108	+ 42.1	176	+ 64.5	0	-
112	+ 3.7	180	+ 2.3	25	-
135	(+ 20.5)	190	(+ 5.6)	14	(- 44.0)
135	- 0	192	+ 1.1	11	- 21.4
160	+ 18.5	154	- 19.8	28	+ 154.5
144	+ 10.0	176	+ 14.3	39	+ 39.3
140	- 2.8	170	- 3.4	30	- 23.1
97	- 30.7	205	+ 20.6	44	+ 46.7
146	+ 50.5	272	+ 32.7	109	+ 147.8
136	- 6.8	554	+ 103.7	273	+ 150.5
146	+ 7.4	583	+ 5.2	198	- 27.5
	+ 12.8		+ 18.2		+ 60.0
	0		- 46.3		+ 34.7
					+ 10.1
					+ 55.0
					+ 21.0
					+ 50.3
					+ 14.5
					+ 24.3

<sup>1</sup> 1960-63 States of Malaya only; 1964 onwards Malaysia.


Source: Economic Planning Unit.




## FAHRASAT

(Rujukan ini ialah bagi perenggan dalam teks, rujukan dalam ( ) ialah bagi jadual dalam Lampiran Perangkaan)

- Badan-badan Berkanun** 3, 37, 51-52, 123-124 (7.8).  
**Bekalan Wang** 60-61, (6.1).  
**Beras** 74, (4.2), (5.2).  
**Bijih Timah** 26, 79, 100, 110, (4.2), (5.2).  
**Bil-bil Perbendaharaan** 43, (6.1), (7.6).  
**Cukai Ekspot** 13, 46, 48 (7.3).  
**Cukai, hasil** 13, 44-48, (7.3).  
**Cukai Pendapatan** 13, 45, 48, (7.3).  
**Dasar anti-edaran** 3, 32-35, 41, 100-101.  
**Daya Pengeluaran** 127.  
**Edaran Perniagaan** 10, 13, 33, 119-121, 127.  
**Ekspot** 2, 11-12, 16, 18-20, 24-31, 100, 107-108, 119-122, (1.1), (3.1) (3.2), (3.3), (3.6), (5.1).  
**Getah** 2, 24-25, 69-71, 85, 99-100, 121, (4.2) (5.2).  
**Gunatenaga** 13, 86-87, 111-114, (4.5).  
**Harga-harga impot** 55, 57-58, 103-106, (5.3).  
**Harga-harga pengguna** 57-59, 103-106, 125, (2.3), (5.4).  
**Hutang awam** 43, 95, (7.6).  
**Imbanan Pembayaran** 8, 13, 21-23, 92-95, 107-110, (3.7).  
**Impot** 7, 13, 55, 66, 88-91, 107-108, (1.1), (3.4), (3.5), (3.6), (4.1), (5.3).  
**Impot Modal** 8, 94, (3.7).  
**Kadar pertukaran** 16, 19, 21-23, 103, 110, (6.4).  
**Kaya Kayan** 28-29, 76-77, 82, (4.2).  
**Kerajaan Negeri** 3, 37, 49-50, 124 (7.7).  
**Kerajaan Persekutuan** 37-48, 94, 104, 123, (7.2), (7.3), (7.4), (7.5), (7.6).  
**Keselamatan** 37, 42 (7.4).  
**Kesihatan** 42, (7.4), (7.9).  
**KNK** 1, 9, 10-13, 63, 67, 97-102, 118-127, (1.1).  
**Matlamat Rancangan Malaysia Kedua** 3, 38, 96-117.  
**Minyak Kelapa Sawit** 27, 31, 72-73, (4.2), (5.2).  
**Minyak Petroleum** 80, (4.2).  
**Negara-negara perusahaan** 11-12, 14-19, 90, 120 (2.1), (2.2), (2.3).  
**Nisbah kos ekspot-impot** 14, 102, 120, (5.3).  
**Pasaran saham** 64-65.  
**Pelaburan, awam** 36-38, 123-124 (1.1).  
**Pelaburan, swasta** 4, 13, 30, 54-56, 62, 122 (1.1), (4.1).  
**Pelajaran** 42, 113-114, (7.4), (7.5).  
**Pelancungan** 30, (3.7).  
**Pembahagian pendapatan** 115-117.  
**Pembaharuan dasar kewangan antarabangsa** 21-22.  
**Pengangguran** 6, 13, 86-87, 111-114 (4.5).  
**Pengeluaran** 5, 66-87, 127, (1.2), (4.2), (4.3).  
**Pengunaan awam** 39-43, 123, (1.1).  
**Pengunaan swasta** 4, 57-59, 125, (1.1), (4.1).  
**Perbadanan Kemajuan Negeri** 52, 123.  
**Perbelanjaan Pembangunan** 36-38, 123, (7.1), (7.2), (7.5), (7.9).  
**Perindustrian** 83, 85, 122, lihat juga perkilangan.  
**Perjanjian Jaminan Sterling** 23.  
**Perkembangan-perkembangan Kewangan** 21-23, 60-65 (6.1), (6.2), (6.3), (6.4), (7.6).  
**Perkilangan** 5, 81-83, 85, 121-122 (1.2), (4.3).  
**Permintaan Sektor Awam** 3, 32-43, 101, (7.1).  
**Pertanian** 5, 68-76, 85, 100 (1.2), (4.2).  
**Perusahaan-perusahaan ekspot** 2, 77, 81-83, 122.  
**Perubahan Struktur** 85, 112-113.







# LAPURAN EKONOMI

## 1973-74

PERBENDAHARAAN  
MALAYSIA

MS  
530.9595  
MKKLE  
f

*Dicetak oleh dan boleh didapati daripada:*

Mohd. Daud bin Abdul Rahman  
Ketua Pengarah Percetakan, Semenanjung Malaysia,  
Jalan Chan Sow Lin,  
Kuala Lumpur 07-03

Harga: \$5.00

Perbendaharaan  
Malaysia

# LAPURAN EKONOMI 1973-74

Lapuran Ekonomi ini adalah lapuran *kedua* yang dibentang sebagai dokumen berasingan oleh Menteri Kewangan bersama dengan Belanjawan. Adalah diharapkan bahawa lapuran ini akan dapat mengemukakan kepada Parlimen dan orang ramai dengan satu kajian dan analisa yang luas mengenai ekonomi negara.

Lapuran ini adalah menunjukkan peranan Perbendaharaan yang bertambah dalam pengurusan ekonomi dan kewangan. Tujuan lapuran tahunan ini adalah untuk memberi maklumat mengenai ekonomi Malaysia yang bertambah kompleks dalam bentuk yang kemas. Bagi pertama kalinya di Malaysia, satu percubaan adalah dibuat untuk memberi ulasan mengenai *kualiti kehidupan* dalam negeri, dengan menggunakan petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi.

28022


KUALA LUMPUR  
DISEMBER 1973

# EKONOMI NEGARA DALAM TAHUN 1973

- ANGGARAN -


## PENAWARAN

BARANGAN DAN  
PERKHIDMATAN  
(\$22,780 mil)



## PERMINTAAN

BARANGAN DAN  
PERKHIDMATAN  
(\$22,780 mil)




## BELANJAWAN PERSEKUTUAN 1973

- ANGGARAN -

SUMBER HASIL :

(\$ 4,560 mil)



DIPERGUNAKAN UNTUK:

(\$ 4,560 mil)



## MALAYSIA—DATA-DATA YANG PENTING

<b>LUAS KAWASAN</b>	128,308 batu persegi	
Semenanjung Malaysia	50,670 batu persegi	
Sabah dan Sarawak	77,638 batu persegi	
<b>PENDUDUK (1973):</b>		
Semenanjung Malaysia	9.9 juta	
Sabah dan Sarawak	1.8 juta	
Pertumbuhan purata penduduk (1962-1973)	2.8% setahun	
Kadar Kelahiran Kasar (1971)	32.6 setiap 1,000	
Kadar Kematian Kasar (1971)	6.8 setiap 1,000	
Jangka Hayat (1970)	62 tahun (lelaki) 66 tahun (perempuan)	
Kadar Keupayaan membaca dan menulis orang-orang dewasa (1970)	68%	
Penduduk dalam lingkungan umur bekerja di antara 14-64 tahun (1970)	5.6 juta	
Kadar Pengangguran (1973)	7.3%	
<b>KELUARAN NEGARA KASAR (1973):</b>		
KNK perkapita (ASS1 = 2.39 Ringgit)	\$1,360 (ASS\$569)	
Penggunaan Kerajaan sebagai % daripada KNK	20%	
Penggunaan Swasta sebagai % daripada KNK	57%	
Pelaburan tetap awam sebagai % daripada KNK	9%	
Pelaburan tetap Swasta sebagai % daripada KNK	9%	
Tabungan sebagai % daripada KNK	22%	
KNK Semenanjung Malaysia sebagai % daripada jumlah KNK	83%	
Pertanian sebagai % daripada KDNK	30%	
Getah sebagai % daripada KDNK	11%	
Barang-barang Perkilangan sebagai % daripada KDNK	15%	
Pembinaan sebagai % daripada KDNK	4%	
<b>KEWANGAN KERAJAAN (1973):</b>		
Hasil Semasa	\$3,304 juta	
Perbelanjaan Semasa	\$3,285 juta	
Perbelanjaan Pembangunan	\$1,295 juta	
<b>IMBANGAN PEMBAYARAN (ANGGARAN 1973):</b>		
Jumlah Nilai eksport-ekspot barang dan perkhidmatan	\$7,559 juta	
Jumlah Nilai impot-impot barang dan perkhidmatan	\$6,896 juta	
Lebihan keseluruhan	\$ 505 juta	
Cadangan Bersih Luar Negeri (Okttober 1973)	\$3,253 juta	
Cadangan Bersih Luar Negeri sebagai % daripada impot (Oktober 1973)	80% (menyamai kira-kira 8 bulan paras impot yang digunakan)	
<b>MATAWANG (1973):</b>		
Kadar Pertumbuhan purata tahunan bekalan wang (1964-1972)	10%	
(Okttober 1972 hingga Okttober 1973)	36%	
Cadangan Bersih Luar Negeri sebagai % daripada bekalan wang (Oktobrr 1973)	95%	
Pariti Emas Ringgit Malaysia:		
Satu Ringgit Malaysia = 0.290299 gram emas		
Kadar Pertukaran Pasaran Ringgit Malaysia:		
(Pada 31hb Disember, 1957)	(Pada 15hb November, 1973)	(% Kenaikan nilai Ringgit)
ASS1 = 3.06 Ringgit	ASS1 = 2.39 Ringgit	+ 28%
£1 sterling = 8.57 Ringgit	£1 sterling = 5.72 Ringgit	+ 50%

<sup>1</sup> Semua data tahun 1973 adalah anggaran-anggaran terakhir.

## KANDUNGAN

MUKA

Ringkasan Keadaan Ekonomi—

### I. TINJAUAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi OECD—pertumbuhan menakjub tetapi kebimbangan inflasi masih ujud	...	3
Ekonomi-ekonomi ASEAN membangun dengan deras	...	5
Kedudukan kewangan antarabangsa dan ringgit Malaysia	...	7

### II. PERMINTAAN LUAR

Harga getah meningkat keparas yang tertinggi semenjak tahun 1960	...	...	...	11
Kayu-kayu sekarang menjadi sumber pendapatan ekspot yang kedua	...	...	...	11
Bijih timah—harga paling tinggi	...	...	...	13
Dua pertiga ekspot minyak kelapa sawit di dunia berasal dari Malaysia	...	...	...	15
Ekspot barang-barang buatan Malaysia naik 46%	...	...	...	15
Minyak petrolium—masa hadapan yang cerah	...	...	...	18
Perkembangan yang pesat dalam ekspot-ekspot perkhidmatan	...	...	...	20

### III. PERMINTAAN DALAM NEGERI—AWAM DAN SWASTA


Permintaan sektor awam—pertumbuhan sederhana dibenarkan	...	...	...	22
Pelaburan awam berkembang dengan sederhana	...	...	...	22
Penggunaan sektor awam tumbuh pada kadar yang lebih perlahan	...	...	...	26
Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan bertambah dengan sederhana	...	...	...	29
Hasil biasa berkembang dengan memuaskan	...	...	...	29
Pelaksanaan Belanjawan tahun 1973	...	...	...	33
Kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri—jumlah perbelanjaan bertambah sebanyak 5%	...	...	...	33
Badan-badan berkanun—perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak 59%	...	...	...	34
Permintaan sektor swasta tinggi	...	...	...	34
Pelaburan swasta meningkat sebanyak 20%	...	...	...	34
Penggunaan swasta—kenaikan yang paling tinggi	...	...	...	37
Harga-harga pengguna terus meningkat	...	...	...	38
Dasar wang—diperketatkan dengan sederhana	...	...	...	40
Pasaran saham Malaysia—sentimen menjual	...	...	...	40

	MUKA
<b>IV. BEKALAN—PENGELUARAN DAN IMPOT</b>	
KDNK naik 8% dalam harga tetap dan 21% dalam harga semasa ... ... ...	45
Pertanian pulih sebanyak 37% dalam harga semasa (14% dalam harga tetap) ... ...	45
Perhutanan dan perikanan—menggalakkan lagi pembahagian ... ... ...	48
Perlombongan dan memecah batu—harapan bertambah baik dengan terjumpanya telaga-telaga minyak baru-baru ini ... ... ...	49
Sektor perkilangan bertambah sebanyak 16%; terus memainkan peranan sebagai pendorong utama ... ... ...	50
Gunatenaga—keadaan melambung menambahkan peluang pekerjaan ... ... ...	51
Jumlah impot meningkat 18% ... ... ...	54
Impot barang meningkat 20% ... ... ...	54
Impot perkhidmatan bertambah lebih dari 15% ... ... ...	57
Lebihan besar imbalan pembayaran ... ... ...	57
<b>V. PENUNJUK-PENUNJUK SOSIO-EKONOMI</b>	
Pelajaran ... ... ...	60
Kawalan Kualiti alam sekitar ... ... ...	62
Kesihatan ... ... ...	63
Perumahan ... ... ...	64
Pembahagian pendapatan ... ... ...	65
Penduduk ... ... ...	67
Keselamatan awam ... ... ...	67
Kualiti keadaan bekerja ... ... ...	69
<b>VI. RAMALAN EKONOMI TAHUN 1974</b>	
Ramalan 1974: KNK meningkat sebanyak 7% dari segi sebenar ... ... ...	70
Kalendar peristiwa-peristiwa ekonomi yang penting—1960-73 ... ... ...	73
Senarai Jadual ... ... ...	82
Butir-butir perangkaan ... ... ...	83
Peta Malaysia ... ... ...	209

# KELUARAN NEGARA KASAR


MALAYSIA, PADA HARGA PASARAN SEMASA

- \$ JUTA, SKIL LOG -




RAJAH 4

## EDARAN PERNIAGAAN MALAYSIA



## PELABURAN SWASTA

<sup>1</sup> KNL SEMENANJUNG DECODE<sup>2</sup> KNL SEMENANJUNG MALAYSIA

## **Ringkasan Keadaan Ekonomi**

Tahun 1973 adalah tahun yang terkemuka bagi ekonomi Malaysia. Kenaikan di dalam edaran perniagaan, seperti yang diramalkan dalam Laporan Ekonomi 1972/73, telah menyebabkan perkembangan ekonomi yang paling tinggi di semua sektor-sektor.

KNK telah meningkat daripada lebih kurang \$13.2 biliun pada tahun 1972 kepada kira-kira \$15.9 biliun dalam tahun 1973; satu kenaikan yang paling tinggi melebihi 20% pada harga semasa. KNK pada harga tetap meningkat sebanyak lebih dari 8%. Krisis minyak yang berlaku sekarang bagaimanapun telah memberi kesan yang baik ke atas harga-harga barang Malaysia. Penunjuk-penunjuk terakhir membayangkan KNK pada harga semasa akan melebihi anggaran-anggaran terdahulu dan mungkin mencapai 22%.

Sektor ekspot telah menerima dorongan kuat dari pertumbuhan luar-biasa di negara-negara perusahaan terutamanya Amerika Syarikat, Eropah Barat dan Jepun, yang kesemuanya sama mengalami keadaan-keadaan melambung. Ekspot Malaysia telah melambung tinggi dalam tahun 1973 melebihi ekspot tahun 1972 sebanyak 42% dan dengan itu meninggikan lagi bahagiannya dalam KNK menjadi 48%. Getah pada tahun 1973 merupakan ekspot terkemuka dengan kenaikan pendapatan ekspotnya sebanyak 73% jika dibandingkan dengan tahun 1972; ekspot kayu-kayan telah meningkat sebanyak tidak kurang dari 115% menggantikan bijih timah sebagai sumber wang asing yang kedua besarnya. Bijih timah juga meningkat naik mencapai paras yang tertinggi; sementara ekspot perkilangan sebanyak 46%.

Permintaan sektor awam meningkat sebanyak 7% dalam tahun 1973 berbanding dengan 21% dalam tahun 1972. Kerajaan telah memainkan peranan yang kecil selaras dengan strateginya menentang edaran. Penggunaan sektor awam khasnya telah naik hanya sebanyak 6% dalam tahun 1973 berbanding dengan kenaikan-kenaikan yang melebihi 20% bagi dua tahun yang sudah. Sungguhpun demikian, pelaburan awam telah dinaikkan sebanyak 8½% sedang Dasar Ekonomi Baru mencapai perkembangan yang pesat.

Sementara permintaan sektor swasta meningkat sebanyak 15%, pelaburan swasta naik sebanyak 20% dalam tahun 1973 mengekalkan nisbahnya kepada KNK sebanyak 9½%. Pelaburan swasta dari segi sebenar meningkat sebanyak 5% berbanding dengan kekurangan (-10%) pada tahun 1972. Satu perempat daripada pelaburan swasta merupakan sumbangan daripada sektor perkilangan.

Penggunaan swasta yang merupakan unsur yang setabil dalam ekonomi telah meningkat sebanyak 14% nominal dan hampir 5% dari segi harga sebenar.

*Harga-harga pengguna meningkat sebanyak 10% merupakan perkembangan luar biasa semenjak dua puluh tahun lepas tatkala harga adalah paling setabil. Ini tidak ada bandingannya kerana ia meningkat kurang dari 1% tiap-tiap tahun.*

*Pengeluaran dalam negeri terutamanya oleh sektor pekebun-pekebun kecil berkembang rapat mengikuti pertambahan pada permintaan apabila KNK meningkat sebanyak 8% pada harga tetap dan 21% pada harga semasa.*

*Pengangguran yang masih pada paras sebanyak kira-kira 8% dalam tahun 1972 berkurangan kepada 7.3% dengan berlakunya pengujudan kerja yang bertambah semasa ekonomi melambung.*

*Dengan bertambahnya permintaan dalam negeri, impot barang-barang meningkat sebanyak 20%. Impot perkhidmatan mungkin meningkat dengan kadar yang lebih daripada yang dianggarkan sebanyak 15% jika tidak kerana perkembangan perkhidmatan perkapalan dan penerbangan Malaysia sendiri. Lebihan pembayaran yang besar pada keseluruhannya telah menambahkan lagi cadangan sebanyak lebih dari \$500 juta.*

*Tinjauan bagi tahun 1974 menunjukkan pertumbuhan KNK sebanyak 7% pada harga sebenar berbanding dengan 8% dalam tahun 1973. Ramalan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di negara-negara perusahaan akan bertambah buruk sekiranya krisis minyak terus berlaku sehingga tahun 1974. Walaupun demikian, dengan adanya kemungkinan penukaran kepada getah asli dan bijih timah daripada getah tiruan dan plastik, dan dengan adanya sebanyak 7 jumpaan minyak dan gas asli di Malaysia, dalam tahun 1973 sahaja, adalah diramalkan yang ekonomi akan mengalami pertumbuhan sederhana yang mungkin menjadi kuat. Kadar pertumbuhan sebenar sebanyak 7% untuk tahun 1974 adalah lebih tinggi daripada ramalan-ramalan untuk negara-negara perusahaan dan negara-negara membangun yang lain selain dari negara-negara pengeluar minyak yang utama.*

---

**NOTA:**

Analisa Lapuran ini di antara lain-lain ada merujuk kepada edaran perdagangan Malaysia dari 4 hingga 5 tahun (Rajah 4). Pengalaman di masa lalu menunjukkan bahawa turun-naik ekonomi Malaysia adalah mencerminkan tinggi rendah perdagangan dunia yang sebahagian besar adalah disebabkan keadaan permintaan dan pengeluaran di negara-negara perusahaan. Edaran Perdagangan Malaysia telah diterangkan dalam Lapuran Ekonomi 1972/73 muka surat 4-6.

## I. Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

### Ekonomi OECD—Pertumbuhan menakjub tetapi keimbangan inflasi masih ada

Pertumbuhan ekonomi negara-negara perusahaan utama dijangka mencapai kadar sebenar yang amat tinggi sebanyak 7% pada tahun 1973. Keadaan melambung yang bermula pada pertengahan tahun 1972 dan meningkat dengan cepat di sepanjang tahun 1973, (yang terkuat pernah dialami semenjak perang Korea tahun 1951) adalah pada mulanya disebabkan oleh perlaksanaan dasar-dasar ekonomi yang berkembang pada tahun 1972 bagi mengatasi kadar pertumbuhan yang perlahan. Lebihan keupayaan yang besar terutama di Amerika Syarikat (A.S.) dan Jepun membolehkan perkembangan kuat pada pertumbuhan dan gunatenaga. Disebalik itu pula perkembangan-perkembangan ini menguatkan lagi kecenderungan inflasi yang terus meningkat pada purata melebihi 6½% di negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Kemajuan Ekonomi (OECD). Tekanan yang bertambah terhadap harga-harga dan seterusnya ketegangan ke atas imbangan pembayaran menyebabkan kebanyakan negara-negara mengemukakan dasar-dasar wang ketat yang hampir serupa pada tahun 1973 oleh kerana kesemua negara-negara perusahaan berada pada peringkat edaran perniagaan yang agak sama. Ini berlainan dari masa dahulu di mana terdapat kelewatian di antara keadaan turun-naik di A.S. pada satu pihak dan Eropah Barat dan Jepun di pihak yang lain.

Langkah-langkah ini telahpun mula mengurangkan kadar pertumbuhan dan inflasi di negara-negara perusahaan yang utama dalam suku terakhir tahun 1973. Krisis kuasa yang sedang bertambah yang diburukkan pula oleh pertelingkahan di Asia Barat berserta dengan penyekatan bekalan minyak dijangka akan membantu pengeluaran seterusnya walaupun kenaikan semasa pada harga-harga minyak akan mengecewakan pengurangan pada kadar inflasi.

Secara ringkas, ramalan ekonomi untuk tahun 1974 menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan kadar inflasi yang terus tinggi.

### Keadaan melambung ekonomi Amerika Syarikat amat kuat dalam separuh tahun pertama 1973

Ekonomi A.S. yang menerima 14% dari ekspot-ekspot Malaysia mendahului pemulihan pada tahun 1972. Ia

diramal bertumbuh dengan kadar tahunan sebenar sebanyak 6½% pada tahun 1973 (1972: +6.1%) dan difelator sebanyak 5½%. Keadaan melambung itu tersangat kuat dalam separuh tahun pertama 1973 dengan kadar pertumbuhan sebenar melebihi 8%. Walaupun terdapat kesan-kesan yang menunjukkan keadaan ketegangan mula berkurban semenjak pertengahan tahun seperti yang dicerminkan oleh pengurangan kadar pengeluaran perusahaan, pertumbuhan sebenar masih dijangka tidak akan kurang dari kadar keupayaan melainkan pada tahun 1974. Kedua-dua dasar fiskal dan wang terus diperketatkan untuk mencuba mengurangkan tekanan permintaan dan menahan inflasi. Pengenaan kawalan Peringkat Keempat membayangkan kegentingan keadaan inflasi dan sekiranya tidak dikawal akan menawarkan apa-apa pembaikan kepada imbangan pembayaran berikut dengan devaluasi dolar kedua pada Februari 1973. Walau bagaimanapun jumlah ekspot A.S. pada tahun 1973 dianggarkan meningkat hampir tiga kali ganda (+25%) sementara impot dianggar meningkat dengan kadar perlahan sedikit sebanyak 9% (1972: +13.4%). Walaupun imbangan perdagangan untuk tahun keseluruhannya dijangka masih akan menunjukkan satu kurangan, ianya hanyalah satu perlima dari jumlah kurangan tahun 1972 sementara imbangan pembayaran juga akan bertambah baik dengan perkembangan yang serupa.

### Keadaan melambung Eropah Barat—kuat tetapi mula berkurban


Di Eropah Barat (23% dari ekspot Malaysia) keadaan pertumbuhan yang kuat juga berlaku dalam tempoh sebelas bulan pertama 1973 dan dijangka berterusan tetapi pada kadar berkurban pada tahun 1974. Pertumbuhan pengeluaran sebenar diramal dalam lingkungan 6% pada tahun 1973 sementara harga-harga dijangka bertambah dengan kadar purata 7%.

Di United Kingdom, pemulihan ekonomi yang pesat yang bermula pada pertengahan tahun 1972 berikutan dengan penyelesaian pemogokan terdahulunya dengan akibat buruk, terus kuat dalam tahun 1973. Ini didorong oleh belanjawan 1972/73. Keadaan inflasi dijangka pada kadar tinggi dalam tahun 1973 sebanyak 5½%. Pertumbuhan sebenar dianggar meningkat sebanyak 6½% pada tahun 1973.

RAJAH 5

# PENGELUARAN PERUSAHAAN DI NEGARA NEGARA UTAMA

ANGKA TUNJUK 1970 = 100



Dilambungi oleh permintaan pelaburan swasta, penggunaan dan eksport, ekonomi Jerman Barat menjadi tegang dalam separuh tahun pertama 1973 dan dijangka akan mengakibatkan kadar inflasi dalam lingkungan 6½% untuk tahun 1973. Tekanan inflasi itu memaksa Kerajaan mengemukakan langkah-langkah fiskal yang ketat pada bulan Mei—cukai lebihan ke atas mereka yang berpendapatan tertinggi dan syarikat-syarikat, cukai pelaburan sebanyak 11% ke atas perusahaan-perusahaan, dan pengurangan perbelanjaan belanjawan persekuatan. Dasar wang juga terus diperketatkan. Revaluasi D-Mark bertujuan untuk menahan kenaikan harga yang pesat. Imbalan semasa dianggar bertambah tidak kurang dari lapan kali ganda dalam tahun 1973. Adalah dianggarkan KNK sebenar bertambah sebanyak 6½% pada tahun 1973.

Hampir kesemua negara pasaran bebas lain di Eropah dijangka berkembang dengan kadar yang tinggi pada tahun 1973. Perancis dijangka mencatat pertumbuhan sebenar sebanyak 6½% dalam tempoh tersebut dengan harga meningkat 6¾%. Keadaan ekonomi dilambungi oleh perkembangan penggunaan yang berterusan dan kenaikan permintaan luar yang kuat sehingga pertumbuhan pengeluaran pada awal 1973 melebihi anggaran pertumbuhan keupayaan. Kadar pertumbuhan sebenar untuk Itali dianggar dalam lingkungan 5½% untuk tahun 1973 merupakan satu pelambungan yang agak terlewati. Disebaliknya kenaikan harga dianggar meningkat dengan pesat sebanyak 11% pada tahun 1973. Negara-negara Benelux juga dijangka mencatat satu pertumbuhan sebanyak 5½% yang didahului oleh eksport pada tahun 1973 sementara kadar inflasi terutamanya di Belanda dijangka tinggi pada kadar kira-kira 8%.

#### **Impot Jepun meningkat sebanyak 30%**

Perkembangan di ekonomi Jepun yang merupakan rakan perdagangan terpenting bagi Malaysia telah meningkat kuat pada awal 1973 didorong oleh belanjawan 1972/73. Bukti-bukti pengurangan kadar pertumbuhan terdapat menjelang pertengahan tahun. Tekanan ke atas harga-harga oleh permintaan pelaburan swasta dan penggunaan swasta menyebabkan kerajaan terpaksa menukar dasar menjadi bertambah ketat dalam tahun 1973. Inflasi tolakan-kos juga bermula dengan kenaikan gaji disebabkan oleh pasaran buruh yang ketat dan kenaikan harga impot bahan mentah yang tinggi. Menyekat inflasi telah menjadi kepentingan utama dasar jangka-pendek manakala belanjawan untuk tahun 1973/74 pula tidak berkembang seperti yang dijangka.

Diperingkat luar, impot yang telah bertambah dengan kadar lebih cepat dari eksport semenjak pertengahan tahun 1972 dijangka meningkat kuat pada tahun 1973

(+29%) kerana perkembangan pesat kegiatan ekonomi. Langkah membebaskan perdagangan pada awal 1973 juga menyebabkan jumlah impot bertambah kepada paras yang belum pernah dicapai dahulu (+65% dari segi dolar A.S. bagi tiga suku pertama 1973). Imbalan perdagangan yang telah berkurangan sebanyak separuh ditambah pula oleh aliran-keluar modal jangka panjang yang besar menunjukkan penurunan kurangan imbalan pembayaran Jepun pada tahun 1973 berbanding dengan lebihan tinggi sebanyak A.S. \$1,800 juta pada tahun 1972. KNK sebenar diramal tumbuh 11½% pada tahun 1973 (1972: +9.6%) sementara diselator harga untuk 1973 dijangka naik kepada 10½% dari 4.6% pada tahun 1972.

#### **Ekonomi-ekonomi ASEAN—berkembang dengan pesat**

Negara-negara ASEAN pada tahun 1973 dianggar akan mencapai kadar pertumbuhan purata KNK secara sebenar sebanyak kira-kira 7%. Perkembangan ekonomi yang bertambah rancak berpunca dari harga-harga eksport barang yang lebih tinggi, pertambahan aliran-masuk pelaburan ekuiti asing untuk perkilangan, bertambah baiknya iklim pelaburan dan perkembangan rancak kegiatan pembangunan kerajaan. Perkilangan terus kekal sebagai sektor paling dinamis di ekonomi-ekonomi ASEAN dengan sumbangannya yang bertambah kepada pertumbuhan KDNK. Inflasi dan pengangguran yang diburukkan lagi oleh kadar pertambahan penduduk yang tinggi dan kelamatan mengjudikan pekerjaan, serta ancaman cuaca seperti bah dan kemarau merupakan setengah dari masalah-masalah utama yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN.

#### **Perdagangan antara ASEAN—kecil tetapi berkembang**

Perdagangan di antara negara-negara ASEAN adalah pada paras yang minima oleh kerana kebanyakan dari eksport-eksport mereka terhad kepada barang-barangan utama. Perdagangan Malaysia dengan jiran-jiran ASEANnya berjumlah satu-perlima dari jumlah perdagangannya. Bagi separuh tahun pertama 1973 kira-kira 8% atau \$207 juta dari jumlah impot Malaysia datangnya dari atau melalui Singapura dan 5% (\$141 juta) dari Negeri Thai. Bekalan dari Indonesia dan Filipina kedua-duanya menyumbangkan 3% sahaja dari jumlah impot Malaysia bagi tempoh yang sama. Kira-kira 16% dari impot Malaysia datang dari ASEAN. Eksport kepada ASEAN adalah lebih kurang 24% dari jumlah permintaan asing untuk eksport barang Malaysia dan hampir 92% dari ini menuju atau melalui Singapura. Eksport ke negara-negara



## EKONOMI MALAYSIA DAN ASEAN

- SIKL KIRA-KIRA -

## KNK PER KAPITA


- M\$ Juta -

- [Solid grey box] Malaysia
- [Hatched box] Indonesia
- [Cross-hatched box] Negeri Thai
- [White box] Singapura
- [Vertical striped box] Filipina



## PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA NEGARA ASEAN

\$ Juta - Pertengahan tahun pertama 1973



EKSPORT MALAYSIA  
KA ASEAN MENGIKUT  
HALUAN

ASEAN yang lain adalah kecil. Bahan-bahan barang perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara ASEAN sungguhpun terhad sedang berkembang. Impot Malaysia dari Negeri Thai termasuklah beras dan ternakan, getah dan timah sementara ekspot Malaysia ke Negeri Thai pula mengandungi terutamanya bajabaja dan keluaran petrol. Dengan Indonesia bahan-bahan impot yang utama ialah getah asli kasar, bijih timah dan logam padat sementara ekspot Malaysia ke Indonesia pula termasuk sejenis batu bata, bahan-bahan untuk mendirikan rumah dan keluaran petrol. Perdagangan dengan Filipina masih pada peringkat permulaan dengan impot yang kecil yang mengandungi logam padat dan jentera ringan, dan sejumlah ekspot termasuk timah serta pewter dan lain-lain logam. Perdagangan dengan Singapura masih berbentuk pertaraan sungguhpun perdagangan secara langsung sedang bertambah.

### Kedudukan Kewangan Antarabangsa dan Ringgit Malaysia

Pergolakan matawang dan pengapungan yang bertambah

K eadaan kewangan antarabangsa adalah sibuk dan gempar berikutan dengan devaluasi, revaluasi dan apungan matawang-matawang utama dan matawang-matawang yang kurang penting. Perkembangan utama yang memulakan beberapa penyesuaian semula kadar pertukaran semenjak perjanjian Smithsonian pada bulan Disember 1971 adalah devaluasi dolar Amerika Syarikat sebanyak 10% pada 12 Februari yang kemudian diakui oleh pengapungan yen Jepun sambil pariti ringgit Malaysia tidak diubah (sebanyak 0.290299 gram emas seyunit).

Krisis bulan Februari telah menentukan bahawa perjanjian Smithsonian tidak memadai untuk memulihkan kestabilan hubungan kadar pertukaran. Devaluasi dolar Amerika Syarikat dalam bulan Februari telah gagal menstabilkan keadaan cemas, kerana sejurus kemudian tekanan spekulasi telah bermula semula ke atas dolar yang telah membawa kepada revaluasi mark Jerman sebanyak 3% pada 11 haribulan Mac. Berikutan dengan revaluasi mark Jerman, enam daripada sembilan matawang negara-negara Pasaran Bersama Eropah (mark Jerman, guilder Belanda, franc Belgium, franc Perancis, franc Luxembourg dan kroner Denmark) telah diapungkan bersama berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (A.S.), sementara sterling, lira Itali dan pound Ireland telah diapungkan secara berasingan.

Pergolakan matawang yang telah mengikis sedikit demi sedikit keyakinan ke atas dolar A.S. telah men-

dorong pergerakan modal kepada emas yang harga pasaran bebasnya telah naik ke puncak sebanyak A.S. \$127 seuns pada bulan Jun 1973. Peralihan kepada logam adalah disebabkan kadar bunga yang negatif yang didapati dikebanyakannya pusat kewangan Eropah, kekecewaan perasaan tentang penggunaan wang kertas di waktu meningkatnya inflasi di dunia, kenaikan permintaan logam bagi perusahaan, kesas Watergate dan dasar kewangan dan kawalan pertukaran wang yang agak ketat. Walau bagaimanapun, dengan penamatkan sistem dua pasaran bagi emas yang telah diumumkan pada 14 haribulan November, harga emas sepatutnya akan berkurangan dan yang demikian menambahkan lagi peluang untuk menceraikan hubungan emas dengan wang dan juga menambahkan lagi penerimaan SDR sebagai harta simpanan dan pembilang di dalam sistem kewangan yang baru.

Kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan pada 8 Mei untuk membebaskan lagi perintah-perintah pertukaran wang dan menamatkan Penjanjian Saling Pertukarannya dengan Singapura dan mengadakan persiapan untuk penubuhan Pasaran Saham bagi Kuala Lumpur. Perjanjian Saling Pertukaran ini pada mulanya memberi peruntukan kepada saling pertukaran bebas ringgit Malaysia pada kadar yang sama dengan dolar Singapura, sebagai satu langkah sementara yang diambil berikut dengan perpisahan Singapura dari Malaysia. Bagi kedua-dua negara untuk mengikuti dasar kewangan yang sama adalah bertambah sukar dan tidak praktik di dalam keadaan krisis matawang antarabangsa dan memandangkan kepada perbedaan-perbedaan ekonomi, kepentingan, dasar dan keutamaan-keutamaan.

Pembebasan perintah-perintah pertukaran wang adalah selaras dengan kepentingan jangka panjang Malaysia untuk memperkembangkan perdagangan dan juga menarik pelaburan-pelaburan asing ke dalam negeri. Peraturan pertukaran wang yang baru itu mentakrifkan semula "Scheduled Territories" di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang, 1953 untuk meliputi Malaysia sahaja dan oleh yang demikian membatalkan cara membezakan negara-negara di luar kawasan Sterling. Sistem baru itu juga memberi kebebasan mengeluarkan modal untuk pelaburan secara langsung dan portfolio bukan sahaja di negara-negara kawasan Sterling tetapi juga di negara-negara lain dan juga pembelian dan penjualan bebas saham-saham dan syer-syer oleh penduduk-penduduk Malaysia dan orang-orang asing dipasaran-pasaran saham. Peraturan baru itu akan juga membolehkan penduduk-penduduk Malaysia mendapat pertukaran wang asing dengan lebih bebas untuk pembayaran barang-barang yang dimuat dan perkhidmatan dan perjalanan mereka. Pada 22 Mei, Perjanjian Saling Pertukaran wang dengan Brunei juga ditamatkan.

Sejurus selepas penamatan Perjanjian Saling Pertukaran Wang itu, Malaysia dan Singapura telah mengapungkan matawang masing-masing (masing-masing pada 21 dan 20 haribulan Jun). Semenjak bulan Mei, kadar pertukaran pasaran ringgit Malaysia *vis-a-vis* dolar A.S. telah sentiasa berada di siling sebanyak 21% di atas nilai taranya. Pengapungan ringgit Malaysia telah membolehkannya mengapung ke atas. Penerimaan ringgit Malaysia yang lebih tinggi adalah menolong mengurangkan akibat inflasi yang di impot yang mungkin membawa kesan yang lebih buruk ke atas harga-harga.

Pada penghujung bulan Jun, mark Jerman telah lagi sekali dinaikkan nilai sebanyak 5½% apabila Bundesbank terpaksa menyerap matawang asing sebanyak lebih daripada 4 bilion mark dalam masa 12 hari. Mark diapungkan berbanding dengan dolar A.S. dan menyokong kadar pertukaran wang dengan matawang-matawang lain yang terlibat dalam apungan bersama. Di dalam bulan yang sama, dolar Australia dan New Zealand telah dinaikkan nilainya sebanyak 5% dan 10% masing-masing. Di tengah-tengah perkembangan matawang-matawang utama ini, paritipariti matawang-matawang lain telah diubah dan yang demikian menyokong regim baru yang berdasarkan pengapungan kadar dan penyelarasian kadar pertukaran yang kerap.

Sementara itu, Jawatankuasa Duapuluh telah membuat keputusan untuk menetapkan tarikh baru (Julai

1974) untuk menyelesaikan masaalah-masaalah yang penting mengenai pembaharuan sistem kewangan.

### **Ringgit bertambah kukuh**

Penyelarasian matawang pada tahun 1971 dan awal 1973 telah mempengaruhi kadar pertukaran wang Malaysia terutama sekali dengan pasangan-pasangan perdagangannya (Jadual I). Bagi tempoh hujung November, 1971 hingga 20 haribulan Jun, 1973 iaitu sebelum sahaja apungan ringgit Malaysia, matawang Malaysia naik-nilai sebanyak:

- (a) 19% berbanding dengan dolar A.S.;
- (b) 17% berbanding dengan pound sterling; dan susut-nilai sebanyak:
- (a) 4% berbanding dengan yen disebabkan revaluasi yen sebanyak 42% berbanding dengan dolar A.S.;
- (b) 8% berbanding dengan mark Jerman disebabkan dolar A.S.

Apungan ringgit Malaysia pada 21 haribulan Jun telah menyebabkan lagi kenaikan-nilai ringgit Malaysia *vis-a-vis* matawang-matawang negara-negara pasangan perdagangan utama bagi Malaysia. Pada penghujung bulan November 1973, berbanding dengan dolar A.S., ringgit Malaysia telah naik-nilai sebanyak 21% yang menunjukkan akibat devaluasi dolar A.S. yang kedua

**JADUAL I**

### **KENAIKAN NILAI (+) ATAU SUSUTAN NILAI (-) MS VIS-A-VIS MATAWANG-MATAWANG PASANGAN PERDAGANGAN UTAMA MALAYSIA**

Matawang	Kadar pertukaran pada:			% (Naik-nilai (+) atau susut-nilai (-) MS	
	I	II	III	I/II	I/III
	Akhir November 1971 (Penyelarasian Pra-Smithsonian)	20 Jun, 1973 (Pra-apung SM)	Akhir November, 1973 (selepas apung MS)		
	MS	MS	MS		
Yen .. .. .. .. ..	0.89	0.93	0.86	- 4.3%	+ 3.5%
Singapore \$ (100) .. .. ..	100	100	98.20	-	+ 1.8%
\$ AS .. .. .. .. ..	2.95	2.48	2.43	+ 19.0%	+ 21.4%
£ .. .. .. .. ..	7.36	6.3	5.72	+ 16.8%	+ 28.7%
\$ Australia (100) .. .. ..	3.42	3.54	3.60	- 3.4%	- 5.0%
DM (100) .. .. .. .. ..	88.53	96.34	91.18	- 8.1%	- 2.9%
Guilder Belanda (100) .. .. ..	88.31	90.71	88.12	- 2.6%	+ 0.2%
Thai Baht (100) .. .. ..	14.65	11.95	11.86	+ 22.6%	+ 23.5%

dan kekuuhan ringgit Malaysia. Berbanding dengan sterlina, ringgit telah naik-nilainya sebanyak lebih kurang 29% dan berbanding dengan Thai bhat, nilainya telah naik menjadi lebih kurang 24%. Ringgit Malaysia telah meningkat jika dibandingkan dengan Yen daripada susut-nilai sebanyak 4% kepada naik-nilai sebanyak 4% sementara susut-nilai permulaan dengan mark Jerman sebanyak 8% telah kurang menjadi 3% lebih kurang. Ringgit telah naik-nilainya sebanyak 2% dibandingkan dengan dolar Singapura semenjak kedua-dua matawang itu diapungkan.

Apabila dikira berdasarkan kadar purata wajar perdagangan (1972) pasangan-pasangan utama Malaysia, ringgit Malaysia telah naik-nilainya dengan kadar purata 12% (Jadual II) sesudah pengapungan, walhal sebelum perapungan itu naik-nilai yang sebenarnya adalah hanya 5%. Ekspot sahaja telah naik sebanyak 11% sementara impot mungkin menjadi murah selepas beberapa waktu oleh kerana kenaikan nilai ringgit Malaysia. Kesan pergolakan matawang baru-baru ini sepertinya mendatangkan imbangan perdagangan yang baik bagi Malaysia.

#### JADUAL II

#### PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN PURATA RINGGIT YANG DIGUNAKAN 30 HARIBULAN NOVEMBER HINGGA AKHIR NOVEMBER, 1973

	Wajar perdagangan <sup>1</sup> (1)	Perubahan kadar pertukaran ringgit berbanding dengan matawang negara yang tersebut (2)	Kadar pertukaran purata ringgit yang digunakan (3) = (1) × (2) <sup>2</sup>
Jepun .....	19.0	+ 3.5	+ 0.67
Singapura .....	15.4	+ 1.8	+ 0.28
AS .....	10.7	+ 21.4	+ 2.29
UK .....	10.1	+ 28.7	+ 2.90
Australia .....	4.4	- 5.0	- 0.22
Jerman Barat .....	3.8	- 2.9	- 0.11
Belanda .....	2.9	+ 0.2	+ 0.01
Thailand .....	2.5	+ 23.5	+ 0.59
Itali .....	2.1	+ 20.0	+ 0.42
Perancis .....	1.7	- 0.2	- 0.003
Negara-negara yang mengikut pariti SDR .....	9.1 <sup>3</sup>	+ 11.7	+ 1.06
Negara-negara yang mengikut pariti S.A.S. .....	18.3 <sup>3</sup>	+ 21.4	+ 3.92
	100.0		11.807 <sup>4</sup>

Nota—


<sup>1</sup> Berdasarkan angka perdagangan 1972.

<sup>2</sup> Tanda campur menunjukkan naik-nilai dan tanda tulok menunjukkan susut-nilai ringgit vis-a-vis matawang yang tersebut.

<sup>3</sup> Menganggapkan bahawa satu pertiga daripada pasangan-pasangan perdagangan Malaysia mengikut pariti SDR sementara yang lain mengekalkan pariti matawang mereka berbanding dengan S.A.S.

<sup>4</sup> Menunjukkan kenaikan-nilai purata yang digunakan sebanyak 11.807% berbanding dengan matawang-matawang negara-negara tersebut.

**KENAIKAN NILAI (+) DAN SUSUTAN NILAI PERATUS  
MATAWANG - MATAWANG UTAMA  
BERBANDING DENGAN RINGGIT**



## II. Permintaan Luar

Pertumbuhan KNK yang melebihi 20% dalam harga semasa adalah luarbiasa. Sungguhpun terdapat kenaikan harga yang tinggi, Malaysia berjaya mencapai kadar pertumbuhan sebenar yang tinggi yang melebihi 8%. Dorongan utama datangnya dari perkembangan yang luarbiasa sektor ekspot sebagai sambutan kepada keadaan yang melambung di seberang laut. Dengan itu bahagian sektor ekspot dalam KNK telah meningkat dari 41% dalam tahun 1972 kepada 48% dalam tahun 1973.

### Ekspot meningkat 42%—keadaan yang belum pernah berlaku dahulu

Tahun 1973 adalah tahun yang rekor bagi ekspot Malaysia yang dianggarkan akan meningkat naik sebanyak 42% mencapai nilai \$6,876 juta. Ekspot barang utama sahaja sepertutnya mendaftarkan kenaikan nilai sebanyak 45% jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan yang agak lembab dalam tahun 1972. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh tingkatan harga yang tinggi dan perkembangan jumlah ekspot. Faktur utama yang mengwujudkan keadaan ekspot bahan-bahan mentah pertanian yang melambung termasuklah kenaikan yang deras tingkatan aktiviti-aktiviti ekonomi di negara-negara perusahaan, keadaan bekalan yang ketat bagi setengah-setengah barang dan juga krisis matawang antarabangsa yang bermula pada awal tahun 1973 (selagi masaalah yang berkaitan dengan pasaran matawang belum diselesaikan, barang-barangan akan terus menjadi satu unsur yang menarik buat dijadikan alat lindung-nilai daripada matawang-matawang yang lemah). Ekspot-ekspot perkhidmatan juga dijangka naik sebanyak 21% pada 1973 disebabkan kenaikan perdagangan dunia pada keseluruhannya.

### Harga getah meningkat ke paras yang tertinggi semenjak tahun 1960

Getah adalah terus menjadi tiang utama ekonomi Malaysia dengan menyumbangkan 30% pendapatan ekspot dan 15% daripada KDNK. Jumlah ekspot bagi sembilan bulan yang pertama dalam tahun 1973 telah naik sebanyak 17%. Dari jumlah ini, 23% adalah diekspot secara bentuk SMR. Ekspot SMR telah meningkat naik sebanyak 33% dalam masa sembilan

bulan yang pertama bagi tahun ini jika dibandingkan dengan tahun 1972 dan dengan yang demikian menguatkan lagi pasaran getah asli dengan cara menyesuaikan pengeluaran dengan kehendak-kehendak pasaran yang khusus. Permintaan yang meningkat ke atas getah terutama untuk membuat tayar dan barang-barang getah lain adalah terbukti sepanjang tahun. Ekspot getah bagi tahun 1973 adalah dijangka mencapai 1,589,000 tan metrik (+16% daripada 1972).

Pemulihian *harga-harga* getah dalam suku keempat tahun 1972 terus meningkat dalam tahun 1973. Puncak harga sebanyak 227 sen/kilo telah dicapai dalam bulan Julai tahun ini iaitu satu rekod dalam jangkamasa 12 tahun kebelakangan. Harga purata bagi tahun 1973 pada anggaran konserbetif adalah sekurang-kurangnya sebanyak 156 sen sekilo (71 sen sepaun) iaitu 51% lebih daripada harga dalam tahun 1972. Faktur-faktur utama yang menyebabkan kenaikan harga yang terlalu tinggi ini adalah pemulihian bersama di semua negara-negara perusahaan yang utama, pesanan-pesanan yang banyak dari negara-negara Sosialis terutama sekali Russia dan China, pembelian spekulasi yang disebabkan oleh kedudukan yang tidak tetap matawang antarabangsa, pembelian yang terkurang dari pengguna-pengguna dan keadaan yang suram bagi perusahaan getah tiruan. *Nilai ekspot* bagi seluruh tahun ini adalah dijangka meningkat sebanyak \$2,242 juta iaitu 73% lebih daripada tahun 1972. Masa hadapan getah asli jika dibandingkan dengan getah tiruan adalah cemerlang oleh kerana getah tiruan akan menghadapi kekurangan bahan-bahan mentah selain daripada ketinggian harga disebabkan oleh krisis minyak yang ada sekarang yang dijangka akan bertambah buruk sebelum menjadi elok semula.



Ekspot mengikut *haluan* adalah sama seperti tahun-tahun lepasan dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat, U.K., Russia dan China menjadi pembeli-pembeli yang utama.

### Kayu-kayan—sekarang menjadi sumber pendapatan ekspot yang kedua

Dengan kenaikan harga dan jumlah ekspot yang pesat, *kayu-kayan* (termasuk kayu balak dan papan) telah mengatasi bijih timah sebagai sumber pendapatan ekspot yang kedua menyumbangkan sebanyak 22% dari

RAJAH 8

## PECAHAN EKSPOT BARANGAN



jumlah ekspot. Kayu-kayan dijangka akan mengakalkan keadaan baharu ini pada masa-masa yang akan datang. Jumlah ekspot kayu-kayan dari Malaysia adalah dijangka meningkat sebanyak 13% lebih dalam tahun 1973 daripada 1972.

Untuk menggalakkan kayu-kayan diproses di dalam negeri, larangan ekspot ke atas 10 jenis *kayu balak* dari Semenanjung Malaysia telah dikenakan pada bulan November 1972. Jumlah ekspot kayu balak dari Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan turun sebanyak 57% dari tahun 1972. Walaupun begitu, setengah-setengah kilang kayu di Pantai Barat telah menghadapi kekurangan bekalan disebabkan harga yang tinggi di pasaran dunia dan juga masalah pengangkutan. Oleh kerana itu, sebahagian besar kayu-kayan yang diekspot pada tahun 1973 adalah dalam bentuk papan. Oleh kerana larangan ini tidak meliputi Sabah dan Sarawak, sebahagian besar ekspot kayu-kayan di kedua-dua negeri itu masih dalam bentuk balak yang meningkat sebanyak 21% dari tahun 1972.

Permintaan bagi kayu-kaya keras tropika terutama sekali dari Jepun, Korea dan Hong Kong telah menaikkan harga kayu balak sebanyak 42% dalam sembilan bulan pertama tahun 1973. Dengan aliran harga yang terus meningkat, nilai purata bagi Malaysia adalah dianggarkan sebanyak \$135 setan pada tiap-tiap 50 kaki padu bagi tahun 1973. Memandangkan kepada jumlah yang bertambah dan harga ekspot kayu balak yang tinggi jumlah nilai ekspot adalah dianggarkan sebanyak \$938 juta, iaitu kenaikan yang tidak kurang dari 59% daripada tahun 1972.

Larangan ekspot ke atas 10 jenis kayu balak dari Semenanjung Malaysia telah menambahkan ekspot papan-papan sebanyak 50% daripada tahun 1972. Kenaikan yang agak besar ini adalah disebabkan oleh bertambahnya penubuhan-penubuhan kilang-kilang kayu berikut dengan larangan ekspot itu. Walaubagaimanapun, dalam setengah-setengah keadaan, taraf memproses adalah sedikit sekali. Ekspot papan dari Sabah dan Sarawak terus kekal lebih kurang sama dengan ekspot dalam tahun 1972 iaitu sebanyak 300,000 tan metrik. Ekspot papan bagi Malaysia adalah dianggarkan lebih kurang 2.4 juta tan metrik (+40% daripada tahun 1972). Harga purata papan pada tahun ini mungkin dalam lingkungan harga \$350 setan bagi tiap-tiap 50 kaki padu. Pendapatan ekspot daripada papan sepertutnya mencatatkan kenaikan sebanyak 115% dari tahun 1972 mencapai \$592 juta.

Beberapa faktur menyumbang kepada keadaan yang memuaskan dalam perusahaan ini. Musim sejuk yang luar biasa diperlutan Canada dan Scandinavia yang mengakibatkan kekurangan kayu-kayu lembut telah menaikkan permintaan bagi kayu-kaya keras tropika.

Permintaan yang meningkat tinggi dari Amerika Syarikat dan Jepun terutama sekali untuk perumahan dan keadaan cuaca yang luarbiasa elok di Britain dan Barat Daya Eropah yang telah mendatangkan faedah bagi perusahaan pembinaan yang menyebabkan permintaan bagi papan meningkat naik. Walaupun masa hadapan kayu-kayan adalah cerah, puncak yang membimbangkan adalah kadar pemuliharaan yang rendah di negara ini sebanyak 55% sahaja jika dibandingkan dengan Jepun yang kadar pemulihannya adalah 100%. Kadar pemuliharaan yang rendah ini perlulah diberi perhatian jika hendak mengukuhkan lagi masa hadapan perusahaan ini.

### Bijih Timah—Harga paling tinggi


Jumlah ekspot *bijih timah* (13% dari jumlah ekspot) adalah dianggarkan akan berkurangan sebanyak 6% dalam tahun 1973 daripada tahun 1972. Ini adalah sebahagian besanya disebabkan oleh kehabisan sumber bijih timah yang diketahui dan juga oleh kerana kekurangan impot pada keseluruhannya dalam dua tahun kebelakangan dari negara-negara jiran untuk dilebur dan diekspot semula. Negara-negara yang pada dahulunya banyak mengeluarkan timah padar seperti Australia dan Indonesia adalah sekarang ini menjalankan pengleburan mereka sendiri. Walaupun permintaan bijih timah di dunia telah meningkat semenjak penghujung tahun 1972 dan seterusnya bagi keseluruhan tahun 1973, tindak-balas harga adalah agak perlahan sedikit. Ini adalah disebabkan oleh keadaan bekalan dahulu yang berlebihan yang kemudiannya telah distabilkan dengan mengadakan kawalan ekspot oleh Majlis Bijih Timah Antarabangsa di awal tahun 1973.

Harga purata bijih timah bagi sebelas bulan pertama tahun 1973 adalah \$670 sepikul (+7% dari tahun 1972). Harga telah meningkat naik semenjak bulan Jun dengan harga pada 10 haribulan November sebanyak \$762 sepikul melebihi had ITC yang telah ditetapkan baharu-baharu ini (September 21). Cuma dua bulan sahaja selepas ditubuhkan lingkungan harga yang baharu (29 haribulan November), harga telah mencapai sebanyak \$818 sepikul—yang paling tinggi. Kenaikan-kenaikan harga juga didorong oleh kekurangan ekspot yang banyak dari Bolivia disebabkan oleh pemansuhan pelebur utamanya di U.K., pertelingkahan Asia Barat, pengeluaran yang berkurangan disebabkan oleh hujan yang berlebihan di Malaysia, penutupan sementara lombong-lombong di Negeri Thai kerana kekurangan minyak, pengalihan yang bertambah dalam pemakaian tin berikut dengan kekurangan plastik diseluruh dunia dan operasi simpanan Jepun yang mengalami kekurangan yang teruk baharu-baharu ini dengan kegagalan perusahaan-perusahaan petrokimia.


RAJAH 9

EKSPOT BARANGAN KE NEGARA-NEGARA UTAMA  
(1972)


GETAH...




BIJEH TIMAH...




KELAPA SAWIT...



KAYU YANG DIGERGAJI...



KAYU BALAK...



Dari segi nilai, adalah dijangka bahawa ekspot bijih timah akan berkurangan sedikit kira-kira 4% daripada nilai tahun 1972 pada keseluruhannya disebabkan oleh pengurangan jumlah ekspot. Pendapatan ekspot dari bijih timah sepatutnya mencapai lebih daripada \$900 juta pada tahun 1973.

## Dua pertiga ekspot minyak kelapa sawit di dunia berasal dari Malaysia—harga yang tertinggi dalam 15 tahun

Daripada satu tanaman yang kecil dan tidak berapa dikenali di dalam ekonomi Malaysia, kelapa sawit telah menjadi sumber pendapatan ekspot yang kelima bagi negara (7% daripada jumlah ekspot barang). Malaysia pada masa sekarang menyumbangkan sebanyak 64% daripada ekspot minyak kelapa sawit di dunia. Jumlah ekspot adalah dianggarkan meningkat naik ke paras yang tertinggi dalam 15 tahun (+17% dari tahun 1972) walaupun ekspot dari Sabah telah berkurangan, sementara nilai ekspot meningkat 28%.

Pencatitan harga hadapan minyak kelapa sawit baru-baru ini adalah di paras yang tinggi. Kemajuan kelapa sawit yang pesat adalah disebabkan permintaan dunia yang semakin bertambah bagi makanan-makanan binatang yang berprotein dan kemerosotan penganti-pengganti yang lain di pasaran minyak dan lemak dunia. Ketiadaan bekalan makanan ikan dari negara Peru, pertambahan bekalan kacang soya Amerika Syarikat yang agak berkurangan yang diburukkan lagi oleh larangan eksport dan tanaman kacang tanah yang kurang baik di India dan Senegal; ekspot minyak dari biji bunga matahari yang berkurangan dari Russia, kejatuhan ekspot minyak kelapa dari Filipina dan Sri Lanka telah memberi dorongan kepada pasaran minyak kelapa sawit. Ikatan perniagaan hadapan di masa-masa yang telah lalu, telah tidak membenarkan perusahaan ini mengambil kesempatan ke atas ketinggian harga pasaran dunia pada tahun ini. Walaupun begitu pendapatan ekspot bagi tahun ini adalah dijangka akan meningkat naik sebanyak 28% lebih daripada 1972.

Negara-negara pengimpor utama bagi minyak kelapa sawit Malaysia adalah Amerika Syarikat, Iraq, United Kingdom, Belanda dan Jerman Barat yang bersama-sama menyumbangkan sebanyak empat per lima daripada jumlah ekspot. Ekspot ke U.K. yang mengikut tradisi menjadi pembeli yang utama masih belum lagi berkurangan berikutan dengan kemasukan Britain ke EEC; tetapi pada tahun 1977, Malaysia akan mengalami kehilangan keistimewaan sebanyak 16%. Sebahagian besar akan diambil oleh negara-negara yang bukan pembeli tradisional seperti India dan Jepun iaitu negara-negara yang pada masa hadapan akan menjadi pasaran yang besar.

Ekspot minyak isi kelapa sawit telah meningkat naik sebanyak 50% daripada pengeluaran 1972 dalam 8 bulan pertama tahun 1973. Minyak kelapa sawit yang diekspot adalah dalam bentuk yang telah ditapis dan diproses dan yang demikian menyebarkan lagi kesan perusahaan ini keseluruh ekonomi.

## Ekspot barang-barang perkilangan naik 46%


Dengan perkembangan keupayaan perkilangan di Malaysia, ekspot-ekspot barang yang di kilang (tidak termasuk logam bijih timah yang mana dari segi perangkaan adalah dikira sebagai barang di kilang) telah naik lebih kurang 46% dari tahun 1972 dan yang demikian merupakan sebanyak 11% daripada jumlah barang-barang yang diekspot. Rancangan *mempelbagaikan ekspot* telah menunjukkan kebolehan perusahaan Malaysia mencantumkan dengan jayanya bekalan bahan mentah dalam negeri dengan kebolehan teknik dari seberang laut dan dalam negeri. Ekspot *bahan-bahan kayu* misalnya telah naik sebanyak 73% dalam lapan bulan pertama tahun 1973 jika dibandingkan dengan tahun 1972. Ekspot kayu-kayu yang telah diproses terutama keping-keping veneer, sepah-sepah kayu dan kayu lapis adalah dijangka akan meningkat dengan agak tinggi (64% daripada tahun 1972) berikutan dengan kenaikan permintaan dari perusahaan-perusahaan pembinaan di U.K., U.S. dan Jepun di masa keadaan kekurangan bagi barang-barang ini. Ekspot kain baju, pakaian, kasut meningkat sebanyak 56%; alat-alat mesin dan kenderaan telah meningkat sebanyak 112%. Pelaburan-pelaburan baru di dalam perusahaan letronik yang berdasarkan ekspot dan banyak guna-tenaga telah menyebabkan kenaikan yang agak tinggi bagi ekspot barang-barang letronik dan barang-barang letrik yang berkaitan sebanyak tiga kali ganda semenjak tahun 1972.

Kenaikan yang agak tinggi bagi ekspot barang-barang perkilangan pertengahan adalah menunjukkan pertandingan yang hebat bagi barang-barang ekspot kita jika dibandingkan dengan pengekspot-pengekspot yang terkenal di kawasan ini seperti Hong Kong, Taiwan, Korea dan Singapura dan juga mencerminkan kejayaan dalam pengalihan bentuk ekspot kita yang bergantung kepada bahan-bahan mentah kepada bahan-bahan yang diproses. Perkara yang sangat memelikkan adalah bahawa sungguhpun Malaysia adalah negara yang utama sebagai pengeluar dan pengekspot getah, barang-barang kilang yang dibuat dari getah buatan Malaysia adalah cuma 3% sahaja daripada barang-barang kilangan dan telah meningkat naik cuma sebanyak 6% sahaja dari tahun 1972.

Permintaan barang-barang di kilang dari Malaysia adalah kebanyakannya datang dari Jepun, U.S. dan U.K. yang di antara mereka merupakan lebih kurang setengah daripada ekspot-ekspot tersebut. Walaupun


## EKSPOT BARANGAN UTAMA MALAYSIA

- \$ JUTA, SKIL LOG -



## EKSPOT BARANGAN UTAMA MALAYSIA

- RM JUTA, SKIN LOG -



di masa-masa yang lampau, U.S. telah menjadi negara yang terutama menggunakan barang-barang kilangan Malaysia, kadar kenaikan ini telah berkurangan semenjak tahun 1971 oleh kerana devaluasi dollar Amerika Syarikat dan ekspot pada tahun 1973 adalah sama parsnnya dengan tahun 1972. Disebaliknya, impot negara Jepun bagi barang-barang perkilangan Malaysia telah meningkat lebih daripada 10% dalam tahun 1973. Walaupun begitu dari segi jumlah mutlak, Amerika Syarikat masih lagi menjadi negara pengimpor yang terbesar.

Kemungkinan bagi pertubuhan perusahaan di Malaysia amatlah besar oleh kerana darjah perusahaan di Malaysia jika dibandingkan dengan pendapatan per kapita dan jumlah penduduk-penduduk adalah masih kecil dari segi bandingan antarabangsa. Ekspot bersih barang perkilangan yang pada masa ini menyumbangkan lebih kurang 15% daripada jumlah jualan kasar perkilangan di Semenanjung Malaysia, adalah dijangka akan meningkat dengan pesat oleh penuhan perusahaan-perusahaan yang berdasarkan ekspot.

### Minyak Petroleum—masa hadapan yang cerah

Ekspot minyak petroleum mentah dan yang separuh ditapis telah turun sebanyak 14% dalam tahun 1973 disebabkan oleh kekurangan impot dari Brunei untuk diekspot semula dan juga disebabkan bertambahnya penggunaan. Sungguhpun begitu perusahaan minyak petroleum telah berkembang dengan pesatnya dalam masa lima tahun yang telah lepas. Pengeluaran minyak petroleum mentah yang 80% daripadanya diekspot oleh kerana kerendahan isi belerangnya telah meningkat dari 1,000 tong menjadi 99,000 tong sehari di antara tahun 1967 dan 1973.

Sungguhpun jumlah ekspot minyak petroleum mentah dan yang separuh ditapis telah turun, penerimaan ekspot adalah dijangka akan bertambah masing-masing sebanyak 8% dan 2% dalam tahun 1973 jika dibandingkan dengan tahun 1972. *Eksport bahan-bahan minyak petroleum sepatutnya naik sebanyak 18%*. Kenaikan harga yang berterusan adalah sebahagian besar disebabkan oleh penyesuaian semula negara OPEC berikut dengan devaluasi dollar Amerika Syarikat dan pertelingkahan di Asia Barat baru-baru ini yang menyebabkan bukan sahaja kenaikan harga bagi minyak petroleum sebanyak 70% tetapi juga mengurangkan bekalan kepada beberapa negara dan pengurangan pengeluaran am minyak petroleum. Malaysia tidaklah terlibat dengan pemotongan bekalan ini sungguhpun kos impot minyak petroleum mentah mungkin meningkat sebanyak \$125 juta setahun. Di sebaliknya dengan adanya kenaikan harga minyak petroleum Asia Barat, ekspot dari Malaysia akan juga naik nilainya.


Memandangkan kepada kenaikan harga pada waktu ini, tarikh matlamat untuk mengadakan penapisan sendiri minyak petroleum dalam negeri patutlah dicaparkan lagi sebagai satu cara untuk mengurangkan pergantungan kepada bekalan-bekalan impot. Pembeli-pembeli utama minyak petroleum mentah kita adalah Jepun, Australia dan Filipina, sementara Jepun, U.K. dan Negeri Thai masih terus menjadi pengimpor-pengimpor utama minyak petroleum yang telah ditapis. Kenaikan harga pasaran yang pada tahun 1973 sahaja telah meningkat sebanyak 40%, dan dijangka akan terus meningkat dalam tahun 1974.

Sektor perlombongan dalam negeri pada keseluruhan yang pada tahun-tahun lepasan di anggap sebagai satu perusahaan yang merosot oleh kerana kehabisan bijih timah, besi dan boksit, telah diberi dorongan dengan terjumpanya minyak petroleum di kawasan-kawasan berdekatan dengan pantai timur Semenanjung Malaysia dan Sabah dan juga gas asli di Sarawak dan di pantai timur. Tembaga, yang baru-baru ini dijumpai di Sabah, akan memulakan pengekuaran pada tahun 1975. Dalam tahun 1977, kilang gas cair yang berharga M\$2,000 juta di Bintulu, Sarawak, akan memulakan ekspotnya ke Jepun. Oleh itu, sektor perlombongan sepututnya menjadi penyumbang yang besar kepada jumlah ekspot, mencapai lebih kurang 22% dari jumlah ekspot barang-barang selepas tahun 1975.

### Lada hitam menetapkan kedudukan utamanya

Walaupun mengalami persaingan yang hebat dari Brazil dan Indonesia, jumlah ekspot lada hitam dan penerimaan ekspot (1% daripada jumlah ekspot) masing-masing adalah dianggarkan naik sebanyak 8% dan 13% lebih daripada tahun 1972 dan yang demikian mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai negara pengekspot lada hitam yang utama di dunia. Lembaga Pemasaran Lada Hitam, yang ditubuhkan setahun dahulu, adalah sekarang sedang mengadakan pusat-pusat mengred dan memproses lada hitam untuk meninggikan lagi mutu ekspot lada hitam Malaysia. Nilai ekspot nenas di dalam tin (0.6% dari jumlah ekspot) dan air nenas adalah dijangka sama dengan paras nilai tahun 1972 disebabkan kenaikan nilai ringgit Malaysia berbanding dengan matawang-matawang negara-negara pengimpor nenas yang utama seperti Amerika Syarikat (A.S.) dan United Kingdom (U.K.) serta kemasukan United Kingdom ke Pasaran Bersama Eropah (E.E.C.). U.K. sahaja mengimpor sebanyak 40% nenas dalam tin dan air nenas dari Malaysia. Cukai bagi nenas di dalam tin ke U.K. akan meningkat dari 5% kepada 25% di bawah Tarif Luar Bersama (C.E.T.) dalam jangkamasa lima tahun dan kesannya yang penuh akan dirasai pada tahun 1977.

RAJAH II  
HARGA-HARGA BARANGAN UTAMA DAN NILAI YUNIT



<sup>1</sup> TAN SO KAKI PERSEGI

<sup>2</sup> NILAI UNIT SAHJA

## Perkembangan yang pesat dalam ekspot-ekspot perkhidmatan

Perkembangan perkhidmatan penerbangan dan perkapalan negara Malaysia (MAS dan MISC) semenjak pertengahan yang kedua tahun 1972 sepatutnya akan menyebabkan kenaikan pesat ekspot-ekspot perkhidmatan (9% daripada jumlah ekspot barang dan perkhidmatan) bagi tahun 1973. Jumlah ekspot perkhidmatan adalah dijangka naik sebanyak 22%, satu kadar yang belum pernah dicapai.

Perkhidmatan pengangutan dan insuran bagi tahun 1973 adalah dijangka bertambah sebanyak 30% berbanding dengan tahun 1972 disebabkan kemajuan pesat MISC di lapangan perkapalan antarabangsa dan juga kerana keadaan perniagaan dunia yang melambung dan kenaikan kadar tambang pengangutan kapalkapal Perkumpulan Perkapalan yang meningkat naik sebanyak 8% semenjak bulan September 1973 dan 25½% semenjak bulan Februari, 1972. Perkhidmatan perjalanan dianggarkan naik dengan pesat sebanyak 34% oleh kerana bertambahnya perkhidmatan-perkhidmatan MAS dan aliran laba pelancungan yang setabil. Penerimaan daripada pelaburan-pelaburan di negara-negara asing adalah dijangka akan naik sebanyak 27% disebabkan keuntungan besar yang didapat daripada ketinggian kadar bunga di negara-negara asing dalam tahun 1973. Penerimaan ekspot daripada pelaburan-pelaburan di seberang lajt pada keseluruhannya adalah dijangka menghasilkan sebanyak \$270 juta bagi tahun 1973.


## Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak—Perdagangan di antara Wilayah

Perdagangan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang kian meningkat telah bertambah sebanyak 20% dalam jangkamasa 8 bulan pertama tahun 1973 berbanding dengan masa yang sama tahun 1972 disebabkan oleh bertambah banyaknya jumlah perdagangan yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dan juga disebabkan oleh bertambahnya jumlah perkapalan yang berulang alek di antara pelabuhan-pelabuhan di dalam negeri ini. Dalam 8 bulan pertama tahun ini, impot Semenanjung Malaysia terdiri dari minyak dan barang-barang minyak yang bertambah sebanyak 54% berbanding dengan masa yang sama tahun lepas dan isi kelapa sawit yang bertambah dua setengah kali ganda disebabkan bertambahnya usaha memperoses keluaran ini di Semenanjung Malaysia.


*Eksport* dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak sebahagian besarnya terdiri dari barang-barang makanan seperti beras, keluaran ternakan dan daging yang meningkat sebanyak 38% dalam tahun 1973, minuman dan tembakau (+18%), bahan-bahan kimia dan baja (+11%) dan jentera dan kelengkapan pengangkutan (+16%). Eksport jentera dan kelengkapan pengangkutan Malaysia ke Sarawak telah bertambah sebanyak 64% berbanding dengan tahun 1972. Perdagangan telah dianggarkan bertambah tidak kurang dari 25% dalam tahun 1973 di antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak mencapai kira-kira \$280 juta dari segi nilainya. Perdagangan antara Sabah dan Sarawak juga sedang meningkat bertambah sebanyak 30% di dalam masa 8 bulan pertama tahun 1973 berbanding dengan tahun 1972.

## EKSPOT UNTUK 1973

..MENGIKUT KUMPULAN SITC



..MENGIKUT HALUAN



\* TIDAK TERMASUK UK

### III. Permintaan Dalam Negeri—Awam Dan Swasta

#### Permintaan Sektor Awam—pertumbuhan se-derhana dibenarkan

Perbelanjaan sektor awam atas kedua-dua penggunaan dan pelaburan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan Badan-badan Berkanun, bertambah sebanyak 7% dalam tahun 1973 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 29% dalam tahun 1972. Permintaan sektor awam, selaras dengan bentuk anti-edaran Kerajaan, memainkan peranan yang kecil dalam keadaan melambung tahun ini, setelah dua tahun yang lalu berkembang dengan pesatnya untuk memberi galakan kepada ekonomi yang tumbuh dengan perlahan. Oleh itu ekonomi terus berkembang atas landasan yang lebih stabil dan menggalakkan sektor swasta meneruskan rancangan perkembangannya. Mengelakkan pertumbuhan yang stabil dan teratur ini telah pun, dalam jangka panjang, menyumbangkan kepada pertumbuhan yang lebih cepat seperti mana disahkan oleh pengalaman dalam negara-negara yang telah maju.

*Peranan anti-edaran Perbendaharaan* dalam menguruskam ekonomi mempunyai batasan-batasannya. Di-bidang pelaburan, apa jua dasar berhenti dan teruskan mungkin menghalang perlaksanaan yang licin bagi projek-projek infrastruktur yang mana adalah keperluan asas untuk pertumbuhan ekonomi. Walaupun bagi perbelanjaan penggunaan, adalah sukar untuk membuat perubahan-perubahan jangka pendek, terutama momotong perbelanjaan, kerana 63% terdiri daripada gaji dan upahan kepada kakitangan sektor awam.

Atas timbangam anti-edaran, pelaburan sektor awam telah sebahagian besarnya dihadkan kepada perbelanjaan untuk projek-projek ekonomi yang utama manakala projek-projek yang rendah keutamaan mereka telahpun dibatalkan atau ditangguh. Banyak projek-projek yang rendah keutamaan yang dijadualkan bermula pembinaan dalam tahun 1973 telahpun ditangguh untuk sementara waktu bagi mengurangkan kenaikan kos pembinaan. Perbelanjaan penggunaan juga telah dikurangkan kepada paras minima melalui kajian yang teliti atas perbelanjaan mengurus semasa pemeriksaan belanjawan tahunan bagi anggaran Kementerian-kementerian dijalankan.

#### Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sebagai sebahagian daripada KNK bertambah


*Perbelanjaan Persekutuan dalam tahun 1973 adalah dijangka merupakan kira-kira 29% daripada KNK.* Semenjak tahun enam puluhan, kadar ini telah sentiasa meningkat (kira-kira 17% dalam tahun 1960) menunjukkan peranan Kerajaan Persekutuan yang kian bertambah dalam pembangunan ekonomi negara. Oleh yang demikian, peruntukan yang bertambah telah dibuat bagi pertanian, pelajaran dan perkhidmatan kesihatan, yang mana menaikkan kadar penggunaan awam berbanding dengan swasta. Dalam tahun 1960, kadar ini adalah 21% berbanding dengan 35% dalam tahun 1973. Pengalaman dalam negara-negara membangun yang lain menunjukkan aliran yang serupa. Di Singapura dan Negeri Thai, jumlah perbelanjaan masing-masing sebagai nisbah KNK bertambah di antara tahun 1966 hingga 1971, daripada 17½% kepada 19% dan dari 14% kepada 19%. Walau bagaimanapun, kadar bagi negeri Filipina tidak berubah pada 12½% dalam tempoh tersebut.

#### Pelaburan Awam berkembang dengan sederhana

Pelaburan awam dalam tahun 1973 dijangka bertambah sebanyak 8½% pada harga semasa berbanding dengan tahun 1972. Perbelanjaan pembangunan sektor awam bertambah dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.7% dalam tahun 1973 (Jadual 4.1) kerana bahagian penggunaan dalam perbelanjaan pembangunan telah dikurangkan. Ini disebabkan oleh pemindahan beberapa perbelanjaan pertahanan dari perbelanjaan pembangunan kepada kira-kira perbelanjaan mengurus. Tindakan ini adalah berikutkan dengan penerimaan secara beransur-ansur amalan antarabangsa menjeniskan perbelanjaan pertahanan sebagai penggunaan dan tidak pelaburan. Tambahan pula, penyertaan milik bersama, yang juga bukan butir pelaburan, berkurangan sebanyak 70% dalam tahun 1973 daripada \$56 juta dalam tahun 1972.



Pertumbuhan pelaburan tetap awam sebanyak 8½% dalam tahun melambung sekarang dapat memenuhi kedua-dua tujuan untuk pertamanya, menentukan supaya pertambahan pelaburan, pertumbuhan dan pembahagian pendapatan yang cukup berlaku untuk

RAJAH 11  
**EDARAN PERNIAGAAN, PENERIMAN CUKAI DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**  
 - SKIL KIRA-KIRA -




# PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- \$ JUTA , SIKI KIRA-KIRA -



# KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- \$ JUTA. SAKI KIRA-KIRA -



mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dan kedua, mengurangkan naik turun dalam perlaksanaan ekspot dan pertumbuhan ekonomi.

Dalam tahun 1972, pelaburan tetap awam telah tumbuh dengan kadar yang amat tinggi sebanyak 53½% kerana sejumlah besar (\$207 juta) telah dilaburkan atas barang-barang khas seperti kapal dan kapal terbang. Tidak termasuk pelaburan atas kedua-dua barang ini bagi tahun 1972 dan tahun 1973, pelaburan tetap awam pada tahun ini mendaftarkan kenaikan sebanyak 17%. Mengikut ukuran antarabangsa, kadar pertumbuhan Malaysia bagi pelaburan tetap awam dalam satu tahun yang melambung adalah agak tinggi.

Dalam tahun 1969 di mana kegiatan ekonomi adalah serupa, pelaburan sektor awam mendaftarkan kadar-kadar pertumbuhan sebanyak 3% bagi Canada, 2% bagi New Zealand, dan tidak ada pertumbuhan bagi United Kingdom dan Australia. Demikian juga di antara negara-negara sedang membangun, kadar pertumbuhan bagi pelaburan tetap awam dalam tahun 1969 adalah rendah. Filipina misalnya, mempunyai kadar pertumbuhan kira-kira 3%, Pakistan 1½% dan Peru 5%.

Bahagian pelaburan tetap awam dari jumlah pelaburan (awam dan swasta) bagi Malaysia telah meningkat dengan pesatnya. Kadar ini adalah kira-kira 49% dalam tahun 1973 berbanding dengan 28% dalam tahun 1960. Ini berbanding dengan kadar tahun 1970 sebanyak 27% bagi Singapura, 21% bagi Sri Lanka, 26% bagi Greece dan 36% bagi New Zealand.

#### Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan terus bertambah

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada \$1,295 juta dalam tahun 1973, (4%<sup>1</sup> lebih daripada tahun 1972). Kenaikan perbelanjaan pembangunan yang pesat dalam tempoh tahun 1960-70 (+18% setahun) mengandungi perkembangan yang besar bagi kemudahan-kemudahan ekonomi. Setelah diadakan, pertambahan kepada asas yang tinggi ini biasanya dibuat pada kadar yang lebih perlahan. Usaha pembangunan Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanan telah bertambah dan adalah dianggarkan sekarang menyumbangkan kira-kira 27% dari jumlah perbelanjaan sektor awam berbanding dengan 24% dalam tahun 1971.

#### Matlamat Rancangan dilebihi sebanyak 47%

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan merupakan 69% daripada jumlah perbelanjaan awam

bagi Rancangan Malaysia Kedua. Bagi tiga tahun pertama Rancangan ini, Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah melebihi matlamat rancangan untuk tempoh yang sama sebanyak 55%. Peruntukan belanjawan yang lebih besar dan penghapusan halangan perlaksanaan telah menyumbangkan kepada perlaksanaan yang lebih baik. Dengan yang demikian, matlamat asal Rancangan bagi perbelanjaan pembangunan sebenar yang minima bagi sektor awam telah *disemak dengan menambahkan jumlahnya dari \$6,000 juta kepada \$8,800 juta*, kenaikan sebanyak 47% dalam harga semasa dari matlamat minima Rancangan.

#### Penggunaan Sektor Awam tumbuh pada kadar yang lebih perlahan

Penggunaan awam bertambah sebanyak 6% dalam tahun 1973 berbeda dengan kadar pertumbuhan yang tinggi melebihi 20% setahun dalam dua tahun yang lepas. Kadar perkembangan yang lebih perlahan ini, terutama dalam perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, dapat menyebabkan kegiatan ekonomi yang meningkat dengan pesatnya dalam tahun 1973. Sekiranya kadar kenaikan yang sama dalam tahun 1973 telah dibenarkan nescaya keadaan melambung akan menjadi lebih meluas dan mungkin membawa beban yang lebih teruk ke atas ekonomi.



Kebolehan sektor awam menghadkan perbelanjaan penggunaannya pada paras yang rendah sebanyak 6% dalam tahun melambung adalah lebih memuaskan menurut perbandingan antarabangsa. Dalam tahun 1969 iaitu satu tahun yang mempunyai keadaan melambung yang serupa, kebanyakan daripada negara-negara maju (melainkan United Kingdom dan Amerika Syarikat dengan kadar pertumbuhan kira-kira 5%) dan juga negara-negara sedang membangun mendaftarkan kadar pertumbuhan bagi penggunaan awam jauh lebih tinggi dari 12%. Di antara negara-negara ASEAN dalam tahun 1969, Indonesia mempunyai kadar kenaikan yang terbesar sebanyak 25% bagi penggunaan awam diikuti oleh Singapura sebanyak 22%. Filipina sebanyak 15% dan Negeri Thai sebanyak 12%.

Mengikut bahagian penggunaan Kerajaan dalam KNK, Malaysia juga mempunyai kedudukan yang tinggi. Menurut kajian penyelidikan, bagi sesuatu ekonomi yang mempunyai pendapatan per kapita sebanyak AS\$500, penggunaan Kerajaannya merupakan 11.9% dari KDNK. Bagi Malaysia, di mana pendapatan per kapitanya sekarang adalah AS\$570, kadar ini bagi tahun 1973 adalah dianggarkan kira-kira 23%, mencerminkan perkembangan perbelanjaan sektor

<sup>1</sup> Semenjak Belanjawan Tahun 1973, beberapa butir pembangunan pertahanan telah dipindahkan kepada perbelanjaan mengurus selaras dengan amalan antarabangsa. Sekiranya butir-butir yang dipindah itu dicampur semula kepada perbelanjaan pembangunan, maka kadar kenaikan perbelanjaan pembangunan sebanding dengan tahun 1972 adalah 17%.

## PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN


- \$ JUTA + SKIL LOG -



## PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- \$ JUTA, SKL LOG -

SUKU TAHUNAN



awam yang besar oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan badan-badan berkanun dalam tahun-tahun kbelumakan ini.

## Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bertambah dengan sederhana

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1973 adalah dianggarkan sebanyak \$3,345 juta (iaitu 7%<sup>2</sup> lebih dari tahun 1972). Ini berbeda daripada perkembangan perbelanjaan yang begitu tinggi yang dibuat dalam tahun 1972 ketika penggunaan Kerajaan meningkat sebanyak 21%.

*Perkhidmatan sosial*, butir yang terbesar dalam perbelanjaan mengurus, jatuh sedikit (1%) daripada tahun 1972. Ini adalah kerana kenaikan dan tunggakan gaji yang besar yang dibayar kepada guru-guru di bawah Laporan Aziz dalam tahun 1972. Perkhidmatan sosial merupakan 35% daripada perbelanjaan semasa dalam tahun 1972 dan telahpun berkembang sebanyak hampir-hampir dua kali ganda dari kadar pertumbuhan KNK dari tahun 1960-70 iaitu 11% setahun, menggambarkan usaha untuk meningkatkan mutu pekerja-pekerja bagi menggalakkan pembangunan jangka panjang melalui perkhidmatan pelajaran yang mana mempunyai pertambahan tertinggi sebanyak 12% dalam sepuluh tahun yang lampau dan perkhidmatan kesihatan yang telah meningkat sebanyak 11% dalam tempoh yang sama.

*Perbelanjaan keselamatan* (25% daripada perbelanjaan semasa) meningkat sebanyak 7% dari tahun 1972, yang mana 70% daripadanya diperuntukkan kepada Angkatan Bersenjata dan 30% kepada Polis.

Satu bahagian yang berkembang dengan cepat dalam perbelanjaan semasa ialah *bayaran bunga atas pinjaman* yang merupakan 11% dalam tahun 1972 berbanding dengan 6½% dalam tahun 1960 dan berkembang kira-kira 16% setahun dalam tempoh tahun 1960-70. Ini adalah akibat langsung daripada keperluan mendapatkan lebih banyak pinjaman untuk membantu usaha pembangunan yang berkembang dengan pesat.

## Hasil Biasa berkembang dengan menuaskan

*Hasil biasa Kerajaan Persekutuan* bagi tahun 1973 diangka akan meningkat sebanyak \$3,302 juta, melebihi pungutan tahun 1972 sebanyak kira-kira 13%. Keadaan perdagangan yang melambung pada tahun ini adalah sebab utama bagi perkembangan yang besar sebanyak 21% dalam hasil cukai, yang merupakan 88% daripada jumlah hasil Persekutuan. Pertambahan-

pertambahan besar berlaku dalam pungutan cukai pendapatan, cukai ekspot, cukai impot dan pungutan cukai jualan. Bagaimanapun, hasil bukan dari cukai berkurangan sebanyak 24% dalam tahun 1973 kerana asas yang tinggi dalam tahun 1972 disebabkan oleh penerimaan harta (\$184.8 juta) dari pemansuhan Lembaga Suruhanjaya Matawang, Malaya dan British Borneo. Tidak termasuk penerimaan harta ini, hasil bukan dari cukai tahun ini adalah dianggarkan bertambah sebanyak 17%.

### Cukai Pendapatan bertambah sebanyak 15%

Kenaikan hasil yang tinggi bagi tahun 1973 adalah dijangka dari pungutan cukai pendapatan yang mana akan meningkat sebanyak \$850 juta atau kira-kira 15% lebih dari tahun 1972. Sebab utama kenaikan ini adalah dari pungutan tunggakan cukai pendapatan dan jentera pungutan yang lebih baik.

### Cukai langsung dan nisbah cukai kian bertambah

*Hasil cukai Persekutuan* berkembang lebih cepat dari KNK, seperti terdapat semenjak pertengahan tahun enam puluhan. Ini digambarkan oleh kenaikan nisbah cukai (hasil cukai sebagai sebahagian daripada KNK) kepada kira-kira 18% dalam tahun 1973 dari pada 16% dalam tahun 1960. Kenaikan ini mencerminkan peranan Kerajaan Persekutuan yang lebih besar dalam mendapatkan hasil dari cukai untuk menyediakan lebih banyak pembangunan ekonomi dan perkhidmatan sosial. Nisbah cukai yang kian bertambah juga memberi satu petunjuk tentang usaha menambahkan cukai untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan.

Dalam tahun 1973, cukai langsung menyumbangkan kira-kira 31% daripada jumlah hasil cukai, berbanding dengan kira-kira 22% dalam tahun 1960. Cukai pendapatan sahaja meningkat kepada 29% dalam tahun 1973 daripada 21% dalam tahun 1960, disebabkan oleh jentera pungutan yang makin baik. Struktur cukai pendapatan yang agak progresif telah menyumbangkan kepada pembahagian pendapatan yang lebih baik.


Kejatuhan cukai tidak langsung yang mana masih merupakan punca hasil yang besar (61% dalam tahun 1973), adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan cukai ekspot dan impot dalam hasil cukai. Cukai ekspot telah jatuh daripada kira-kira 29% dalam tahun 1960 kepada 13% dalam tahun 1973 manakala cukai impot telah jatuh daripada 40% dalam tahun 1960 kepada 20% dalam tahun 1973. Kurangnya pertanggungan ke atas cukai ekspot adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan harga ekspot bagi

<sup>2</sup> Dengan termasuknya beberapa perbelanjaan pembangunan pertahanan dalam perbelanjaan mengurus mulai dari tahun 1973, kadar kenaikan perbelanjaan mengurus yang sebanding dengan tahun 1972 adalah 2%.


# HASIL SEMASA KERAJAAN PERSEKUTUAN

- \$ JUTA - SAMA KIRA-KIRA -

## TAHUNAN




## SUKU TAHUNAN




# HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

- \$ JUTA, SKIL KIRA-KIRA -



**PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA  
NEGERI-NEGERI DAN BADAN-BADAN AWAM**

- \$ JUTA, SKIRI KIRA-KIRA -



<sup>1</sup> LLN, KERETAPI TANAH MELAYU, LEMBAGA PELABUHAN KELANG, SURUHANJAYA PELABUHAN P. PINANG, JABATAN TALKOM, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR dan P. PINANG dan BANDARAN IPOH dan MELAKA

<sup>2</sup> MELIPUTI LKTP, LPPP, MARA, PPB dan LPN.

<sup>3</sup> MELIPUTI PERNAS, SPKPMB, SPAM, SKGM, SYARIKAT JENGEKA Sdn. Bhd dan SYARIKAT MENGETIN NENAS.

bahan-bahan keluaran Malaysia, terutama getah. Oleh itu dalam tahun 1960, cukai ekspot atas getah merupakan kira-kira 22% dari hasil cukai telah jatuh kepada hanya 2% dalam tahun 1972 walaupun kadar ini meningkat kepada kira-kira 7% tahun ini kerana harga getah yang sangat memuaskan. Jatuhnya kepentingan cukai impot sebagai satu punca hasil adalah akibat dari dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelbagai pengeluaran dalam negeri dan pengantian impot. Berikut dari itu, cukai eksais dan cukai jualan telah bertambah penting yang mana sebahagiannya disebabkan oleh kesepatan pengeluaran perusahaan dalam negeri. Dengan itu bahagian cukai eksais dalam jumlah cukai telah bertambah daripada kira-kira 1% dalam tahun 1960 kepada 14% dalam tahun 1973 manakala cukai jualan, yang telah dikenakan pada tahun lepas, merupakan sebanyak 7% daripada hasil cukai dalam tahun 1973.

Pengalaman dalam negara-negara sedang membangun yang lain menunjukkan arah aliran yang serupa terhadap nisbah cukai KNK yang lebih tinggi. Nisbah cukai bagi Singapura bertambah dari kira-kira 12% dalam tahun 1969 kepada 13% dalam tahun 1971; Filipina dari 7% dalam tahun 1953/1955 kepada 10% dalam tahun 1966/1968; Negeri Thai daripada 11% dalam tahun 1953/1955 kepada 13% dalam tahun 1966/1968 manakala nisbah cukai bagi Indonesia bertambah dari 6% kepada 7½% dalam tempoh yang sama. Namun demikian, Malaysia mempunyai nisbah cukai yang tertinggi sebanyak 18% berbanding dengan negara-negara tersebut itu.

### Perlaksanaan Belanjawan tahun 1973

Dalam jangka panjang, *kira-kira semasa* belanjawan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya telah dikekalkan dalam keadaan seimbang. Pada tahun 1972, *kira-kira semasa* menunjukkan kurangan sebanyak \$148 juta sementara anggaran tahun ini ialah lebihan *kira-kira* \$19 juta.

Kurangan keseluruhan bagi tahun 1973 adalah dianggarkan sebanyak \$1,246 juta dan akan dibayai oleh pinjaman dalam negeri yang semakin meningkat, pinjaman luar negeri, penerimaan-penerimaan khas dan penggunaan harta-harta Kerajaan. Pinjaman bersih dalam dan luar negeri, bersama-sama dengan penerimaan-penerimaan khas dijangka akan menyumbang sebanyak \$1,120 juta kepada keperluan pembiayaan. Kurangan yang lainnya akan dibayai oleh kegunaan harta-harta yang mudah diperolehi. Penggunaan pinjaman-pinjaman yang lebih besar untuk membayai perbelanjaan pembangunan telah mengakibatkan kenaikan yang pesat dalam jumlah kedudukan hutang, yang meningkat kira-kira 15% dalam tahun 1973 (berbanding dengan kadar purata sebanyak 14% setahun dalam tahun enam puluhan) meningkat kepada \$8,330 juta (Jadual 4.7).

Buat pertama kalinya, pengeluaran bil-bil Perbendaharaan berdasarkan tender diadakan pada pertengahan bulan Ogos tahun 1973, menamatkan sistem lama 'tap' yang mana terlebih dahulu menentukan kadar-kadar diskau. Tarawan-tarawan yang dikemukakan kepada ketiga-tiga siri (91 hari, 182 hari dan 364 hari) berakhir dengan kadar-kadar diskau sebanyak 3.7%, 3.9% dan 4.4% bagi tiap-tiap satu siri. Kadar-kadar ini lebih memuaskan dari kadar diskau di bawah sistem 'tap'.

### Kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri Jumlah Perbelanjaan bertambah sebanyak 5%

Perbelanjaan Kerajaan-kerajaan Negeri dijangka akan menyumbangkan kira-kira 15% kepada jumlah permintaan sektor awam bagi tahun ini. Peranan anti edaran Kerajaan adalah dibayangkan selanjutnya oleh perbelanjaan Kerajaan Negeri yang mana dianggarkan meningkat hanya sebanyak 5% dalam tahun 1973 berbanding dengan 33% dalam tahun 1972.

Anggaran perbelanjaan pembangunan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam tahun 1973 walau bagaimanapun, adalah dijangka dapat dikekalkan pada paras yang tinggi seperti dalam tahun 1972 (Jadual 4.8). Perbelanjaan pembangunan Kerajaan-kerajaan Negeri telah diperbesarkan semenjak tahun 1971 melalui pembeiran pinjaman yang tinggi oleh Kerajaan Persekutuan sebagai satu daripada tindakan anti edaran dan untuk membanyakkan lagi usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanan. Pinjaman-pinjaman dan bayaran-bayaran balik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam tahun 1973 terus bertambah sebanyak 20% dari tahun 1972.

Pelaburan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam tahun 1973 adalah dianggarkan menyumbang kira-kira 16% kepada pelaburan sektor awam. Kira-kira 70% daripada pelaburan ini akan dibelanjakan untuk pembangunan rancangan-rancangan pertanian, pembinaan parit dan talair, jala raya dan jambatan dan memajukan perdagangan dan perusahaan melalui pembukaan kawasan-kawasan perusahaan. Kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan sosial masing-masing akan menelan kira-kira 10% dan 15% daripada perbelanjaan pembangunan. Tumpuan yang lebih besar adalah ditempatkan kepada pembangunan kawasan-kawasan desa melalui pembukaan rancangan-rancangan tanah—(Pahang Tenggara, Johore Tenggara dan Miri-Bintulu) dan pembinaan projek-projek parit dan talair (Muda di Kedah dan Kemubu di Kelantan) untuk meninggikan lagi pendapatan petani-petani di luar bandar. Lebih banyak perusahaan telah ditubuh di kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang kurang maju.

## **Badan-badan Berkanun—Perbelanjaan Pembangunan meningkat sebanyak 59%**

Dalam tahun 1973 jumlah perbelanjaan badan-badan berkanun dianggarkan meningkat kira-kira 22% dari tahun 1972. Sementara perbelanjaan semasa dijangka meningkat hanya sebanyak 6%, *perbelanjaan pembangunan* dijangka bertambah dengan besarnya sebanyak 59% dan akan menyumbang lebih kurang 19% kepada jumlah pelaburan awam pada tahun ini (Jadual 4.9). Ini ialah kerana projek-projek pembangunan yang diusahakan oleh badan-badan berkanun ini adalah besar. Sebagaimana pada masa yang lampau, kebanyakan dari perbelanjaan ini ialah untuk kuasa letrik, pengangkutan dan perhubungan dan ini menghasilkan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lebih banyak dan lebih baik. Perbelanjaan modal yang dibuat oleh Lembaga Letrik Negara menumpukan kepada pengedaran bekalan letrik untuk memenuhi matlamat rancangan-rancangan membekalkan kuasa letrik di kawasan luar bandar yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Jabatan Talikom yang mempunyai perbelanjaan modal yang meningkat sebanyak 20% pada tahun 1973, telah memperluaskan lagi kemudahan panggilan jauh secara terus dan pembinaan ibuswat "telex" secara otomatis di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu untuk membaiki lagi kualiti perkhidmatan talikom negara ini. Lembaga Pelabuhan Kelang meneruskan kerja memperluaskan dermaga air dalamnya yang dipasangkan dengan kemudahan "container" supaya dapat kapal-kapal besar berlabuh. Kerepati Tanah Melayu meneruskan rancangan memodenkannya dengan menggunakan kuasa diesel dan menggantikan gerabak-gerabak untuk menyediakan kemudahan perhubungan pengangkutan yang lebih baik terutama sekali antara kawasan-kawasan di mana cara-cara pengangkutan yang lain tidak mencukupi.

Dengan hasil semasanya meningkat sebanyak 8% dalam tahun 1973, kira-kira semasa badan-badan berkanun dianggarkan berakhir dengan lebihan yang cukup untuk membayai 55% dari perbelanjaan pembangunan mereka (Jadual 4.9). Perbelanjaan pembangunan yang lain akan dibayai dengan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan negeri dan pinjaman luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dan juga menggunakan harta-harta mereka yang mudah diperolehi.

## **Peranan pembangunan PKEN bertambah**

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan badan-badan kemajuan kawasan juga memainkan peranan besar dalam memperluaskan usaha pembangunan sektor awam dalam tahun 1973. Kesemua tiga belas buah negeri telah menubuhkan PKEN

masing-masing, kebanyakan daripada mereka menumpukan kepada memajukan kawasan perusahaan, pembinaan kompleks beli-belah, kedai-kedai kecil, bangunan pejabat dan rumah dan membuka lebih banyak ladang, kilang dan lombong. Kebanyakan daripada perbelanjaan pembangunan mereka dibiayai daripada pinjaman Persekutuan. Sehingga pertengahan tahun 1973, pinjaman bernilai \$88.4 juta telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada PKEN, dan ini melebihi peruntukan asal RMK sebanyak \$42.8 juta. Peruntukan yang lebih banyak telah juga dibuat untuk perbadanan-perbadanan ini di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan tersebut.

## **Permintaan sektor swasta tinggi**


Permintaan sektor swasta pada tahun 1973 yang didorongkan oleh keadaan ekonomi semasa yang melambung, akan mencatat kenaikan yang amat kuat untuk kedua-dua perbelanjaan pelaburan dan penggunaan. Permintaan sektor swasta keseluruhannya dianggar meningkat sebanyak kira-kira 15% pada tahun ini dari tahun 1972.

## **Pelaburan swasta meningkat sebanyak 20%**

Pelaburan swasta pada harga semasa dijangka meningkat pesat sebanyak lebih dari 20% dalam tahun 1973 dan ini mengekalkan nisbahnya dengan KNK sebanyak kira-kira 91% seperti pada tahun 1972. Ini dicerminkan oleh beberapa petunjuk terutamanya paras tinggi impot-impot barang pelaburan, logam buatan, besi dan besi-waja, pertambahan penggunaan letrik oleh sektor perusahaan dan perdagangan, penjualan simen, dan kenaikan yang jelas dalam pinjaman berjangka kepada kalangan swasta untuk sebahagian besar tahun 1973. Kadar simpanan sut yang tinggi dalam lingkungan 18% dan aliran-masuk modal swasta bersih adalah faktur-faktur yang membolehkan kadar pertambahan yang tinggi pada pelaburan swasta tahun ini.


*Impot barang-barang pelaburan* yang merupakan petunjuk utama kegiatan pelaburan di Malaysia telah memuncak sebanyak 16% dalam sembilan bulan pertama 1973 berbanding dengan tempoh sama tahun 1972. Kenaikan impot logam buatan (+46%) dan besi serta besi-waja (+67%) yang menerima dorongan kuat dari pengetepian cukai impot pada bulan April adalah bukti serta akibat dari pelambungan kuat dalam sektor pembinaan yang dialami oleh negara tahun ini. Ini dicerminkan juga oleh pertambahan pengeluaran atas genting (+48%), cat (+28%) dan kepingan besi (+42%). Penggunaan letrik oleh sektor perusahaan dan perdagangan dalam lapan bulan pertama juga bertambah (+21%) bagi menyempurnakan keperluan

RAJAH 20 PENUNJUK-PENUNJUK PELABURAN SWASTA  
— SEMENANJUNG MALAYSIA, SAKI LOG —



RAJAH 21

## PENUNJUK PENUNJUK PENGGUNAAN SWASTA



perkembangan kegiatan perusahaan. Dari segi pinjaman bank pula, pinjaman berjangka kepada kalangan swasta sehingga September 1973 adalah 60% lebih dari tempoh sama tahun 1972.

*Pelaburan untuk tanah* oleh kalangan swasta pada tahun 1973 seperti di masa lalu (lebih kurang \$4-7 juta setahun) dijangka mencapai \$7 juta. Angka ini kecil oleh kerana ia hanya menunjukkan perbelanjaan menjual-beli tanah dan tidak termasuk kenaikan nilai tanah. Pelaburan untuk tanaman bermasa yang kebanyakannya dilakukan oleh sektor swasta dijangka dikenalkan pada paras tahun 1972 sebanyak \$200 juta (7% dari jumlah pelaburan). Pelaburan di sektor estet telah samada tidak bertambah atau berkurangan sepanjang sepuhul tahun lalu disebabkan oleh kejatuhan harga-harga barang-barangan utama. Walaupun terdapat paras harga-harga barang-barangan yang tinggi tahun ini, tidak ada pertambahan besar dijangka dalam pelaburan tanaman bermasa. Ini ialah oleh kerana masa untuk mengeluarkan hasil itu lama yang menyebabkan pelaburan dalam tanaman bermasa tidaklah cepat mengikuti turun-naik dalam pertumbuhan ekonomi. Kegiatan pelaburan swasta dijangka kuat dalam perusahaan pembinaan. Kegiatan *pembinaan* yang telah menjadi bertambah kuat dalam tahun 1972 dan menyebabkan ketegangan keupayaan semenjak itu, nampaknya terus meningkat dengan pesat oleh kerana sektor ini terus dilambungi oleh permintaan dalam negara yang kuat untuk perumahan dan bangunan perniagaan. Ini mengakibatkan kenaikan kos dan harga dalam sektor pembinaan pada tahun 1973. Pelaburan untuk perumahan dan bangunan bukan kediaman diramal tinggi dengan bertambahnya pinjaman bank untuk pembinaan dan bangunan (+34%) dalam separuh tahun pertama 1973. Kajian Arah-aliran Perusahaan No. 11, Jun 1973 oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (L.K.P.P.) menunjukkan 32% dari contoh kilang-perusahaan yang disoal bercadang hendak menambahkan perbelanjaan modal untuk bangunan bagi 12 bulan kehadapan. Oleh itu, ketegangan dalam keupayaan pembinaan tidak mungkin berkurangan dalam tahun 1974. Seterusnya, keadaan harga dalam perusahaan pembinaan tidaklah mungkin bertambah baik melainkan sekiranya langkah-langkah lain dapat dikemukakan bagi menyelesaikan kekurangan bekalan dan tekanan permintaan dalam perusahaan itu.

Pelaburan dalam *perkilangan* yang merupakan sektor pertumbuhan yang utama semenjak tahun 1970 dan berjumlah kira-kira 25% dari jumlah pelaburan swasta terus menjadi kuat tahun ini. Ini dibayangkan oleh kenaikan sebanyak 13% dalam "mesin dan alatan" tahun ini. Kajian LKPP juga menunjukkan 50% dari contoh perusahaan itu merancang untuk menambah modal untuk mesin kilang dan alat-mesin bagi setahun

yang akan datang membayangkan kenaikan kuat dalam kegiatan perkilangan. Ini disokong oleh kenaikan sebanyak 12% dalam pinjaman dan pendahuluan kepada sektor perkilangan, penambahan pendaftraan syarikat dan modal terkumpul dan kenaikan angka turunjuuk pengeluaran perusahaan perkilangan sehingga pertengahan tahun. Adalah juga dianggarkan iaitu pelaburan untuk harta-harta tetap dalam sektor perkilangan akan meningkat sebanyak 16% melebihi paras 1972.

Keadaan pada umumnya menunjukkan pertambahan dalam kegiatan pelaburan dari tahun 1973 seterusnya setelah berkurangan pada tahun 1972. Pemulihan pelaburan swasta dari segi edaran perniagaan nampaknya berlaku lebih awal dari kelewatan setahun selepas ekspot. Sebahagian darinya adalah disebabkan oleh perbelanjaan kalangan awam yang tinggi pada tahun 1972 dan awal 1973 yang bukan sahaja mengujudkan tekanan permintaan baharu tetapi juga mengekalkan jumlah permintaan pada paras yang tinggi dan seterusnya mendorong kegiatan pelaburan swasta untuk pulih lebih awal. *Pelaburan sebenar* oleh sektor swasta dijangka bertambah sebanyak 5% pada tahun 1973 berbanding dengan kejatuhan sebanyak 10% pada tahun 1972 sementara unsur harga (+15%) menyebabkan kebanyakan dari kenaikan sebanyak 20% dari segi nominal.

Pertambahan pelaburan swasta yang cepat dijangka bertambah kuat dalam separuh tahun pertama 1974 apabila permintaan sektor swasta meningkat setelah diperkayakan oleh pelambungan ekspot yang lebih awal. Peraturan pertukaran yang lebih bebas yang dikemukakan baru-baru ini oleh Kerajaan, pembuahan kawasan-kawasan perdagangan bebas dan galakan pelaburan yang lebih telah menarik-masuk sejumlah besar pelaburan asing yang dijangka berterusan pada tahun hadapan.

### **Penggunaan swasta—kenaikan yang paling tinggi**

Penggunaan swasta tahun 1973 dianggar meningkat dengan pesatnya sebanyak 14% pada harga semasa. Penggunaan sebenar dijangka bertambah pada kadar seakan dengan tahun-tahun perlambungan 1962/63 dan 1969/70 iaitu di antara 6 hingga 7% melebihi paras tahun 1972. Kenaikan tinggi penggunaan sebenar ini disebabkan oleh dorongan kuat yang diterima dari pelambungan ekspot dan kenaikan umum paras kegiatan ekonomi tahun 1973.

Secara nominal, kadar pertambahan penggunaan swasta tahun 1973 adalah yang tertinggi pernah dicatit. Petunjuk-petunjuk yang terdapat berkenaan penggunaan swasta menunjukkan kenaikan besar seperti impot kereta-kereta penumpang (+57%) dan motosikal (+90%), dan penggunaan letrik oleh kalangan bukan perusahaan (12%). Kenaikan tinggi penggunaan swasta

pada harga semasa sepanjang tahun walau bagaimanapun adalah disebabkan oleh kenaikan tinggi paras harga pengguna (+10%) yang dianggar untuk tahun ini. Dalam sepuluh bulan pertama tahun ini, angkatunjuk harga-harga pengguna meningkat dengan kadar 13.6% berbanding dengan 3.0% untuk tempoh sama tahun 1972 sementara harga-harga kereta dan alat-alat rumah bertambah di antara 9 hingga 10%.

### Harga-harga Pengguna terus meningkat

Bagi tahun 1973, harga barang-barang pengguna di Malaysia dianggar meningkat sebanyak kira-kira 10% berbanding dengan peratus perubahan yang kecil sebanyak 3.2% pada tahun 1972. Dalam jangka masa sepuluh bulan pertama tahun 1973, angkatunjuk harga-harga pengguna meningkat sebanyak 9% berbanding dengan jangka masa yang sama pada tahun 1972. Pada bulan Oktober ianya telahpun meningkat sebanyak 15.5% berbanding dengan bulan Oktober 1972. Perkembangan ini adalah luar biasa jika dibandingkan dengan keadaan dua puluh tahun dahulu tatkala harga-harga adalah stabil pada taraf mana-mana pun.

Di dalam masa sepuluh bulan pertama tahun 1973, harga-harga makanan yang wajarnya merupakan 46.8% dari jumlah angkatunjuk harga-harga pengguna, telah meningkat dengan tingginya sebanyak 13.6% berbanding dengan masa yang sama pada tahun 1972. Harga barang-barang makanan utama telah meningkat dengan tinggi sekali seperti beras, roti dan lain-lain bijian (19.8%), buah-buahan dan sayur-sayuran (12.9%) dan daging (13.9%).

Penyusunan semula angkatunjuk harga-harga pengguna menunjukkan kadar pertambahan untuk barang-barang kekal (misalnya kereta, peti sejuk dan peti talivisen) adalah 8.3% dan barang-barang separuh kekal (pakaian, kain linan, bulb lampu letrik) 15% berbanding dengan jangkamasa sepuluh bulan pertama pada tahun 1972. Barang-barang tidak kekal (makanan, tembakau, minuman) dan perkhdmatan (sewa, perkhdmatan perubatan, perlbelanjaan di restaurant) masing-masing meningkat sebanyak 9.6% dan 2.8%.

Kenaikan harga barang-barang pembinaan dan bangunan adalah tersangat tinggi. Kadar kenaikan adalah 12% sehingga 57%.

Kenaikan harga-harga pengguna adalah disebabkan oleh faktur-faktur luar dan dalam negeri. Sebab yang utama ialah kenaikan harga barang-barang yang diimpor oleh Malaysia akibat dari berlakunya inflasi pada kadar yang paling tinggi di negara-negara perusahaan yang utama yang membekalkan lebih kurang 50% dari impot-impot Malaysia. Angka-


tunjuk harga impot Malaysia telah meningkat sebanyak 12% pada tahun 1972 dan dianggarkan naik sebanyak 14% pada tahun 1973. Penyclarasan semula matawang yang berlaku pada bulan Disember 1971 dan Februari 1973 menyebabkan semakin meningkatnya kenaikan harga barang-barang pengguna. Misalnya harga barang-barang Jepun meningkat dengan tinggi sekali selepas naiknya nilai matawang yen pada tahun 1971. Di sebalik itu harga barang-barang yang berasal dari negara-negara yang telah menurunkan nilai matawang-matawang mereka (misalnya U.K., A.S.) tidak diturunkan selaras dengan perubahan kadar pertukaran wang itu disebabkan peniaga-peniaga cepat menaikkan harga dan terlambat menurunkannya jika mereka mempunyai niat berbuat demikian. Harga impot Malaysia telah juga naik disebabkan oleh bertambahnya kadar bayaran pengangutan telah meningkat sebanyak 8% dalam tahun 1973 selepas terdapat tiga kenaikan dalam kadar itu di antara tahun 1971 hingga 1972 sahaja. Kekurangan bekalan bahan-bahan tertentu di dunia seperti beras dan gula menambahkan lagi bebanan masalah inflasi yang diimpor.

Faktur dalam negeri juga memainkan peranan yang semakin penting menyebabkan kenaikan paras harga. Dasar cukai pelindung memberi peluang kepada pengilang-pengilang untuk mengambil kesempatan dari kedudukan monopoli mereka. Juga terdapat kecederungan bagi harga barang-barang yang diberi cukai pelindung untuk meningkat ke arah harga barang-barang yang diimpor yang telah dikenakan cukai impot yang tinggi. Kenaikan pesat harga getah dan harga barang-barang eksport lain, pertambahan jumlah pinjaman bank kepada sektor swasta dan pertambahan perbelanjaan Kerajaan menyebabkan meningkatnya jumlah permintaan dan ini memberi kesan kepada bekalan wang dan kenaikan harga.

Beberapa tindakan telah dilaksanakan pada tahun ini untuk mengatasi masalah kenaikan harga. Tindakan yang terpenting dan meluas ialah pengapungan ringgit Malaysia dalam bulan Jun 1973 yang menolong mengurangkan kesan-kesan dari kenaikan nilai pertukaran wang asing dan inflasi luar. Beberapa tindakan dari segi fiskal telah juga diambil. Di antaranya ialah perlonggaran sekutu impot ke atas kira-kira 61 barang-barang yang berkualitasua mulai dari 16hb Ogos, 1973. Kerajaan telah melaksanakan satu kumpulan rancangan dengan langkah-langkah pertolongan untuk meringankan beban kenaikan harga barang-barang pada 20hb Oktober, 1973. Di antaranya ialah pembayaran eluan bantuan khas sementara untuk pegawai-pejawai Kerajaan berpendapatan rendah yang dianggarkan menelan belanja \$100 juta, tindakan membebaskan impot, menurunkan lagi cukai dan cukai impot ke atas barang-barang keperluan, peruntukan pembiasyian dari Kerajaan dan perlaksanaan dengan lebih berkesan lagi Akta Kawalan Perbekalan, 1961. Dasar wang telah diperketat dengan sederhana.

## HARGA - HARGA PENGGUNA DI NEGARA - NEGARA UTAMA

- 1970 = 100, SKIL KIRA = KIRA-



Dalam tahun 1974, kadar kenaikan harga mungkin dapat disekat oleh:

- (a) kesan pengapungan ringgit ke atas harga-harga impot;
- (b) ramalan yang pertumbuhan ekonomi negara-negara perusahaan akan menjadi perlaha dan kesan mengurangkan permintaan kepada eksport kita; dan
- (c) kemungkinan bertambahnya bekalan biji-bijian dunia.

Walaupun begitu krisis minyak yang sedang meningkat jika tidak menurun, dan kemungkinan berlakunya "stagflasi" di negara-negara perusahaan yang utama boleh mengagalkan kesan menurun ke atas harga itu dalam tahun 1974.

### **Dasar wang—diperketatkan dengan sederhana**

Kedua-dua wang dalam negeri baharu-baharu ini memerlukan pertukaran corak pada pendirian dasar wang. Bagi sebahagian besar tahun 1972 terdapat dasar kewangan yang agak longgar tetapi telahpun diketatkan sedikit dalam tahun 1973.

Dasar wang yang longgar ini terpaksa diperketatkan disebabkan oleh kadar kenaikan bekalan wang yang luar biasa tingginya sejak hujung tahun 1972 apabila dibandingkan dengan pertumbuhan KNK. Kadar kenaikan bekalan wang telah meningkat dengan pesat semenjak bulan September 1972 hingga mencapai satu kadar rekod tahunan sebanyak 46% pada akhir bulan Julai 1973 berbanding dengan akhir Julai 1972. Sebahagian kecil dari kenaikan ini (kira-kira 5%) disebabkan oleh penebusan matawang Singapura dan Brunei (yang tidak dimasukkan ke dalam bekalan wang) pada bulan Mei dan penggantianya dengan ringgit Malaysia. Bagi sepuhul bulan pertama 1973, bekalan wang menunjukkan kenaikan sebanyak \$701 juta kepada jumlah \$3,462 juta pada akhir bulan Oktober. Ini merupakan kenaikan sebanyak 36% kadar tahunan berbanding dengan akhir Oktober 1972.

Dorongan utama kepada perkembangan bekalan wang bagi sepuhul bulan pertama itu berpuncak dari *sektor swasta* yang menyumbangkan kira-kira \$399 juta daripada kenaikan ini. Peminjaman oleh sektor swasta bertambah dengan jumlah yang besar sebanyak \$974 juta sementara simpanannya hanya bertambah sebanyak \$575 juta. Kesan perkembangan ke atas bekalan wang oleh sektor swasta dalam tahun 1973 merupakan satu perubahan penting dari peranannya yang berkuncupan pada tahun 1972. Ini mencerminkan pemulihan semasa dalam kegiatan sektor swasta dan iklim perniagaan yang baik.

*Sektor luar negeri* adalah satu lagi penentuan positif bekalan wang. Sehingga penghujung bulan Oktober, 1973, sektor ini berkembang dengan pesatnya dengan sumbangan sebanyak \$361 juta kepada bekalan wang. Keadaan permintaan dan harga-harga yang tinggi untuk barang-barangan eksport utama Malaysia berikut dengan perkembangan pesat di negara-negara perusahaan telah membawa kepada pertambahan yang berterusan dalam penerimaan bersih wang asing. Penerimaan ini selanjutnya mengakibatkan kenaikan bekalan wang yang tinggi.

Sebaliknya, berbanding dengan pengaruh perkembangan ke atas bekalan wang pada tahun 1972 (+\$287 juta), pengaruh *sektor awam* bagi sepuhul bulan pertama 1973 adalah kecil (+\$14 juta). Ini mencerminkan dasar anti-edaran oleh Kerajaan tatkala terdapat keadaan melambung. Pinjaman yang diberikan kepada sektor awam bertambah sebanyak \$188 juta sementara simpanannya meningkat sebanyak \$174 juta. Sebenarnya, sekiranya tidak disebabkan oleh perbelanjaan untuk eluan bantuan khas sementara yang diberikan kepada pekerja-pekerja Kerajaan berpendapatan rendah pada bulan Oktober, pengaruh sektor awam ke atas bekalan wang adalah lebih kecil lagi. Oleh itu, adalah dianggarkan yang sektor awam hanya akan mendatangkan satu dorongan positif yang kecil ke atas bekalan wang menjelang hujung tahun 1973.

Pada 26hb April, kesemua kadar-kadar pinjaman minima dan kadar meminjam maksima di bank-bank perdagangan dinaikkan sedikit, dan pada 1hb Ogos, kadar maksima bagi simpanan-simpanan tetap yang berjangka 9 dan 12 bulan di bank-bank telah dinaikkan sedikit lagi. Kadar simpanan tetap dan simpanan dengan syarikat-syarikat meminjam tidak lagi dikenakan peringkat maksima dan syarikat-syarikat ini dibenarkan menawar kadar-kadar mereka sendiri. Tambahan pula, nisbah mudauntai bank-bank perdagangan telahpun dinaikkan dari 20% kepada 25% pada pertengahan bulan Ogos untuk menahan perkembangan mudauntai selanjutnya.

Kenaikan pesat pada bekalan wang baharu-baharu ini, (Januari-Okttober: kira-kira 38% pada kadar purata tahunan) yang jauh melebihi anggaran kenaikan KNK sebanyak 8% pada harga tetap dan 20% pada harga semasa adalah satu perkembangan yang perlu diberi perhatian. Memandangkan kepada keadaan mudauntai yang agak tinggi dalam ekonomi ini, kadar kenaikan bekalan wang yang pesat ini merupakan unsur yang boleh mendatangkan inflasi. Ini memerlukan perhatian yang berterusan walaupun setengah-setengah langkah pemulihan telahpun diambil.


### **Pasaran Saham Malaysia—sentimen menjual**

Keadaan Pasaran Saham Malaysia dimendungi oleh sentimen menjual pada sebahagian besar tahun 1973

RAJAH 24

## BEKALAN WANG

KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN - % PERTUKARAN




dan menyerupai keadaan sentimen yang terdapat di pasaran-pasaran lain di wilayah Asia Tenggara. Pasaran saham mula bertukar haluan dari arah-aliran bersentimen membeli yang disebabkan oleh spekulasi yang keterlaluan dan aliran masuk wang panas pada hujung tahun 1972 dan awal 1973 untuk terus menjunam kepada suasana cenderung menjual dan keadaan yang tidak begitu giat setelah harga-harga saham mencapai kemuncaknya pada bulan Februari 1973.

Setelah menurun pada bulan Mei, harga-harga meningkat sedikit pada bulan Jun dipengaruhi sebahagiannya oleh aliran masuk \$ AS dan juga jaminan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia bahawa semua saham yang dahulunya didaftar di Pasaran Saham Malaysia dan Singapura, akan dinyatakan secara otomatik di papan perniagaan Kuala Lumpur

walaupun berlakunya perpisahan Pasaran Saham bersama pada bulan Mei. Bagaimanapun pada bulan Ogos, pasaran saham jatuh sedikit oleh kerana kekurangan peransang membeli dan kekurangan pembelian oleh yayasan. Pada bulan September dan Oktober, harga-harga naik sedikit dengan adanya sokongan membeli, terutamanya, untuk saham-saham perusahaan yang murah. Pada sebahagiannya ini adalah berikut dengan tindakan Perbendaharaan menyingkirkan khabar-khabar angin yang syarikat-syarikat bertempat di Singapura tidak lagi dibenarkan didaftar di Pasaran Saham Malaysia. Bagaimanapun pada pertengahan November harga-harga saham jatuh lagi ketika terdapat keadaan merosot di pasaran saham sedunia berikutan dengan keimbangan pengurangan keuntungan syarikat-syarikat oleh kerana krisis minyak berlarutan.

# PETUNJUK UTAMA KEWANGAN



Angka-tunjuk<sup>1</sup> perusahaan jatuh dari kemuncaknya pada paras kira-kira 600 pada pertengahan Februari ke lingkungan paras 320 tandaharga-tandaharga pada awal Oktober. Ini menunjukkan kemerosotan sebanyak 40% bagi sembilan bulan pertama 1973. Dalam tempoh yang sama, angka-tunjuk harga saham hotel turun sedikit sementara saham sektor hartabenda, yang paling mudah dipengaruhi oleh spekulasi, merosot teruk sekali sebanyak 45%. Sungguhpun harga-harga saham timah jatuh sedikit, getah dolar meningkat sebanyak 35% pada tempoh yang sama sebagaiannya, didorongi oleh keadaan melambung yang dinikmati oleh getah asli.

Arah-aliran jumlah perniagaan menunjukkan keadaan turun-naik yang begitu kuat. Perniagaan pesat berlaku dalam bulan Februari, Jun dan September tetapi terlalu tipis pada bulan Mei, Julai dan Ogos. Bagi saham perusahaan, jumlah yang diniaga bagi tiga suku pertama 1973, ialah 315 juta yunit, bagi hotel 37 juta yunit, hartabenda 57 juta yunit dan timah 1 juta yunit. Jumlah saham getah dolar yang diniaga ialah kira-kira 9 juta yunit dalam tempoh yang sama. Ini adalah 15% lebih tinggi walaupun dibandingkan dengan jumlah yang diniaga di bawah Pasaran Saham bersama Malaysia dan Singapura bagi tiga suku pertama tahun 1972.

Langkah-langkah kewangan yang diambil oleh Kerajaan untuk menahan inflasi baru-baru ini dengan menaikkan lagi nisbah mudauntai ke atas bank-bank kepada 25% pada bulan Ogos, dan mengurangkan wang lebihan dengan mengadakan dua pinjaman stok bernilai \$350 juta tiap-tiap satu pada bulan Mei dan September 1973, telah mengurangkan mudauntai dan aktiviti-aktiviti pinjaman terutama sekali dalam overderaf dan pinjaman yang menggunakan saham sebagai jaminan. Tambahan pula, kenaikan kadar faedah baharu-baharu ini juga menjadikan pinjaman-pinjaman tidak lagi begitu murah. Langkah-langkah ini serta dengan amaran-amaran melarangkan perniagaan oleh "orang-dalam" di Malaysia telah mengurangkan secara besar-besaran gejala spekulasi yang terdapat di pasaran saham daripada bulan Oktober 1972 hingga ke Februari 1973.

#### Pasaran Saham Malaysia dan Singapura—perpisahan yang perlu

Satu daripada keputusan-keputusan kewangan yang penting diambil oleh Kerajaan pada 8 Mei 1973, ialah penubuhan Pasaran Saham Malaysia yang berasanggan menggantikan Pasaran Saham bersama Malaysia dan Singapura. Penubuhan pasaran saham Malaysia tersendiri akan membolehkan Malaysia bertindak secara bebas dalam pasaran dan memajukan Pasaran Saham Kuala Lumpur sebagai satu yayasan yang sihat dan mempunyai keupayaan untuk berkembang dengan pesat kelak. Sungguhpun berlakunya perpisahan, semua saham-saham yang dinyatakan di Pasaran Saham bersama yang lama itu, akan secara automatik disenaraikan di papan perniagaan Kuala Lumpur dan semua orang-orang asing, termasuk orang-orang Singapura, seterusnya, dibenarkan menjual dan membeli saham syarikat-syarikat Malaysia tanpa kebenaran kawalan pertukaran wang. Beroker saham dan ahli-ahli bank Singapura terus dibenarkan menandatangi penyata-penyata yang dikehendaki bagi membantu mendaftarkan saham-saham dalam nama pembeli-pembeli Singapura.



#### Banyak lagi Firma-firma Beroker Saham ditubuhkan

Sehingga bulan November 1973, 9 buah firma beroker saham telah ditubuhkan pada tahun ini membawa jumlah kepada 30 buah. Rancangan-rancangan juga telah ditetapkan untuk menubuhkan satu Pasaran Saham Bumiputra untuk menggalakkan lebih lagi penyertaan Bumiputra dalam Pasaran Saham dan untuk memberi pasaran kepada saham-saham kepunyaan syarikat-syarikat kecil tetapi teguh yang belum dipaparkan lagi. Adalah dijangka bilangan firma beroker saham akan bertambah lagi di negara ini pada tahun 1974 dan banyak lagi syarikat-syarikat akan didaftarkan di Pasaran Saham Kuala Lumpur dengan terhadapnya kesedaran akan faedah-faedah yang dapat diperolehi dari mendaftar di Pasaran Saham bagi mendapatkan modal dengan lebih berkesan. Menjelang bulan November 1973, kira-kira 260 buah syarikat telah didaftarkan di Pasaran Saham Kuala Lumpur, 154 buah darinya ditubuhkan di Malaysia.

<sup>1</sup> Petunjuk perusahaan *Straits Time* Baru.

RAJAH 26

## ANGKA-ANGKA TUNJUK HARGA SAHAM

JUMLAH SAHAM YANG  
DI NIAGAKAN (UNIT)

## IV. Bekalan—Pengeluaran dan Impot

### KDNK naik 8% dalam harga tetap dan 21% dalam harga semasa

B erikutan dari permintaan yang melambung terutamanya dari negara-negara luar mulai dari awal tahun 1972, keupayaan pengeluaran ekonomi Malaysia telah memberi sambutan yang sangat menggalakkan. Harga-harga yang tinggi bagi hampir kesemua barang-barangan utama telah mendorongkan pengeluaran yang bertambah, lebih-lebih lagi di kalangan pekebun-pekebun kecil. Permintaan yang semakin meningkat dari negara-negara luar di sokong oleh permintaan dalam negeri yang di jangka bertambah dengan pesatnya telah menggalakkan pertambahan yang cepat dalam aktiviti dan pengeluaran sektor perindustrian terutama sekali sektor-sektor perkilangan dan pembinaan.

Tahun 1973 telah menjadi satu tahun pengeluaran yang kukuh bagi Malaysia. Adalah dianggarkan KDNK, yang mengukur nilai di tambah dari pengeluaran di dalam negara, akan meningkat sebanyak lebih kurang 8% pada tahun ini menjadi \$12,536 juta dalam harga tetap (\$13,726 juta dalam harga semasa). Kadar pertambahan yang tinggi ini adalah berdasarkan kepada anggaran tinggi pengeluaran sektor-sektor pertanian, perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan yang telah menunjukkan perkembangan yang pesat.

### Pertanian pulih sebanyak 37% dalam harga semasa (14% dalam harga tetap)


Sektor pertanian (22% daripada KDNK) yang telah mengalami kemerosotan harga pada tahun 1972 telah pulih dengan cemerlangnya berikutan dari keadaan ekonomi yang melambung disebabkan oleh permintaan luar negeri yang tinggi. Keluaran pertanian dianggarkan bertambah sebanyak 37% dalam harga semasa (14% dalam harga tetap) pada tahun ini berbanding dengan tahun 1972 (jadual 1.2) yang sebahagian besarnya disebabkan oleh harga dan pengeluaran getah dan kelapa sawit yang lebih tinggi. Sektor pertanian yang mengandungi getah, kelapa sawit, padi, kelapa, lada hitam, nenas, tembakau dan berbagai tanaman lain yang merupakan 31% dari jumlah pengeluaran dan memberi pekerjaan kepada setengah dari tenaga buruh. Pemulihan yang dialaminya mempunyai pengaruh yang penting ke atas gunatanaga dan pertumbuhan ekonomi seluruhnya. Pengeluaran getah (36% daripada keluaran pertanian) bagi tahun 1973 dianggarkan bertambah

menjadi 1.5 juta tan metrik (+14% berbanding dengan tahun 1972). Dari jumlah ini, seperempat daripadanya adalah dalam bentuk SMR berbanding dengan 13% dalam tahun 1970. Adalah dijangka bahawa menjelang tahun 1975, SMR akan merupakan 55% dari ekspot getah. Dari segi nilai, pertambahan pengeluaran getah adalah lebih tinggi daripada pertambahan dari segi kuantiti kerana melambungnya harga getah pada tahun ini yang, di satu ketika, telah mencapai 227 sen/kilo, yaitu satu harga yang paling tinggi semenjak 12 tahun kebelakangan. Nilai pengeluaran pada tahun 1973 akan meningkat sebanyak 70% berbanding dengan tahun 1972.

Sektor pekebun-pekebun kecil yang biasanya mengubah pengeluaran dengan segera bila terdapat perubahan harga, telah bertindak dengan serta-merta setelah harga getah meningkat dengan tinggi semenjak akhir tahun 1972. Di tahun 1971-72 apabila harga rendah, sektor ini adalah pasif dari segi kenaikan pengeluaran. Sambutannya atau kenyalan penawaran kepada kenaikan harga adalah begitu kuat sehingga pengeluaran dalam jangka masa tiga suku pertama tahun 1973 adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh penambahan pengeluaran pekebun-pekebun kecil (termasuk LKTP) yang dianggarkan sebanyak 31%. Permodenan sektor pekebun-pekebun kecil oleh badan yang baru ditubuhkan seperti RISDA adalah juga dijangka membawa kepada pengeluaran yang sempurna dari tahun 1973 dan tahun-tahun kehadapan. Sektor pekebun kecil telah mengakau sebanyak 53% daripada jumlah pengeluaran dalam masa tiga suku pertama bagi tahun ini jika dibandingkan dengan 47% dalam jangka masa yang sama pada tahun 1972. Pengeluaran dari sektor ladang yang kurang kenyalan harganya telah mengalami sedikit kekurangan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini tetapi telah meningkat naik dalam suku ketiga disebabkan oleh harga yang melambung dan menambah pengeluaran sebanyak 2% berbanding dengan tahun 1972.

Pada tahun 1973 jumlah kawasan sektor ladang adalah di jangka seluas 1,498,000 ekar, berkurangan sebanyak 2% berbanding dengan 1972 disebabkan oleh pemecahan ladang yang berterusan dan usaha mempelbagaikan kepada penanaman kelapa sawit dan tanaman-tanaman yang lain yang dibenarkan. Disebaliknya kawasan tanaman di sektor pekebun-pekebun

## KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT PUNCA-PUNCA KEGIATAN (DALAM HARGA SEMASA)



kecil termasuk LKTP dijangka akan bertambah sebanyak 1.7% daripada 2,725,000 ekar pada tahun lepas.

### Pasaran getah bersendirian—satu catitan

Malaysia telah menubuhkan pasaran getahnya yang tersendiri di Kuala Lumpur pada 20hb Ogos tahun ini, satu langkah yang paling sesuai sebagai pengeluar dan pengekspor getah asli yang terbesar. Kezaman Malaysia untuk menubuhkan pasaran getahnya sendiri telah di dorong oleh penamatian Perjanjian Pertukaran matawang dengan Singapura dan pengapungan ringgit Malaysia. Ringgit yang di apung itu mendapat sambutan premiam lebih dari ringgit A.S. dan paun sterling yang tidak dicerminkan dengan sepenuhnya oleh harga getah biasa. Oleh kerana amalan sebutan harga yang sama bagi kedua-dua Malaysia dan Singapura tidak menunjukkan premiam yang dialami oleh ringgit Malaysia berbanding dengan ringgit Singapura, adalah mustahak bagi Pasaran Getah Malaysia (MRE) untuk menetapkan harga-harga resmi yang bersasingan bagi gred-gred getah yang berlainan dalam ringgit Malaysia. Oleh itu sejak 20hb Ogos, MRE telah mendapatkan sebutan harga hanya dari berokar-berokar dan penjual-penjual getah di Malaysia dan menetapkan

harga-harga resminya sendiri tanpa merujuk kepada Persatuan Getah Singapura (RAS) ataupun kepada berokar-berokar dan penjual-penjual Singapura sebagaimana yang telah diamalkan dahulu. Dari sejak itu amalan saling pertukaran atau hubungan kontrek penyelesaian MRE dengan kontrek-kontrek RAS telah ditamatkan. Pada peringkat-peringkat permulaan setengah penjual-penjual dan berokar-berokar mendapati bahawa keadaan pasaran lindung-nilai berkurangan, tetapi dengan bertambahnya bilangan peniaga-peniaga getah yang besar, pasaran lindung-nilai di Malaysia akan berkembang dengan pesatnya.

Pada bulan September tahun ini Pasaran Getah Malaysia dan Badan Pendaftaran Pasaran Getah Malaysia telah disatukan di bawah satu badan, Lembaga Pasaran dan Perlesenian Getah Malaysia. Lembaga baru ini telah di beri kuasa yang lebih termasuk pendaftaran dan perlesenian orang-orang yang terlibat dalam membungkus getah, mengeluarkan lesen-lesen kepada penjual-penjual getah, penyelidikan dan penyejana aktiviti-aktiviti penjualan getah, menyelaraskan aktiviti-aktiviti pemasaran getah, berkerja sama dan berhubung dengan semua ejensi-ejensi negara yang bertanggungjawab untuk menyediakan kredit pertanian, memproses dan memasarkan getah.

Lembaga Kumpulan Wang Getah Malaya yang dahulu telah di susun kembali di bawah Lembaga Pembangunan Penyelidikan dan Getah Malaysia dengan harapan untuk mengukuhkan lagi tugas-tugas menggalakkan penyelidikan pengeluaran, penggunaan getah asli dan penyelarasan aktiviti-aktiviti tersebut di dalam dan di luar Malaysia.

Pengeluaran *minyak kelapa sawit* (8% daripada pengeluaran pertanian) dalam tempoh sembilan bulan pertama telah meningkat bertambah sebanyak 13% berbanding dengan pengeluaran dalam jangkamasa yang sama dalam tahun 1972; kadar pertambahan pengeluaran sepertinya jauh lebih tinggi jika tidak disebabkan oleh keadaan kemarau dalam awal tahun 1973. Walaupun begitu dengan bertambahnya lagi pokok-pokok yang boleh mengeluarkan buah dan juga ketinggian pengeluaran pekebun-pekebun kecil, pengeluaran bagi tahun 1973 adalah dianggarkan sebanyak 850,000 tan metrik (+18% lebih dari tahun 1972) dan oleh yang demikian mencegalkan kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar dagangan dan pengekspor yang terutama di dunia. Di antara tahun 1974 dan 1975, pengeluaran adalah dijangka akan naik sebanyak 56% dan pada masa itu minyak kelapa sawit akan merupakan sebanyak 12% daripada pengeluaran pertanian. Perusahaan kelapa sawit telah berkembang menjadi tanaman pertanian yang ke tiga dari segi luas kawasan. Kawasan yang telah di tanam adalah dianggarkan meningkat dari 1,006,000 ekar dalam tahun 1972 ke 1,182,085 ekar pada penghujung tahun 1973. Kenaikan yang cepat sekali adalah dari sektor pekebun-pekebun kecil termasuk LKTP dan rancangan-rancangan tanah yang lain. Sektor ini merupakan lebih kurang 50% dari jumlah kawasan di bawah kelapa sawit yang jika dibandingkan dengan tahun 1960 adalah cuma 2% sahaja. Dalam tahun 1975, LKTP sahaja adalah dijangka menjadi ejensi yang terbesar di dunia mengeluarkan dan mengekspor minyak kelapa sawit.

Kerajaan adalah menggalakkan penubuhan kilang-kilang penapis minyak kelapa sawit tempatan meskipun kebanyakannya daripada pembeli-pembeli secara telah sedia mempunyai kilang-kilang penapis mereka sendiri. Dua buah syarikat antarabangsa sedang ditubuhkan bagi memasarkan minyak yang diperolehi dari minyak kelapa sawit. Boleh dikatakan semua pengeluaran *isi kelapa sawit* di Semenanjung Malaysia adalah diproses di dalam negeri untuk dijadikan minyak isi kelapa sawit bagi diekspot. Oleh kerana permintaan dari kilang-kilang memproses di Semenanjung Malaysia makin bertambah, bekalan terpaksa lah ditambah dari Sabah dan diimpor dari Sumatra, Indonesia. Pengeluaran *isi kelapa sawit* adalah dianggarkan bertambah menjadi 194,000 tan metrik (+26% berbanding dengan tahun 1972) sambil impot adalah dijangka sebanyak 50,000 tan.

Dengan adanya pembesaran kemudahan-kemudahan parit dan talair serta kawasan di bawah tanaman dua kali, penggunaan baja-baja secara meluas dan benih-benih yang baik, pengeluaran *padi* dalam tahun 1973 adalah dianggarkan mencapai 2 juta tan metrik (+8% berbanding dengan tahun 1972), iaitu sebanyak lebih kurang 90% dari kehendak-kehendak Malaysia. Di daerah-daerah Muda dan Kembaru 81% dan 65% masing-masing telah ditanam dengan padi dua kali setahun dan yang demikian menjadikan kawasan di bawah tanaman dua kali setahun seluas 53% daripada jumlah 1,016,128 ekar. Kawasan Muda sahaja mengeluarkan sebanyak 42% daripada pengeluaran padi Semenanjung Malaysia. Walaupun kawasan-kawasan padi bendang di Sarawak adalah terhad, dengan adanya rancangan-rancangan parit dan talair seluas 23,100 ekar padi telah ditanam.

Dalam tahun 1973, bagi kali yang pertama dalam lima tahun, harga padi dipasaran dunia telah melebihi harga dalam negeri disebabkan kekurangan pengeluaran padi. Kemarau dan juga banjir di negeri China, India, Filipina, Negeri Thai dan Indonesia telah menyebabkan kekurangan tanaman padi sedunia bagi tahun 1972/73 sebanyak 5% menjadi 278 juta tan, iaitu satu pengeluaran yang paling rendah dalam masa lima tahun dan yang demikian telah meninggikan harga lebih daripada 15% jika dibandingkan dengan paras harga tahun 1972. Keadaan yang demikian telah diburukkan lagi dengan adanya kawalan eksport oleh negara-negara pengeluar padi yang utama. Di dalam keadaan latar belakang yang seperti ini, Kerajaan telah menaikkan matlamat mencukupkan keperluan sendiri dari 90% menjadi 100%. Pengeluaran akan dinaikkan lagi dengan meluaskan kawasan di bawah tanaman dua kali dan pembukaan kawasan-kawasan baru di Pahang dan Trengganu. Kekurangan padi sedunia mungkin dapat diatasi pada akhir tahun 1974 di mana tanah yang dahulunya digunakan untuk meninggikan lagi pengeluaran padi boleh ditanam dengan tanaman-tanaman yang lain di bawah rancangan mempelbagaikan pertanian.

Sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi kekurangan ini, Lembaga Padi dan Beras Negara telah mengimpor sebanyak 220,000 tan beras dari negeri-negeri China dan Thai. Kerajaan telah membayar kos beras yang diimpor sebanyak \$14 juta untuk menentukan supaya harga beras diturunkan kepada 45 sen sekali (\$2.60 segantang). Walaupun begitu oleh kerana ketinggian harga beras di negara-negara pengimpor yang lain, beras telah juga diseludupkan keluar dan dengan yang demikian memburukkan lagi keadaan bekalan beras dalam negeri. LPN telah membeli beras dalam negeri dengan harga di antara \$19 dan \$23 sepiuk (\$3 hingga \$7 lebih daripada Harga Minima Yang Ditentukan) dan yang demikian memberi galakan kepada peladang-peladang meninggikan lagi pengeluaran mereka dan mengurangkan infelasi harga barang-barang yang diimpor.

Usaha-usaha Pertubuhan Makanan Sedunia dan Bank Dunia untuk mengadakan satu sistem penyelaras bersama bagi simpanan makanan kebangsaan telah pun disokong dengan kuat oleh Malaysia.

Pengeluaran kelapa kering (2% daripada pengeluaran pertanian) telah tidak berubah di sepuh tahun kebelakangan disebabkan kemerosotan kelusian ekar dan daya pengeluaran. Sungguh pun begitu dengan adanya keadaan harga yang agak tinggi (dua kali ganda daripada tingkatan tahun 1972) dan rancangan pemuliharaan oleh Kerajaan, pekebun-pekebun kecil adalah digalakkan mengeluarkan dengan lebih banyak lagi. Bagi tahun 1973, pengeluaran kelapa kering dijangka meningkat sebanyak 8% berbanding dengan tahun 1972.

Pengeluaran ternakan (10% daripada pengeluaran pertanian) dalam tahun 1973 adalah dijangka naik lebih kurang 3% lebih daripada tahun 1972. Kesan penyakit kaki dan mulut dan penyakit babi pada awal tahun dan juga amalan mengawal pengeluaran oleh pengeluar-pengeluar yang besar untuk menentukan ketinggian harga ternakan ayam-itek adalah faktur-faktur yang menyebabkan kenaikan pengeluaran yang rendah. Keadaan alat-alat menyembelih yang bertambah baik, kebersihan daging dan sistem pembahagian yang bertambah baik akan menambahkan lagi peluang sektor ini yang pada masa-masa lepas telah diperkecil-kecilkan.

Pengeluaran lada hitam (90% daripada Sarawak dan 1% daripada pengeluaran pertanian) adalah dianggaran meningkat sebanyak 16% disebabkan kenaikan harga sebanyak 3% dalam tahun 1972. Pengeluaran tahunan lada hitam tidaklah stabil disebabkan turun naik harga eksport, keadaan cuaca dan juga keadaan penyakit-penyakit tanaman. Dengan penubuhan pusat-pusat mengred dan memproses di Kuching, Sarieki dan Johor Bahru dalam tahun 1974 dan juga perkhidmatan pemasaran oleh Lembaga Pemasaran Lada Hitam, sistem pemasaran akan menjadi lebih eluk lagi. Kesatuan Lada Hitam Asia (Asian Pepper Community) yang telah dirintis oleh Malaysia, Indonesia dan India pada bulan Mac 1972 akan menitikberatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengeluaran, penyelidikan, kemajuan pemasaran dan juga untuk menyelaraskan darjah kualiti.

Pengeluaran nenas adalah dijangka akan meningkat sebanyak 19% bagi tahun ini dan setengah daripada pengeluaran tersebut dijangka akan dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil. Pengeluaran nenas adalah masih terhad dalam negeri Johore yang mempunyai 93% kawasan tanaman dan 4 daripada 5 buah kilang mengetin nenas di Semenanjung Malaysia. Penanaman semula yang berdasarkan jenis-jenis yang lebih eluk dan besar adalah dikehendakki jika lau tanaman ini hendak menentukan keadaan pertandingannya.

Pengeluaran tembakau yang kebanyakannya dikeluaran di Kelantan dan Trengganu adalah dianggarkan meningkat sebanyak 4% daripada 1972 dengan keluasan tanaman yang dijangka akan meningkat sebanyak 13% berikut dengan pengalahan menanam tembakau daripada menanam padi. Pengeluaran tebu dalam negeri adalah ditinggikan lagi dengan mengadakan banyak lagi kawasan-kawasan bagi menanam tebu secara besar-besaran di Perlis, Perak, Negeri Sembilan dan Johor dan juga rancangan-rancangan yang dicadangkan di Kedah dan di Kelantan. Projek-projek menanam tebu secara besar-besaran ini apabila siap kelak dijangka akan mengeluarkan sebanyak 351.000 ton gula, iaitu memenuhi 4/5 kehendak pengguna-pengguna di Malaysia. Lain-lain tanaman seperti teh, koko, sagu, kacang tanah dan sayur-sayuran yang kebanyakannya dikeluarkan bagi penggunaan dalam negeri adalah dijangka akan meningkat pengeluarannya sebanyak 7% iaitu seimbang dengan kenaikan penggunaan. Jumaapa sejenis koko yang boleh melawan penyakit-penyakit vairas dan pengutamaan khas yang diberi kepadaannya sebagai tanaman sambilan di kebun-kebun kecil kelapa akan mendatangkan kemungkinan perkembangan bagi tanaman ini. Kesemua tanaman-tanaman yang kurang penting ini memberi kemajuan yang pesat kepada rancangan mempelbagaikan pertanian. Dalam tahun 1971 dari segi nilai tanaman-tanaman ini telah menyumbang sebanyak \$357 juta tetapi pada tahun ini meningkat naik sebanyak 13% kepada \$403 juta.

## Perhutanan dan Perikanan—menggalakkan lagi pelbagai

Sektor perhutanan dan perikanan (9% daripada KDNK) bersama dijangka akan naik nilainya sebanyak 48% daripada nilai dalam tahun 1972 (Jadual 1.2). Pengeluaran kayu balak di Semenanjung Malaysia yang naik sebanyak 13% di dalam pertengahan pertama tahun ini jika dibandingkan dengan jangka masa yang sama dalam tahun 1972 adalah dianggar akan meningkat naik sekurang-kurangnya sebanyak 13% bagi tahun 1973. Pengeluaran di Sabah dan di Sarawak adalah dijangka akan bertambah sebanyak 17% berbanding dengan tahun 1972 oleh kerana pemberian lesen-lesen membakar sesudah tamatnya kajian perhutanan dan juga perkembangan membalaik dirancangan-rancangan tanah di Sarawak dan usaha memproses kayu-kayan di Sabah. Pemuliharan semula harga-harga kayu balak telah menyebabkan naik permintaan dari pasaran-pasaran luar dan dalam negeri yang dijangka akan meninggikan lagi jumlah pengeluaran sebanyak 15% daripada tahun 1972 (Jadual 4.2).

Pengeluaran papan adalah dijangka meningkat sekurang-kurangnya sebanyak 11% oleh kerana permintaan yang melebihi ke atas papan-papan yang

diproses dan juga oleh kerana ketinggian harga-harga. Dengan adanya dorongan resmi untuk memproses kayu-kayu, pada masa ini terdapat 486 buah kilang papan dan 33 perusahaan membuat papan lapis yang telah membanyakkan lagi peluang-peluang bekerja; di waktu ini terdapat 34,300 orang yang bekerja di dalam perusahaan memproses kayu-kayu.

Untuk menentukan supaya sektor perhutanan akan terus memberi sumbangannya kepada ekonomi negara, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menubuhkan hutan simpanan yang kekal dan berhasil bagi rancangan-rancangan "siviculture" di seluruh negara.

Penangkapan ikan adalah dianggarkan meningkat sebanyak 5% dan satu persepuhul penangkapan tersebut adalah ikan-ikan air tawar yang didapati dari sumber-sumber perairan dalam negeri. Kenaikan ini adalah disebabkan perkembangan penggunaan mesin-mesin bagi kapal-kapal penangkap ikan yang membolehkan penangkapan di air-air yang dalam. Permintaan yang bertambah dari luar negeri terutamanya dari Amerika Syarikat dan Jepun telah juga membanyakkan lagi penangkapan ikan, udang dan lain-lain kehidupan laut. Walaupun begitu, Pantai Timur Semenanjung Malaysia masih lagi mengalami pengeluaran dan pendapatan yang rendah di mana kebanyakan nelayan-nelayan masih lagi bergantung kepada alat-alat penangkapan ikan yang lama dan kurang moden. Perairan di sepanjang Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah kaya dengan kehidupan-kehidupan laut yang mungkin diusahakan tidak berapa lama lagi dengan berkembangnya penggunaan pukat-pukat tunda.

### Perlombongan dan Memecah Batu—harapan bertambah baik dengan terjumpanya telaga-telaga minyak baharu-baharu ini

Pengeluaran sektor perlombongan pada tahun 1973 dijangka akan mengalami kekurangan tidak lebih dari 1%, berbanding dengan 1972 disebabkan kerendahan pengeluaran bijih timah dan juga kemerosotan terus pengeluaran bijih besi. Meskipun harga bijih timah bertambah baik, pengeluaran timah padat adalah dijangka akan berkurangan sebanyak 5% bagi tahun 1973 menjadi 73,000 tan metrik. Oleh yang demikian, walaupun Malaysia adalah sebuah negara pengeluar bijih timah yang utama di dunia, telah tidak dapat memenuhi quota yang dikenakan di bawah rancangan kawalan Pertubuhan Timah Antarabangsa bagi suku tahun kedua tahun ini oleh kerana kekurangan pengeluaran. Hujan yang lebat telah menyebabkan penutupan sementara sebilangan besar daripada 1,044 lombong-lombong yang menggunakan pam kelikir yang menghasilkan sebanyak 55% daripada jumlah pengeluaran. Faktur-faktur lain yang menyebabkan kekurangan

pengeluaran adalah kesulitan-kesulitan mendapat tanah-tanah lombong yang baharu dan juga membaharui lesen-lesen melombong perlombongan yang mendalam di dalam kawasan-kawasan lombong-lombong lama dan keadaan sistem perairan. Walaupun begitu, dengan adanya rancangan melombong di kawasan-kawasan tanah khas orang-orang Melayu dan melombong di dasar laut ada kemungkinan bahawa pengeluaran bagi tahun 1974 akan sekurang-kurangnya sama dengan pengeluaran tahun 1973.

Perusahaan yang berkembang dengan pesat di sektor perlombongan adalah lagi sekali merupakan perusahaan *petroleum* (44% daripada pengeluaran perlombongan). Pengeluaran petroleum yang telah meningkat naik dengan pesatnya semenjak tahun 1970 adalah dianggarkan melebihi 35 juta tong A.S. bagi tahun 1973 ataupun 95,000 tong sehari. Kenaikan kadar sebanyak 41% jika dibandingkan dengan tahun 1972 adalah melebihi permintaan dalam negeri oleh kerana penggunaan dalam negeri adalah dianggarkan cuma sebanyak 84,000 tong sehari. Keadaan masa hadapan dalam perusahaan ini adalah dijangka akan terus bertambah baik oleh kerana *terjumpanya 7 telaga minyak dalam tahun 1973* (5 minyak dan 2 gas asli) seperti berikut:

- (a) 4 jumpaan telaga minyak di kawasan perairan Sabah dan Sarawak;
- (b) satu jumpaan telaga minyak di kawasan perairan pantai timur Semenanjung Malaysia;
- (c) satu gas asli di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia; dan
- (d) satu gas asli di Sarawak.

Contoh-contoh daripada jumpaan telaga minyak itu menunjukkan bahawa minyak tersebut adalah berkualiti baik oleh sebab isi belerangnya adalah rendah. Petroleum yang telahpun menyumbangkan sebanyak \$28 juta tiap-tiap tahun sebagai hasil akan terus berkembang apabila pengeluaran dagangan telaga minyak yang baru dijumpai itu dimulakan selepas tahun 1975.

Berikutnya dengan jumpaan-jumpaan minyak ini, kilang-kilang penapisan dan kilang-kilang kimia petroleum adalah menunjukkan pengubahannya ke arah ke beberapa aktiviti pengeluaran minyak dan aktiviti-aktiviti perusahaan barang-barang yang berkaitan. Satu misalan yang berkenaan adalah sebuah firma yang menge luarkan kaban hitam yang digunakan di dalam beberapa perusahaan seperti perusahaan mewarnakan tayar. Firma ini adalah di dalam kawasan penapisan minyak di Port Dickson dan dijangka akan menggunakan, pada tingkatan permulaan, 20% dari pada pengeluaran-pengeluaran berkaitan dengan penapisan tersebut. Pengeluaran dijangka akan bermula pada awal tahun 1975 sebanyak 20 juta paun—berat

setahun hingga kepada 56 juta dalam masa 3 tahun. Rancangan untuk mendirikan kilang gas cair bernilai sebanyak \$2,000 juta adalah sedang dijalankan di Bintulu, Sarawak. Sebuah syarikat sedang mendirikan suatu pusat pertanian di Labuan di dalam perairan Sabah yang boleh pada permulaannya mengendalikan sebanyak 30,000 tong sehari yang dijangka akan meningkat naik menjadi 150,000 tong sehari di penghujung sepuluh tahun ini.

Walaupun pengeluaran petrolium mentah melebihi penggunaan sebanyak tidak kurang daripada 11,000 tong sehari, negara masih lagi bergantung sebahagian besarnya kepada bekalan petrolium mentah dari negara-negara di Teluk Parsi. Minyak-minyak mentah dari negara-negara ini adalah lebih sesuai dengan keperluan Malaysia oleh kerana mereka mengeluarkan barang-barang sambilan seperti aspal, minyak-minyak bakar dan minyak gas yang merupakan sejumlah besar dari pada penggunaan minyak di Malaysia. Di sebaliknya, minyak mentah Malaysia sebahagian besarnya diekspot kerana kerendahan isi belerangnya dan juga harga yang tinggi yang boleh didapati di pasaran. Sehingga ini hanya 2 daripada 5 syarikat-syarikat minyak di negara ini yang menjalankan penapisan minyak mentah untuk diimpot. Memandangkan kekurangan minyak sedunia dan kekurangan keupayaan kilang-kilang penapis di seberang laut, lebih banyak lagi kilang-kilang menapis minyak petrolium Malaysia patut didirikan di negara ini. Sungguhpun Malaysia adalah di antara sepuluh negara yang telah diberi taraf keistimewaan oleh negara-negara Arab, adalah sangat mustahak supaya tenaga dijamin dan sambil itu mengukur tentang kedudukan Malaysia yang semakin penting sebagai pengeluar minyak yang bermutu tinggi dan gas asli dengan mempunyai kedudukan ilmu alam yang istimewa, bekalan minyak Arab ke Malaysia adalah berdasarkan penggunaan selama sembilan bulan.

### Sektor Perkilangan bertambah sebanyak 16%: terus memainkan peranan sebagai pendorong utama

Sektor perkilangan dijangka akan terus memainkan peranannya sebagai pendorong utama kepada perkembangan ekonomi dalam tahun 1973. Adalah dianggarkan keluaran sebenar sektor perkilangan telah bertambah sebanyak 16% (25% pada harga semasa) dalam tahun 1973. Sumbangannya kepada KDNK dalam harga sebenar adalah 16.6% (15.4% dalam tahun 1972) dan angka ini masih rendah dari taraf antarabangsa.

Pertumbuhan di dalam sektor ini pada tahun 1973, diadului oleh perusahaan memasang alat pengangkutan yang bertambah sebanyak 44% di antara bulan Januari hingga Julai 1973, berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1972 berikut dari bertambahnya permintaan dalam negeri. Ini diikuti oleh perusahaan-

perusahaan yang mengeluarkan barang-barang logam (37%), kain (35%), barang-barang kertas (31%), minuman (28%), logam asas untuk kegunaan pembinaan (25%), keluaran kayu (17%), makanan (15%) dan perusahaan memproses barang-barang pertanian di luar estet (10%). Pertambahan yang terdapat pada ketiga-tiga perusahaan yang terkemudian itu; perusahaan-perusahaan keluaran kayu, makanan dan memproses barang-barang pertanian di luar estet, adalah penting oleh sebab ketiga-tiganya merupakan bahagian yang besar dalam angka tunjuk pengeluaran perusahaan. Langkah-langkah Kerajaan seperti mengharamkan ekspot beberapa jenis kayu balak dan penyertaan ekuiti Kerajaan dalam perusahaan-perusahaan itu telah juga menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan memproses kayu balak, kelapa sawit dan isi kelapa sawit dan perusahaan getah.

Satu perkembangan utama dalam sektor perkilangan adalah penumpuan yang bertambah diberikan kepada perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan barang-barang ekspot. Ini dibuktikan dengan penubuhan dan perlaksanaan kawasan-kawasan Perdagangan Bebas yang membolehkan syarikat-syarikat perusahaan mengimpor jentera-jentera, bahan utama dan barang-barang bahagian tanpa dikenakan cukai dan mengekspotkan barang-barang siap dengan sekatan Kastam setakat minimna. Kerajaan telah mengisyiharkan lima buah kawasan-kawasan Perdagangan Bebas iaitu Bayan Lepas, Prai dan Dermaga Prai di Pulau Pinang, Sungai Way di Selangor dan Batu Berendam, Melaka. Kawasan-kawasan lain seperti Pulau Jerejak (Pulau Pinang), Ulu Kelang (Selangor), Tanjung Keling (Melaka), dan Pasir Gudang dan Tanjung Agas (Johor) akan dijadikan sebagai Kawasan-kawasan Perdagangan Bebas.

Perusahaan-perusahaan yang ditempatkan di kawasan-kawasan Perdagangan Bebas mengeluarkan alat-alat kelengkapan elektronik, kasut getah dan kain dan ini meluaskan lagi usaha mempelbagaikan ekspot kita. Ekspot barang-barang perusahaan merupakan 11% dari jumlah ekspot pada tahun 1973 berbanding dengan 3% pada tahun 1960.

### Pembinaan dan Perkhidmatan berkembang masing-masing sebanyak 81% dan 4%

Berikut dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin meningkat dan pembahagian pendapatan yang bertambah baik, permintaan perumahan, yang telah pun tinggi pada tahun 1972, dijangka akan meningkat lagi dan akan menambahkan lagi kegiatan pembinaan dalam tahun 1973. Walaupun harga-harga bagi projek-projek pembinaan dan perumahan adalah lebih tinggi dalam tahun 1973, permintaan sektor swasta untuk perumahan dan lain-lain keperluan pembinaan masih lagi pada paras yang tinggi di sepanjang tahun ini.

Adalah dianggarkan yang nilai kegiatan pembinaan bertambah sebanyak 8½% dalam harga sebenar (26% nominal) berbanding dengan tahun 1972 seperti yang dibuktikan oleh kenaikan permintaan untuk bahan-bahan pembinaan seperti simen, bahan-bahan bangunan dan bertambahnya tempahan rumah-rumah.

Sektor perkhidmatan, yang berjumlah kira-kira 44% dari KDNK dalam tahun 1973, dianggar akan berkembang sebanyak kira-kira 4% dalam harga sebenar dalam tahun 1973. Perkhidmatan letrik dan air diramal bertambah sebanyak kira-kira 10% dengan meningkatnya kegiatan pelaburan dan kemajuan pesat yang dicapai dalam usaha memperluaskan kemudahan letrik dan air ke kawasan luarbandar. Sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan dijangka bertambah sebanyak kira-kira 5% dalam tahun 1973 berikut dengan kenaikan pesat ekspot barang sementara sektor bank dan insuran dijangka akan meningkat sebanyak 9%.

Kegiatan perdagangan borong dan runcit yang merupakan 30% dari sektor perkhidmatan, dijangka berkembang sebanyak kira-kira 5% dalam tahun 1973. Perusahaan-perusahaan persendirian dan perkongsian, yang mempunyai kurang dari 10 pekerja-pekerja, menguasai perdagangan borong. Sebahagian besar dari perdagangan runcit dipunyai oleh orang persendirian dan kebanyakannya pekerja-pekerjanya terdiri dari keluarga sendiri. Keadaan melambung yang terdapat dalam sektor perumahan dan pembinaan akan menambahkan pemilikan kediaman sebanyak 4½%. Disebalik itu peruntukan perkhidmatan Kerajaan, termasuk pertahanan, dianggarkan meningkat pada kadar yang perlakuan sebanyak 3% berbanding dengan 1972 (+4%).

### **Gunatenaga—keadaan melambung menambahkan peluang pekerjaan**

Keadaan gunatenaga di Malaysia telah bertambah baik dalam tahun 1973. Kadar pengangguran dianggarkan berkurangan kepada kira-kira 7.3% dari jumlah tenaga buruh dalam tahun 1973 dari 7½% dalam tahun 1970. Keadaan ekonomi yang melambung telah menambahkan pengujudan kerja-kerja baru bagi sembilan bulan pertama tahun 1973. Angka pengangguran ini lebih rendah jika kita menimbangkan pengangguran struktur biasa yang terdapat dikebanyakan negara-negara. Yang membuat pengangguran menjadi masalah di Malaysia bukanlah pada jumlahnya, tetapi pada perturburan mengikut bangsa, kawasan dan kumpulan umur.

Keadaan ekonomi yang melambung telah mengujudkan banyak pekerjaan terutama untuk pekerja-pekerja kilang, juru-juru pengangkutan dan buruh kasar. Sektor perkilangan masih menjadi sumber utama bagi kerja-kerja kosong yang baru. Adalah dianggarkan yang sektor ini akan mengujudkan 24,000 peluang

pekerjaan baru dalam tahun 1973 dan ini merupakan pertambahan sebanyak 8.9% berbanding dengan tahun 1972. Sehingga penghujung tahun ini, gunatenaga di dalam sektor perkilangan dianggar berjumlah sebanyak 294,000. Sektor ini diramal akan menjadi sumber utama pengujudan pekerjaan pada masa akan datang tatkala negara ini berkembang ke arah perindustrian. Kilang-kilang elektronik menyumbangkan 12,000 daripada anggaran sebanyak 24,000 kerja-kerja baru yang diujudkan pada tahun 1973. Satu perkembangan yang menggalakkan ialah beberapa kekosongan pekerjaan baru diujudkan di kawasan luarbandar di negeri-negeri Perlis, Kedah, Trengganu, Pahang dan Melaka. Ini mencerminkan kejayaan yang dicapai dalam memperluaskan perindustrian ke kawasan luarbandar. Pengujudan pekerjaan di dalam sektor pertanian (terutama di rancangan-rancangan tanah) hanya merupakan 23% dari jumlah pekerjaan-pekerjaan baru yang diujudkan pada tahun ini walaupun pertanian masih lagi menyumbangkan 53% dari jumlah pekerjaan. Pertambahan yang rendah dalam pengujudan pekerjaan di sektor pertanian adalah disebabkan oleh berkurangnya gunatenaga di sektor estet. Gunatenaga di dalam perusahaan pembinaan dianggarkan bertambah sebanyak 5% dalam tahun 1973 disebabkan keadaan melambung yang terdapat dalam kegiatan pembinaan. Ini termasuk pekerja-pekerja pembinaan Malaysia yang balik dari Singapura. Walaupun begitu, masih lagi terdapat kekurangan tenaga buruh di dalam perusahaan ini di Malaysia.

Kadar pengangguran masih pada peringkat yang tinggi di kawasan-kawasan bandar berbanding dengan kawasan luarbandar walaupun kadar di luarbandar itu mungkin disalahanggarkan oleh masalah gunatenaga tak penuh. Penyiasatan tenaga buruh, 1972 menunjukkan kadar pengangguran di kalangan orang-orang Melayu telah bertambah baik (6% berbanding dengan 7.8% pada tahun 1971). Di kalangan orang-orang Cina, terdapat pembaikan (7% berbanding dengan 7.1% dalam tahun 1971) sementara kedudukan orang-orang India bertambah buruk (12.2% berbanding dengan 11.1% dalam tahun 1971).


Susunan pengangguran dalam tahun 1973 menunjukkan sebahagian besar dari penganggur-penganggur terdiri dari gulungan belia. Dua pertiga dari penganggur-penganggur berumur 24 tahun ke bawah. Dari jumlah penganggur ini, lebih dari 90% tidak mempunyai kemahiran dan 68% mempunyai taraf pelajaran yang rendah (kelulusan rendah daripada S.R.P.). Lapan puluh empat peratus dari mereka tidak mempunyai pengalaman pekerjaan. Kekosongan pekerjaan yang banyak terdapat, sebagiannya, adalah disebabkan oleh kurang kemahiran dan pengalaman di kalangan penganggur-penganggur, unsur tidak bermobiliti dan masalah penempatan. Penubuhan kemudahan-kemudahan latihan vokesenal, penumpuan kepada perusahaan-perusahaan yang menggunakan banyak

## KEDUDUKAN GUNATENAGA

Majlis Agama


### PENGWUJUDAN PEKERJAAN

— KEXOSONGAN BARU YANG DI-LAPURKAN —




### PENGANGGURAN BERDAFTAR

— 1000 pada akhir tempoh —




## PENYIASATAN TENAGA BURUH 1972

TABURAN PENGGANGGUR AKTIF DI KALANGAN BERBAGAI BANGSA



KADAR PENGANGGURAN AKTIF DI KALANGAN SATU BANGSA



tenaga buruh dan usaha memperluaskan lagi pembangunan dan perusahaan boleh membantu mengurangkan kadar pengangguran. Oleh sebab tenaga buruh bertambah pada kadar yang tinggi sebanyak 3.3% tiap-tiap tahun, rancangan perancang keluarga yang lebih meluas akan memberi kesan yang besar kepada masyarakat pengangguran dalam jangka masa yang panjang.

## Impot

### Jumlah Impot meningkat 18%

Impot barang dan perkhidmatan dianggar akan meningkat sebanyak 18% kepada \$6,896 juta pada tahun 1973 dengan impot barang bertambah lebih pesat dari impot perkhidmatan.

### Impot Barang Meningkat 20%

Kadar inflasi yang tinggi di ekonomi-ekonomi asing dan permintaan dalam negeri yang meningkat bagi penggunaan dan pelaburan dijangka akan menyumbangkan kenaikan sebanyak 20% pada nilai impot barang kepada jumlah lebih kurang \$5,490 juta pada tahun 1973.

*Impot makanan dan minuman* (20% dari jumlah impot) dianggar akan bertambah dengan kadar luar biasa sebanyak 25% melebihi paras 1972. Ini berikut dengan kekurangan sedunia pada bekalan barang utama, seperti gula dan beras, disertai pula dengan kenaikan harga-harga keluaran ternakan. Impot bahan-bahan kasar yang tidak boleh dimakan (7% dari jumlah impot) dianggar akan bertambah hanya 9% sahaja dalam tahun 1973 (tahun 1972, +16%) sungguhpun terdapatnya pelabungan ekspot pada masa sekarang. Ini terutama sekali disebabkan oleh impot bijih logam dan padat yang dijangka berkurangan berikut dengan bertambahnya kerja memperoses bijih timah di Selatan Negeri Thai dan Indonesia yang dahulunya menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Malaysia. Rancangan kawalan ekspot Majlis Timah Antarabangsa dan penjualan timah oleh AS dari simpanannya mendatangkan kesan yang mengurangkan ekspot bijih timah oleh lain-lain negara ke Malaysia untuk diperoseskan. Walau bagaimanapun, impot biji-bijian, minyak kacang, isi kelapa dan getah kasar dijangka akan bertambah untuk menyempurnakan perkembangan kerja memperoses dalam negeri bagi ekspot semula.



Di samping itu, jumlah impot minyak-minyak galian, minyak pelicin dan lain-lain barang berkenaan dianggar akan meningkat sebanyak 8% sungguhpun impot

minyak oleh Sarawak dari Brunei dianggar berkurangan berikut dengan bertambahnya bekalan yang terdapat dari perigi-perigi minyak baharu di Negeri itu. Keseluruhan tambahan impot minyak-minyak galian adalah disebabkan oleh kenaikan yang dijangka pada permintaan minyak petrol di Semenanjung Malaysia bagi memenuhi keperluan-keperluan perkembangan keupayaan kilang penapis di Port Dickson. Impot kimia terus bertambah banyak terutama sekali untuk baja-baja bagi memenuhi pertambahan permintaan oleh sektor pertanian ekspot yang kini sedang melambung. *Impot barang perkilangan* (SITC 6) terutama sekali untuk penggunaan dan pembinaan meningkat dengan pesatnya dalam tahun 1973. Kenaikan harga-harga sedunia yang disebabkan oleh kekurangan kertas dan kain-kain yang berluasan, ditambah pula dengan pembebasan impot batang besi waja boleh menyebabkan impot-impot di bawah kategori ini meningkat sebanyak kira-kira 26% pada tahun ini. Memandangkan kepada pemuliharaan kegiatan pelaburan yang lebih awal, *impot jentera dan alat-alat pengangkutan* (SITC 7) dianggar akan bertambah sebanyak 15% dalam tahun 1973 dari 1972. Tambahan ini, walau bagaimanapun, terbatas kepada impot jentera semata-mata impot alat pengangkutan seharusnya mencair kadar negatif disebabkan oleh asasnya yang luarbiasa tinggi pada tahun 1972 berpuncu dari impot kapalterbang oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan kapal-kapal oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC).



Jepun, UK dan AS, seterusnya menjadi *sumber-sumber bekalan utama* impot Malaysia dalam tahun 1973. Sumbangan dari negara-negara ini ialah kira-kira 40% dari jumlah impot secara langsung dalam tahun 1973. Krisis matawang baharu-baharu ini mendatangkan kesan yang bercampur ke atas corak perdagangan Malaysia. Impot dari AS sungguhpun tinggi pada tahun 1972 disebabkan oleh pembelian kapalterbang oleh MAS, adalah dianggar akan meningkat, sungguhpun sedikit sahaja, pada tahun 1973. Ini adalah disebabkan oleh harga barang dari AS yang lebih murah yang diperolehi, selepas beberapa ketika, dari turunnya nilai dollar AS yang kedua pada bulan Februari dan pengapungan ke atas ringgit Malaysia pada bulan Jun. Impot dari Jepun (23% dari jumlah impot), pembekal utama jentera kepada Malaysia, dianggar akan meningkat dengan pesat sebanyak 30% dalam tahun 1973 melebihi dari tahun 1972 yang sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan harga. Walau bagaimanapun, impot dari segi sebenar dianggar bertambah dengan separuh dari kadar itu untuk menyempurnakan kenaikan permintaan barang perkilangan, alat jentera dan pengangkutan oleh pengguna-pengguna dan pelabur-pelabur di Malaysia. Bekalan dari UK sebaliknya, berkurangan dalam separuh pertama tahun 1973 tetapi dianggar akan bertambah sedikit bagi

## MALAYSIA: IMPOT BARANGAN

- JUTA, SKIL LOG -



### IMPOT SEMENANJUNG MALAYSIA




Anggaran Bahagian Ekonomi

## IMPOT UNTUK 1973

...MENGIKUT SEKSYEN SITC



...MENGIKUT NEGARA-NEGARA ASAL



keseluruhan tahun ini disebabkan dari penurunan nilai sterling sebanyak kira-kira 20% pada tahun 1973 dari segi ringgit Malaysia. Impot dari lain-lain negara Pasaran Bersama Eropah dianggar akan bertambah kira-kira sebanyak 17% dari paras tahun 1972 memandangkan kepada impot yang tinggi pada sebahagian besar tahun 1973.

Kenaikan impot barang yang dijangka sebanyak 20% bagi tahun 1973 sepatutnya lebih tinggi lagi sekiranya asas impot pada tahun 1972 tidak dipengaruhi oleh bayaran yang besar bagi kapalbarbang dan kapal-kapal dalam separuh kedua tahun 1972. Sekiranya ini diselaraskan, kadar anggaran bagi impot tahun 1973 akan melebihi sedikit dari 26% berbanding dengan tahun 1972.

### **Impot perkhidmatan bertambah lebih dari 15%**

Impot perkhidmatan tahun 1973 (22% dari jumlah impot barang dan perkhidmatan) dianggar bertambah lebih dari 15% seakan dengan perkembangan tahun pelambungan 1969. Pertambahan ini disebabkan terutamanya oleh bayaran pengangkutan dan hantaran pendapatan pelaburan ke luar negeri yang lebih tinggi pada tahun 1973.

Bayaran untuk perkhidmatan pengangkutan dan muatan yang di masa lampau hampir kesemuanya dibolot oleh orang asing dijangka sebahagian darinya dibayar kepada badan-badan yang menjalankan perkhidmatan perkapalan dan penerbangan dari Malaysia sendiri. Namun demikian, impot perkhidmatan pengangkutan dan insurans dijangka meningkat tinggi sebanyak kira-kira 15% oleh kerana perkembangan perdagangan yang melambung. Bayaran kepada orang asing untuk perjalanan walaupun bagaimanapun dijangka bertambah perlahan sedikit sebanyak kira-kira 3% terutamanya disebabkan oleh perkembangan perkhidmatan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Aliran keluar pendapatan pelaburan diramal bertambah sebanyak 26% pada tahun 1973 kepada kira-kira \$660 juta terutamanya disebabkan oleh hantaran keluar oleh syarikat-syarikat asing yang bertempat di negeri ini yang menikmati keuntungan besar dari kenaikan tinggi harga barangan. Ini selaras dengan perkembangan lampau yang dialami semasa terdapat keadaan melambung.

Sementara impot barang diramal bertambah sebanyak hampir 20%, jumlah kedua-dua impot barang dan perkhidmatan (15%) yang disatukan dianggar bertambah sebanyak kira-kira 18% pada tahun 1973 melebihi paras tahun 1972.

### **Lebihan besar Imbalan Pembayaran**

Satu lebihan keseluruhan besar yang melebihi \$500 juta adalah dianggarkan untuk tahun 1973 seakan dengan tahun pelambungan 1969 (+\$528 juta).

Perkembangan pesat ekspot dan jangkaan aliran-masuk modal yang berterusan pada akaun modal sepanjang tahun dijangka akan mendatangkan satu imbalan asas sebanyak hampir \$1,000 juta. Walau bagaimanapun, setelah dikira sekali gerakan modal jangka-pendek serta kesalahan dan ketinggalan, dan kesan dari pengapungan Ringgit pada pertengahan tahun, adalah dijangka yang lebihan keseluruhan tahun 1973 akan mengatasi lebihan pada tahun 1969.

Akaun barang dari segi percuma di atas kapal (f.o.b.) diramal mencatat imbalan positif yang besar melebihi \$1,520 juta pada tahun 1973 disebabkan oleh kenaikan tertinggi dalam nilai ekspot sebanyak kira-kira 42%. Kadar kenaikan nilai impot disebalkinya walaupun diramal tinggi menghampiri 20%, masih jauh rendah dari kadar kenaikan ekspot. Dengan itu lebihan tradisional akaun barang dijangka bertambah dengan sejumlah besar terutamanya dengan terdapat kenaikan pesat baru-baru ini pada harga-harga barang akibat dari krisis minyak.

Dengan berlakunya perkembangan ekonomi di dalam dan luar negeri, kurangan tradisional pada akaun perkhidmatan dianggar bertambah lagi pada tahun 1973 untuk mencatat satu kurangan sebanyak lebih dari \$850 juta untuk tahun 1973. Ini adalah sejajar dengan perkembangan bagi tahun-tahun pelambungan.


Kesan bersih dari lebihan pada akaun perdagangan dan kurangan besar pada akaun perkhidmatan dan pindahan (-\$155 juta) ialah lebihan pada akaun semasa sebanyak kira-kira \$510 juta. Akaun modal diramal mencatat lebihan yang besar sebanyak kira-kira \$470 juta oleh kerana pinjaman syarikat-syarikat dijangka meningkat kepada lebih dari \$200 juta berikutkan dengan pemulihan pelaburan tahun ini. Aliran modal resmi bersih jangka panjang, walaupun diramal tinggi sebanyak kira-kira \$250 juta adalah kurang dari angka besar sebanyak \$526 juta pada tahun 1972 disebabkan oleh pinjaman besar oleh MAS dan MISC pada tahun itu. Aliran masuk modal resmi bersih yang lebih rendah tahun ini adalah akibat dari kadar pasaran dunia yang tinggi sekarang ini. Itulah sebabnya hanya satu pinjaman pasaran (dari negeri Belanda) dilakukan pada tahun 1973.

### **Cadangan meningkat lebih dari \$500 juta**

Tambahan kepada cadangan luar negara dijangka rendah dari anggaran sebanyak hampir \$1,000 juta untuk lebihan asas. Ini ialah kerana paras gerakan modal jangka-pendek dan kesilapan dan ketinggalan diramal akan balik ke paras pelambungan, seakan dengan 1969 (-\$455 juta). Kadar bunga jangka pendek yang lebih tinggi diluar negeri bagaimanapun

## IMBANGAN PEMBAYARAN

- \$ JUTA, SEKIL KIRA-KIRA -



dijangka akan menarik modal jangka-pendek. Pengungan ringgit Malaysia pada 21hb Jun merupakan satu lagi faktur utama mengurangkan kemasukan modal jangka pendek yang tidak setabil. Memandang kepada faktur-faktur ini, cadangan luar negara oleh itu dianggar bertambah sebanyak lebih dari \$500 juta

supaya meningkat kepada sebanyak kira-kira \$3,430 juta iaitu menyamai lebih kurang 8 bulan impot yang digunakan dalam negeri. Anggaran ini mungkin rendah memandangkan jumlah cadangan asing seperti pada akhir bulan Oktober 1973 adalah sebanyak \$3,253 juta.

## V. Petunjuk-Petunjuk Sosio-ekonomi

### Kualiti kehidupan di Malaysia

Dalam Laporan Ekonomi tahun sudah, matlamat negara telah dikaji semata-mata dari segi ekonomi. Walaupun begitu, jika lau matlamat akhir pertumbuhan ekonomi adalah mengelokkan lagi kualiti kehidupan, adalah dikehendaki sangat-sangat supaya di satu ketika kemajuan patutlah diukur dari segi kualiti kehidupan.

Satu percubaan adalah diperbuat di sini bagi memulakan kajian secara kasar tentang kualiti kehidupan di Malaysia. Adalah diharapkan bawahan kajian permulaan yang terhad ini akan mendorongkan banyak lagi kajian-kajian yang menghalus dengan komen-komen yang mendalam dari beberapa pehak ke atas masalah yang baharu tetapi mustahak ini. Petunjuk-petunjuk sosial permulaan bagi Malaysia yang dibincangkan di sini adalah:

- (i) Pelajaran.
- (ii) Kawalan Kualiti Alamsekitar.
- (iii) Kesihatan.
- (iv) Perumahan.
- (v) Pembahagian Pendapatan.
- (vi) Penduduk.
- (vii) Keselamatan Awam, dan
- (viii) Kualiti Keadaan Bekerja.

### Pelajaran

Hasil dari keutamaan yang diberi oleh Kerajaan kepada pelaburan dalam pelajaran, tidaklah memerlukan petunjuk keluaran yang utama, iaitu keupayaan membaca dan menulis telah bertambah dari 51% pada tahun 1957 kepada 68% dalam tahun 1970. Jumlah surat-khabar utama yang diedar tiap-tiap hari telah meningkat dari 74 naskah untuk seribu penduduk dalam tahun 1969 berbanding dengan 61 naskah untuk seribu penduduk pada tahun 1960, kenaikan sebanyak 21.3%.

Pendidikan Awam merupakan satu saluran mobiliti sosial yang terpenting di Malaysia. Di Semenanjung Malaysia 92% dari jumlah penduduk antara umur

6 tahun dan 11 tahun telah mendaftarkan diri di sekolah-sekolah pada tahun 1971. Untuk kumpulan yang berumur 12 hingga 14 dan 15 hingga 16 tahun kadar pendaftaran masing-masing ialah 61% dan 24%. (Jadual III). Nisbah pendaftaran dalam bidang-bidang vokesyenal, sains dan teknik adalah 45% dalam tahun 1973 (daripada 34% dalam tahun 1970) ditingkatkan menengah atas dan menengah dan 48% ditingkatkan tertinggi (44% dalam tahun 1970).

Peluang mendapatkan pelajaran dalam bentuk formal dan tidak formal, walaupun sedikit adalah bertambah dengan pesat. Universiti Sains Malaysia (USM) dan Instituti Teknologi MARA (ITM) telah memulakan kursus luar kampus masing-masing dalam bulan Jun 1971 dan bulan Februari 1972. Di bidang pelajaran menengah, pada tahun 1971 terdapat lebih kurang 149 badan-badan perseorangan yang memberi tempat kepada pelajar-pelajar yang tercieci untuk mendapatkan pelajaran yang formal. Jumlah calun-calun sekolah swasta yang mengambil peperiksaan-peperiksaan peringkat tinggi<sup>1</sup> telah bertambah duabelas kali ganda dari 7,873 calun pada tahun 1962<sup>2</sup> kepada 90,495 calun dalam tahun 1973.

Pada penghujung bulan Jun tahun 1971, terdapat 322,590 pelajar-pelajar yang menghadiri sekolah-sekolah dewasa yang diselenggarakan oleh 7,604 guru-guru. Pada penghujung bulan November 1971, terdapat 62,532 pelajar-pelajar yang menghadiri kelas Bahasa Malaysia yang diselenggarakan oleh 1,453 guru-guru.

Mengikut Laporan Kajian Keciciran (Februari 1973) kanak-kanak yang mempunyai ibu-bapa yang berada belajar lebih lama di sekolah dari kanak-kanak lain. Pada peringkat sekolah rendah, 71% dari kumpulan ibu-bapa yang miskin dan taraf sosio-ekonomi yang rendah telah mendaftarkan diri pada tahun 1972 berbanding dengan 99% dari kumpulan yang mempunyai ibu-bapa yang berada.

Jumlah purata penuntut-penuntut bagi seorang guru masih lagi 30 semenjak tahun 1969. (Jadual 10.1). Angka ini boleh dibandingkan dengan jumlah purata di negara-negara lain di Asia (30.3)<sup>3</sup> di Afrika (36) dan di Amerika Selatan (25).


<sup>1</sup> MCE dan SPM dan HSC dan STP.

<sup>2</sup> Tahun pertama SPM diadakan.

<sup>3</sup> Buku Statistik Tahunan UNESCO.

# PENUNTUT SEKOLAH

PENDUDUK DIDALAM SEKOLAH / INSTITUSI DIBANTU  
MENGIKUT UMUR, 1971



■ PENDUDUK MENDAFTAR

■ PENDUDUK TAK MENDAFTAR

Kerajaan Persekutuan dijangka akan membelanjakan 20% dari jumlah perbelanjaannya untuk pelajaran. Ini merupakan tidak kurang dari 4.7% KDNK, berbanding dengan 3.6% pada tahun 1960. Angka ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai pendapatan per kapita yang sama dengan Malaysia. Mengikut rajah oleh Chenery, untuk sebuah negara yang mempunyai pendapatan per kapita sebanyak AS\$500, pelajaran hanya merupakan 2.7% dari KDNK, dan untuk negara yang mempunyai pendapatan per kapita sebanyak AS\$1,000, kadarnya adalah 2.9% sahaja.

### Kawalan Kualiti Alam Sekitar

Kekotoran alam di Malaysia belum lagi sampai keperingkat yang tidak boleh dikawal tetapi ianya merupakan masalah yang sedang meningkat. Kemungkinan berlakunya kekotoran udara dari *sisa-sisa perusahaan* di Malaysia adalah lebih besar dari jenis kekotoran udara lain disebabkan oleh sisa-sisa yang dikeluarkan oleh bahan-bahan kimia. Sisa-sisa ini tidak boleh dihapuskan oleh proses persucian yang asli melalui sungai dan melalui cara-cara biasa yang ber-ekonomi. Sumber kekotoran udara dari perusahaan yang utama pada masa ini termasuk perusahaan berdasarkan pertanian, perusahaan kimia, perusahaan logam dan peleburan, perusahaan kertas dan kain dan kilang-kilang yang terlibat dalam proses mengeluarkan air kotor yang banyak mengandungi sisa-sisa "biochemical oxygen demand" dan asid. Satu kajian keatas 23 buah kilang-kilang di Petaling Jaya menunjukkan yang kilang-kilang itu telah melebihi had yang diterima

mengikut nilai taraf yang ditentukan disetengah negara-negara perusahaan. Kebanyakan perusahaan-perusahaan membuat air kotor mereka terus ke sungai-sungai dan parit-parit awam. Pada masa ini, Jabatan Kilang-Kilang dan Mesen-Mesen sedang cuba menguatkuasakan kawalan pembuangan sisa-sisa melalui perkhidmatan pemeriksanya.

Kekotoran alam disebabkan lumpur adalah punca kekotoran air yang terbesar pada hari ini hasil dari penebasan untuk pembangunan, pertanian dan perlombongan. Pembukaan tanah akibat dari perlombongan bijih, aktiviti pertanian dan membalaik dan pembangunan perumahan telah menambahkan lumpur di dalam sungai. Ini diburukkan lagi oleh hujan yang lebat di masa yang singkat. Lumpur-lumpur yang banyak memusnahkan kebolehan mencuci sendiri oleh parit-parit dan sungai-sungai dan yang demikian menghebatkan lagi bencana-bencana banjir.

Perundungan bagi menyekat perbuatan menyalahgunakan tanah dan melindungi tanah-tanah yang telah dibuka dan sungai-sungai dari akibat-akibat hakisan adalah terkandung di dalam Akta Perlindungan Tanah 1960. Penguatkuasaan yang terhad hanya dapat dilakukan disebabkan oleh kekurangan kakitangan-kakitangan yang terlatih dan badan bagi melaksanakan peruntukan Akta itu. Langkah-langkah mengawal ke atas kegiatan-kegiatan melombong telah dikenakan bagi mengurangkan pembuangan sampah-sarap oleh lombong-lombong tetapi usaha-usaha ini tidak memberi kesan oleh sebab kekurangan tenaga yang terlatih bagi menjaga pembuangan kekotoran dan kurangnya kesedaran tentang kesan kerrosakan lumpur itu. Kegiatan membalaik

### JADUAL III

#### PERATUS DARI KUMPULAN UMUR YANG BERDAFTAR DI SEKOLAH BANTUAN PUHUH DAN INSTITUSI-INSTITUSI MENGIKUT PERINGKAT PELAJARAN, 1972

<i>Peringkat Pelajaran</i>	<i>Kumpulan Umur</i>	<i>Laki-laki dan perempuan</i>	<i>Laki-laki</i>	<i>Perempuan</i>
Pelajaran Rendah .. .. ..	6+ hingga 11+	91.6%	94.0%	89.1%
Pelajaran Menengah Rendah .. ..	12+ hingga 14+	60.8%	69.4%	51.9%
Pelajaran Menengah Tinggi (a) .. ..	15+ hingga 16+	24.0%	28.2%	19.7%
Pelajaran Lepas Menengah (b) .. ..	17+ hingga 18+	4.8%	6.0%	3.6%
Pelajaran Peringkat Universiti (c) .. ..	19+ hingga 24+	1.2%	1.7%	0.7%

- (a) Semua sekolah-sekolah bantuan penuh, institut teknik, dan sekolah-sekolah voksyenel.  
 (b) Semua kelas-kelas Tingkatan Enam, di sekolah-sekolah bantuan penuh, Maktab-maktab Latihan Guru, Institut Teknologi Kebsangsaan (kursus Diploma), Institut Teknologi MARA, Maktab Pertanian, Politeknik Ungku Umar, Maktab Tengku Abdul Rahman dan Kolej Islam.  
 (c) Universiti Malaya, \*Universiti Sains, Universiti Kebsangsaan, †Institut Teknologi Kebsangsaan (kursus Professional), dan Institut Teknologi MARA (kursus Professional).

\* Dahulu dikenali sebagai Universiti Pulau Pinang.

† Dahulu dikenali sebagai Maktab Teknik.

dikawal oleh Jabatan Kehutanan Negeri yang menentukan syarat-syarat bersabit dengan perlindungan tanah dan air apabila mengeluarkan lesen-lesen untuk membalaik.

Dengan adanya pembangunan yang pesat, kekotoran yang disebabkan oleh najis sedang menjadi masalah besar dalam usaha melindungi alam sekitar manusia di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Pembuangan sisa-sisa dari rumah yang baik dalam bentuk cair dan padu adalah dikehendaki sangat-sangat oleh sebab ianya bukan sahaja memelihara air di atas dan di bawah tanah dari kekotoran tetapi juga mengurangkan kejadian-kejadian penyakit-penyakit yang dibawa oleh air dengan adanya taraf kebersihan yang lebih baik.

Kekotoran alam di pantai-pantai dan kawasan-kawasan perairan yang disebabkan oleh minyak merupakan bahaya yang mungkin berlaku terutama di Selat Melaka dan di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia setelah bermulanya usaha mencari-gali minyak di dasar lautan.

Kekotoran udara yang timbul terutamanya dari sumber-sumber perusahaan, kenderaan motor, kegiatan-kegiatan perdagangan dan kegiatan-kegiatan di rumah belum lagi merupakan masalah yang berat. Alat-alat mengesan kekotoran udara telah didirikan oleh Jabatan Kilang-Kilang dan Mesin-Mesin bagi menentukan had kekotoran dalam bentuk debu, sulfur dioxide dan bahan-bahan gas yang merbahaya di beberapa kawasan-kawasan termasuk Prai, Butterworth, Tasek, Rawang, Kepong, Batu Caves dan Petaling Jaya. Jabatan Kajiciuaca telah melakukan penyiasatan berkenaan kejadian kabus-kabus yang disebabkan oleh kekotoran udara-udara dan keadaan angin di Lembah Klang sementara stesyen-stesyen akan didirikan dalam tahun 1974 bagi mengadakan angka-tunjuk kekotoran alam untuk Malaysia.

Faktur-faktur yang mengakibatkan berlakunya kebisingan alam termasuk kegiatan perusahaan dan pengangkutan dan kegiatan-kegiatan bandar. Kebisingan yang disebabkan oleh kenderaan motor di kawasan bandar semakin meningkat terutama sekali dengan penggunaan enjin-enjin yang lebih kuat dan pertambahan jumlah kereta-kereta di jalanan. Kebisingan kapal terbang dikawal dengan cara menjauahkan lapangan-lapangan terbang dari kawasan bandar yang utama.

Memandang kepada bertambahnya masalah alam sekitar, satu Bahagian Alam Sekitar di Unit Perancang Am Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi membuat penyelesaian dengan badan-badan kerajaan berkenaan yang terlibat dengan tidak secara langsung

dengan kawalan kekotoran alam. Bahagian ini akan juga mentadbir Akta Mutu Alam Sekitar yang bertujuan untuk menjaga mutu alam sekitar dan mengurangkan kekotoran alam.

## Kesihatan

Jangka hayat penduduk-penduduk di Malaysia telah bertambah dengan baiknya di antara tahun 1957 dan 1970. Jangka hayat lelaki dan perempuan yang masing-masing hanya 56 tahun dan 58 tahun pada tahun 1957 telah bertambah kepada 62 tahun dan 66 tahun pada tahun 1970. Kedudukan ini adalah baik jika bandingan dibuat dengan negara-negara ASEAN seperti Singapura di mana jangka hayat purata adalah 62 tahun, Negeri Thai 54-59 tahun, Filipina 49-53 tahun dan Indonesia 47 tahun (semua adalah dalam tahun 1968). Di negara-negara yang maju seperti Australia, New Zealand, Jepun, jangka hayat adalah 68-74 tahun sementara di United Kingdom ianya adalah 68-75 tahun (bagi tahun 1968).

Kadar kematian keseluruhan dan kadar kematian bayi telah berkurangan sebanyak 47.7%. Kadar kematian bayi telah berkurangan sebanyak 51% dari 75.5% bagi tiap-tiap seribu yang bersalin hidup kepada 38.5 bagi tiap-tiap seribu dalam tahun 1971. Kadar kematian kasar berkurangan sebanyak 55% dari 12.4 bagi tiap-tiap seribu penduduk dalam tahun 1957 kepada 6.8 dalam tahun 1971. Terdapat juga kekurangan dalam kejadian kematian bersabit dari penyakit berjangkit seperti kusta, batuk kering, typhoid dan diphteria.

Kekurangan zat merupakan satu masalah kesihatan dan angka bagi tahun 1971 menunjukkan keupayaan mendapatkan kalorij untuk satu orang bagi sehari adalah 2,028 dengan kandungan protein sebanyak 48 gerem yang mana 29.6% dari kandungan protein didapati dari binatang ternakan dan 70.4% dari sayur-sayuran. Angka-angka ini adalah lebih rendah dari optima di mana keupayaan kalorij mestilah sebanyak 2,500 kalorij dengan kandungan protein sebanyak lebih kurang 55-60 gerem yang mana 40% dari protein ini mestilah dari sumber-sumber binatang. Kajian dan penyelidikan yang terbaru menunjukkan kandungan makanan utama yang tidak mencukupi bagi bayi di luar bandar adalah protein, vitamin A dan zat besi manakala dikalangan perempuan di dalam peringkat boleh mengandung, kekurangan zat besi dan anaemia merupakan masalah zat makanan yang utama.

Sebab-sebab kurang zat makanan adalah banyak dan rumit dan cara yang berkesan bagi mengatasinya termasuk meluaskan pelajaran mengenai makanan di

kawasan-kawasan terpencil dan dengan itu juga mengadakan kemudahan-kemudahan untuk menyembuhkan dan menahan penyakit. Pegawai-pegawai yang terlatih dalam bidang zat makanan mustahak diadakan tidak sahaja di peringkat ahli tetapi juga di peringkat bawah.

Permintaan bagi perkhidmatan perubatan semakin bertambah bukan sahaja disebabkan pertambahan jumlah penduduk tetapi juga disebabkan oleh bertambahnya orang yang menerima rawatan perubatan moden. Kadar masuk ke hospital, mithalnya, telah bertambah dari 44.3 bagi tiap-tiap 1,000 orang penduduk dalam tahun 1960 kepada 56.1 dalam tahun 1972 sementara angka purata pesakit-pesakit yang diberi rawatan bagi tiap-tiap satu katil yang diisipadi telah bertambah dari 30 kepada 45% dalam satu tahun bagi jangkamasa tahun 1960-1972.

Nisbah doktor-doktor berbanding dengan penduduk di Semenanjung Malaysia adalah 1 bagi 5,106 dalam tahun 1971 jika dibandingkan 1 bagi 6,603 dalam 1960. Dikebanyakan negara-negara maju seperti Australia dan Canada nisbahnya adalah 1 bagi 800 sementara di Jepun dan United Kingdom nisbahnya adalah 1 bagi 900 (1966). Usaha yang baru dikenakan di mana doktor-doktor baru wajib berkhidmat dengan kerajaan sebagai satu syarat pendaftaran dan pengambilan doktor-doktor dari luar negeri akan menolong mengatasi masalah kekurangan kakitangan di hospital kerajaan terutama sekali untuk berkhidmat di bawah perkhidmatan kesihatan luar bandar. Sekarang ini terdapat 51 pusat kesihatan besar luarbandar, 200 pusat kesihatan kecil dan 1,107 klinik bidan berbanding dengan 8 pusat kesihatan besar, 7 pusat kesihatan kecil dan 25 klinik bidan dalam tahun 1960.

Perbelanjaan semasa dan perbelanjaan pembangunan mengenai kesihatan telah bertambah sebanyak 276% dari \$80 juta dalam tahun 1960 menjadi lebih kurang \$301 juta dalam tahun 1973. Perbelanjaan kesihatan sekarang ini merupakan 6.5% dari jumlah perbelanjaan kerajaan dan 1.9% dari KNK.

## Perumahan

Mengikut banci perumahan 1970 Malaysia Barat terdapat 1,626,230 tempat-tempat kediaman di Semenanjung Malaysia. Tempat-tempat kediaman yang bukan kepunyaan sendiri (seperti asrama, hotel, hospital dan sebagainya) dan rumah-rumah yang didiami walaupun tidak didirikan untuk maksud kediaman, merupakan kadar yang kecil dari jumlah iaitu masing-masing 0.8% dan 0.7%. Mengikut tingkatan kawasan luarbandar yang mengandungi 58.1% dari jumlah penduduk dan 60.6% dari isirumah, mempunyai 64.7% dari tempat-tempat kediaman.

Tempat kediaman yang paling digemari di Semenanjung Malaysia adalah berjenis rumah bangle yang merupakan 81.2% daripada jumlah tempat-tempat kediaman dan tempat untuk berteduh bagi 81.1% daripada jumlah penduduk. Hanya sebanyak 9.6% sahaja dari jumlah penduduk tinggal di rumah-rumah pangsa. Angka purata isirumah pada keseluruhannya di dalam satu tempat kediaman adalah 1.08. Bagi mereka yang tinggal di rumah-rumah pangsa dan bilik-bilik angka puratanya adalah 1.40 bagi tiap-tiap tempat kediaman. Kawasan-kawasan metropolis mempunyai angka purata orang-orang di satu tempat kediaman yang terbesar. Angka purata menjadi bertambah kecil dengan berkurangnya darjah urbanisasi.

JADUAL IV

### KADAR KEMATIAN, JANGKA HAYAT DAN PENGAMBILAN KALORIE DAN PROTEIN DI SEMENANJUNG MALAYSIA—1957, 1967-71

Tahun	Kadar Kasar Kematian	Kadar Kematian Bayi-bayi	Kadar Kematian Kanak-kanak	Jangka Hayat		Kalorie <sup>1</sup> (Kalorie untuk seorang pada satu hari) pada satu hari)	Protein <sup>1</sup> (gms. untuk seorang pada satu hari)
				Laki-laki	Perempuan		
1957	12.4	75.5	10.7	56	58	Tiada	Tiada
1967	7.5	45.1	5.4	—	—	Tiada	Tiada
1968	7.6	42.2	5.4	—	—	Tiada	Tiada
1969	7.2	43.2	4.9	—	—	2,061	47.8
1970	6.9	40.8	4.2	62	66	2,193	50.2
1971	6.8	38.5	4.0	—	—	2,028	48.0

<sup>1</sup> Sumber-sumber protein dan kalorie adalah dari telor, ayam, babi, daging lembu, daging kambing biri-biri, ikan, udang, ikan bilis dan udang kering dan dari tanaman—nasi, tepung gandum, kacang soya, kacang tanah, pisang dan nenas sahaja.

Makanan dalam tin tidak termasuk.

Sumber: Jabatan Perangkaan,  
Kementerian Pertanian dan Perikanan.

Kawasan metropolis mempunyai angka purata bagi orang-orang sebilik (2.31) yang lebih rendah jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan luarbandar (2.92 orang) oleh kerana bentuk struktur-struktur di desa mempunyai ruang yang lebih besar untuk diduduki dan dijadikan tempat tidur sementara rumah-rumah di kawasan-kawasan bandaran mempunyai beberapa bilik-bilik yang lebih kecil dengan bilik tempat tidur diasangkan dari ruang untuk diduduki. Perangkaan purata bagi kawasan bandaran adalah 3 bilik untuk satu tempat kediaman sementara di kawasan luarbandar angka purata adalah 2 bilik. Bangsa-Bangsa Bersatu ada mencadangkan kediaman yang baik untuk satu bilik ialah dari 1.4 hingga 2.2 orang dan mentakrifkan bahawa 3 orang untuk satu bilik sebagai had yang paling rendah sekali bagi menunjukkan kesesakan. Oleh itu angka purata 2.66 orang untuk satu bilik di Malaysia adalah setanding dengan taraf antarabangsa, malahan adalah lebih baik dari Singapura (2.9) dan Pakistan (3.1). Walau bagaimanapun, angka purata bilik-bilik bagi sesuatu tempat kediaman di Semenanjung Malaysia (2.3) adalah lebih baik dari keadaan di Singapura (2.0), Indonesia (1.5), Korea (2.2), Pakistan (1.7) dan India (2.0)<sup>1</sup>.

Lebih dari dua pertiga dari rumah-rumah mempunyai dinding-dinding yang diperbuat daripada kayu. Ini adalah disebabkan kayu adalah lebih mudah didapati, lebih murah dan senang digunakan. Rumah-rumah di kawasan metropolis menggunakan kayu paling sedikit kerana kayu di anggap satu bahan yang separuh kekal. Ini boleh jadi disebabkan oleh undang-undang bangunan yang sedang berkuatkuasa sekarang yang berasaskan kepada kekuatan bahan-bahan bangunan, sementara Akta Jalanraya, Parit dan Bangunan dan Undang-Undang Kecil bagi menyamakan bangunan-bangunan yang dicadangkan, memperkenalkan satu

konsep baharu sebagai tambahan iaitu konsep kegunaan bahan-bahan bangunan dan tidak kekuatannya. Undang-undang yang dicadangkan itu akan menggalakkan penggunaan kayu yang lebih banyak untuk bangunan termasuk untuk kegunaan struktur di dalam kawasan-kawasan bandar. Undang-undang ini juga mengadakan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan penggunaan kayu-kayu di dalam pembinaan. Undang-undang ini dicadang akan dibentangkan di Parlimen pada tahun hadapan. Lebih banyak tempat-tempat kediaman telah dibina di kawasan luarbandar dari kawasan bandar.

47.5% dari rumah-rumah kediaman di Semenanjung Malaysia mempunyai kemudahan air paip berbanding dengan Filipina (34%), Sri Lanka (24%) dan Korea (21%). Di Semenanjung Malaysia 43.7% dari tempat-tempat kediaman yang diduduki dibekalkan dengan letrik berbanding dengan Filipina (23%), Sri Lanka (21%) dan Korea (28%). Lebih kurang 79.9% dari jumlah tempat-tempat kediaman yang diduduki di Semenanjung Malaysia mempunyai kemudahan-kemudahan tandas dalam berbagai jenis sementara 70% mempunyai kemudahan tandas yang sempurna. Peratus perbandingan untuk kemudahan tandas yang berbagai rupa di negara-negara lain adalah—Filipina (66%) dan Taiwan (54%).<sup>2</sup>

### Pembahagian Pendapatan

Rumusan-rumusan yang dibuat oleh Penyelidikan Belanjawan Isirumah 1957-58, Penyelidikan Contoh Sosio-Ekonomi Isirumah 1967-68 dan Penyelidikan Selepas Penghitungan 1970 menunjukkan pembahagian pendapatan di Semenanjung Malaysia (*lihat Jadual V* di bawah).

<sup>1</sup> Buku Tahunan Perangkaan Bangsa-bangsa Bersatu 1971, New York 1972, muka 717-733.

<sup>2</sup> Ibid.

JADUAL V

### PEMBAHAGIAN PENDAPATAN ISIRUMAH, SEMENANJUNG MALAYSIA, 1957/58, 1967/68, 1970

Peratus pendapatan yang didapat oleh	PBI 1957/58	PCSI 1967/68	PSP 1970
Peringkat tertinggi 5% isirumah	23.3	26.1	27.7
Peringkat tertinggi 10% isirumah	34.1	38.7	39.7
Peringkat tertinggi 20% isirumah	49.3	56.1	55.0
Peringkat tertinggi 40% isirumah	69.8	76.2	75.7
Peringkat tertinggi 60% isirumah	84.1	90.7	88.1
Peringkat tertinggi 80% isirumah	94.2	98.1	96.0
Pendapatan pertengahan (\$ bulanan)	217	199	271
Nisbah pemusatan Gini <sup>1</sup>	0.427	0.531	0.516

PBI — Penyelidikan Belanjawan Isirumah.

PCSI — Penyelidikan Contoh Sosio-Ekonomi Isirumah.

PSP — Penyelidikan Selepas Penghitungan.

<sup>1</sup> Nisbah pemusatan Gini adalah nisbah pendapatan yang didapat dalam keadaan tidak persetaraan dengan pendapatan yang diterima di bawah keadaan persetaraan sempurna. Nisbah ini mempunyai nilai dari kosong (0) hingga satu (1). Nisbah yang lebih tinggi menunjukkan darjah tidak persetaraan yang lebih besar.

Di sini dapat dilihat, bahawa dalam tahun-tahun 1957/58, 1967/68 dan 1970<sup>1</sup>, peringkat tertinggi 20% isirumah mempunyai 49.3%, 56.1% dan 55% dari jumlah pendapatan isirumah sementara peringkat bawah 20% mempunyai masing-masing 5.8%, 1.9% dan 4% dari jumlah pendapatan isirumah. Pembagian pendapatan yang tidak setara di dalam kumpulan tiap bangsa tidak berkurangan dari tahun-tahun 1957/58 hingga tahun 1970. Nisbah pemusatan Gini untuk orang-orang Melayu, Cina dan India telah bertambah masing-masing dari 0.302, 0.309 dan 0.302 kepada 0.482, 0.450 dan 0.455. Darjah tidak per-setaraan adalah tertinggi dikalangan masyarakat Melayu yang mana nisbah pemusatan Gini dikalangan mereka telah bertambah sebanyak 0.180 di antara dua jangkamasa itu.

Corak pembagian pendapatan di kalangan beberapa kumpulan bangsa dapat dilihat di dalam jadual VI di bawah mengenai pendapatan yang ditaksiran ke atas penduduk individu untuk kegunaan pembayaran cukai pendapatan. Orang-orang Cina sebagai satu kumpulan mempunyai dua pertiga dari jumlah pendapatan yang ditaksiran. Kedudukan orang-orang Melayu telah bertambah baik sedikit. Kedudukan orang-orang India bertambah buruk oleh kerana dalam tahun 1971, mereka mempunyai 11% dari jumlah pendapatan yang ditaksiran berbanding dengan 16% dalam tahun 1960. Kenaikan bahagian jumlah cukai yang dibayar oleh kumpulan yang berpendapatan tinggi adalah menunjukkan usaha Kerajaan menggunakan dasar fiskal bagi memperbaiki jurang perbezaan pembagian pendapatan di Semenanjung Malaysia. Dalam tahun 1960, peratus dari jumlah cukai yang dikenakan ke atas penduduk individu mengikut peringkat-peringkat pendapatan yang ditaksiran sebanyak \$1-\$10,000, \$10,001-\$30,000, \$30,001-\$50,000 dan \$50,001 ke atas di Semenanjung Malaysia

masing-masing adalah 20%, 41%, 18% dan 20%. Dalam tahun 1971, peratus tersebut masing-masing adalah 11%, 32%, 19% dan 38% dan ini membuktikan bahagian cukai yang dibayar oleh kumpulan pendapatan tinggi semakin bertambah. Dalam tahun 1960, lebih kurang 18% dari jumlah hasil pendapatan didapat melalui cukai langsung sementara 65% didapat melalui cara tidak langsung. Dalam tahun 1972, bahagian hasil pendapatan yang dikutip melalui cukai langsung telah meningkat menjadi 27% sementara bahagian yang dikutip melalui cara tidak langsung berkurangan menjadi 55%.

Berkenaan dengan perbelanjaan, kemudahan ekonomi dan sosial bagi kumpulan-kumpulan berpendapatan rendah, terutama dalam bidang pembangunan luar-bandar, kesihatan dan pelajaran, telah dilaksanakan dengan pesatnya semenjak tercapainya kemerdekaan. Perbelanjaan semasa Kerajaan mengenai pelajaran dan kesihatan masing-masing telah bertambah sebanyak 253% dan 192% di antara tahun-tahun 1961 dan 1972. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan mengenai pertanian dan pembangunan luar bandar telah meningkat sebanyak 363% dalam jangkamasa yang sama. Langkah-langkah fiskal dan langkah-langkah lain yang sedang diambil, sepatutnya dalam jangkamasa panjang, akan membawa kepada corak pembagian pendapatan yang lebih baik dari segi sosial.

Jurang perbezaan terdapat di dalam penggunaan tenaga dan kepunyan modal. Peratus orang-orang Melayu, Cina dan India dalam pekerjaan di bidang perdagangan dalam tahun 1970 masing-masing adalah 24%, 65% dan 11%. Di dalam sektor pertanian, peratusnya adalah 31%, 25% dan 35%. Di sektor perlombongan dan memecah batu, peratusnya adalah

#### JADUAL VI

PERATUS DARI JUMLAH PENDAPATAN YANG DITAKSIRKAN KE ATAS PENDUDUK INDIVIDU MENGIKUT BANGSA, 1960-1971

Tahun Pentaksiran	Peratus dari Jumlah Pendapatan yang ditaksiran		
	Melayu	Cina Malaysia	India Malaysia
1960	15	67	16
1961	14	68	16
1962	14	69	16
1963	15	68	16
1964	16	67	16
1965	16	67	15
1966	16	68	14
1967	17	67	14
1968(a)	17	68	13
1969(a)	18	67	13
1970(b)	17	69	12
1971(b)	18	69	11

(a) Termasuk pendapatan yang ditaksiran di Sarawak.

(b) Termasuk pendapatan yang ditaksiran di Sarawak dan Sabah.

Sumber: Laporan-Laporan Tahunan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

<sup>1</sup> Walaupun peninjauan ketiga-ketiga penyelidikan itu berbeza, tetapi angka-angka pada keseluruhannya mempunyai persamaan. Walaupun begitu, PCSI adalah berkaitan dengan pendapatan tunai sahaja.

Melayu (25%), Cina (60%) dan India (8%). Bahagian modal kepunyaan asing di sektor syarikat perbadanan dan syarikat-syarikat lain dalam tahun 1970 adalah berjumlah 61% berbanding dengan 22% bagi orang-orang Cina, 2% bagi orang-orang Melayu dan 1% bagi orang-orang India. Dasar Ekonomi Baru yang cuba menghapuskan pengenalan sesatu bangsa dengan vokesyen menjadi alat utama bagi mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dan peluang dalam jangkamasa yang panjang.

## Penduduk

Penduduk di Malaysia dianggarkan berjumlah 11.7 juta orang pada pertengahan tahun 1973 (banci 1970: 10.8 juta). Dari jumlah ini, 84% adalah dari Semenanjung Malaysia dan 16% adalah dari Sabah dan Sarawak. Kadar pertambahan penduduk adalah lebih kurang 2.8% dengan kadar kasar beranak sebanyak 32.6 bagi tiap-tiap seribu orang dan kadar kasar kematian adalah 6.8 bagi tiap-tiap seribu dalam tahun 1971.

Kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia walaupun telah berkurangan kepada 2.8% dalam tahun 1970 (banci tahun 1957: 3%) adalah masih tinggi. Sementara kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah melebihi kadar pertumbuhan penduduk-penduduk yang menyebabkan pendapatan perkapita terus meningkat, tingkatan-tingkatan kesenangan mungkin boleh menjadi lebih tinggi jika kadar pertumbuhan penduduk-penduduk dapat dihadakan sebanyak 2% setahun dengan cara mengadakan rancangan perancang keluarga yang meluas.

Lembaga Perancang Keluarga telah mengrekodkan sebanyak 222,217 peserta-peserta perancang keluarga di antara perempuan-perempuan yang telah kahwin dari jangkamasa bulan Jun tahun 1967 hingga tahun 1970. Jumlah peserta-peserta dalam tahun 1972 adalah 56,417 iaitu 56% daripada matlamat sebanyak 100,000 (dibandingkan dengan 54,769 dalam tahun 1971 atau 68% daripada matlamat sebanyak 80,000). Daripada jumlah ini, 62% (dibandingkan dengan 40% dalam tahun 1967) telah dimasukkan ke rancangan tersebut melalui Lembaga dan yang lain melalui badan-badan tertentu. Bagi jangkamasa bulan Januari hingga Julai 1973, 34,114 peserta-peserta baru (28%) telah diterima berbanding dengan matlamat sebanyak 120,000 bagi sepanjang tahun. Matlamat-matlamat dalam tahun 1974 dan 1975 adalah masing-masing 140,000 dan 160,000. Kegiatan-kegiatan untuk membanyakkan lagi peserta-peserta perancang keluarga haruslah dikuatkan lagi. Peruntukan bagi Lembaga Perancang Keluarga di sementara itu telahpun dinaikkan daripada \$246,580 di tahun 1966 menjadi \$2.1 juta pada tahun 1972.

Nisbah tanggungan di Malaysia adalah tinggi. Nisbah tanggungan, iaitu nisbah penduduk-penduduk

di antara umur 0-14 dan 65 ke atas berbanding dengan jumlah penduduk yang lain yang mengukur beban tanggungan penduduk-penduduk yang bekerja adalah 92.1% di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1970. Oleh itu, ada terdapat sebanyak 92.1 orang-orang di luar kumpulan yang bekerja bergantung kepada tiap-tiap 100 orang di dalam golongan yang bekerja. Nisbah tanggungan sebanyak 92.1% ini adalah lebih tinggi daripada 87.3% yang didapati dibanci tahun 1957 dan juga lebih tinggi daripada nisbah sebanyak 72.7% dan 67.4% masing-masing bagi Singapura di tahun 1970 dan Hongkong di tahun 1971.

Mengikut penyelidikan berkenaan dengan pengetahuan sikap dan praktis Rancangan Perancangan Keluarga di kalangan suri-suri rumah tangga yang dijalankan di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1966/67 (oleh Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan), telah didapati bahawa perempuan-perempuan di kawasan bandar berkehendakkan keluarga yang lebih kecil dari perempuan-perempuan di luar bandar dan yang demikian menyokong pendapat yang mengatakan proses urbanasi akan membawa kepada kadar beranak yang lebih rendah. Kajian ini menunjukkan juga, bahawa bilangan keluarga yang dikehendaki berkurangan setelah pendapatan bertambah. Kajian yang sama pada tahun 1970 menunjukkan pengetahuan mengenai perancang keluarga telah bertambah dari 44% dalam tahun 1967 kepada 84.5% dalam tahun 1970. Penerimaan rancangan perancang keluarga telah bertambah dari 70% dari tahun 1967 kepada 77.9% dalam tahun 1970. Ada juga terdapat bahawa pertambahan dalam peratus suri-suri rumah tangga yang memiliki bilangan keluarga sebanyak empat orang atau kurang dari 36% dalam tahun 1966 kepada 53% dalam tahun 1970. Sambil itu penduduk Malaysia di bandar terus meningkat. Pada tahun 1970 penduduk-penduduk di kawasan bandar adalah sebanyak 28.7% daripada jumlah penduduk-penduduk jika dibandingkan dengan 26.5% bagi Semenanjung Malaysia dalam Banci tahun 1957.

## Keselamatan Awam


Malaysia adalah mempunyai satu taraf keselamatan awam yang tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Sistem jalanraya di dalam negeri dianggap sebagai satu daripada yang terbaik di Asia. Jumlah kenderaan yang terlibat dalam *kemalangan jalanraya* yang dilaporkan berbanding dengan jumlah kenderaan-kenderaan telah berkurangan dari 8.3% dalam tahun 1963 kepada 4.4% dalam tahun 1972. Usaha memperbaiki dan membina jalan-jalanraya yang baru, rancangan mengelakkan keselamatan jalanraya dan memeriksa keadaan kereta-kereta adalah merupakan langkah-langkah yang utama yang diambil bagi mengurangkan lagi kemalangan jalanraya.

Rajah 34

# GUNATENAGA MENGIKUT SEKTOR

- BERDASARAKAN KEPADA CARUMAN KWSP, SEMENANJUNG MALAYSIA -



Kenaikan purata tahunan kenderaan-kenderaan di jalanraya adalah lebih-kurang 12%. Di antara tahun 1961 dan tahun 1972, jumlah kenderaan di jalanraya bertambah empat kali ganda kepada 802,623. Penambahan dalam jumlah kemalangan pada kadar tahunan ialah 5.1% iaitu jauh lebih rendah dari penambahan jumlah kenderaan. Kecederaan parah dan kecederaan-kecederaan ringan masing-masing telah bertambah sebanyak 3.8% dari 3.5%. Dengan adanya penggunaan topi keledar bagi penunggang-penunggang motosikal, tali pinggang keselamatan bagi pemandu-pemandu kereta dan sistem lalu-lintas di jalanraya yang lebih baik kadar kecederaan parah patutlah berkurangan.

Dalam tahun 1972, tidak terdapat kemalangan teruk walaupun terdapat 3,526 kejadian kebakaran. Walaupun jumlah kebakaran telah bertambah sebanyak 0.5% berbanding dengan tahun 1963, kadar jumlah kecederaan disebabkan oleh kebakaran telah berkurangan sebanyak 25% di antara tahun 1963 dan 1972.

## Kualiti Keadaan Bekerja

Pengangguran dijangka akan berkurangan pada tahun 1973. Kadar pengangguran adalah dianggarkan lebih-kurang 7% dari jumlah tenaga buruh berbanding dengan 7.1% pada tahun 1970. Keadaan melambung dalam ekonomi telah menambahkan peluang-peluang pekerjaan. Walaupun begitu ada terdapat juga kekurangan tenaga buruh di setengah-setengah sektor umpannya di ladang-ladang tebu.

Di semua bidang ekonomi ada terdapat sikap persesuaian dan kerjasama di antara majikan, kesatuan-kesatuan pekerja dan pekerja-pekerja. Perselisihan perusahaan yang besar tidak ada didapat disebabkan oleh sikap yang ditunjukkan oleh semua pihak untuk menyelesaikan pertikaian menerusi aturan-aturan yang telah ditetapkan dan tidak dengan mengambil tindakan perusahaan. Mogok yang berlaku hasil dari pertikaian tidaklah melebihi dari lima hari. Bagi sembilan bulan pertama tahun 1973, 48 mogok-mogok telah berlaku dan dua pertiga daripadanya hanya berlaku kurang dari lima hari. Kebanyakannya daripada mogok-mogok itu adalah disebabkan oleh pertikaian mengenai syarat-syarat pekerjaan seperti tuntutan gaji dan pembuangan pekerja-pekerja. Ketiadaan perselisihan perusahaan yang besar merupakan satu galakkan kepada bertambahnya pelaburan swasta yang membawa kepada bertambahnya peluang-peluang pekerjaan pada tahun 1973.

Di antara punca-punca faedah sosial yang didapati oleh pekerja-pekerja adalah:

(a) Ordinan Gantirugi Pekerja-pekerja, 1952 yang memberi gantirugi kepada pekerja-pekerja yang cedera di dalam kemalangan oleh sebab

pekerjaan dan semasa pekerjaan itu. (Pada tahun 1972, 13,462 kes kemalangan telah berlaku. Gantirugi berjumlah \$4.8 juta telah dibayar kepada pekerja-pekerja yang cedera itu); dan

(b) Pemberian eluan bersalin kepada pekerja-pekerja perempuan dan cuti selama 30 hari sebelum dan selepas bersalin.

Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja tahun 1969, yang memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang cedera dengan pemberian faedah perubatan dan kewangan, adalah satu usaha untuk memperbaiki sekim Gantirugi Pekerja-pekerja. Dalam tahun 1972 \$97,165 telah dibayar di bawah sekim ini kepada 1,519 pekerja-pekerja. Di penghujung tahun 1973 sekim ini meliputi 345,387 pekerja-pekerja di bawah 11,706 majikan-majikan di 19 kawasan. Pada bulan November 1973 sekim ini diluaskan ke Kuching dan Kota Kinabalu dan adalah dicadangkan bahawa tiga belas tempat lagi akan mendapat faedah sekim ini menjelang bulan Julai 1974. Akta itu juga membuat peruntukan kepada Sekim Pencen Kecacatan yang memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja yang cacat akibat dari penyakit dan kecederaan semasa bekerja adalah dijangka akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Berkenaan dengan masa bekerja, Ordinan Pekerjaan (1955) menentunkan yang pekerja-pekerja boleh bekerja tidak lebih dari enam hari dalam satu minggu. Pekerja-pekerja pejabat mempunyai masa bekerja maksima sebanyak 48 jam seminggu dan pekerja-pekerja giliran mempunyai masa bekerja maksima sebanyak 56 jam seminggu. Kerja lebih masa dihadkan kepada 32 jam untuk satu bulan. Pekerja-pekerja yang tertakluk kepada Ordinan Cuti Mingguan 1950 tidak dibenarkan bekerja semasa hari rehat minggu mereka.

Perlindungan yang secukupnya terutama berkenaan dengan keselamatan diberikan kepada pekerja-pekerja perempuan yang kebanyakannya bekerja di perusahaan-perusahaan getah, kain dan letronik. Umpamanya mereka tidak dibenarkan bekerja di bawah tanah. Untuk menggalakkan perempuan bekerja di perusahaan-perusahaan yang banyak menggunakan tenaga buruh dan di mana kerja bergilir dikehendaki, pekerja-pekerja perempuan dibolehkan bekerja di antara pulak 10 malam dan 5 pagi dengan mendapat persetujuan Kementerian Buruh.

Tenaga buruh di Malaysia di antara umur 15-64 adalah 3.6 juta orang dalam tahun 1970. Bahagian tenaga buruh itu di sektor pertanian adalah 53% sementara di sektor perkilangan bahagiannya adalah 19%. Sektor perkhidmatan adalah merupakan sebahagian besar tenaga buruh dengan menyumbangkan sebanyak 28%.

## VI. Ramalan Ekonomi Tahun 1974

### Ramalan 1974: KNK meningkat sebanyak 7% dari segi sebenar

Ekonomi Malaysia untuk tahun 1974 diramal bertambah pada kadar sebenar sebanyak 7% dari tahun 1973. Ramalan ini berdasarkan kepada beberapa sanganan-sanganan dan adalah untuk menunjukkan arah-arah aliran umum dan tidaklah angka-angka yang tepat.

Tahun 1974 akan mencatat pertumbuhan yang perlahan sedikit untuk negara-negara perusahaan asing. Ekonomi-ekonomi ini terutamanya A.S., Eropah Barat dan Jepun yang pulih pada tahun 1972 dan sekaran menikmati keadaan melambung yang tersangat kuat telah mencapai peringkat tertinggi dalam pelambungan kini. Ekonomi A.S., Jerman dan Jepun sedang mengalami keadaan ketegangan yang tidak selarasnya berterusan terutama sekali kerana terdapatnya krisis minyak dan bahaya kenaikan cepat pada inflasi harga. Pemotongan bekalan minyak oleh Asia Barat dan krisis kuasa tenaga juga akan mengurangkan kadar pertumbuhan tetapi tidak semestinya kadar inflasi. Adalah dianggar ekonomi-ekonomi utama asing akan bertumbuh dengan perlahan pada tahun 1974. Kadar pertumbuhan ekonomi akan berkurangan dengan banyak kepada lingkungan 2% dari segi sebenar dan 8% dari segi nominal.

Adalah diramalkan ekonomi A.S. akan tumbuh dengan kadar 2½% dari segi sebenar pada tahun 1974 dari 6½% tahun ini. Pertumbuhan ekonomi U.K. juga diramal perlahan sedikit sebanyak 2½% daripada 6½% tahun ini. Dan untuk Jerman kira-kira 3% secara sebenar (1973: +6%). Jepun, juga yang merupakan ekonomi yang berkembang pesat sekali dalam sepuluh tahun lampau dan rakan perdagangan utama kita, mungkin tidak akan berkembang pada tahun 1974. Ramalan keseluruhannya ialah tahun 1974 akan merupakan tahun pertumbuhan yang perlahan dengan inflasi berterusan akibat dari krisis minyak.

Ramalan untuk *impot* disebaliknya menunjukkan kadar yang tidaklah serendah seperti kadar pertumbuhan keseluruhan yang dijangka untuk tahun 1974. Impot negara-negara OECD dari negara-negara bukan ahli diramal berkembang dengan kadar purata 10% dari segi sebenar (1973: +16%) walaupun dari segi

nominal, harga minyak yang lebih tinggi akan menambahkan lagi perbelanjaan impot negara-negara ini.

Ramalan impot seperti di atas ada kesannya ke atas eksport Malaysia. Berasaskan demikian, jumlah isipadu eksport Malaysia dapatlah diramalkan untuk berkembang. Walaupun harga barang utama Malaysia telah mencapai paras yang sangat tinggi dalam separuh tahun kedua 1973 ianya tidak dijangka jatuh banyak pada tahun 1974 walaupun terdapat permintaan yang lebih rendah dari negara-negara perusahaan. Oleh itu adalah diramalkan jumlah pendapatan eksport Malaysia masih tinggi walaupun berkurangan sedikit daripada tahun 1973.

Sektor swasta walaubagaimanapun seperti perkembangan-perkembangan lampau selepas tahun pelambungan, diramal memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi Malaysia tahun 1974. Terutama sekali, kegiatan pelaburan swasta diramal bertambah dalam separuh tahun pertama 1974 dan kekal pada paras yang tinggi untuk tempoh seterusnya tahun itu. Pemulihan awal pelaburan swasta tahun 1973 sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh peranan perbelanjaan Kerajaan yang berkembang pada tahun 1972 yang diperkuatkan pula mulai pertengahan tahun 1973 seterusnya oleh pelambungan permintaan sektor swasta. Pertambahan pesat pelaburan asing di negara ini dijangka berterusan pada tahun 1974 dengan terdapatnya keadaan ekonomi dan politik yang setabil, tenaga kerja yang murah, galakan cukai, kemudahan infrastruktur dan peraturan pertukaran yang bebas. Pelaburan semula pendapatan oleh syarikat-syarikat asing juga dijangka bertambah. Pelaburan swasta tahun 1974 diramal kuat pada sektor perkilangan dan pembinaan, walaupun keadaan harga barang yang terus tinggi merupakan satu tarikan untuk pelaburan dalam tanaman bermasa. Dengan itu adalah dianggarkan kadar pertumbuhan pelaburan swasta tahun 1974 akan mencapai kira-kira 15% dari segi nominal, sementara pelaburan sebenar diramal bertambah lebih dari 8% (1973: +5%).

Penggunaan swasta dari segi nominal diramal bertambah dengan kadar yang agak pesat pada tahun 1974 oleh kerana tekanan permintaan akan terus kuat apabila hasil eksport seterusnya dipergunakan sebagai perbelanjaan swasta dalam separuh tahun pertama 1974. Lebihan perbelanjaan dari 1973 juga akan

menambahkan penggunaan swasta tetapi pada kadar yang perlahan sedikit dari kadar 1973. Kenaikan harga dijangka menjadi perlahan terutama dalam separuh tahun kedua 1974 apabila tekanan permintaan dijangka berkurangan dan penawaran bertambah dalam masa yang sama. Adalah dianggar yang penggunaan swasta mungkin bertambah sebanyak 9% dari segi nominal dengan penggunaan sebenar meningkat sebanyak kira-kira 61% pada tahun 1974.

Perkembangan sektor awam tahun 1974 dijangka tinggi sedikit dari paras tahun 1973. Jumlah perbelanjaan kalangan awam dianggar meningkat sebanyak 9% pada tahun 1974 (1973: +6.5%). Kenaikan ini mencerminkan kekenyalan usaha Kerajaan untuk terus menjalankan rancangan-rancangan pembangunan bagi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kedua. Pelaburan sektor awam tahun 1974 dengan itu akan bertambah sebanyak 8% dari segi semasa mengatasi tahun 1973.

Penggunaan awam diramal meningkat kira-kira 8% pada tahun 1974. Selain dari kenaikan biasa tiap-tiap tahun dalam perbelanjaan penggunaan awam, kadar kenaikan yang dijangka itu juga mengambil kira pembayaran sementara clau bantuan khas kepada pekerja-pekerja awam yang berpendapatan rendah yang dikuatkuasakan mulai 1hb Oktober, 1973. Adalah dianggarkan clau ini akan menelan belanja \$100 juta setahun.

#### V. KUALITI KEHIDUPAN DI MALAYSIA—PETUNJUK-PETUNJUK SOSIO-EKONOMI

Keupayaan mendapat kemudahan awam	...	...	...	...	...	...	...	...	85
Pembahagian dan Pemilikan Tanah	...	...	...	...	...	...	...	...	86
Perkembangan-perkembangan di dalam bidang pelajaran	...	...	...	...	...	...	...	...	87
Kawalan Kualiti alam sekitar	...	...	...	...	...	...	...	...	89
Kesihatan	...	...	...	...	...	...	...	...	90
Pembahagian pendapatan	...	...	...	...	...	...	...	...	93
Aliran Penduduk dan kesannya	...	...	...	...	...	...	...	...	98
Keselamatan awam	...	...	...	...	...	...	...	...	100
Kualiti kehidupan di Kuala Lumpur	...	...	...	...	...	...	...	...	102
Kualiti keadaan bekerja	...	...	...	...	...	...	...	...	105

#### VI. RAMALAN EKONOMI TAHUN 1975 DAN KEMUNGKINAN-KEMUNGKINAN UNTUK TAHUN 1976


107

#### VII. LAMPIRAN

Kalender-kalender Peristiwa-peristiwa Ekonomi yang penting 1965-1974	...	...	...	...	...	...	...	...	110
Panduan Pelabur	...	...	...	...	...	...	...	...	121
Senarai Jadual	...	...	...	...	...	...	...	...	i
Butir-butir Perangkaan	...	...	...	...	...	...	...	...	iii
Peta Ekonomi Malaysia	...	...	...	...	...	...	...	...	
Peta Kesuburan Tanah Malaysia	...	...	...	...	...	...	...	...	

**KELUARAN NEGARA KASAR**  
**MALAYSIA, PADA HARGA PASARAN SEMASA**


- \$ juta -



RAJAH 4

## EDARAN PERNIAGAAN MALAYSIA

- KADAR PERTUKARAN DARI TAHUN LALU -



\* Lihat nota di muka 10.

<sup>2</sup> KNK SEBENAR DINEGARA OECD  
KNK SEMASA

## **Ringkasan Keadaan Ekonomi**

Tahun 1974, adalah merupakan tahun yang baik bagi ekonomi Malaysia. KNK dari segi sebenar, meningkat sebanyak 6.3%. Jika dibandingkan dengan kedudukan ekonomi negara-negara perusahaan yang utama yang telah merosot sebanyak  $\frac{1}{2}\%$ , tahun ini merupakan tahun yang cemerlang bagi ekonomi Malaysia.

Walaupun terdapatnya rosotan di seluruh dunia dan kadar inflasi yang tinggi mengikut ukuran Malaysia, ekonomi negara ini telah mengalami kegiatan yang pesat terutamanya dalam separuh masa pertama tahun ini sehingga harga-harga sebahagian dari barangan utama mulai merosot. Akibat dari ini, kadar inflasi mulai meningkat sepanjang tahun tetapi pada masa ini nampaknya sedang beransur turun, walaupun masih lagi pada paras yang tinggi.

Pendorong bagi pertumbuhan dari segi sebenar tidak berpunca dari sektor eksport seperti yang terdapat pada tahun 1973. Pada tahun 1974, sektor eksport dijangka meningkat sebanyak 30% dari segi nominal selepas memuncak sebanyak 50% dalam tahun 1973. Kayu-kayan dan getah yang telah membawa kepada keadaan melambung pada tahun 1973, adalah sama cepat merasai kesan rosotan yang telah berlaku di negara-negara perusahaan. Walaupun harga-harga getah merosot, jumlah eksportnya mengalami kadar pertumbuhan sebanyak 16% pada tahun 1974. Jumlah eksport kayu balak dan papan merosot sebanyak 14%. Sektor eksport, yang mengalami keadaan berkembang, sebahagian besarnya disebabkan harga-harga yang tinggi bagi kelapa sawit, bijeh timah dan petrolium.

Permintaan swasta dari sektor dalam negeri, seperti yang dijangkakan, merupakan pendorong utama kepada pertumbuhan pada tahun 1974. Pelaburan swasta meningkat dengan tinggi sebanyak 37% dari segi nominal dan 13% dari segi sebenar. Penggunaan swasta, bahagian yang terbesar (61% dari KNK) dan yang paling setabil sekali dari jumlah KNK, yang biasanya meningkat sebanyak 4%, telah meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 26% dari segi nominal dan hampir 10% dari segi sebenar, tahun ini.

Permintaan kalangan awam telah menjadi perlahan memandang kepada permintaan yang memuncak dari kalangan swasta yang sedang mengalami keadaan melambung.

Penggunaan awam naik sebanyak 19% dari segi nominal dan 8% dari segi sebenar setelah Kerajaan menambahkan pembayaran gaji berikutkan dari kemerosotan pendapatan sebenar terutamanya bagi pekerja-pekerja awam yang berpendapatan rendah.

Kadar pertumbuhan pelaburan awam juga telah perlahan kepada 16% dari segi nominal dan merosot hampir 7% dari segi sebenar. Penangguhan projek-projek yang kurang penting sebagai satu langkah dalam strategi anti-inflasi pada tahun 1974, halangan dalam keupayaan perlaksanaan dan kekurangan bahan-bahan pembinaan merupakan faktor tambahan selain dari kedudukan asas yang melawan edaran.

Harga-harga pengguna telah melompat sebanyak kira-kira 18% pada kadar tahunan selepas naik sebanyak 10½% tahun lalu. Walau bagaimanapun kadar kenaikan ini telah menurun sejak suku masa kedua, daripada kadar tahunan yang tinggi, iaitu sebanyak 24% pada bulan Mac.

Keluaran dalam negeri pada tahun 1974 telah meningkat sebanyak 6% dari segi sebenar (18% pada harga semasa). Sektor perlindangan, terus menjadi pendorong utama, walaupun telah berkembang perlahan sedikit dari tahun 1973 (dari 20% kepada 15%).

Jumlah pengangguran, yang dianggarkan pada kadar 7.2%, terus turun pada awal tahun ini dengan meningkatnya kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, jangkaan sekarang ialah pengangguran akan meningkat kerana setengah perusahaan-perusahaan yang memerlukan banyak buruh (kain, elektronik dan keluaran kayu) telah menerima kesan buruk dari rosotan yang dialami oleh negara perusahaan.

Impot, naik dengan tinggi sebanyak kira-kira 50% terutamanya disebabkan oleh harga-harga impot yang tinggi. Perkembangan yang berlanjutan dalam perkhidmatan perkapalan dan udara Malaysia telah mengurangkan kurangan yang mungkin besar dalam kira-kira perkhidmatan. Walaupun begitu, keseluruhan imbalan bayaran adalah dijangka berakhir dengan lebihan sebanyak kira-kira \$100 juta, dan oleh itu telah menambahkan lagi cadangan luar negara Malaysia yang boleh membayai kira-kira lima bulan impot pada paras sekarang.

### **1975:**

Tinjauan bagi tahun 1975 menunjukkan yang Malaysia tidak akan menerima akibat yang sebegini buruk dari rosotan seluruh dunia sekarang ini berbanding dengan negara-negara lain. KNK, dari segi sebenar, adalah diramalkan akan berkembang sebanyak kira-kira 5% yang mana tidaklah begitu rendah jika dibandingkan dengan kadar-kadar pertumbuhan dalam tahun-tahun rosotan 1968 dan 1970. Harga-harga kelapa sawit dan petrolium nampaknya adalah terkecuali dari arahaliran bagi harga-harga eksport yang terus menurun yang dijangka pada hampir sepanjang tahun 1975.

Sejarah dengan dasar-dasar melawan edaran yang dijalankan oleh Perbadanan, kalangan awam telah dirancangkan memberi dorongan utama dalam usaha melawan arahaliran rosotan. Pelaburan awam dijangka meningkat sebanyak 8% dari segi sebenar berbanding dengan kemerosotan sebanyak 7% dalam tahun 1974, sementara penggunaan awam akan disetabilkan pada kadar pertumbuhan sebanyak kira-kira 6% bagi mengerakkan lebih sumber-sumber untuk pelaburan yang produktif.

Tinjauan mengenai Belanjawan adalah dijangka akan berakhir dengan lebihan yang munasabah di dalam kira-kira semasa, sementara Ringgit Malaysia akan terus kukuh.

---

#### **NOTA:**

Analisa Lapuran ini di antara lain-lain ada merujuk kepada edaran perdagangan Malaysia dari 4 hingga 5 tahun (Rajah 4). Pengalaman di masa lalu menunjukkan bahawa turun-naik ekonomi Malaysia adalah mencerminkan tinggi rendah perdagangan dunia yang sebahagian besar adalah disebabkan keadaan permintaan dan pengeluaran di negara-negara perusahaan. Edaran Perdagangan Malaysia telah diterangkan dalam Lapuran Ekonomi 1972/73 mukasurat 4-6.

## I. Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

**OECD<sup>1</sup>—Pertumbuhan ekonomi yang perlahan sementara kadar inflasi masih terus tinggi**

Hampir kesemua ekonomi negara-negara OECD tumbuh dengan perlahan dalam tahun 1974. Pertumbuhan bagi tujuh negara-negara utama dalam OECD, dirangkumkan semuanya, jatuh dalam separuh pertama tahun 1974 kepada kadar tahunan tolak 1% dari segi sebenar. Kejatuhan ini, adalah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan sebenar yang negatif di Amerika Syarikat (-2%), Jepun (-1%) dan United Kingdom (-6%) dan pertumbuhan sebenar yang sederhana sahaja dialami oleh Jerman Barat (+1.5%). Perancis (4%) dan Italy (+2%).

Perkembangan ekonomi di dalam separuh kedua tahun ini adalah dijangka akan menunjukkan sedikit pembakaian (*lihat Rajah 5*). Pertumbuhan dari segi sebenar, tidaklah mungkin mencapai pada satu tingkat yang agak besar sebelum dibahagian akhir tahun 1975. Malahan, petunjuk-petunjuk sekarang dan ramalan-ramalan oleh pakar-pakar, termasuk mereka dari badan-badan antarabangsa menunjukkan yang arahaliran rosotan sekarang ini telah bertambah buruk dan dari itu mungkin menjadi lebih sukar lagi sebelum ia dapat meningkat semula. Dengan kadar pertumbuhan sebenar yang terlalu rendah ini, pengangguran di beberapa buah negara akan terus kekal pada kadar yang tinggi.

Kadar *inflasi*, untuk keseluruhan OECD (septi yang dicerminkan oleh deflator KNK), terus meningkat, dianggarkan kira-kira kepada 12%. Angkutanjuk Harga Pengguna, untuk kumpulan OECD, adalah dijangka akan meningkat sebanyak 13% melebihi paras tahun yang lalu. Di beberapa negara-negara ahli, terutamanya Jepun, kadarnya mungkin lebih tinggi lagi, dianggarkan kira-kira 24% melebihi paras tahun lalu sementara di pihak yang lain pula, Jerman Barat, adalah dijangka akan dapat mengekalkan kadar inflasi di negaranya ke paras yang agak rendah kira-kira sebanyak 8%.

Di hampir semua negara-negara kelembapan, jelas kelihan terutamanya dalam setengah-setengah sektor ekonomi sahaja. Perusahaan-perusahaan yang mempunyai hubungan langsung dengan eksport-eksport utama

Malaysia seperti Perusahaan motorkar, dan Perusahaan pembinaan, telah mengalami keadaan yang buruk akibat dari berkurangnya permintaan, sementara harga yang terus meningkat dan dasar Wang yang ketat tidak menggalakkan harapan untuk pemuliharan yang cepat terhadap perusahaan-perusahaan ini. Di pihak yang lain, perusahaan-perusahaan besi waja, alat-alat kimia, dan lain-lain perusahaan bahan-bahan asas, di beberapa buah negara terus menekmati pasaran yang kukuh.

Pertumbuhan ekonomi yang perlahan sekaran ini, yang telah bermula semenjak bahagian akhir tahun lalu, adalah agak berbezra dengan Pertumbuhan perlahan yang besar yang dialami oleh OECD di masa-masa lalu. Dalam tahun 1958, rosotan telah dimulakan hampir seluruhnya oleh Amerika Syarikat. Walaupun perdagangan dunia masa itu telah mengalami kemunduran, negara-negara ahli yang lain hanya menerima kesan yang sederhana sahaja oleh kerana mereka telah mengambil langkah-langkah untuk pengembangan, dan tidak ada langkah yang ketat yang telah diambil. Pada masa sekarang, kesemua negara-negara perusahaan utama ini, berada lebih kurang pada kedudukan yang sama di dalam edaran melambung meleset.

Sejauh mana dan lama masa rosotan ini, masih tidak lagi dapat ditentukan kerana dasar-dasar dan strategi-strategi, di beberapa buah negara OECD sentiasa berubah-ubah. Tambahan pula, edaran melambung meleset negara-negara perusahaan di tahun-tahun kebelakangan ini telah banyak bertukar coraknya. Melalui beberapa tahun, edaran melambung meleset itu telah menjadi kurang kerap, lebih pendek dan kurang hebat.<sup>1</sup> Sebab-sebab yang membawa kepada keadaan ini ialah telah berlakunya perubahan struktur di dalam ekonomi negara-negara perusahaan. Dari itu ia adalah dijangka tidaklah akan menjadi seburuk kemelesetan yang dialami pada tahun 1930an, walaupun inflasi telah tidak diragukan lagi adalah merupakan masaalah yang lebih besar pada kali ini.

### Amerika Syarikat

Ekonomi Amerika Syarikat (kira-kira 30% KNK dunia) yang mana menerima 12% eksport Malaysia, telah jatuh dalam tiga sukuhan tahun berturut-turut dalam tahun 1974. KNK sebenar, dalam tiga sukuhan

<sup>1</sup> Pertumbuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan.

<sup>1</sup> G. H. Moore—"some secular changes in Business cycles" dalam American Economic Review Mei 1974. Muka 133.

tahun pertama telah mencatitkan kadar tahunan  $-7\%$  (suku pertama)  $-1.6\%$  (suku kedua) dan  $-2.9\%$  (suku ketiga). Ini adalah pertama kali berlaku semenjak tahun 1960/61, di mana KNK sebenarnya telah jatuh untuk tiga suku tahun berturut-turut. Tingkat kegiatan ekonomi yang rendah ini telah menyebabkan kadar tahunan pengangguran meningkat kepada  $6\%$  dalam bulan Oktober.

Sementara itu, inflasi telah meningkat kepada kadar tahunan  $11.5\%$  dalam suku ketiga daripada  $9.4\%$  di dalam suku kedua. Pada akhir suku ketiga, angka tunjuk belanja hidup adalah  $12.1\%$  lebih tinggi daripada paras setahun yang lalu, iaitu satu kadar kenaikan tahunan yang paling buruk dalam lebih dari 25 tahun. Dasar-dasar masih ditumpukan kepada menurunkan kadar inflasi yang telah meningkat kepada dua angka. Dengan pembawaan dalam penawaran dan langkah-langkah anti-inflasi yang berterusan kadar ini mungkin dapat diturunkan kepada  $10\%$  menjelang awal tahun 1975.


Jualan motokar yang meleset yang mempunyai kesan penting yang segera kepada eksport Malaysia telah diketahui oleh kejatuhan yang berterusan di dalam pengeluaran kereta-kereta penumpang. Dalam separuh pertama tahun 1974, jumlah kereta-kereta penumpang yang dipasang telah jatuh lebih dari  $25\%$ . Pada bulan Nobember, jumlah kereta-kereta yang dicadangkan akan dipasang oleh tiga buah kilang terbesar dalam negeri telah jatuh sebanyak  $19\%$  berbanding dengan setahun yang lalu.

Kedua-dua kadar bunga jangka panjang yang agak tinggi, dan dasar wang ketat yang sederhana, telah tidak menggalakkan permintaan untuk perumahan. Dalam tahun 1974, pembinaan rumah-rumah baharu telah jatuh kepada  $1.3$  juta unit daripada jumlah  $2.1$  juta unit yang dibina dalam tahun 1973. Walau bagaimanapun perusahaan ini patut telah mendapat dorongan dengan pemberian sebanyak AS\$3 bilion dari pihak pentadbir dalam suku ketiga tahun ini untuk membina kira-kira  $100,000$  rumah-rumah baharu.

Dengan perlahaian permintaan, impot AS juga telah agak rendah, tetapi telah dinaikkan nilainya oleh tingkat harga yang tinggi. Bagi lapan bulan pertama tahun 1974,imbangan perdagangan telah menunjukkan kurangan sebanyak lebih  $2$  bilion dollar AS, disebabkan sebahagian besarnya oleh tingginya bayaran-bayaran untuk minyak petrol. Untuk seluruh tahun, kurangan ini mungkin lebih tinggi lagi (dianggarkan  $3$  bilion dollar AS), satu kebalikan dari tahun 1973.

Di Eropah Barat ( $23\%$  eksport-ekspot Malaysia), terdapat juga keadaan menurun yang sama dengan pengangguran dan inflasi terus meningkat. Pertumbuhan sebenar adalah dijangka jatuh kepada  $2.5\%$  tahun ini, sementara kadar inflasi adalah dijangka akan meningkat kepada  $12\%$  ( $+8\%$  tahun 1973).

PENGELUARAN PERUSAHAAN DI NEGARA NEGARA UTAMA  
1970 = 100



Di *United Kingdom* pemulihan yang berlaku dalam pertengahan tahun 1974 dijangka telah terus berlaku dan menghasilkan pertumbuhan KDNK dalam separuh kedua tahun ini kira-kira 4.5% dari segi sebenar. Walau bagaimanapun, kerana kejatuhan yang besar di dalam separuh pertama KDNK untuk seluruh tahun ini dari segi sebenar adalah dianggarkan akan mencatit kadar pertumbuhan yang negatif sebanyak 2% (1973: +6.5%). Permintaan penggunaan sepanjang tahun terus lembab, sementara inflasi berjalan pada kadar tahunan 17% pada bulan Ogos. Beberapa ramalan menunjukkan kadar ini mungkin meningkat kepada 25% dalam tahun 1975. Kira-kira semasa imbalan pembayaran adalah dianggarkan akan berakhir dengan kurangan sebanyak hampir £4 bilion berikut dari perlakunya ekspot sementara impot terus meningkat.

KNK bagi tahun ini di *Jerman Barat* adalah dianggarkan akan meningkat sebanyak kira-kira 2% dari segi sebenar, yang menempatkannya agak lebih baik sedikit dalam segi kedudukan ekonomi, dari jiran-jiran Eropahnya, Amerika Syarikat atau Jepun. Perusahaan yang paling aktif ialah Perusahaan Kimia, Pembuatan Kertas dan besi-waja yang telah mendapat faedah dari permintaan yang luas di seluruh dunia. Di pihak yang lain pula, perusahaan motokar dan pembinaan seperti di negara-negara lain terus meleset. Dasar ketat yang diambil semenjak pertengahan tahun 1973 telah menyekat kadar inflasi dari meningkat dengan banyaknya dalam tahun 1974. Inflasi yang kadarnya pada bulan September, meningkat sebanyak 7.3% lebih tinggi daripada kedudukan setahun yang lalu, adalah kadar yang paling rendah di antara negara-negara OECD. Pengangguran (2.3% dari jumlah penduduk yang bekerja) mungkin meningkat lebih lagi, memandangkan keadaan meleset di setengah-setengah bahagian perusahaan barang-barang pengguna, di samping perusahaan pembinaan dan motokar. Berikut dari perkembangan-perkembangan yang kuat dalam ekspot, kira-kira semasa imbalan pembayaran adalah dianggarkan akan berakhir dengan lebihan pada tahun ini kira-kira sebanyak AS\$7 bilion.

Kadar pertumbuhan di *Perancis*, adalah dianggarkan kira-kira 4% dengan deflatornya meningkat sebanyak kira-kira 11%. Dasar fiskal yang ketat dan penyekatan keredit yang berterusan adalah dijangka akan melemahkan lagi kegiatan ekonomi diakhirkhir tahun ini. Keadaan pertumbuhan yang perlahan di *Itali*, adalah dijangka akan berterusan dengan KNK tidak berubah di bahagian akhir 1974.

#### Jepun

*Jepun* yang merupakan rakan perdagangan yang utama bagi Malaysia, telah mengalami dalam tahun 1974 ini, kadar pertumbuhan yang paling rendah semenjak Perang Dunia Kedua. Berikut dari kejatuhan yang besar (-6%) atas kadar pertumbuhan dari segi sebenar dalam separuh pertama tahun ini,

ekonominya mungkin mengalami kadar pertumbuhan yang negatif bagi keseluruhan tahun ini, dan dijangka akan mencapai hanya kadar pertumbuhan positif yang kecil sahaja dalam tahun 1975.

Dasar kewangan yang ketat adalah dijangka akan terus dijalankan hingga ke akhir tahun ini untuk mencegah inflasi (pada bulan Oktober 1974 +26% melebihi bulan Oktober 1973), kadar yang paling tinggi semenjak tahun 1949. Kenaikan upah yang besar (+30% purata) berikut dari tindakan buruh pada bulan April dan harga minyak yang telah meningkat empat kali ganda adalah sebab-sebab yang utama terhadap keadaan ini. Satu masa yang genting, bagi ekonomi, adalah apabila tiba-tiba desakan buruh untuk kenaikan-kenaikan upah pada musim bunga akan datang yang mungkin boleh menyebabkan pemulihran ekonomi yang sederhana sahaja di akhir tahun 1975.

Imbalan perdagangan bagi enam bulan yang berakhir pada bulan September, dalam tahun kewangan sekarang telah mencatatkan lebihan sebanyak AS\$689 juta (-57% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu). Impot telah jatuh dengan kadar yang lebih cepat terutama pada bulan September, mencerminkan rosotan yang sedang berlaku di dalam ekonomi. Untuk pertama kali dalam 19 bulan, keseluruhan imbalan pembayaran Jepun bagi bulan September telah menunjukkan lebihan yang sebahagian besarnya adalah disebabkan kemasukan wang dari negara pengeluar minyak.

#### Ekonomi ASEAN—Pertumbuhan yang perlahan

Arahaliran kemerosotan serta kadar inflasi dan harga minyak yang terus meningkat telah memperlambangkan pertumbuhan ekonomi negara-negara dalam Persatuan Negara-negara Tenggara Asia (ASEAN). Adalah dianggarkan kadar pertumbuhan KNK bagi ekonomi-ekonomi ASEAN dari segi sebenar akan merosot ke paras bawah 7% dalam tahun 1974 daripada kenaikan yang pesat sebanyak 10% pada tahun 1973. Kemerosotan ini pada sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan permintaan dari negara-negara yang maju yang mempunyai kesan buruk ke atas ekspot-ekspot ekonomi ASEAN.

Sebagaimana terdapat dikebanyakan negara-negara lain, inflasi adalah satu daripada masalah-masalah ekonomi utama yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN. Adalah dianggarkan kenaikan dalam kadar inflasi secara purata bagi seluruh wilayah ASEAN ialah kira-kira 25% (+17% dalam tahun 1973). Adalah dijangkakan bahawa Malaysia akan mencatit kadar kenaikan yang paling rendah. Kenaikan yang pesat dalam harga-harga pengguna dalam ekonomi-ekonomi ASEAN adalah disebabkan terutamanya oleh harga-harga impot yang tinggi dan kekurangan bekalan barang-barang keperluan.

*Perdagangan antara wilayah* adalah kecil jumlahnya kerana jenis ekspot ASEAN adalah pada asasnya serupa. Bagi separuh pertama tahun 1974, jumlah yang diimpor oleh Malaysia dari jiran-jiran ASEANnya adalah berjumlah \$659 juta (+57% melebihi peringkat dalam separuh pertama 1973). Ekspot Malaysia ke negara-negara ASEAN, sebaliknya, adalah berjumlah \$1,223 juta (+56% melebihi peringkat dalam separuh pertama pada tahun 1973). Bagaimanapun, sebahagian besar dari jumlah perdagangan luar Malaysia dengan negara-negara ASEAN adalah ke dan melalui Singapura yang berkhidmat sebagai pelabuhan entrepot (*lihat Rajah 6*).

*Ekonomi Indonesia* berkembang dengan memuaskan pada tahun ini. Adalah dianggarkan pertumbuhan ekonomi Indonesia dari segi sebenar adalah kira-kira 7% sungguhpun terdapat kadar tahunan inflasi sebanyak 40% pada separuh pertama tahun ini. Pengeluaran beras (½ dari nilai pengeluaran pertanian) dianggarkan akan bertambah sebanyak 4% dalam tahun 1974. Pengeluaran minyak mentah, sumber utama hasil Kerajaan dan pendapatan ekspot, dianggarkan meningkat sebanyak 8% pada tahun 1974 (+24% pada tahun 1973). Cadangan luar negeri bersih dianggarkan akan bertambah dengan lebih banyak lagi kira-kira \$2,050 juta pada tahun 1974 disebabkan, terutamanya, oleh kenaikan harga minyak yang mengurangkan kurangan dalam perdagangan.

Perkembangan ekonomi *Filipina* berterusan ketahun 1974 sungguhpun dengan kadar yang berkurangan (1973 +10%). Perdagangan yang pada tahun-tahun lepas bercorak kurangan telah tidak lagi berlaku pada tahun 1973 apabila pendapatan ekspot meningkat sebanyak 60% (impot hanya meningkat kira-kira 30%) disebabkan oleh rancangan galakan ekspot yang pesat. Ini termasuk pembukaan pasaran baru terutamanya di negara-negara sosialis dan tambahan kemudahan-kemudahan kredit kepada peniaga-peniaga tempatan. Pengeluaran pertanian dianggarkan bertambah sedikit sahaja pada tahun 1974 disebabkan oleh keadaan iklim yang buruk dalam suku ketiga. Sungguhpun demikian, kadar inflasi adalah tinggi (kira-kira 30% secara kadar tahunan pada awal tahun 1974) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga impot.

Kadar pertumbuhan KDNK *Singapura* dari segi sebenar adalah dianggarkan kira-kira 7% (11% pada tahun 1973). Apabila perbandingan dibuat di antara sektor-sektor, pengeluaran perkilangan dalam separuh pertama tahun 1974 telah jatuh ke kadar pertumbuhan sebanyak 5% (+21% dalam separuh pertama 1973). Ketibaan-ketibaan pelancung-pelancung telah juga meleset dari kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 27% dalam separuh pertama tahun 1973 ke hanya 16% dalam tempoh yang sama pada tahun ini. Bagaimanapun kenaikan dalam harga-harga pengguna telah berkurangan dari kadar tahunan sebanyak 33%

pada bulan Januari. Bagi enam bulan pertama tahun 1974 nilai impot telah bertambah sebanyak 81% (berbanding dengan separuh pertama 1973) terutamanya, disebabkan oleh harga minyak yang tinggi manakala ekspot telah bertambah sebanyak 84%.

Adalah dianggarkan bahawa *Negeri Thai* akan mengalami kadar pertumbuhan dari segi sebenar yang lebih perlahaan apabila dibandingkan dengan kenaikan yang cemerlang sebanyak 9% yang dicapainya pada tahun 1973. Bagaimanapun setengah-tengah dari sektor ekonominya, terutamanya, sektor pertanian telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Pendapatan ekspot dari beras meningkat dengan pesatnya sebanyak 170% bagi suku pertama tahun 1974 apabila dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu. Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan dalam harga ekspot beras Thai sebanyak tiga kali ganda.

Oleh kerana minyak merupakan 85% dari jumlah keperluan tenaga di Negeri Thai dan kesemuanya minyak ini terpaksa diimpor, tambahan cadangan luar negeri sebanyak lebih dari MS900 juta akan terpaksa diperolehi untuk menemui kenaikan kos minyak yang diimpor dalam tahun 1974. Kenaikan harga minyak ini memburukkanimbang perdagangan dan juga mengakibatkan harga-harga pengguna yang tinggi pada awal tahun 1974 (kira-kira 20% secara kadar tahunan). Bagaimanapun, beban ini dapat dikurangkan oleh kenaikan tambahan dalam pendapatan ekspot dari beras, jagung dan gula terutamanya dalam separuh pertama tahun ini.

### Kedudukan Kewangan Antarabangsa dan Ringgit Malaysia

#### Keadaan agak tenang tanpa krisis besar


Pergolakan hebat yang telah menjadi sifat pasaran-pasaran utama pertukaran wang pada tahun 1973 hampir tiada dalam tahun 1974 walaupun tekanan spekulasi telah menimbulkan masalah di pasaran pertukaran wang dari semasa ke semasa.

Sebahagian besar *kekukuhuan dollar AS* semenjak awal tahun ini disebabkan oleh kesedaran bahawa krisis tenaga akan meninggalkan kesan yang lebih kecil berbanding dengan negara-negara Eropah yang lain. Kurangan imbalan pembayaran negara-negara pengguna minyak yang semakin bertambah dijangka akan naik antara AS\$50-80 bilion. Jumlah ini hampir sama dengan lebihan imbalan pembayaran yang akan diperolehi oleh pengeluar-pengeluar minyak utama. Lebihan imbalan yang besar itu haruslah diputar balik untuk mengurangkan kekacauan besar yang mungkin berlaku ke atas sistem kewangan antarabangsa. Pasaran Euro-dollar, AS dan Jepun telah menerima sebahagian besar daripada wang minyak negara-negara Arab sementara bank-bank di London telah juga menerima agak sebahagian besar daripada wang tersebut disebabkan


RAJAH 6

## MALAYSIA DAN EKONOMI ASEAN

1963 = 100



### PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA NEGARA ASEAN - 1973



kadar bunga yang agak tinggi. Tetapi pelaburan-pelaburan yang telah dibuat pada mulanya adalah dalam bentuk simpanan jangka pendek iaitu untuk beberapa hari hingga beberapa bulan. Ini membayangkan pemilikan mudah-tunai kerana terdapatnya keimbangan tentang kejatuhannya nilai matawang asing dan perampasan harta-harta asing. Keadaan simpanan jangka pendek ini telah menimbulkan masalah kepada bank-bank kerana mereka tidak boleh meminjamkan semula wang-wang tersebut untuk jangka panjang.

Tiga perkembangan-perkembangan terbaru yang akan mempengaruhi pemasaran emas adalah penggunaan cadangan emas sebagai cagaran dalam pinjaman asing, pengesahan pemilikan emas secara persendirian di AS pada penghujung tahun ini dan susunan masa depan emas di dalam sistem kewangan antarabangsa yang diperbaiki. Berdasarkan kadar sebanyak 4% (untuk kegunaan perusahaan dan persendirian) dan penggunaan yang telah melebihi keluaran logam baru semenjak 5 tahun, aliran jangka panjang harga emas mungkin naik walaupun tidak pada kadar baru-baru ini. Walau bagaimanapun dalam masa jangka pendek, harga akan terus tinggi disebabkan keraguan tentang krisis inflasi sedunia dan kemungkinan negara-negara Arab meminta sebahagian daripada pembayaran-pembayaran minyaknya dijelaskan dengan emas.

Yen telah merosot pada awal tahun ini mengakibatkan pihak berkuasa Jepun menarik balik sokongan kadar yen di paras 280 yen sedolar AS selepas ia telah menggunakan sebanyak AS\$430 juta untuk menyokong kadar "spot". Kelemahan yen semenjak akhir Disember tahun lepas di antara lain adalah disebabkan oleh pengurangan lebihan imbalan pembayarannya. Pengunduran sokongan yen telah mengakibatkan devaluasi defacto sebanyak 6.6% berbanding dengan dollar AS. Pada awal Ogos yen jatuh ke 304 yen sedolar AS; kadar yang paling rendah semenjak 2 tahun disebabkan bertambahnya keadaan tidak-seimbang imbalan pembayarannya dan kemerosotan cadangan wang asingnya.

Masaalah utama di dalam apungan bersama Eropah ialah kekuahan Deutschemark yang agak setabil yang telah menyebabkan matawang lain, terutamanya franc Perancis, disokong bukan pada kadar yang sebenarnya. Dengan terkeluarnya franc dari apungan bersama ada kemungkinan bahawa kekuahan Deutschemark akan memberi kesan ke atas "currency snake" itu. Franc Perancis dijangka akan terus berapung bersendirian selama masa yang tidak dapat ditetapkan sehingga imbalan pembayarannya bertambah baik. Sementara itu kesan-kesan yang berlainan ke atas imbalan pembayaran disebabkan kenaikan harga minyak dan pelaburan semula pendapatan minyak oleh negara-negara Arab dan inflasi ke atas ses sebuah negara akan mendatangkan ketegangan, ke atas "Eurosna". Sterling dan lira tidak mungkin memasuki semula

apungan bersama Eropah pada masa depan kerana kelemahan kedua-dua matawang tersebut.

Pada September 24, Australia telah menurunkan nilai dollarnya sebanyak 12% berbanding dengan dollar AS untuk memperkuatkan ekonomi negaranya. Kadar dollar pada masa depan akan berasaskan kadar purata pertukaran wang asing yang berwajarkan perdagangan, sementara kadar pertukaran dollar telah ditetapkan pada kadar AS\$1.3065/1.3115.

Walaupun terdapatnya keadaan kewangan yang tidak setabil, pengalaman dengan apungan telah menunjukkan bahawa pasaran pertukaran wang telah dapat mengatasi keadaan yang tidakseimbang tanpa mengakibatkan krisis besar. Semenjak apungan digunakan dengan luasnya sifat-sifat baru pasaran pertukaran wang telah timbul. Pergerakan kadar pertukaran yang luar biasa terutamanya untuk dollar AS telah nyata dengan bertambahnya spekulasi wang tiap-tiap hari. Pasaran matawang masa depan telah berkurangan baik dari segi sedia adanya matawang ataupun dari segi kematangannya, sementara perbezaan di antara harga pembelian dan penjualan telah bertambah luas. Pada umumnya pasaran pertukaran wang adalah lebih sensitif di mana pertukaran wang yang berjumlah kecil boleh mengakibatkan perubahan yang lebih besar ke atas nilai-nilai matawang bila dibandingkan dengan sistem kadar pertukaran tetap.

Perdagangan dunia tidak berkurangan seperti yang dijangkakan dalam tahun 1973 apabila jumlahnya bertambah sebanyak 13% berbanding dengan kadar purata sebanyak 9% dalam tahun ke enampuluh. Walau bagaimanapun semenjak awal 1974 perdagangan dunia telah dianggarkan turun, akan tetapi ini adalah disebabkan oleh keadaan rosotan sedunia.

#### Jawatankuasa Sementara meneruskan kerja Jawatankuasa Duapuluh

Mesyuarat tahunan (Sept. 30-Okt. 4) Lembaga Gabenor-gabenur Kumpulan Wang Antarabangsa (KWA) dan Bank Dunia (IBRD) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Sementara Lembaga untuk mengantikan dan meneruskan kerja Jawatankuasa Duapuluh mengenai pembaikan sistem kewangan antarabangsa hingga satu Majlis Gabenor-gabenur yang tetap ditubuhkan. Pada mesyuarat pertamanya, Jawatankuasa Sementara bersetuju bahawa KWA harus memberi keutamaan kepada masaalah memutar balik dollar petro dan mengkaji peroses pelarasan, penambahan quota dalam KWA dan pindaan-pindaan mengenai emas dan hubungan di antara bantuan dan hak pengeluaran khas (HPK).

Satu Jawatankuasa Bersama Menteri-menteri (Jawatankuasa Pembangunan) untuk KWA dan Bank Dunia telah juga ditubuhkan untuk memberi nasihat dan melapur kepada Lembaga Gabenor-gabenur tentang

semua aspek-aspek mengenai pengalihan punca-punca keluaran sebenar, masalah negara-negara yang kurang maju dan negara-negara sedang membangun yang sedang menghadapi imbalan pembayaran yang berat.

Satu kemudahan untuk membantu ahli-ahli mengatasi kesan permulaan kenaikan kos impor minyak telah ditubuhkan di KWA. Jumlah wang yang terdapat sekarang adalah sebanyak HPK 2.8 billion. Semenjak pertubuhannya, 18 negara telah meminjam sebanyak HPK 526 juta. Kemudahan Tabung yang dilanjutkan, iaitu suatu kemudahan yang baru, akan diterima untuk memberi ahli-ahli pinjaman yang lebih besar bagi masa yang lebih panjang kepada negara-negara di dalam keadaan kesusahan untuk mencapai imbalan pembayaran yang memuaskan dalam jangkamasa 3 hingga 5 tahun.

Panduan-panduan untuk mengendalikan kadar pertukaran yang berapung telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Duapuluh dan adalah dipersetujui bahawa HPK akan berasaskan kepada sekumpulan matawang-matawang negara-negara yang mempunyai bahagian lebih dari 1% purata perdagangan sedunia pada tahun 1968-1972. Sementara itu kadar HPK telah dinaikkan ke 5% selaras dengan kenaikan kadar bunga di pasaran bebas.

Jawatankuasa Sementara akan bermesyuarat lagi pada 15-16hb Januari, 1975, di Washington.

#### Ringgit terus kukuh

Ringgit Malaysia telah mengalami keadaan yang sangat baik semenjak pengapungan pada 21hb Jun tahun lepas. Pergerakan ringgit vis-a-vis matawang-matawang pasangan-pasangan utama perdagangan Malaysia adalah *ayak setabil* dan kedudukan ringgit vis-a-vis kebanyakan matawang-matawang utama telah terus bertambah baik.

Berasaskan kadar purata wajar perdagangan (wajar 1972) pasangan-pasangan perdagangan utama Malaysia yang termasuk Jepun (19% daripada jumlah perdagangan Malaysia) Singapura (15%), AS (11%), ringgit

telah *naik-nilai* dengan kadar purata 14.5% pada akhir bulan Oktober (lihat Rajah 7 dan 8). Sebahagian besar daripada kenaikan nilai kadar purata ringgit telah berlaku selepas apungan ringgit Malaysia pada 21hb Jun, 1973 sebanyak 7.6% disebabkan terutama sekali oleh kenaikan nilai ringgit yang besar vis-a-vis dollar AS, yen dan sterling.

Pada akhir bulan Oktober 1974, ringgit telah naik nilai sebanyak 18% vis-a-vis dollar AS berbanding dengan kedudukannya pada akhir bulan Disember 1971 selepas penyelarasan Smithsonian (lihat Jadual 1). Walau bagaimanapun semenjak apungan pada bulan Jun hingga akhir Oktober 1974, kenaikan nilai ringgit vis-a-vis dollar AS adalah hanya sebanyak 3%, ini membayangkan kekuahan dollar AS yang semakin bertambah.

Semenjak apungan hingga akhir bulan Oktober, ringgit telah naik-nilai sebanyak lebih kurang 4% berbanding dengan Deutschemark dan 18% berbanding dengan yen. Daripada Disember 1971 hingga akhir bulan Oktober 1974, ringgit telah naik-nilai sebanyak 31% berbanding dengan sterling, sementara semenjak apungan di bulan Jun hingga akhir bulan Oktober, kenaikan nilainya telah meningkat sebanyak 13%. Pada tempoh yang sama ringgit telah naik-nilai sebanyak 2% berbanding dengan dollar Hong Kong.

Semenjak akhir bulan Julai 1973, kadar di antara ringgit dan dollar AS telah menjadi lebih kukuh bila dibandingkan dengan kadar di antara dollar Singapura dan dollar AS. Kadar kenaikan nilai yang paling tinggi vis-a-vis dollar Singapura adalah sebanyak 3% berbanding dengan kadar pariti sebelum apungan pada bulan Jun. Walau bagaimanapun menjelang penghujung bulan Oktober 1974, ringgit mulai ditukarkan dengan kadar sama taraf dengan dollar Singapura.

Walaupun dollar AS telah kukuh baru-baru ini dan kemerosotan kelebihan imbalan pembayaran Malaysia dianggar turun, ringgit dijangka akan terus menahan kekuahannya oleh kerana kesan kemerosotan sedunia ke atas Malaysia mungkin tidak akan begitu buruk seperti negara-negara lain

<sup>1</sup> G. H. Moore—"some secular changes in Business cycles" dalam American Economic Review May 1974, Muka 133.


JADUAL I

KENAIKAN NILAI (+) ATAU SUSUTAN NILAI (-) MS VIS-A-VIS  
MATAWANG-MATAWANG PASANGAN PERDAGANGAN UTAMA MALAYSIA

Matawang	Kadar pertukaran pada:			%Naik-nilai (+) atau susut-nilai (-) MS
	I	II	III	
	Akhir Disember, 1971 (Selepas Penyelarasan Smithsonian)	Jun 20, 1973 (Pra-apungan MS)	Akhir Oktober, 1974	
	MS	MS	MS	
Yen (100) .. .. ..	0.92	0.93	0.79	- 1.1%
\$ Singapura (100) .. .. ..	100	100	99.75	-
SAS .. .. .. ..	2.82	2.40	2.39	+13.7%
£ .. .. .. ..	7.35	6.3	5.59	+16.7%
\$ Australia (100) .. .. ..	3.46	3.54	3.13	- 2.3%
DM (100) .. .. ..	87.61	96.34	93.05	- 9.1%
Guilder Belanda .. .. ..	89.36	90.71	91.09	- 1.5%
Thai Baht (100) .. .. ..	14.00	11.95	11.67	+17.2%

RAJAH 7

%KENAIKAN NILAI (+) DAN SUSUTAN NILAI (-) PERATUS  
MATAWANG-MATAWANG UTAMA BERBANDING  
DENGAN RINGGIT



## KADAR PERTUKARAN \$ M YANG BERWAJARKAN PERDAGANGAN

BERDASARKAN KADAR PERTUKARAN PADA  
AKHIR DISEMBER, 1971




\* Ringgit diapungkan pada June 21, 1973

## EKSPOT UNTUK 1974

...MENGIKUT KUM -  
PULAN SITC



...MENGIKUT HALUAN



\* TIDAK TERMASUK U.K.

## II. Permintaan Luar

Walaupun terdapat krisis tenaga dan kemerosotan di setengah negara-negara perindustrian, Malaysia mengikut ukuran antarabangsa dalam tahun 1974 telah mencapai pertumbuhan KNK yang agak tinggi sebanyak 6% dalam harga tetap. Sungguhpun kadar itu kurang jika dibandingkan dengan kadar tahun 1973, tetapi adalah jauh lebih tinggi daripada kadar-kadar ( $\frac{1}{2}\%$ ) yang dicapai di negara-negara perindustrian. Pertumbuhan yang perlahan ini akan memberi kesan secara langsung ke atas permintaan mereka bagi bahan-bahan utama Malaysia (lihat Rajah 4). Oleh yang demikian, eksport Malaysia pada tahun 1975 adalah dianggarkan merosot sebanyak lebih kurang 5.7%.

### Eksport—Tumbuhan sebanyak 2% dalam harga tetap

Perkembangan eksport yang agak perlahan pada tahun ini adalah disebabkan oleh *permintaan berkurangan* dari negara-negara perindustrian bagi bahan-bahan mentah pertanian dan ini dicerminkan di dalam kemerosotan harga-harga eksport bagi setengah bahan-bahan utama seperti getah (+19% sahaja daripada 1973 berbanding dengan +60% dalam tahun 1973 daripada 1972), kayu balak (-10% daripada 1973) dan papan (-15% daripada 1973) dan petrolium (+181% daripada 1973). Walaupun begitu pertumbuhan yang perlahan ini, mungkin akan lebih buruk lagi jika tidak kerana *harga-harga tinggi bagi eksport-eksport galian* seperti bijih timah (+59% berbanding dengan tahun 1973) dan petrolium (+181% berbanding dengan tahun 1973). Arahaliran eksport yang turun adalah dijangka berterusan hingga tahun 1975 (-5.7% daripada 1974) dan akan meningkat semula lebih kurang dalam awal tahun 1976.

Eksport ke negara-negara Pasaran Bersama Eropah (EEC) dan Eropah Timur telah masing-masing bertambah sebanyak 4% dan 2% berbanding dengan tahun 1973 sementara eksport ke negeri Jepun merosot sebanyak 1% (lihat Rajah 9).

### Getah—jumlah eksport menurun

Eksport getah dijangka akan berkurangan sedikit sebanyak 1.5% mencapai 1.614 juta tan metrik dari paras eksport yang tinggi iaitu 1.64 juta tan metrik pada tahun 1973. Pengurangan yang dialami pada masa ini adalah disebabkan oleh menurun aktiviti perusahaan di negara-negara perusahaan yang utama

dalam suku tahun yang kedua tahun 1974. [AS (+0.8%) dan Jerman Barat (+0.9%)] terutama sekali dalam perusahaan membuat kereta. Pengeluaran kereta-kereta menjelang bulan Oktober di Amerika Syarikat telah berkurangan sebanyak 21% berbanding dengan pengeluaran pada masa yang sama pada tahun lepas. Perkembangan pengeluaran perusahaan yang perlahan telah membawa kesan yang buruk ke atas permintaan getah terutama dalam separuh masa yang kedua pada tahun ini.


Kurangnya permintaan dari luar negeri telah menyebabkan kemerosotan harga tehnologi di pasaran dunia. Dari paras yang tinggi dalam bulan Januari 1974 (RSSI 265c. sekilo) harga itu telah menjunam ke paras yang rendah 143c. sekilo dalam bulan Oktober 1974 (-46%). Kemerosotan harga berterusan walaupun satu rancangan dimulakan dalam bulan Julai meminta supaya simpanan pengeluar-pengeluar dan pengekspor dinaikkan sebanyak 10% dari simpanan purata bulan April/Jun. Dalam bulan Ogos, Kerajaan telah campur tangan dalam Pasaran Getah dan ini menolong meletakkan harga getah pada paras harga yang agak tinggi.

Walaupun terdapat kemerosotan yang berterusan dalam harga getah dan pengurangan dalam jumlah eksport, nilai eksport pada tahun 1974 dijangka mencapai angka yang masih tinggi iaitu \$2,882 juta (+15% berbanding dengan tahun 1973). Ini disebabkan oleh harga purata yang agak tinggi bagi sebahagian besar tahun 1974 berbanding dengan tahun 1973. [Dalam jangkamasa sepuhl bulan pertama tahun ini, harga purata adalah 192c. sekilo atau 24% lebih tinggi dari harga purata yang terdapat pada masa yang sama tahun lepas (155c. sekilo)]. Bagi tahun ini, harga purata getah dianggarkan 178c. sekilo (+8% berbanding dengan tahun 1973) sementara dalam tahun 1975, ianya dijangka berada pada paras 132c. sekilo atau 60 sen sepaun bagi getah RSS 1 (-26% berbanding dengan tahun 1974). Walaupun begitu, kedudukan harga pada tahun 1976 akan lebih baik lagi dari yang terdapat dalam tahun 1975 hasil dari pertumbuhan ekonomi yang semakin baik di negara-negara perusahaan pada tahun depan. Kos mengeluarkan SBR 1500 yang setaraf dengan getah RSS3 adalah lebih kurang 67 sen sepaun dan ini adalah lebih tinggi dari kos mengeluarkan RSS 3. Penggunaan


RAJAH 10

## EKSPORT BARANGAN KE NEGARA-NEGARA UTAMA (1973)

GETAH ...




BIJEH TIMAH...




MINYAK KELAPA SAWIT...



KAYU YANG DIGERGAJI...




KAYU BALAK...



RAJAH 11

## PECAHAN JUMLAH EKSPORT



mungkin beraleh kepada getah asli walaupun pengeluaran getah tiruan mungkin bertambah di Russia dan setengah negara pengeluar minyak seperti Iran dan Venezuela.

Ekspot mengikut haluan bagi lapan bulan pertama tahun 1974 menunjukkan pembelian yang lebih dari Jerman Barat (+12%), Russia (+45%) dan negara-negara Eropah Timur yang lain. Disebalik itu, ekspot ke Amerika Syarikat dan United Kingdom yang membeli 18% dari jumlah getah yang diekspot hingga bulan Ogos telah merosot masing-masing sebanyak 3% dan 13% berbanding dengan masa yang sama pada tahun lepas. Satu pergolakan yang penting pada tahun ini ialah bertambahnya pembelian terus dari setengah negara-negara seperti Negeri China, Korea Utara dan Rumania yang telah membeli melalui badan-badan Kerajaan seperti Felda, Mardec dan Pernas.

Pada tahun ini terdapat juga pertumbuhan dalam jumlah getah Piawaian Malaysia (SMR) yang diekspot. Dalam masa lapan bulan pertama tahun ini, ekspot SMR dari Semenanjung Malaysia telah bertambah sebanyak 12% mencapai 269,888 tan metrik. Ini merupakan 27% dari jumlah getah yang diekspot berbanding dengan sumbangannya sebanyak 23% dalam masa yang sama pada tahun lepas. Pengguna-pengguna yang utama ialah AS (20%), UK (11%) dan Jerman Barat (10%). Bagi seluruh tahun 1974, adalah dianggarkan SMR akan merupakan 29% dari jumlah getah yang diekspot sementara pada tahun 1975 sumbangannya dijangka bertambah kepada 40%.

### Papan dan Kayu Balak—Memulakan Kemererosotan

Pada tahun 1974 perusahaan membalak (13% daripada jumlah ekspot) telah menegaskan lagi *kemererosotan* harga-harga ekspot. Ekspot kayu balak dan papan adalah dijangka merosot masing-masing sebanyak 5% dan 8% dibandingkan dengan 13% bagi kayu balak dan 28% bagi papan dalam tahun 1973. (*Lihat Jadual 3.2*).

Nilai peratus yunit ekspot kayu balak bagi tahun ini adalah lebih kurang \$122 setan bagi 50 kaki padu (kurang 10% daripada tahun 1973). Harga papan adalah dijangka merosot sebanyak 16% ke paras \$304 setan bagi 50 kaki padu.

Negara-negara yang utama yang menggunakan papan seperti EEC (32%), Australia (12%) dan Jepun (10%), pengguna-pengguna kayu balak misalnya Jepun (63%), telah bertindak dengan segera kepada tanda kemererosotan perusahaan pembinaan. Jepun adalah mengalami kemererosotan binaan kediaman swasta sebanyak 51% pada tahun ini (18% dalam tahun 1973)

sambil AS (yang mempunyai akibah besar secara tidak langsung ke atas ekspot kayu balak Malaysia) dan adalah juga menghadapi kemerosotan sebanyak 24%.

Berikut dengan keadaan krisis tenaga, ruangan kapal telah berkurangan sambil tambang muatan kapal telah juga dinaikkan; tambang muatan balak ke Jepun telah meningkat sebanyak 40% semjak bulan Julai; sambil surcaj bagi balak telah juga dikenakan oleh kebanyakan kapal-kapal Perkumpulan.


Satu peralihan permintaan daripada kayu yang belum diproses kepada kayu-kayu separuh siap atau bahan-bahan kayu yang siap (seperti kayu sedia memandangkan ketinggian harga-harga buruh untuk memproses kayu balak), permogokan di pelabuhan-pelabuhan Australia, pekerja tiga hari di Britain dahulu dan pertandingan yang meningkat darinegara-negara pengeluaran kayu keras di kawasan ASEAN adalah faktor-faktor yang lain membawa ke arah kemererosotan ekspot-ekspot kayu balak.

Berikut dengan arahaliran perusahaan kayu balak yang merosot. Kerajaan telah memberi pengecualian duti ekspot ke atas kayu balak yang diproses seperti kayu lapis dan Kerajaan telah juga memberi nasihat kepada pembalak-pembalak mengurangkan pengeluaran mereka. Kemererosotan perusahaan balak sekarang tidaklah dijangka menjadi elok sehingga penghujung tahun 1975. Bagi tahun 1975, jumlah ekspot-ekspot kayu balak dan papan adalah dijangka masing-masing merosot sebanyak 3.3% dan 0.3% sementara nilai yunit ekspot masing-masing turun sebanyak 14% dan 10%.


*Pengeluaran dan gunadana* telah pun terlibat disebabkan kemererosotan ekspot ini. Kilang-kilang papan adalah sekurang dilapurkan bekerja separuh dari jumlah keupayaan sambil pembalak-pembalak di Sabah dan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah masing-masing mengurangkan pekerja-pekerja mereka sebanyak lebih kurang 15,000 dan 4,000 orang. Hasil dari bahan-bahan kayu akan juga berkurangan di akhir tahun 1974 dan dalam tahun 1975.

Jabatan Hutan telah mengenakan *peraturan mengekspot* di mana ekspot-ekspot kayu balak adalah dikehendaki digredikan oleh pengred-pengred yang berkebolehan dan diluluskan oleh merinyu-merinyu kayu balak, untuk menentukan ekspot kayu balak yang bermutu tinggi. Pemasaran kayu balak Malaysia boleh dielakkan lagi dengan adanya pengetahuan pasaran yang lebih memuaskan, kawalan mutu yang ketat, pembetulan serta penyesuaian cara-cara mengekspot dan penyelidikan mengenai perusahaan barang-barang yang lebih elok dan bermutu. Penyesiataan mengenai kegunaan akhir kayu balak Malaysia di pasaran-pasaran ekspot untuk menentukan samada perusahaan selanjutnya dan pemasaran dapat diperelokkan lagi di peringkat ini.

RAJAH 12



RAJAH 12A



*Mempelbagaikan* pasaran dari Eropah Barat, Asia Timur ke kawasan-kawasan lain seperti Amerika Utara, negara-negara Eropah Timur dan Asia Barat telahpun dimulakan. Pesanan ekspot dari pasaran-pasaran baru seperti Iraq telahpun diterima. Arah-arah aliran ini akan memulihkan permintaan luar bagi kayu-balak Malaysia.

### Bijeh timah—Harga-harga tinggi menaikkan nilai ekspot.

Nilai ekspot adalah dijangka akan meningkat sebanyak 57% mencapai sebanyak \$1,408 juta yang meninggikan harga-harga dalam awal tahun 1974. Walaupun begitu, ekspot adalah dijangka turun sebanyak 2% kerana kemerosotan pengeluaran disebabkan kekurangan hasil di lombong-lombong yang bermutu rendah dan kenaikan harga pengeluaran.

Negeri Jepun telah mengatasi AS sebagai pembeli bijeh timah Malaysia yang terbesar pada tahun 1973, dengan pembeliannya yang berjumlah 25,552 tan metrik bernilai \$287 juta (32% dari jumlah ekspot-ekspot bijeh timah) jika dibandingkan dengan 24,679 tan bernilai \$267.4 juta yang diimpot oleh AS (30%). Negeri Jepun adalah dijangka akan terus menetapkan tempatnya sebagai pembeli terbesar sekali dalam tahun 1974. Perbezaan yang besar jini jika dibandingkan dengan kedudukan dahulu adalah disebabkan oleh jualan bijeh timah dari simpanan General Services Administration (GSA), dan kelebihan impot bijeh timah oleh AS dari negeri China dan Australia adalah sebanyak tiga belas kali ganda.

Harga-harga bijeh timah meningkat sebanyak 81% dalam jangka-masa tiga suku tahun 1974 dibandingkan dengan masa yang sama dalam tahun 1973. Pada 27hb April, 1974 harga bijeh timah keluaran Malaysias telah mencapai kemuncak sebanyak \$1,380 sezikul, melebihi dengan banyak paras kemuncak-kemuncak yang terdapat pada tahun 1964 dan pada masa peperangan Korea. Kenaikan tinggi harga-harga bijeh timah adalah disebabkan oleh kekurangan-kekurangan bijeh timah kerana penggunaan (oleh kerana bijeh dunia melebihi penawaran dengan kadar 20%), keadaan kewangan antarabangsa yang cememarkan, spekulasi serta pelaburan dalam pasaran barang khasnya emas, perak dan bijeh timah dan krisis minyak telah mengujudkan suasana baru dalam pasaran barang, yang menyebabkan keraguan-keraguan bekalan bijeh timah pada masa hadapan.

Harga bijeh timah bagi tahun 1974 adalah dianggarkan sebanyak \$1,124 sezikul merupakan satu kenaikan sebanyak 64% lebih daripada harga-harga purata yang terdapat dalam tahun 1973. Perantaraan harga di bawah Perjanjian Timah Antarabangsa telah dinaikkan dua kali dalam 15 bulan yang lalu, pertama kalinya pada bulan September, 1973

dan kemudiannya pada bulan Mei tahun ini. Harga lantai sekarang ialah MS\$850 jika dibandingkan dengan MS\$635 (+34%) pada tahun lalu manakala harga bumbung pula adalah MS\$1,050 jika dibandingkan dengan MS\$760 (+38%). Kenaikan ini adalah persetujuan antara pengeluar-pengeluaran dan pengguna-pengguna selepas satu siri perundingan yang berlanjut. Walaupun harga bijeh timah yang didapati sekarang adalah jauh lebih tinggi daripada harga lantai, sudahlah pasti bahawa harga-harga baru dapat memberi perlindungan yang perlu dan berguna kepada pasaran bijeh timah memandangkan kepada kenaikan kos pengeluaran. Bijeh timah akan terus menjadi sumber terimaan ekspot yang *kedua* bagi negara dalam tahun 1975 walaupun jumlah ekspot dijangka akan terus merosot sebanyak 5% dan kemerosotan nilai yunit sebanyak 6%. Jumlah pendapatan ekspot dari bijeh timah adalah dijangka akan merosot sebanyak 12% dalam tahun 1975 (daripada \$1,408 juta dalam tahun 1974 kepada \$1,240 juta). Oleh kerana *jumpana bijeh timah di dasar laut, jumlah ekspot bagi tahun 1976* adalah dijangka harus meningkat sedikit dan dibandingkan dengan paras tahun 1975 harga-harga akan melebihi \$900 sezikul oleh kerana dasar Majlis Timah Antarabangsa yang campurtangan dan keadaan masing-masing negara yang dijangka bertambah elok.

### Minyak Kelapa Sawit—pertumbuhan ekspot yang terus meningkat

Eksport minyak kelapa sawit (11% daripada jumlah ekspot barang) pada tahun 1974 (*lihat Jadual 3.2*) dianggarkan meningkat sebanyak 20% berbanding dengan jumlah ekspotnya dalam tahun 1973 mencapai 955,000 tan metrik atau 2/3 daripada jumlah ekspot sedunia. Bakal pembeli-pembeli yang besar seperti China, dan Russia yang membeli minyak kelapa sawit pada peringkat Kerajaan dengan Kerajaan telah muncul sementara pembeli-pembeli tradisional seperti AS, UK, Negeri Belanda dan Jepun telah juga menambahkan pembelian mereka tahun ini. Ekspot dari Sabah dijangka meningkat sebanyak 10%.

Harga-harga minyak kelapa sawit (c.i.f. London) telah meningkat lebih tinggi lagi dari paras yang telahpun tinggi pada tahun 1973. Harga purata dalam sembilan bulan pertama tahun 1974 adalah \$1,563 setan metrik (tambahan sebanyak 84% berbanding dengan masa yang sama pada tahun lepas). Harga pasaran dunia bagi minyak makanan (edible oils) terus meningkat tinggi disebabkan oleh permintaan penggunaan yang masih tinggi dan permintaan ini adalah tidak kenyal kepada harga. Bekalan minyak dan lemak yang tidak mencukupi akibat dari pengeluaran yang merosot pada tahun lepas dan kekurangan hasil minyak ikan yang terus terdapat pada tahun 1974 sementara kekurangan stok di kebanyakan negara-negara pengguna telah dipenuhi.

*Hasil eksport* dijangka meningkat sebanyak 119% mencapai \$1,022 juta dalam tahun 1974. Ini disebabkan oleh nilai yunit eksport yang lebih tinggi, yang dijangka meningkat sebanyak 83% mencapai paras sebanyak \$1,070 setan. Pada tahun 1975, jumlah eksport diramalkan meningkat sebanyak 2% berbanding dengan eksport pada tahun 1974, sementara nilai yunit eksport dijangka meningkat sebanyak 2.8% sahaja mencapai \$1,100 setan. Dengan kemungkinan pertumbuhan ekonomi di seberang laut dalam awal tahun 1976 dan kemungkinan minyak kelapa sawit dimasukkan di dalam Rancangan Keutamaan Am Pasaran Bersama Eropah (EEC), eksport-eksport adalah dijangka tumbuh dengan pesatnya seperti tahun 1974.

EEC dan AS terus merupakan pasaran utama minyak kelapa sawit (lebih kurang 42% dari jumlah eksport). Walau bagaimanapun *harapan* bagi pertumbuhan adalah terletak di negara-negara seperti India, China, Jepun dan Asia Barat disebabkan oleh penggunaan yang rendah pada masa ini dan kadar pertambahan penduduknya yang tinggi. Pembelian terus oleh Bangladesh, Iraq, India dan China baru-baru ini adalah menunjukkan peralihan arahaliran.

Dalam bulan Julai 1974, sistem pasaran berkumpul (pool marketing system) di mana harga-harga minyak kelapa sawit ditetapkan oleh Persatuan Pengeluaran Kelapa Sawit Malaysia (MPOPA) telah berakhir. Di bawah sistem pasaran yang baru penjual-penjual atau pengeluar-pengeluar bebas menentukan harga-harga dan dasar penjualan mereka berpandukan kepada pergerakan harga-harga minyak makanan (edible oils) di pasaran dunia. Walau bagaimanapun Mpopa akan terus mengeluarkan harga-harga harian bagi kelapa sawit yang dijual di seberang laut. Dengan adanya sistem pemasaran baru, pertandingan yang lebih sihat akan muncul.

### **Eksport barang-barang perkilangan—Meningkat 36%**

Dengan kurangnya permintaan bagi setengah barang-barang perkilangan, jika dibandingkan dengan akhir tahun 1973, jumlah eksport barang-barang perkilangan pada tahun 1974 dianggarkan sebanyak \$1,530 juta yang merupakan pertambahan yang kurang (+36%) jika dibandingkan dengan kenaikan sebanyak 56% yang dicapai pada tahun 1973. Eksport barang-barang perkilangan sekarang ini merupakan sebanyak 16% dari jumlah barang-barang yang diekspot dari Malaysia; pada tahun 1964 ia merupakan hanya sebanyak 5% dari jumlah eksport.

Permintaan bagi barang-barang dari setengah perusahaan untuk eksport seperti kain baju, barang-barang kayu, komponen letronik meningkat dengan kadar yang berkurangan akibat dari pertumbuhan ekonomi yang

perlahan. Arahaliran ini lebih jelas dalam masa pertengahan kedua tahun 1974. Pengeluaran barang-barang perkilangan keseluruhannya juga mengalami kemerosotan.

Eksport-eksport yang mengalami kemerosotan yang teruk adalah *barang-barang kayu* yang merosot sebanyak 25% dalam tahun 1974 dan *ekspot-eksport barang makanan* dan *kain baju* dijangka akan meningkat hanya sebanyak 5% dalam tahun 1974 (masing-masing +29% dan +43% dalam tahun 1973). Walau pun eksport kayu keping-keping veniar meningkat sebanyak 30%, eksport kayu lapis merosot sebanyak 32% dalam tahun 1974. Kemerosotan pertumbuhan eksport barang-barang kayu (yang kebanyakan diekspot ke Negeri Jepun, AS dan EEC) berbanding dengan kenaikan tinggi sebanyak 74% dalam tahun 1973 adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam aktiviti-aktiviti binaan di negara-negara tersebut. Walau bagaimanapun pertumbuhan eksport yang tinggi bagi mesin dan alat kelengkapan pengangkutan (+150%) yang kebanyakan diekspot ke AS, Jerman Barat dan Canada dan eksport barang-barang perkilangan yang lain (+90%), (terutama sekali komponen alat-alat letronik) di awal tahun ini. Nilai eksport barang-barang petroliam (12% dari jumlah eksport-eksport barang-barang perkilangan) meningkat sebanyak 87% dalam tahun 1974 oleh kerana nilai yunit yang tinggi.

Peralihan titik-berat strategi perindustrian daripada penggantian impot kepada galakan eksport telah mendatangkan kesan-kesan yang diharapkan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah adalah sedang terus diambil untuk menjamin pasaran-pasaran yang mencukupi bagi jumlah eksport barang-barang perkilangan yang makin bertambah. Akta Galakan Pelaburan yang mengandungi galakan-galakan untuk eksport telah pun dipinda dalam bulan Julai untuk memudahkan eksport-eksport Malaysia terutamanya barang-barang perkilangan dan adalah diharap bahawa eksport-eksport akan bertambah maju dengan adanya pindaan-pindaan baru ini. Keutamaan yang lebih telah diberikan kepada perkembangan perhubungan ekonomi yang lebih rapat dan aktif dengan negara-negara di Asia Barat. Adalah juga dijangkakan bahawa lebih banyak lagi perjanjian-perjanjian perdagangan duahala akan ditandatangani (13 perjanjian telahpun dibuat) untuk memperkembangkan dan memperbaikkan lagi hubungan perdagangan.

### **Petroliam—Kemerosotan sementara dengan harapan yang cerah mulai daripada tahun 1975.**

Eksport petroliam mentah dan separuh bersih (lihat Jadual: 3.3) adalah dijangka akan merosot sebanyak 70% dalam tahun 1974. Kemerosotan dalam eksport petroliam mentah adalah dijangka hanya sementara sahaja memandangkan kepada pengeluaran-pengeluaran yang diharapkan, mulai dari tahun ini daripada telaga-telaga minyak yang baru dijumpai.

Sarawak, negeri tunggal yang mengeluarkan minyak, telah mengekspot sebanyak 2.1 juta tan petrolium mentah dan separuh bersih bernilai \$458 juta dalam tujuh bulan pertama bagi tahun 1974. Ini merupakan kemerosotan sebanyak 14.2% jika dibandingkan dengan kedudukan bagi masa yang sama dalam tahun 1973 tetapi merupakan kenaikan hasil sebanyak 192% kerana nilai yunit yang tinggi bagi bahan-bahan petrolium. Petrolium dijangka menyumbangkan 50% daripada jumlah hasil ekspot negeri Sarawak pada tahun 1974.

Ekspot barang-barang petrolium telah merosot sebanyak 27% dalam masa pertengahan pertama tahun 1974 yang sebahagian besarnya kerana keperluan-keperluan tempatan yang telah meningkat dan kerana kemerosotan pengeluaran minyak mentah. Walau bagaimanapun nilai ekspot telah meningkat sebanyak 171% jika dibandingkan dengan kedudukan dalam masa yang sama bagi tahun 1973 oleh kerana nilai yunit yang lebih tinggi bagi barang-barang petrolium.

Lebih kurang 80% daripada pengeluaran tempatan mentah digunakan untuk membuat barang-barang bagi keperluan tempatan termasuk naphtha (26%), minyak tanah (16%) dan minyak gas (13%). Bakinya adalah diekspot secara mentah atau separuh bersih melalui dan kepada Singapura (69%), negeri Jepun (15%), Filipina (11%), United Kingdom (1.5%) dan negara Thai (1%).

Lebih kurang 80% daripada pengeluaran tempatan diekspot kerana harga yang lebih bagi minyak mentah Malaysia yang kurang mempunyai belerang dan masalah teknik kilang-kilang penapis minyak tempatan untuk memproses minyak mentah Malaysia. Dengan ujudnya penubuhan Petronas keperluan-keperluan tempatan sepatutnya akan diberikan keutamaan.


Pada 2hb Januari, 1974 harga ekspot bagi petrolium mentah dari Malaysia telah dinaikkan kepada AS \$10.80

seteng (+80%) berikutan dengan kenaikan-kenaikan harga-harga "posted" oleh negara-negara ahli dalam Pertubuhan Negara-negara Pengekspot Petroleum (OPEC). Harga ini telah dinaikkan lagi kepada AS \$11.70 dalam bulan April dan kepada AS \$12.60 pada 4hb Julai tahun ini berikut dengan kenaikan yang sama oleh Pertamina, di Indonesia. Akibat dari bertambah tingginya nilai yunit petrolium, nilai ekspot petrolium mentah dan separuh bersih dijangka akan meningkat sebanyak 181% dalam tahun 1974. Nilai ekspot petrolium mentah dan separuh bersih adalah dijangka meningkat sebanyak 55% dalam tahun 1975 mencapai \$1,176 juta. Sebahagian besar jangkaan ini disebabkan pertambahan jumlah ekspot sebanyak 37% terutama sekali dari kawasan-kawasan minyak di Sabah. Pengeluaran dijangka meningkat sebanyak 50% pada tahun 1976 dan ekspot-ekspot petrolium mungkin menjadi terimaan ekspot yang *kedua* pentingnya mengantikan tempat bijih timah.

### Lada Hitam—Mutu yang baik

Pada tahun 1974 nilai ekspot lada hitam (1% dari jumlah ekspot) dijangka akan meningkat sebanyak 46% kerana harga-harga yang baik dalam pasaran antarabangsa dan juga kerana permintaan-permintaan luar yang banyak. Sebanyak 80% lada hitam diekspot melalui Singapura dengan pembeli-pembeli utama seperti Negara Jerman (12%) dan Jepun (5%) yang membeli secara terus. Lada hitam merupakan sumber penerima tukaran wang asing yang ketiga selain daripada petrolium dan kayu balak bagi Negeri Sarawak. Pada lazimnya 80% daripada ekspot lada hitam adalah lada hitam yang tidak bergred. Surcaj adalah dikenakan ke atas ekspot lada hitam yang tidak bergred dan aturan adalah dikenakan mengkehendaki kandungan kelembapan yang tidak kurang daripada 12% telah dikuatkuasakan oleh Lembaga Pemasaran Lada Hitam untuk meninggikan lagi pemasaran mutu lada hitam yang diekspot.

RAJAH 13



### III. Permintaan Dalam Negeri—Awam dan Swasta

#### Permintaan Awam bertambah dengan kadar sederhana untuk mencegah inflasi

*Dasar Belanjawan* pada keseluruhannya tahun ini adalah dimaksudkan untuk mengawal inflasi dan mengatasi kekurangan bekalan sambil memberi perhatian tentang keperluan untuk menjalankan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sama pentingnya. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan termasuklah subsidi-subsidi secara langsung dan tidak langsung dan penyesuaian eluan di dalam sektor awam untuk mengurangkan kesan daripada kenaikan harga dan juga untuk mengurangkan kenaikan kos faktor-faktor pengeluaran seperti minyak, baja dan pengkutan. *Belanjawan kecil* yang dikemukakan di dalam bulan April 1974 bertujuan untuk meresap sebahagian daripada keuntungan berlebihan yang disebabkan oleh harga-harga ekspot yang tinggi bagi getah, bijih timah dan kelapa sawit. Pada masa yang sama sebahagian daripada komponen-komponen perbelanjaan Kerajaan telah dikaji semula untuk mengurangkan rancangan-rancangan pembangunan yang tidak penting yang mungkin akan memburukkan lagi kekurangan di dalam bekalan dan untuk memberi perhatian yang besar kepada projek-projek yang lebih produktif dari segi ekonomi dalam usaha untuk menambahkan daya pengeluaran.

Berikut dengan langkah-langkah ini, jumlah perbelanjaan kalangan awam yang menyumbang lebih kurang satu pertiga kepada KNK bertambah sebanyak 19% kepada \$7,130 juta berbanding dengan pertambahan yang lebih di dalam permintaan swasta yang meningkat sebanyak 28% di dalam tahun 1974. (*lihat Jadual 4.1*). Pertambahan yang banyak di dalam penggunaan awam adalah sebab utama meningkatnya jumlah perbelanjaan kalangan awam yang kebanyakannya terdiri daripada upah dan gaji. Pengalaman telah menunjukkan bahawa adalah lebih mudah untuk melaksanakan dasar-dasar yang berkembangan di dalam masa kemerosotan daripada menjalankan dasar-dasar yang berkuncupan pada masa mewah oleh kerana adanya faktor-faktor yang sukar diubah di dalam kalangan awam. Misalnya adalah sukar dan juga tidak patut dikurangkan perbelanjaan yang produktif bagi memenuhi kehendak-kehendak jangka pendek kerana ini akan menghalang pengurusan ekonomi dan belanjawan di dalam jangka masa pertengahan dan jangka masa panjang.

Sejauh mana permintaan kalangan awam memberi tekanan inflasi ke atas ekonomi bergantung sebahagiannya kepada sumber-sumber pembiayaan. Hasil semasa Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah dianggarkan akan bertambah dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 25% di dalam tahun 1974 berbanding dengan 19% di dalam tahun 1973. Oleh kerana kenaikan yang cepat di dalam penerimaan hasil, lebihan semasa yang lebih banyak diperolehi bagi membiayai bahagian yang lebih besar daripada perbelanjaan pembangunan. Ini telah menyekatkan pertumbuhan di dalam kurangan kalangan awam di dalam tahun 1974. Lagi pun, daripada kurangan keseluruhan kalangan awam yang dianggarkan sebanyak \$1,210 juta, 75% adalah dibayai oleh pinjaman-pinjaman dalam negeri yang diperolehi daripada sumber-sumber yang tidak membawa kesan inflasi. Setakat ini kesan permintaan kalangan awam ke atas inflasi dapat dikurangkan.

*Di dalam tahun 1975*, pertambahan yang lebih banyak di dalam perbelanjaan Kerajaan-kerajaan (+20% berbanding dengan +19% di dalam tahun 1974) berserta dengan kadar pertambahan hasil yang perlahan dianggarkan sebanyak 12% akan membawa kepada kurangan keseluruhan kalangan awam yang lebih tinggi (\$1,840 juta berbanding dengan \$1,210 juta di dalam tahun 1974). Pertumbuhan yang berkembangan ini adalah selaras dengan dasar anti-edaran Kerajaan untuk mencegah kemelesetan.



#### Penggunaan Awam dan Pelaburan Awam

Suatu perkara yang jelas terlihat dalam ekonomi Malaysia pada beberapa tahun yang lalu adalah perkembangan di dalam peranan kalangan awam jika dibandingkan dengan sektor swasta. Penggunaan dan pelaburan awam sebagai peratusan daripada KNK terus bertambah semenjak tahun 1971. Di dalam tahun 1974, pelaburan dan penggunaan awam masing-masing adalah dianggar akan menyumbang 9% dan 20% kepada KNK. Arahaliran ini bermula pada tahun 1971 apabila dasar-dasar ekonomi Kerajaan lebih mementingkan perlitanan kalangan awam bukan sahaja di dalam perkembangan ekonomi yang lebih pesat dan pengurusan edaran tetapi juga penyertaan di dalam sektor swasta. Pertambahan di dalam saiz kalangan awam

RAJAH 14

## PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

-\$ Juta, Skil Log -



menunjukkan peranan Belanjawan yang lebih dinamik di dalam perancangan ekonomi dan kewangan pada masa jangka pendek dan pertengahan di dalam kontek pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Peranan Kerajaan Persekutuan di dalam jumlah penggunaan dan pelaburan awam didapati berkurangan jika dibandingkan dengan Kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkanun. Peranan Kerajaan Persekutuan yang berkurangan di dalam pelaburan kalangan awam ini adalah sebahagian daripada dasar untuk meluaskan usaha-usaha pembangunan supaya satu kadar perkembangan yang lebih pesat dapat dicapai di dalam pembangunan sosio-ekonomi.

Penggunaan awam dianggarkan berjumlah \$4,010 juta di dalam tahun 1974 (+19% lebih daripada tahun 1973), sebahagiannya disebabkan oleh perkembangan biasa di dalam kegiatan-kegiatan jabatan-jabatan kerajaan dan pertambahan kakitangan yang berikutnya darinya. Walau bagaimanapun, kira-kira setengah daripada pertambahan ini adalah disebabkan oleh pembayaran-pembayaran gaji yang bertambah. Kesan ke atas jumlah permintaan adalah besar oleh kerana kebanyakannya daripada pertambahan ini akan menyebabkan bertambahnya penggunaan dengan sertamerta oleh sebab kebanyakannya daripada pertambahan ini diberikan sebelum daripada perayaan-perayaan tahunan. Tekanan ke atas upah mulai timbul daripada pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan awam pada tahun 1974, terutamanya disebabkan oleh inflasi. Oleh kerana lebih kurang 65% daripada penggunaan awam terdiri daripada gaji dan upah, apa juar pertambahan akan memberi kesan yang besar ke atas penggunaan awam. Biasanya komponen pembelian bekalan di dalam penggunaan awam yang dapat dikawal dan di dalam hal-hal seperti ini kawalan telah dilaksanakan.

Kira-kira 70% daripada penggunaan awam masih lagi disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Keputusan-keputusan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bukan sahaja akan memberi kesan secara langsung tetapi juga dengan secara tidak langsung kepada penggunaan awam kerana Kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkanun mempunyai besar kemungkinan untuk mengikuti keputusan-keputusan yang dibuat di peringkat Persekutuan. Ini telah berlaku terutama sekali di dalam dasar-dasar upah. Walau bagaimanapun, di dalam tahun 1974, Kerajaan-kerajaan negeri secara relatif adalah lebih berkembangan (menambahkan penggunaan mereka dengan 28%) daripada Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun oleh sebab bertambahnya aktiviti-aktiviti mereka.

Pembentukan modal tetap kalangan awam bertambah sebanyak 16% kepada \$1,796 juta pada tahun 1974 (+19% di dalam tahun 1973), sebahagian besarnya disebabkan oleh kekurangan bekalan dan kenaikan

harga-harga, terutama sekali bagi simen dan besi waja. Adalah dianggarkan bahawa kira-kira 60% daripada jumlah pembentukan modal kalangan awam adalah di dalam bentuk bangunan dan pembinaan dan oleh kerana adanya halangan daya keupayaan, maka difikirkan mustahak untuk mengelakkan tekanan yang berlebihan ke atas perusahaan pembinaan.

Walaupun harga-harga meningkat, badan-badan berkanun dan koperasi awam telah dapat menambahkan pembentukan modal pada kadar yang lebih tinggi iaitu masing-masing dengan 31% dan 26% berbanding dengan 11% dan 5% pertambahan di dalam pembentukan modal oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri.

Peranan pelaburan awam menjadi lebih mustahak di dalam mempengaruhi sentimen sektor swasta. Di dalam beberapa tahun yang lepas terdapat pertambahan yang besar di dalam pelaburan awam menyebabkan sumbangannya kepada jumlah pelaburan meningkat daripada 39% di antara tahun-tahun 1967-1970 kepada 45% di dalam jangka masa 1971-1974. Bahagian yang bertambah ini bolehlah dijanggap sebagai mencerminkan keazaman Kerajaan untuk mempercepatkan lagi kadar pertumbuhan sosio-ekonomi dan ini jelas yang cerah untuk perkembangan di dalam pelaburan swasta.

*Dalam tahun 1975*, walaupun penggunaan awam mungkin akan mengalami kadar pertumbuhan yang berkurangan (+12%), pembentukan modal kalangan awam dijangka akan bertambah sebanyak 17% (8% dari segi sebenar) bagi meninggikan lagi permintaan di dalam keadaan kemelesetan. Pertambahan besar di dalam pelaburan dijangka akan dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan (+18%) dan badan-badan berkanun (+25%).

### Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan terus meningkat

Selaras mengalami kenaikan yang berkurangan dalam tahun 1973, perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah sebanyak 12% kepada kira-kira \$3,800 juta pada tahun 1974 yang merupakan 70% daripada jumlah permintaan penggunaan awam (*lihat Jadual 4.4*). Ini adalah prestasi yang agak memuaskan memandang kepada KNK pada harga semasa yang bertambah sebanyak 18% di tahun ini. Pengawalan ke atas perbelanjaan mengurus adalah berikut daripada pendirian "cegah-edaran" Kerajaan yang mempunyai kesan ke atas inflasi. Bagaimanapun agak sukar untuk mengurangkan kenaikan di dalam perbelanjaan itu memandangkan kepada perlunya bagi meneruskan perbaikan perkhidmatan-perkhidmatan asas untuk orang ramai dan di dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan terpaksa ditambah oleh kerana

kenaikan kos. Perhatian yang lebih telah diberikan kepada dasar-dasar belanjawan untuk menjaminkan perbelanjaan yang lebih ekonomik.


Inflasi sudah mula memberi tekanan yang bertambah ke atas perbelanjaan mengurus Kerajaan di dalam tahun 1974. Jumlah bayaran gaji (47% daripada jumlah perbelanjaan mengurus) bertambah sebanyak \$204 juta kepada \$1,800 juta atau 13% lebih tinggi daripada tahun 1973. Elaun bantuan khas sementara yang mula diberikan pada akhir tahun 1973 telah menambahkan jumlah bayaran upah yang dianggarkan sebanyak \$100 juta bagi Kerajaan Persekutuan. Di dalam pertengahan tahun 1974, penyesuaian upah yang selanjutnya di dalam bentuk bayaran 13 bulan gaji telah diberikan dan ini akan menelan sebanyak \$100 juta bagi Kerajaan Persekutuan dan \$50 juta kepada kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkanun. Kenaikan di dalam pembayaran gaji sahaja merupakan lebih dari separuh daripada pertambahan di dalam perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan di dalam tahun 1974.

*Bayaran pindahan* (20% daripada jumlah perbelanjaan mengurus) bertambah sebanyak 33% kepada \$774 juta. Ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan di dalam subsidi bagi beras, uria, buku-buku tek, tepung dan susu yang berjumlah \$160 juta. Subsidi untuk beras sahaja (30%) adalah sebanyak \$80 juta bagi membayai perbezaan di antara harga yang diimpor dan harga terkawal di dalam negeri yang rendah sementara wang berjumlah \$48 juta telah dibelanjakan sebagai bantuan bagi mengimpor baju uria untuk membolehkan petani-petani membelinya di antara 30% dan 50% di bawah tingkat harga di pasaran dunia. Sebanyak \$28 juta lagi adalah bagi membayai rancangan pinjaman buku-buku tek untuk menolong pelajar-pelajar yang memerlukannya di sekolah-sekolah.

*Perkhidmatan hutang* (13% daripada jumlah perbelanjaan mengurus) yang sebahagian besarnya adalah bayaran bunga ke atas pinjaman, bertambah sebanyak 19% kepada \$483 juta dalam tahun 1974. Dari jumlah ini, \$400 juta telah dibelanjakan untuk membayar pinjaman dalam negeri. Sejumlah \$60 juta adalah merupakan pindahan kepada Kumpulan Wang Penjelas Hutang Kerajaan Persekutuan.

Sungguhpun tingkat harga semakin meningkat, pembelian bekalan-bekalan dan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Persekutuan (20% daripada jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan) sebenarnya berkurang sebanyak 9% kepada kira-kira \$741 juta di dalam tahun 1974. Langkah yang lebih ketat patut dijalankan terutamanya di dalam pembelian perkakas-perkakas, peralatan-peralatan, perbekalan dan bahan-bahan tertentu.

**EDARAN PERNIAGAAN, PENERIMAN CUKAI DAN  
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**



Perhatian yang lebih telah diberikan kepada *perkhidmatan-perkhidmatan ekonomi* bagi memajukan keluaran hasil pertanian di dalam usaha untuk mengatasi kekurangan-kekurangan bekalan. Jumlah yang dibelanjakan ke atas pertanian dan pembangunan luarbandar telah dinaikkan sebanyak 70% kepada kira-kira \$140 juta dalam tahun 1974, sebahagian besarnya bagi pembayaran untuk subsidi urea. Perbelanjaan bagi perdagangan dan perhubungan bertambah sebanyak 45% kepada \$218 juta. Pengangkutan sahaja menelan kira-kira \$45 juta (+92%), penyiaran sebanyak \$78 juta (+65%) perdagangan dan perindustrian sebanyak \$29 juta (+39%) dan perkhidmatan-perkhidmatan pos dan telekom sebanyak \$45 juta (+8%).

Perbelanjaan ke atas *perkhidmatan-perkhidmatan sosial* yang bertambah sebanyak 11% kepada \$1,235 juta dalam tahun 1974, terus merupakan bahagian yang terbesar (32%) daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah ini, 71% atau \$880 juta adalah untuk pelajaran iaitu suatu komponen terbesar di dalam perbelanjaan. Jumlah yang besar dibelanjakan ke atas pelajaran yang meningkat sebanyak 9% dalam tahun 1974 disebabkan oleh dasar Kerajaan untuk meningkatkan kadar kebolehan membaca dan menulis serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang cukup untuk mendapat kemahiran-kemahiran yang perlu bagi pembangunan sosio-ekonomi. Perbelanjaan ke atas perkhidmatan kesihatan (8% daripada jumlah perbelanjaan mengurus) bertambah sebanyak 14% kepada \$294 juta dalam tahun 1974 supaya kemudahan-kemudahan kesihatan dapat dipertinggi dan diperbanyak lagi bagi meliputi lebih ramai penduduk terutamanya di kawasan-kawasan di mana kemudahan-kemudahan itu tidak mencukupi. Berbanding dengan setengah-setengah negeri lain, di Malaysia, perkhidmatan kesihatan percuma diberikan kepada gulungan-gulungan yang berpendapatan rendah.

*Perbelanjaan ke atas pertahanan dan keselamatan* (24% daripada jumlah perbelanjaan mengurus) yang merupakan komponen kedua besarnya selepas perkhidmatan-perkhidmatan sosial dengan sedikit sahaja kepada \$905 juta. Daripada jumlah ini, 70% atau \$629 juta telah diperuntukkan kepada Angkatan Bersenjata dan 30% atau \$276 juta kepada Polis. Kadar purata tahunan di dalam perbelanjaan pertahanan dan keselamatan adalah 18%.

Dalam tahun 1975, perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dianggarkan sebanyak \$4,595 juta (+21% lebih tinggi daripada 1974). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan di dalam bayaran-bayaran pindahan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkanun, pembelian barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan dan untuk perkhidmatan hutang. Jumlah bayaran upah dijangka akan bertambah sebanyak 6%.

Dasar yang diikuti adalah menunjukkan bahawa pertambahan di dalam peruntukan belanjawan mengurus dimaksudkan untuk memperkembangkan *perkhidmatan-perkhidmatan sosio-ekonomi*. Peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan ekonomi dinaikkan sebanyak 36% kepada \$493 juta disebabkan oleh peruntukan yang lebih tinggi bagi perdagangan dan perhubungan yang berjumlah \$325 juta (+49%). Daripada jumlah tersebut, peruntukan kepada perdagangan dan perindustrian sahaja adalah sebanyak \$124 juta atau empat kali ganda lebih daripada perbelanjaan yang dianggarkan pada tahun 1974. Peruntukan bagi pertanian dan pembangunan luarbandar adalah dijangka sebanyak \$162 juta (16% lebih banyak daripada tahun 1974).

Sebanyak \$1,542 juta (+25%) telah diperuntukkan bagi *perkhidmatan-perkhidmatan sosial*, di mana sebanyak \$1,105 juta adalah untuk pelajaran (+25%), \$383 juta untuk kesihatan (+15%) dan \$51 juta untuk perumahan atau lebih dua kali ganda daripada perbelanjaan yang telah dianggarkan pada tahun 1974.

Peruntukan kepada pertahanan dan keselamatan telah dinaikkan sebanyak 13% kepada \$1,113 juta terutamanya untuk Angkatan Bersenjata.

### Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bertambah dengan sederhana dari segi sebenar

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan (menyumbangkan kira-kira 57% kepada pembentukan modal tetapi kalangan awam) adalah dijangka akan bertambah sebanyak 40% kepada \$1,578 juta dalam tahun 1974 (*lihat Jadual 4.5*). Dengan itu jumlah besar yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dianggarkan sebanyak \$5,034 juta semenjak tahun 1971, yang merupakan 62% daripada matlamat perbelanjaan Rancangan Malaysia Kedua yang disemak berjumlah \$8,100 juta. Daripada jumlah yang dibelanjakan pada tahun 1974, lebih kurang 66% atau \$1,050 juta dijangka akan dibelanjakan secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan sementara \$530 juta telah diberikan sebagai pinjaman kepada kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkanun. Kira-kira 87% daripada jumlah perbelanjaan tersebut adalah untuk projek-projek pembangunan sosio-ekonomi.

Kenaikan yang cepat sebanyak 40% di dalam perbelanjaan Persekutuan pada tahun 1974 selepas kekurangan hampir-hampir 10% di tahun lalu, adalah lebih menggambarkan kos yang semakin meningkat dan bukannya merupakan sebarang perkembangan penting di dalam projek-projek pembangunan. Perbelanjaan pembangunan Persekutuan dari segi sebenar dijangka akan bertambah hanya sebanyak 6%. Tambahan lagi, anggaran perbelanjaan pada tahun ini adalah 14% kurang daripada peruntukan belanjawan

yang asalnya berjumlah \$1,834 juta. Kekurangan ini disebabkan oleh kelewatan di dalam perlaksanaan projek-projek terutamanya oleh masalah kekurangan bekalan dan diikuti pula dengan kenaikan harga bahan-bahan yang digunakan untuk pembinaan. Kos yang lebih tinggi untuk simen dan besi waja, mesin-mesin dan peralatan-peralatan, minyak dan buruh diakibatkan oleh keadaan melambong di dalam perusahaan pembinaan, yang pada kebiasaannya meninggikan kos-kos kontrek lebih daripada 30%. Kekurangan-kekurangan tersebut melambatkan usaha-usaha pembinaan Kerajaan seperti yang dijadualkan sementara kenaikan harga mengelakkan kontrektor-kontrektor daripada memenohi kontrek-kontrek mereka kerana takut menghadapi kerugian yang besar.

Seperti di masa yang lepas, kira-kira 70% daripada jumlah perbelanjaan atau \$1,100 juta telah diperuntukkan bagi *peroje-k-peroje-k ekonomi*. Pertanian dan pembangunan luar bandar yang merupakan 24% daripada jumlah perbelanjaan, bertambah sebanyak 14% kepada \$380 juta untuk membentuk rancangan-rancangan kemajuan tanah, pemberian kredit, pemaraan dan penyelidikan pertanian saliran dan pengairan dan juga untuk menyediakan kemudahan-kemudahan pokat-tunda.

Perbelanjaan ke atas perdagangan dan perindustrian (21% dari jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan) dijangka akan bertambah sebanyak 82% kepada \$329 juta, terutamanya disebabkan oleh pertambahan di dalam pinjaman-pinjaman dan sumbangan-sumbangan kepada perbadanan-perbadanan awam, seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda), Majlis Amanah Rakyat (Mara) Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (Misc), Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (Mrdc) dan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Selangor. Perbelanjaan-perbelanjaan tersebut perlu untuk mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi kawasan, penyertaan Bumiputra di dalam perdagangan dan perindustrian serta penyediaan kemudahan-kemudahan untuk perkembangan perdagangan dan perindustrian pada umumnya.

Perbelanjaan untuk pengangkutan telah dianggarkan bertambah sebanyak 45% kepada \$267 juta bagi membentuk Lebuhraya Timur-Barat (\$16 juta), meluaskan jalan Petaling Jaya-Kuala Lumpur dan Simpangan-Simpangan (\$25 juta) dan pembinaan jalan-jalan besar dan kecil di Sabah dan Sarawak (\$45 juta). Projek-peroje-k lain termasuk permodenan Keretapi Tanah Melayu (\$8 juta) dan memperluaskan kemudahan-kemudahan pelabuhan di Pulau Pinang, Kelang, Kota Kinabalu dan Sandakan.

Perbelanjaan untuk kemudahan-kemudahan awam telah dijangka bertambah sebanyak 20% kepada \$59 juta, kebanyakannya untuk bekalan letrik dan air termasuk bekalan ke luar bandar.

Perbelanjaan ke atas *perkhidmatan-perkhidmatan sosial* dijangka akan meningkat sebanyak 31% kepada \$263 juta dalam tahun 1974 (17% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan). Bahagian yang terbesar (\$156 juta) adalah untuk pelajaran bagi pembelian peralatan-peralatan, serta perluasan dan pembinaan sekolah-sekolah di semua peringkat. Lebih kurang \$49 juta dijangka akan dibelanjakan untuk kesihatan dan perancang keluarga bagi membeli alat-alat perubatan, meluaskan dan memperbaiki hospital-hospital yang ada, membina hospital-hospital baru dan klinik-klinik diperingkat daerah serta menambah perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan luar bandar. Projek-projek perumahan termasuk rancangan rumah murah dijangka akan menelan sebanyak \$42 juta.

Perbelanjaan untuk *pertahanan dan keselamatan* adalah dianggarkan sebanyak \$166 juta, kebanyakannya dibelanjakan untuk projek perumahan anggota anggota tentera (\$81 juta), pembelian kapal terbang (\$8.8 juta), pembinaan Pengkalan Angkatan Tentera Laut Lumut (\$8 juta) dan Pengkalan Angkatan Tentera Udara Subang (\$7.5 juta). Pentadbiran am yang mengambil sebanyak \$46 juta adalah untuk perluasan dan perbaikan kemudahan-kemudahan perkhidmatan kerajaan.


*Bagi tahun 1975*, peruntukan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak \$2,306 juta atau 26% lebih tinggi daripada peruntukan asal perbelanjaan pembangunan tahun 1974 yang berjumlah \$1,834 juta; dan 46% lebih tinggi dari jumlah anggaran yang telah dibelanjakan pada tahun 1974. Ini menggambarkan usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan kesan kemerosotan kegiatan-kegiatan ekonomi yang dijangkakan. Adalah dimaksudkan jumlah pertambahan peruntukan perbelanjaan pembangunan yang besar akan menambahkan lagi daya keupayaan pengeluaran supaya dapat mengatasi kekurangan-kekurangan bekalan agar dapat menolong mengurangkan harga-harga barang makanan khususnya bagi mereka-mereka dari golongan berpendapatan rendah.

Walau bagaimanapun, memandangkan daya keupayaan perlaksanaan yang terhad dan tidak anjal di dalam jangka pendek, setengah sektor-sektor dijangka akan mengalami kekurangan perbelanjaan yang besar. Oleh sebab halangan itu, kira-kira \$1,800 juta dijangka akan dibelanjakan pada tahun 1975 yang merupakan 22% kurangan daripada Peruntukan Belanjawan sebanyak \$2,306 juta.


Peruntukan bagi *perkhidmatan-perkhidmatan ekonomi* telah dinaikkan sebanyak 40% kepada \$1,549 juta (58% lebih daripada jumlah yang telah dibelanjakan pada tahun 1974). Daripada jumlah tersebut, bahagian yang besar dimaksudkan untuk kemajuan tanah oleh Lktp, Lppt dan rancangan-rancangan tanah yang lain yang dianggarkan berjumlah \$412 juta iaitu

RAJAH 16

**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
(NILAI NOMINAL)**



**LEBIHAN SEBENAR DARIPADA MATLAMAT**



hampir dua kali ganda daripada jumlah yang dibelanjaan pada tahun 1974. Sebanyak \$75 juta lagi atau 83% lebih daripada anggaran tahun 1974 diperuntukkan kepada saliran dan pengairan untuk menambahkan pengeluaran padi. Supaya dapat memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan pengangkutan, peruntukan bagi sektor ini telah ditambahkan sebanyak 68% kepada \$449 juta dalam tahun 1975 untuk pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan-jambatan (\$215 juta), pelabuhan dan Jabatan Laut (\$122 juta), penerangan awam (\$73 juta) dan keretapi (\$21 juta). Peruntukan bagi kemudahan-kemudahan awam telah ditambah kepada \$114 juta atau 93% lebih daripada perbelanjaan yang dijangka akan dibelanjakan dalam tahun 1974 untuk menambah kemudahan-kemudahan bekalan air (\$67 juta) dan elektrik (\$41 juta).

Peruntukan bagi *perkhidmatan-perkhidmatan sosial* dinaikkan sebanyak 50% kepada \$395 juta. Daripada jumlah ini \$215 juta adalah untuk pelajaran di mana sebahagian yang besarnya adalah bagi pembinaan sekolah-sekolah diperingkat rendah dan menengah. Bakinya adalah diperuntukkan bagi kesihatan (\$75 juta) dan projek-projek sosial yang lain seperti perumahan.

Peruntukan bagi *pertahanan dan keselamatan* telah dinaikkan sebanyak 77% kepada \$294 juta, kebanyakannya untuk pembelian kapal terbang dan jumlah ini merupakan 13% daripada perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1975.

## Prestasi Belanjawan Kerajaan Persekutuan

**Belanjawan tahun 1974 mencatitkan kurangan keseluruhan yang paling rendah semenjak tahun 1971**

**Strategi Belanjawan tahun 1975 untuk mencegah stagnasi**

Walaupun jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat dengan pesatnya sebanyak 19% daripada \$4,524 juta pada tahun 1973 kepada \$5,376 juta dalam tahun 1974, kurangan keseluruhan belanjawan bagi tahun 1974 dijangka akan berkurang sebanyak 16% kepada \$884 juta, paras yang paling rendah semenjak bermula Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua (*lihat Jadual 4.2*). Keadaan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mencegah inflasi pada tahun 1974. Kejatuhan di dalam kurangan keseluruhan yang banyak ini telah disebabkan oleh perkembangan hasil semasa yang lebih pesat dianggarkan sebanyak \$4,400 juta ataupun 29% lebih dari tahun 1973, disebaliknya perbelanjaan semasa meningkat sebanyak 12% kepada \$3,740 juta. Oleh itu *lebihan semasa yang besar berjumlah kira-kira \$660 juta* akan diperolehi dalam tahun 1974 berbanding dengan lebihan semasa sebanyak \$57 juta dalam tahun 1973. Oleh

yang demikian lebih dari satu pertiga daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dijangka akan dibayai daripada hasil, dan ini adalah bahagian pembiayaan pembangunan dari hasil yang tertinggi semenjak tahun 1963. Keseluruhan bakinya dijangka akan dibayai oleh pinjaman dalam negeri yang mana 68% akan diperolehi daripada punca-punca yang tiada mempunyai kesan inflasi seperti pinjaman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain institusi-institusi kewangan bukan bank.

*Belanjawan tahun 1975* telah pun dimaksudkan untuk mencegah kemelesetan dan juga untuk menolong mengurangkan kesan inflasi. Oleh itu perbelanjaan yang lebih banyak dianggarkan berjumlah \$6,400 juta telah dirancangkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1975 atau 19% lebih dari tahun 1974. Untuk mengurangkan kesan inflasi daripada perbelanjaan yang lebih banyak ini, adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengekalkan lebihan di dalam kira-kira semasa. Perbelanjaan semasa telah diberi peruntukan sebanyak \$4,535 juta iaitu tambahan 21% daripada anggaran yang disemak bagi tahun 1974. Sebaliknya hasil semasa pada kadar-kadar cukai yang tetap dianggarkan berjumlah \$4,810 juta ataupun tambahan 9% dari tahun 1974. Oleh itu lebihan semasa sebanyak kira-kira \$280 juta boleh didapati. Ini akan digunakan untuk membayai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi dianggarkan sebanyak \$1,800 juta untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi dan untuk menambahkan lagi peluang pekerjaan dalam keadaan kemelesetan.


Kurangan keseluruhan yang dianggarkan kira-kira sebanyak \$1,490 dijangka akan dibayai oleh pinjaman dalam negeri yang dianggarkan berjumlah \$1,200 juta dan pinjaman luar negeri berjumlah kira-kira \$210 juta yang terdiri daripada pinjaman pasaran yang dijangkakan berjumlah \$110 juta dan pinjaman projek berjumlah \$100 juta. Bakinya akan dibayai oleh penggunaan harta-harta cadangan.

**Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 29%**

Suatu daripada ciri-ciri penting di dalam kedudukan belanjawan Kerajaan pada tahun 1974 adalah prestasi hasil yang sangat menggalakkan. Hasil biasa Kerajaan Persekutuan pada tahun 1974 dijangka mencapai tingkat jumlah yang tinggi sebanyak \$4,400 juta dan dari jumlah ini 90% terdiri daripada hasil cukai. Ini merupakan pertambahan sebanyak \$998 juta atau 29% lebih daripada tahun 1973 yaitu pertambahan yang paling tinggi dalam sesuatu tahun semenjak tahun 1960. (*lihat Jadual 4.3*). Pertambahan yang tinggi ini terutamanya disebabkan oleh perkembangan sektor ekspot yang baik yang terus mengalami keadaan melambung sehingga pertengahan tahun 1974 dan taksiran kutipan cukai pendapatan yang dibawa dari tahun 1973. Dalam


RAJAH 17

KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



RAJAH 18

## HASIL SEMASA KERAJAAN PERSEKUTUAN



masa tiga tahun pertama perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua (1971-73), KNK telah bertambah pada angka purata sebanyak 16%, sementara kadar pertumbuhan purata hasil cukai Persekutuan adalah 28% yang bermakna bahawa hasil cukai bertambah sebanyak 1.7 kali ganda lebih cepat dari KNK. Pada tahun ini kadar pertumbuhan hasil cukai Persekutuan dijangka bertambah lebih cepat lagi di mana tiap-tiap perubahan sebanyak 1% dalam KNK, hasil cukai dijangka akan meningkat sebanyak 1.75%. Sebaliknya, dalam jangka masa yang sama pada tahun ini, perbelanjaan semasa dan perbelanjaan pembangunan masing-masing akan meningkat sebanyak 0.6% dan 0.3% bagi tiap-tiap pertambahan sebanyak 1% dalam hasil cukai. Oleh itu implikasi ke atas kira-kira semasa belanjawan adalah memuaskan.

## Surcaj ke atas barang ekspot utama

Di dalam usaha menstabilkan tingkat harga-harga dalam negeri, Kerajaan menaikkan kadar cukai ekspot pada bulan April 1974. Surcaj-surcaj ke atas ekspot minyak kelapa sawit, bijih timah dan getah yang lebih tinggi dari kadar yang sedia ada telah dikuatkuasakan. Surcaj-surcaj ekspot ini dijangka akan menghasilkan sebanyak \$128 juta pada tahun 1974, kebanyakannya telah dipungut sebelum harga-harga barang tersebut mulai merosot di dalam bulan Julai.

## Bahagian hasil cukai impot dan eksais berkurangan

Kerajaan telah mengambil tindakan disepanjang tahun ini dengan mengadakan beberapa langkah melalui struktur cukai yang bertujuan untuk mengurangkan tekanan inflasi ke atas makanan dan barang-barang keperluan yang lain. Oleh sebab cukai-cukai eksais dan impot di atas barang-barang makanan dan barang-barang lain yang penting pada umumnya memberi kesan yang buruk kepada golongan berpendapatan rendah, sebahagian besar daripada pengecualian ini adalah untuk barang-barang di dalam kategori tersebut. Kehilangan hasil adalah berjumlah \$162 juta (12% daripada anggaran jumlah cukai impot dan eksais bagi tahun 1974). Akibatnya sumbangan cukai impot dan eksais kepada jumlah hasil cukai telah berkurangan dari 39% pada tahun 1973 kepada 34% dalam tahun 1974. Ini adalah disebabkan juga oleh pertambahan di dalam hasil cukai ekspot.

## Pertukaran aliran kepada cukai langsung

Satu daripada ciri-ciri utama dari dasar belanjawan Kerajaan dalam beberapa tahun yang lalu ialah perhatian yang bertambah terhadap cukai langsung. Cukai langsung dianggar akan menyumbang sebanyak \$1,120 juta atau 28% dari jumlah hasil cukai, sementara cukai tidak langsung menyumbang sebanyak \$2,855 juta atau 72%. Pada tahun 1960 cukai langsung

hanya merupakan 22% dari jumlah hasil cukai. Perubahan sikap yang memberatkan cukai langsung ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan bagi menyamakan beban cukai yang ditanggung oleh rakyat dan seterusnya pendapatan seperti yang ternyata di dalam Dasar Ekonomi Baru. Pertumbuhan yang cepat dalam hasil cukai Persekutuan jika dibandingkan dengan pertumbuhan KNK juga dicerminkan dalam kenaikan beban cukai (sumbangan hasil cukai kepada KNK) kepada 20% pada tahun 1974 daripada 18% pada tahun 1973.

#### Cukai pendapatan melebihi \$1,000 juta

Cukai pendapatan (termasuk cukai pendapatan per-sendirian, cukai pendapatan ke atas syarikat, cukai keuntungan bijih timah, cukai keuntungan kayu balak dan cukai pembangunan) untuk pertama kalinya dijangka akan melebihi \$1,000 juta. Kutipan-kutipan pada tahun 1974 dijangka berjumlah \$1,045 juta (+26% dari tahun 1973). Sebahagian besar daripada kenaikan ini disebabkan oleh keuntungan yang tinggi akibat daripada keadaan melambung pada tahun 1973. Usaha Jabatan Hasil Dalam Negeri yang lebih kuat bagi membaiki lagi sistem pengutipan cukai melalui langkah-langkah pentadbiran yang lebih baik telah menolong mengurangkan jumlah orang-orang yang tidak membayar cukai dan menambahkan pengutipan sebanyak \$30 juta. Perusahaan petrolium yang sedang berkembang dengan pesat juga membawa kepada pertambahan ini apabila hasil daripada petrolium meningkat daripada \$23 juta pada tahun 1973 kepada \$107 juta pada tahun 1974 yang merupakan pertambahan sebanyak lima kali ganda. Kutipan pada tahun depan akan bertambah lebih 5 kali ganda berbanding dengan tahun 1974 bilamana kira-kira \$500 juta dijangka dapat dikutip.

#### Punca-punca hasil utama pada tahun 1974

Cukai pendapatan akan merupakan punca hasil utama pada tahun 1974 (26% daripada jumlah hasil cukai). Walaupun begitu sebab utama yang membawa kepada pertambahan kutipan hasil tahun ini adalah berpunca daripada sektor eksport. Harga eksport yang tinggi semenjak dua tahun yang lepas telah membawa kepada pertambahan sebanyak 98% dalam cukai eksport pada tahun 1974 kepada \$864 juta berbanding dengan tahun 1973. Ini menjadikan cukai eksport sebagai sumber hasil cukai yang kedua besarnya. Sebaliknya cukai impot dijangka akan meningkat sebanyak 20% iaitu kurang sedikit dari pertambahan tahun lepas sebanyak 34%. Sebahagian besarnya, disebabkan oleh usaha-usaha Kerajaan bagi mengurangkan tekanan inflasi ke atas makanan dan barang-barang melalui penghapusan dan pengurangan cukai-cukai impot.

Di antara cukai-cukai lain yang penting ialah hasil yang berpunca dari royalti ke atas petrolium. Hasil ini telah bertambah sebanyak 79% kepada \$45 juta

dalam tahun 1974 berbanding dengan 11% pada tahun 1973; sebahagiannya disebabkan oleh royalti-royalti pada tahun 1973 yang dikutip di dalam tahun 1974. Pertambahan ini juga disebabkan oleh bermulanya pengeluaran minyak dari telaga-telaga di pinggir pantai Sarawak pada penghujung tahun 1972.

Kepentingan cukai ke atas minyak petrol dan pangangkutan jalan telah bertambah. Cukai dari pengangkutan jalan raya dijangka menyumbangkan lebih kurang \$258 juta pada tahun 1974 (+15%) sementara jumlah hasil dari perusahaan petrolium termasuk cukai pendapatan petrolium dijangka menghasilkan sebanyak \$446 juta (+31% lebih daripada tahun 1973). Ini adalah mustahak memandangkan kepada kehilangan hasil sebanyak \$74 juta yang disebabkan oleh langkah-langkah anti inflasi semenjak penghapusan surtex sebanyak 4% ke atas impot minyak diesel dan minyak tanah dan pengecualian cukai impot dan eksais ke atas minyak pembakar untuk Lembaga Letrik Negara. Jika cukai minyak pembakar, cukai kenderaan bermotor dan cukai penggunaan jalan raya lain dikira bersama-sama, cukai ke atas kenderaan bermotor dan kegunaan jalan raya merupakan punca utama bagi hasil eksais.

Cukai jualan dijangka bertambah dengan pesatnya sebanyak 29% berbanding dengan tahun 1973 mencapai \$285 juta. Ini merupakan pertambahan yang sangat besar dari jumlah \$115 juta yang telah dikutip pada tahun 1972, iaitu tahun yang pertama cukai ini dilaksanakan. Kutipan yang bertambah pada tahun ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam penggunaan swasta dan pertambahan dalam harga-harga pengguna.

#### Ramalan hasil bagi tahun 1975—kedudukan baik walaupun berkurangnya cukai eksport

Oleh sebab pertumbuhan ekonomi dunia yang diramalkan perlahan, cukai eksport dijangka merosot sebanyak 42% dari \$876 juta dalam tahun 1974 kepada \$506 juta pada tahun 1975. Duti eksport ke atas getah sahaja dijangka merosot sebanyak 74% iaitu dari \$386 juta pada tahun 1974 kepada \$91 juta pada tahun 1975, berdasarkan kepada ramalan harga purata getah sebanyak 60 sen sepaun bagi R.S.S. 1. Walaupun begitu, kesan kemerosotan cukai eksport ke atas jumlah hasil akan berkurangan kerana terdapatnya pertambahan yang sangat tinggi di dalam hasil kutipan cukai pendapatan terutama sekali daripada perusahaan petrolium. Pertambahan yang tinggi dalam tingkat harga petrolium dan pengeluaran yang meningkat di Sabah dan Sarawak akan mengakibatkan bertambahnya hasil dari cukai pendapatan sebanyak 58% kepada \$1,650 juta pada tahun 1975. Berikut dari ini jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah sebanyak 9% kepada \$4,810 juta dalam tahun 1975.

## Hutang Awam—kadar pertumbuhan perlahan

Hutang awam Kerajaan Persekutuan berjumlah \$8,923 juta pada akhir tahun 1974 (+11% lebih daripada tahun 1973) (*lihat Jadual 4.7*). Pinjaman dalam negeri masih lagi merupakan sebahagian besar daripada jumlah hutang (85%) manakala yang lebihnya terdiri dari hutang luar negeri yang dianggarkan meliputi cuma 13.6% daripada penerimaan ekspot pada tahun 1974. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja masih lagi merupakan pemegang hutang kerajaan yang terbesar (39% dalam tahun 1974). Hutang-hutang yang di dalam matawang Dolar AS merupakan sebahagian besar daripada jumlah hutang luar negeri (43% daripada jumlah) walaupun semakin banyak daripada hutang-hutang luar negeri terdiri daripada Yen Jepun.

Keadaan hutang awam tidak membimbangkan Kerajaan Persekutuan. Sebahagian besar daripada jumlah hutang adalah daripada sumber-sumber dalam negeri dan beban pertukaran asing yang terlibat adalah kecil. Lagipun, kebanyakannya daripada jumlah hutang adalah dipegang oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Kwsp) dan Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru (Kwsg) (40%). Oleh itu walaupun perkhidmatan hutang sebagai peratusan dari hasil semasa bertambah di dalam tahun-tahun kebelakangan ini (9% dalam tahun 1968, dan 10% dalam 1974), ianya tidak mungkin akan menimbulkan masalah yang besar. Lagi pun kebanyakannya daripada jumlah hutang luar negeri (lebih kurang 60%) adalah diuntukkan kepada projek-projek tertentu (seperti kemajuan tanah, perkembangan sumber-sumber tenaga, perhubungan dll.) yang dibayar dengan sendiri oleh penerimanya. Malaysia dipandang tinggi oleh Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan lain-lain badan antarabangsa di atas keupayaan membayar pinjaman.

## Hutang dalam negeri

Pinjaman daripada sumber-sumber dalam negeri merupakan hampir 99% daripada jumlah hutang baru yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di dalam tahun 1974 manakala di dalam tahun 1975 adalah dianggarkan bahawa 85% daripada keperluan pinjaman akan didapat daripada sumber-sumber dalam negeri oleh kerana kemungkinan terdapatnya prospek yang lebih baik di dalam pinjaman luar negeri.

Dibandingkan dengan sambutan yang baik terhadap kesemuanya pinjaman-pinjaman kerajaan pada tahun 1973, beberapa masalah telah dihadapi di dalam mendapatkan pinjaman di dalam tahun 1974 oleh kerana keadaan kewangan yang ketat di dalam negeri. Pinjaman dalam negeri bertambah cuma sebanyak 3% kepada \$900 juta di dalam tahun 1974. Ini merupakan kekurangan sebanyak 21% daripada anggaran belanjawan dan disebabkan terutama sekali oleh turunnya jumlah

surat-surat jaminan kerajaan yang dibeli di dalam tahun 1974 jika dibandingkan dengan tahun 1973. Bank-bank dan sektor kewangan keseluruhannya adalah kekurangan wang. Kadar-kadar bunga ke atas surat-surat jaminan kerajaan juga adalah rendah (8% adalah kadar maksima) yang tidak menggalakkan pinjaman kepada kerajaan, terutama sekali pada jangka masa panjang. Oleh sebab itu pinjaman-pinjaman daripada sumber-sumber "contractual"—Kwsp, Kwsg dan lain-lain kumpulan wang simpanan dan amanan dan Bank Simpanan Pejabat Pos menyumbangkan 60% kepada jumlah pinjaman dalam negeri di dalam tahun 1974 berbanding dengan 54% di dalam tahun 1973.

Walaupun had urus bagi bil-bil Perbadanan dinaikkan kepada \$1,200 juta di dalam tahun 1973, hanya \$100 juta dijangka akan dibeli di dalam tahun 1974. Adalah diramalkan bahawa Bank Negara akan menyumbangkan sebahagian besar kepada pertambahan ini di dalam tahun 1974.

Di dalam tahun 1975, adalah dianggarkan bahawa pinjaman dalam negeri akan bertambah sebanyak \$300 juta kepada \$1,200 juta. Sebahagian besar daripada kenaikan ini mungkin disumbangkan oleh Kwsp. Dengan adanya prospek bahawa kadar inflasi akan menurun, sektor kewangan pada keseluruhannya juga akan menambahkan pembelian bil-bil Perbadanan dan surat-surat jaminan Kerajaan. Kekurangan wang daripada bank-bank perniagaan telah menyebabkan Kerajaan meminjam lebih banyak daripada Bank Negara. Perkembangan ini walaupun bagaimanapun adalah diperseimbangkan oleh pertambahan di dalam simpanan kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan berkaitan dengan Bank Negara. Ini bermakna bahawa kesan pinjaman Kerajaan Persekutuan ke atas bekalan wang akan berkembangan sedikit sahaja di dalam tahun 1974.


Keperluan untuk mencari sumber-sumber pinjaman yang tidak memberi kesan kepada inflasi adalah lebih mustahak. Prospek untuk mendapatkan sumber-sumber ini di dalam tahun 1975 adalah menggalakkan Bank Simpanan Nasional (Bsn) yang mungkin akan dapat menarik lebih banyak simpanan tabungan daripada Bspp yang ada sekarang boleh menjadi sumber yang besar pada masa hadapan oleh kerana ianya dikehendaki melarub sekurang-kurangnya 70% daripada harta-hartanya di dalam surat-surat jaminan kerajaan. Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sedang memperbaikkan aktifiti-aktifitinya dengan cepat dan menjelang tahun 1975 dijangka akan mempunyai \$25 juta untuk dilaburkan.

## Pinjaman luar negeri berkurangan


Jumlah pembiayaan luar negeri yang berkurangan dengan begitu banyak dalam tahun 1973 (-78%) berterusan di dalam tahun 1974 oleh kerana tiada pinjaman pasaran dibuat. Jumlah pengeluaran pinjaman-

RAJAH 19

## JUMLAH HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN



## PINJAMAN BERSIH KERAJAAN PERSEKUTUAN



1 &amp; 2 = HUTANG DALAM NEGERI

pinjaman luar negeri ialah \$147 juta, kesemuanya pengeluaran-pengeluaran yang berkaitan dengan pinjaman projek. Pembayaran-pembayaran pinjaman pasaran bertambah sebanyak 25% daripada \$70 juta di dalam tahun 1973 kepada \$88 juta di dalam tahun 1974. Dengan pinjaman projek bersih berjumlah \$98 juta, pembayaran-pembayaran yang banyak bagi pinjaman-pinjaman pasaran menyebabkan jumlah bersih pinjaman luar negeri bertambah hanya sebanyak \$10 juta di dalam tahun 1974.

Oleh kerana kadar inflasi masih tinggi di dalam negara-negara perindustrian dan keadaan kewangan yang ketat, kebolehan bagi mendapatkan pinjaman pasaran luar negeri tidak praktik di dalam tahun 1974.

Pengeluaran-pengeluaran pinjaman projek adalah pada relatifnya perlahan, walaupun adanya pertambahan sebanyak 8.4% daripada tahun 1973. Masalah-masalah teknik dan pengurusan sedang menyebabkan kelambatan di dalam perlaksanaan setengah daripada projek-projek besar.

Pertambahan sebanyak 23% di dalam pengeluaran pinjaman projek (+\$169 juta) dianggarkan pada tahun 1975. Ini akan dapat diperolehi terutama sekali bagi pinjaman-pinjaman projek dari Jepun dengan termeterinya perjanjian ketiga kredit Yen di dalam bulan Ogos 1974. Setengah-setengah daripada masalah teknik dan pengurusan yang sedang dihadapi di dalam projek-projek yang dibayai oleh pinjaman-pinjaman Bank Dunia dijangka dapat diatasi di dalam tahun 1975. Kadar-kadar bunga diluar negeri adalah dianggarkan akan berkurangan di dalam separuh tahun kedua 1975 dan ini akan menyebabkan prospek untuk pengambilan pinjaman-pinjaman pasaran lebih menarik. Oleh itu adalah dianggarkan bahawa pinjaman pasaran sebanyak \$200 juta dapat diperolehi di dalam tahun 1975. Dengan jumlah pembayaran sebanyak \$159 juta, adalah dijangka bahawa \$210 juta akan dapat diperolehi dari sumber-sumber luar negeri pada tahun 1975 yang merupakan pertambahan yang besar jika dibandingkan dengan \$10 juta yang diterima di dalam tahun 1974.

## Kerajaan-kerajaan Negeri

Peranan kerajaan-kerajaan negeri yang bertambah dalam pembangunan ekonomi adalah jelas sememjak tahun 1972 apabila dasar untuk membahagi-bahagikan usaha pembangunan seperti yang terlihat daripada tambahan di dalam perbelanjaan sosio-ekonomi. Perbelanjaan pembangunan kerajaan-kerajaan negeri (menyumbangkan kira-kira 20% kepada pembentukan modal tetap kalangan awam) dianggarkan bertambah sebanyak 25% kepada \$528 juta pada tahun 1974 (*lihat Jadual 4.8*). Daripada jumlah yang dibelanjakan itu, kira-kira \$225 juta atau 43% dijangka akan dibayai oleh sumber-sumber negeri manakala bakinya adalah daripada kumpulan wang Kerajaan Persekutuan. Ini adalah di-

dalam bentuk pinjaman yang dianggarkan berjumlah \$200 juta iaitu tambahan sebanyak 74% lebih daripada tahun 1973 dan \$103 juta merupakan pemberian Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan pembangunan negeri-negeri Trengganu, Kedah, Melaka, Perlis dan Pulau Pinang, kebanyakannya dibayai oleh pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan manakala negeri-negeri Sabah dan Sarawak memperolehi pemberian Persekutuan yang lebih banyak jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Daripada jumlah perbelanjaan pembangunan sebanyak \$225 juta yang dijangka akan dibelanjakan dari sumber-sumber kerajaan negeri pada tahun 1974, sebanyak 70% atau kira-kira \$157 juta telah digunakan untuk membayai projek-projek ekonomi dan bakinya pula masing-masing dianggarkan berjumlah \$34 juta bagi perkhidmatan sosial dan pentadbiran am. Untuk projek-projek ekonomi, sebanyak \$77 juta telah dibelanjakan bagi kemajuan pertanian dan luarbandar terutamanya untuk kemajuan tanah (\$28 juta—yang kebanyakannya di Sabah sebanyak \$23 juta), kredit pertanian dan pemasaran (\$20 juta), dan parit dan talair (\$10 juta) di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Perdagangan dan perindustrian mengambil sebanyak \$18 juta dan daripada jumlah itu pelancungan dan pembaharuan kawasan bandar memperolehi \$8 juta, dan kawasan-kawasan perindustrian sebanyak \$6 juta. Adalah dianggarkan bahawa \$33 juta telah diperuntukkan bagi pengangkutan, untuk pembinaan jalurairan dan jambatan di kawasan luarbandar (\$24 juta) dan memperbaiki pelabuhan-pelabuhan di Sabah dan Sarawak (\$3 juta). Sebanyak \$29 juta lagi digunakan bagi kemudahan-kemudahan awam yang mana sebanyak \$22 juta dibelanjakan untuk bekalan air dan \$7 juta bagi membelikalkan letrik ke luarbandar.

Kira-kira dua pertiga daripada anggaran berjumlah \$34 juta yang dibelanjakan untuk perkhidmatan sosial telah digunakan untuk membayai projek-projek perkhidmatan masyarakat (\$19 juta), perumahan yang kebanyakannya untuk mereka-mereka yang berpendapatan rendah (\$7 juta) dan saluran najis (\$4 juta). Perbelanjaan untuk pentadbiran am yang dianggarkan sebanyak \$34 juta telah digunakan untuk pembinaan bangunan-bangunan pejabat dan perkhidmatan-perkhidmatan am yang lain. Dari jumlah ini negeri Sarawak sahaja dijangka akan membelanjakan sebanyak \$22 juta untuk tujuan tersebut.

Walaupun kedudukan kira-kira semasa bagi kerajaan-kerajaan negeri pada keseluruhannya masih lagi memuaskan, prestasi hasil tidaklah seimbang dengan pertumbuhan di dalam perbelanjaan semasa. Semenjak tahun 1971 perbelanjaan semasa telah bertambah dengan kadar purata 19% manakala hasil bertambah hanya sebanyak 13% dalam tempoh yang sama. Setengah daripada negeri-negeri seperti Trengganu, Perlis, Melaka, Kelantan, Negeri Sembilan dan Kedah

dijangka akan mengalami kekurangan kira-kira semasa pada tahun 1974. Oleh kerana negeri-negeri tersebut akan mempergiatkan lagi usaha-usaha pembangunan terutamanya pada masa Rancangan Malaysia yang akan datang, hasil-hasil negeri perlulah ditambah bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan semasa supaya kira-kira semasa diselimbangkan di dalam jangka masa panjang.


Di antara masaalah-masaalah yang menyebabkan tambahan hasil yang kurang memuaskan di setengah-setengah negeri ialah kesulitan-kesulitan yang berkaitan dengan pungutan cukai tanah dan juga kadar-kadar cukai yang agak rendah. Tambahan lagi, cukai-cukai yang dikenakan ke atas hasil-hasil hutan kebanyakannya masih lagi berasaskan kepada kadar-kadar yang telah ditentukan di bawah Akta Enakmen Hutan 1934. Memandangkan kepada asas cukai kerajaan-kerajaan negeri yang sempit, keperluan telahpun timbul untuk memperkuatkan lagi jenteri pengutipan cukai dan juga mengkaji semula kadar-kadar cukai yang dikenakan ke atas tanah, kayu-kayu dan lain-lain berdasarkan kepada pilihan-pilihan tertentu di mana perlu.

## Badan-badan Berkanun

Badan-badan berkanun terus memainkan peranan yang penting dalam pelaburan sektor awam terutamanya dalam bidang perkembangan infrastruktur seperti perkhidmatan talikom, pembekalan letrik dan kemudahan-kemudahan pelabuhan. Jumlah perbelanjaan pembangunan dua badan-badan berkanun yang terpenting akan bertambah daripada \$320 juta dalam tahun 1973 kepada \$423 juta (+32%) (*lihat Jadual 4.10*) dalam tahun 1974 (menyumbangkan lebih kurang 23% kepada pembentukan modal kalangan awam). Oleh sebab peranan badan-badan berkanun semakin luas, daya keupayaan pentadbiran dikebanyakannya badan-badan itu telah berkembang dan berikutkan dari bertambahnya kos penyelenggaraan, jumlah perbelanjaan mengurus pada masa ini dianggarkan akan meningkat sebanyak 16% dari \$536 juta di dalam tahun 1973 kepada \$623 juta pada tahun 1974. Dengan ini, lebihan semasa dijangka akan berkurangan hanya sebanyak 3.6% dari \$179 juta pada tahun 1973 kepada \$173 juta dalam tahun 1974. Kurangan keseluruhan dijangka berjumlah \$250 juta atau 77% lebih tinggi dari kurangan perbelanjaan untuk projek-projek pembangunan.

Perbelanjaan pembangunan untuk menambahkan bekalan letrik dijangka akan mencapai \$119 juta (+23% lebih daripada tahun 1973). Kawasan-kawasan luar bandar terus mendapat faedah dari rancangan pembekalan letrik yang diselenggarakan oleh Lln yang dilaksanakan bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan negeri dan Persekutuan berdasarkan beban

**PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA  
NEGERI - NEGERI DAN BADAN - BADAN AWAM**



1 LLN, Keretapi Tanah Melayu, Lembaga Pelabuhan Kelang, Suruhanjaya Pelabuhan P.Pinang, Jabatan Telekom, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan P.Pinang dan Bandaran Ipoh dan Melaka.

2 Meliputi LKTP, LPPP, MARA, PPB dan LPN.

3 Meliputi Pernas, SPKPMB, SPAM, SKGM Syarikat Jengka Sendirian Berhad dan Syarikat Mengetin Nenas.

yang sama. Pada masa ini adalah dianggarkan sejumlah 84,000 pengguna-pengguna di dalam 1,200 kampung-kampung telah dibekalkan dengan letrik di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Perbelanjaan besar yang diperlukan bagi pembangunan kuasa haidro letrik terutamanya di Tembeling dan Temenggor telah juga menambahkan perbelanjaan pembangunan dengan banyaknya.

Dasar Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat barang dan kewangan telah juga membawa kepada bertambahnya permintaan untuk kemudahan-kemudahan talikom. Walaupun usaha yang berterusan telah dibuat oleh Jabatan Talikom bagi memenuhi kehendak-kehendak masyarakat perdagangan, pembekalan talipon dan kemudahan-kemudahan telex masih lagi tidak mencukupi. Pertambahan permintaan untuk kemudahan talikom telah menyebabkan Jabatan itu mengkaji semula jumlah perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dari \$420.8 juta kepada \$515.6 (+22%). Sebagai langkah sementara bagi memenuhi permintaan, projek-projek yang dahulunya dirancang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah dibawa ke tahun 1974 dan 1975. Oleh sebab ini sebanyak \$40 juta lagi akan dibelanjakan pada tahun ini.

Dengan bertambahnya perdagangan barang melalui pelabuhan-pelabuhan di Malaysia pada tahun-tahun yang kebelakangan ini, kesesakan telah terdapat di dua buah pelabuhan utama iaitu Pulau Pinang dan Pelabuhan Kelang. Berikut dari ini, satu rancangan bagi memperbesarkan pelabuhan-pelabuhan itu telah dijalankan sebagai tambahan kepada usaha-usaha memperbaikki kemudahan-kemudahan pelabuhan seperti yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Lembaga Pelabuhan Kelang sedang memperbesarkan dermaga-dermaga sepanjang 3,500 kaki yang dijadualkan akan siap pada tahun 1976. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang juga sedang di dalam peringkat permulaan pembinaan pengkalan kago pukal di Prai. Projek ini yang dijangka siap pada penghujung tahun 1978 akan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada kawasan perindustrian Prai kerana keupayaan mengendalikan kago-kago basah dan kering akan bertambah menjadi kira-kira 800,000 tan setahun. Bersama-sama dengan Lembaga Pelabuhan Kuching, ketiga-ketiga lembaga pelabuhan tersebut dijangka membelanjakan sebanyak \$68 juta atau 16% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan badan-badan berkawan pada tahun 1974.

Rancangan-rancangan pemodenan yang pada masa ini dijalankan oleh Keretapi Tanah Melayu dijangka meningkat sebanyak empat kali ganda berbanding dengan tahun lepas iaitu dari \$7 juta kepada \$30 juta. Disebabkan oleh berlakunya beberapa kejadian kegelinciran pada tahun lepas, komponen perbelanjaan yang terbesar ialah bagi menggantikan rel-rel

keretapi. Perbelanjaan pembangunan utama yang lain adalah bagi mempermodenkan kemudahan-kemudahan untuk penumpang dan pembelian 324 set roda gerak dan 80 buah gerak yang telah digunakan.

*Hasil semasa* bagi semua badan-badan berkawan telah bertambah sebanyak 12% pada tahun 1974, sebahagian besarnya disebabkan oleh pertambahan di dalam hasil daripada perkhidmatan-perkhidmatan talikom, letrik dan pelabuhan. Hasil daripada empat dewan bandaran yang utama telah juga meningkat pada kadar yang sedikit iaitu sebanyak \$7 juta atau 8% lebih daripada tahun 1973. Disebalik itu, kerugian yang ditanggung oleh Keretapi Tanah Melayu dianggarkan berjumlah \$12.9 juta berbanding dengan \$7.3 juta pada tahun lepas. Jika pembayaran bonus pada tahun ini dimasukkan, kerugian ini berjumlah sebanyak \$16 juta. Kedudukan kewangan badan-badan berkawan yang disatukan menunjukkan lebihan dalam kira-kira semasa dan ini adalah mencukupi untuk membayai lebih kurang 41% daripada jumlah perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan. Pinjaman bersih dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan akan menyumbangkan lebih kurang 26% manakala pinjaman luar negeri akan membayai 15% daripada kurangan itu. Bakinya akan dibayai oleh harta-harta yang terkumpul.

## Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri

Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi (Pken) terus memberikan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi dalam tahun 1974 walaupun masalah-masalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang-barang merupakan satu halangan kepada daya keupayaan perlaksanaannya. Untuk mempercepatkan lagi kemajuan-kemajuan perindustrian, perniagaan dan pertanian di negeri-negeri di dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, sejumlah \$38 juta telah diberikan sebagai pinjaman kepada Pken. Daripada jumlah tersebut \$35 juta adalah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sebanyak \$3 juta lagi daripada kerajaan-kerajaan negeri. Dalam tempoh empat tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Kedua, jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada perbadanan-perbadanan tersebut dianggarkan berjumlah \$121 juta atau 63% daripada peruntukan Rancangan yang disemak. *Dalam tahun 1975* sejumlah \$40 juta lagi dijangka akan diberi kepada Pken, dan dengan ini hanya 83% sahaja daripada matlamat Rancangan yang disemak berjumlah \$193 juta dapat dicapai.

Kira-kira 30% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan yang dilaksanakan oleh kesemua Pken dijangka akan dibelanjakan samada untuk mendirikan kilang-kilang kepunyaan mereka sendiri ataupun secara usaha-bersama bagi pengeluaran kain-kain, kasut dan

pengeluaran barang-barang menggunakan kayu. Sebanyak 20% lagi daripada perbelanjaan pembangunan telah dibelanjakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti perbekalan air, bekalan listrik dan jalan-jalan di dalam kawasan-kawasan perindustrian. Projek-projek perumahan, terutamanya bagi gulungan yang berpendapatan rendah menggunakan sebanyak 18% daripada perbelanjaan, sementara 18% lagi dijangka akan digunakan untuk membiasai kemajuan pertanian bagi penanaman kelapa sawit, getah, tebu, kelapa dan lain-lain. Bakinya dijangka akan dibelanjakan untuk membina pusat-pusat perniagaan seperti kompleks-kompleks membeli belah, rumah-rumah setor, hotel-hotel, pejabat-pejabat dan lain-lain projek seperti perlombongan, pecah-batu dan pelancungan. Beberapa projek-projek telah juga diusahakan secara bersama dengan pelabur-pelabur tempatan ataupun luar negeri dalamnya perbadanan memiliki sekurang-kurangnya 30% daripada saham. Misalkan, Pken Melaka telah mendirikan sebuah kilang kasut secara usaha-bersama dengan sebuah syarikat Itali. Pken Johor mempunyai projek usaha-bersama di dalam perusahaan membalaik dengan sebuah Syarikat Perancis, sementara di Trengganu, Sabah dan Sarawak ianya diusahakan bersama dengan Rumania.

Pembahagian perbelanjaan ini menunjukkan kegiatan-kegiatan yang kian meluas yang dilaksanakan oleh perbadanan-perbadanan. Penglibatan Bumiputra di dalam sektor moden juga telah berkembang terutamanya di dalam kawasan-kawasan di mana penyertaan Bumiputra adalah terhad. Pken juga telah dapat menolong mengatasi beberapa halangan-halangan pembangunan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan.

## Perbadanan Nasional

Perbadanan Nasional (Pernas) telah ditubuhkan untuk mempergiatkan usaha-usaha Kerajaan bagi meninggikan lagi penyertaan Bumiputra di dalam sektor moden. Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman berjumlah \$105 juta di dalam jangka masa empat tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua, daripada jumlah peruntukan yang telah dikaji semula sebanyak \$150 juta bagi jangka waktu rancangan 1971-1975. Semenjak penubuhannya, tujuh syarikat-syarikat anak telah didirikan meliputi berbagai kegiatan perdagangan termasuk pembinaan, kejuruteraan, perlombongan, perdagangan, hartabenda, surat-surat jaminan dan insuran. Selain daripada itu, Pernas menyertai secara langsung di dalam beberapa projek-projek usaha-bersama dengan syarikat-syarikat asing dan juga menyediakan perkhidmatan nasihat kepada peniaga-peniaga Bumiputra.

Daripada jumlah wang pelaburan yang telah diluluskan kepada ketujuh syarikat-syarikat anaknya, kira-kira 43% adalah untuk Syarikat Pernas Sekuriti Berhad bagi pembelian saham-saham dan sebagai sumbangan

modal di dalam syarikat-syarikat usaha-bersama. Kira-kira 17% lagi telah diluluskan bagi syarikat harta-bendaan untuk mendapatkan tanah bagi tujuan-tujuan pembangunan. Di bawah syarikat kejuruteraannya, wang pelaburan telah digunakan untuk berbagai-bagai projek seperti Johor Simen Sendirian Berhad, Kontena Nasional, Projek-projek Wire-Rod Mill dan Ammonia Sulphate. Pernas juga telah membina sebuah kompleks membeli-belah, sebuah bank, sebuah asrama dan beberapa buah rumah pangsa di bawah rancangan perumahannya. Untuk membolehkan penyertaan Bumiputra yang lebih bermakna di dalam perdagangan, syarikat perlombongannya telah menguntukkan sejumlah wang untuk pelaburan di dalam perusahaan perlombongan seperti "Kuantan Harbour Dredging", "Malaysia Off-Shore Supplies" dan perlombongan di pinggir pantai Perak. Tambahan lagi, bagi menolong penyertaan Bumiputra di dalam perdagangan runcit dan perniagaan insuran, syarikat-syarikat Perniagaan Pernas dan Insuran Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan.

## Perbadanan Pembangunan Bandar

Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda) telah ditubuhkan dengan tujuan utama untuk mempercepatkan penyertaan Bumiputra di dalam perdagangan dan perindustrian. Di dalam empat tahun yang pertama Rancangan Malaysia Kedua (RMK), wang pinjaman yang berjumlah \$103 juta atau 64% daripada peruntukan yang dikaji semula sebanyak \$160 juta telah diberikan kepada Lembaga ini bagi melaksanakan projek-projeknya.

Uda membeli tempat-tempat perniagaan dan kemudiannya disewa atau dijualkan kepada peniaga-peniaga Bumiputra untuk mendirikan kedai-kedai atau pejabat-pejabat. Sehingga ini, Uda telah mendapat 300 lot-lot kedai yang sekarang ini diuruskan atau dimiliki oleh Bumiputra. Selain daripada itu, Lembaga ini akan menempah lebih awal tempat-tempat perniagaan yang masih di dalam pembinaan atau dengan secara langsung mengambil bahagian berdasarkan usaha-bersama dengan pihak pembinaan swasta sekurang-kurangnya dengan mendapatkan 30% saham di dalam projek-projek tersebut. Bagi memperolehi pengetahuan-pengetahuan teknikal terutamanya di dalam pengurusan perniagaan, Uda menyertai di dalam projek-projek usaha-bersama dengan peniaga-peniaga bukan-Bumiputra di dalam memajukan hartabenda di kawasan bandar dan \$43 juta telah dilaburkan untuk tujuan tersebut. Dua buah hotel dan beberapa kompleks membeli-belah telah juga dibina dengan penyertaan Uda. Adalah dianggaran bahawa 20,000-25,000 unit rumah-rumah masih di dalam pembinaan di kawasan-kawasan sekitar Kuala Lumpur dan rundingan-rundingan sedang dijalankan dengan perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri untuk membina bangunan-bangunan kedai dan

rumah-rumah di Pulau Pinang, Ipoh, Melaka, Seremban, Johor Bahru dan Kuching. Satu lagi projek perumahan oleh Perbadanan ini sedang di dalam perlaksanaannya di Kedah. Uda juga membeli tanah terutamanya di Bandaraya Kuala Lumpur untuk pembangunan di masa akan datang.

### Permintaan kalangan swasta masih terus melambung

Sokongan yang kuat terhadap pertumbuhan ekonomi yang diberi oleh permintaan swasta dalam separuh kedua tahun 1973 telah terus didahului oleh permintaan pelaburan swasta dalam tahun 1974. Perbelanjaan penggunaan swasta terus pada peringkat yang tinggi didorongkan oleh pendapatan eksport yang tinggi dalam separuh pertama tahun ini, yang dihasilkan oleh harga-harga yang tinggi terhadap barang-barang utama. Pada harga semasa, keseluruhan permintaan swasta dianggarkan meningkat naik sebanyak 28% (+20% pada tahun 1973). Tetapi, dari segi sebenar, kenaikannya adalah dianggar sebanyak 10% (+11% pada tahun 1973). Perkembangan harga yang giat terhadap bahan-bahan input dan kos pekerja menunjukkan tekanan kos-kos pelaburan yang terus meningkat.

### Pelaburan swasta memuncak

Pemulihan permintaan pelaburan swasta dalam separuh kedua tahun 1973 telah perlahaan sedikit pada permulaan tahun 1974, tetapi pulih semula dengan pesat dalam suku kedua dan ketiga. Perkembangan yang dijangkakan itu telah pesat apabila semua petunjuk-petunjuk menyatakan perbelanjaan pelaburan yang tinggi (*lihat Rajah 21*). Selepas pertumbuhan ekonomi yang pesat pada tahun 1973, permintaan pelaburan swasta yang selalunya kira-kira setahun menyusul kemudian telah mencapai puncak dalam tahun 1974 meningkat kepada \$2,190 juta, merupakan kenaikan sebanyak 37% pada harga semasa. Walau bagaimanapun, dari segi sebenar, pelaburan akan meningkat sebanyak 13% berbanding dengan kenaikan sebanyak 9% pada tahun 1973 kerana deflator harga telah meningkat sebanyak 21% berbanding dengan 17% pada tahun 1973.

Pelaburan oleh kalangan swasta boleh dibahagikan kepada empat jenis terbesar, iaitu *pelaburan dalam bangunan dan pembinaan, alat-alat mesin dan kelengkapan, tanaman bermasa dan tanah*. Pelaburan dalam dua bahagian yang pertama membentuk jumlah terbesar dalam pelaburan swasta, iaitu masing-masing merupakan hampir 45% dari jumlah pelaburan swasta. Perkembangan dalam kedua sektor ini khususnya, sangat pesat semenjak tahun 1960 apabila bahagian masing-masing hanyalah 32% dan 33%. Akan tetapi, perkembangan pelaburan dalam alat-alat mesin dan kelengkapan telah lebih pesat dalam separuh

pertama tahun enam puluhan (1960-66: +8%) daripada kenaikan sebanyak 7% oleh pelaburan dalam bangunan dan pembinaan. Perkembangan dalam bangunan dan pembinaan telah pesat dalam separuh kedua tahun enam puluhan dan separuh pertama tahun tujuh puluhan, terutamanya tahun 1973 apabila keadaan melambung dalam pembinaan telah menghadapi kekurangan bekalan dan kenaikan harga beberapa bahan-bahan pembinaan. Akan tetapi, keadaan pelaburan swasta yang melambung sekiranya ini dijangka diadului oleh pelaburan dalam alat-alat mesin dan kelengkapan, yang dalam tujuh bulan pertama telah meningkat naik sebanyak 39% berbanding dengan tempoh sama tahun lepas, membayangkan pertumbuhan sektor perlindangan yang berterusan.

Pelaburan dalam *alat-alat mesin dan kelengkapan* mempunyai kandungan impot yang tinggi (kira-kira 90%). Dalam lapan bulan pertama tahun 1974, umpsamanya, nilai impot barang-barang pelaburan telah meningkat naik lebih daripada 80% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1973. Akan tetapi, sebahagian besar daripada kenaikan itu disebabkan oleh kenaikan harga seperti yang dicerminkan oleh angkutan-juk harga impot bagi alat-alat mesin dan kelengkapan yang dalam lapan bulan pertama tahun 1974 telah meningkat naik sebanyak kira-kira 12%. Harga-harga barang-barang pelaburan yang diimpor dianggar akan meningkat naik oleh kerana harga tinggi yang berlariutan dalam negara-negara maju tetapi keadaan ini akan berkurang dalam tahun 1975. Dari segi sebenar, walau bagaimanapun, pelaburan dalam alat-alat mesin dan kelengkapan tahun ini dianggarkan meningkat sebanyak 20% (hanya 8% dalam tahun 1973).


Keadaan melambung dalam kegiatan *pembinaan* telah mula perlahaan dalam tahun ini oleh kerana kos-kos yang tinggi yang disebabkan oleh kekurangan dalam bahan-bahan pembinaan. Lagipun, tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menenangkan pasaran harta yang tegang, bersama dengan sekatan-sekatan kredit, telah menurunkan permintaan terutamanya yang bersifat spekulasi. Walau bagaimanapun, pelaburan sebenar dalam bangunan dan binaan, yang telah bertambah sebanyak 11% dalam separuh pertama tahun ini, dianggarkan akan terus tinggi, meningkat sebanyak kira-kira 10% pukul rata, bagi seluruh tahun ini (+15% pada tahun 1973).

*Kekurangan* yang dialami dalam *bahan-bahan pembinaan*, terutamanya simen dan besi-waja berlanjut dalam tahun 1974, walaupun dengan bertambahnya pengeluaran kedua-dua bahan ini hasil dari pengeluaran pada tingkat keupayaan penuh. Pengeluaran simen telah bertambah sebanyak 10% dalam tujuh bulan pertama 1974, manakala pengeluaran besi dan besi-waja bagi separuh pertama tahun ini telah bertambah sebanyak 71%. Perlambangan pelaburan

RAJAH 21

### PENUNJUK PENUNJUK PELABURAN SWASTA

- KADAR PERTUKARAN DARI TAHUN LALU, SEMENANJUNG MALAYSIA -



kalangan awam dalam kegiatan pembinaan, dan kegiatan-kegiatan swasta yang pesat terus memburuk lagi masalah kesulitan bekalan. Proses penyesuaian antara bekalan dan permintaan mengambil masa, dan biasanya di dalam masa inilah kenaikan harga dan penyororan bahan-bahan menjadi jadi. Perusahaan simen sedang mengalami kekurangan bekalan sebanyak kira-kira 100,000 tan (metrik) tiap-tiap tahun iaitu merupakan hampir 7% daripada jumlah keupayaan pengeluaran. Masaalah kekurangan bekalan ini telah bertambah sukar lagi oleh kenaikan dalam kos pengeluaran. Ini disebabkan oleh kenaikan harga minyak bakar yang merupakan sebahagian besar dalam kos pengeluaran simen yang telah naik empat kali ganda. Pengeluaran besiwaja dalam negeri hanya dapat memenuhi kira-kira 70% dari jumlah permintaan dalam negeri. Ini merupakan kekurangan yang besar sebanyak 30% (kira-kira 50,000 tan metrik tiap tahun) yang terpaksa diimpot. Kedua-dua bahan-bahan pembinaan yang penting ini adalah sebahagian daripada bahan-bahan kawalan Kerajaan yang ekspotnya adalah dilarang samasekali. Lain-lain langkah telah juga diambil oleh Kerajaan untuk meringankan masalah kekurangan bahan-bahan ini. Misalnya, cukai impot atas simen telah dikurangkan untuk mendorong lebih lagi impot, terutamanya dari negara-negara jiran seperti Negeri Thai dan Singapura. Cukai impot atas besiwaja panjang dan bulat juga telah ditarif balik sepenuhnya. Kegiatan-kegiatan penyororan juga diawasi. Tindakan-tindakan jangka panjang pula termasuklah membesarlu lagi keupayaan pengeluaran simen yang dijangka akan bertambah sebanyak lebih dari 1.7 juta tan dalam masa tiga tahun akan datang dengan penubuhan tiga lagi kilang-kilang baru di samping pembesaran syarikat-syarikat yang ada. Ini mencukupi untuk penggunaan dalam negeri (dianggar akan bertambah sebanyak 15% setiap tahun) dan eksport. Penubuhan kilang besiwaja (integrated) yang kedua, yang masa ini sedang dalam peringkat kajian kemungkinannya akan dapat memenuhi permintaan yang dirancangkan sehingga 1980.

*Perkembangan harga* barang-barang dalam perusahaan pembinaan telah mendapat perhatian yang wajar. Harga-harga bahan impot yang lebih tinggi, terutamanya minyak bakar, karong-karong kertas dan juga kekurangan batu-bata (clinker) telah mendorong Kerajaan menaikkan harga simen di luar kilang sebanyak 35%. Harga besiwaja di luar kilang juga telah mengalami kenaikan yang tinggi yang berbeza-beza dari 45% hingga 80% antara tahun 1970 dan bulan September 1974. Kos-kos pekerja yang meningkat, yang merupakan sebanyak kira-kira 25% dari jumlah kos pembinaan, menambahkan lagi tekanan terhadap harga-harga. Kesukaran mendapat pekerja-pekerja mahir telah menaikkan gaji kategori pekerja-pekerja ini sebanyak lebih 17% semenjak 1971 manakala gaji pekerja-pekerja separuh

mahir telah bertambah sebanyak kira-kira 15% semenjak 1971. Masaalah keupayaan pengangkutan telah menaikkan kos pengangkutan dan dalam beberapa hal telah mengganggu perjalanan bekalan. Defelator bagi pelaburan dalam bangunan dan pembinaan dianggarkan sama tinggi dengan paras dalam tahun 1973 sebanyak kira-kira 30%. Walau bagaimanapun harga-harga dijangka akan stabil dalam tahun 1975 kerana permintaan untuk perumahan dijangka agak reda dan bekalan-bekalan bahan-bahan impot menjadi lemah tetapi.

Tindakan-tindakan Kerajaan menenangkan *pasaran harta* telah memberi kesan yang diingini dalam separuh pertama tahun 1974. Akta Spekulasi Tanah yang telah diistiharkan dalam Belanjawan yang lepas, pembekuan penjualan tanah dalam kawasan-kawasan "panas" yang tertentu, bersama dengan pembatasan pemberian pinjaman yang dikenakan ke atas bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam, sebagai sebahagian dari langkah-langkah mencegah inflasi, adalah beberapa tindakan yang telah memberi kesan.

Galakan-galakan pelaburan terus menarik pelaburan dari dalam dan luar negeri. Jumlah projek-projek yang telah diluluskan dalam tahun 1973 ialah 473 dengan jumlah cadangan modal terkumpul sebanyak \$545 juta. Dalam tempoh bulan Januari-Ogos 1974, sebanyak 365 projek lagi telah diluluskan dengan jumlah modal terkumpul sebanyak \$523 juta dan kemungkinan gunatenaga sebanyak 55,500. Perusahaan-perusahaan yang besar yang diluluskan dalam jangka masa tersebut termasuklah perusahaan-perusahaan kain dan barang-barang kain, perkilangan makanan, alat-alat elektrik dan letronik, barang-barang bukan logam, kimia dan barang-barang kimia dan pengeluaran barang-barang bentukan logam (66% dari jumlah projek-projek yang diluluskan dan 65% dari cadangan modal terkumpul). Perusahaan-perusahaan kain dan letronik, yang berdasarkan eksport, bersama dengan perkilangan makanan, yang pada mulanya merupakan perusahaan yang mengujudkan pekerjaan-pekerjaan yang terbaray didalam sektor perkilangan telah dalam tempoh Januari-Ogos 1974, menyumbangkan kira-kira 46% daripada jumlah kemungkinan gunatenaga yang diwujudkan oleh projek-projek yang telah diberi kelulusan. Walaubagaimana pun, keadaan ini telah berubah dan perusahaan-perusahaan letronik dan kain yang sama, sekarang ini telah terpaksa menjalankan minggu bekerja yang pendek dan disetengah-setengah perkara memberhentikan pekerja-pekerja.

Pelaburan-pelaburan yang utama dalam tempoh Januari-Ogos 1974, ialah menerusi syarikat-syarikat bertaraf perintis yang merupakan 34% dari jumlah kelulusan dalam tempoh itu dan 64% dari jumlah cadangan modal terkumpul. Kemungkinan gunatenaga yang mungkin diwujudkan oleh syarikat-syarikat bertaraf perintis ini dianggarkan sebanyak 30,410 atau 55% dari jumlah kemungkinan gunatenaga dalam

tempoh tersebut. Lain-lain kelulusan, termasuklah yang diberi galakan-galakan lain, seperti kredit cukai pelaburan, kelepasan cukai kerana menggunakan buruh, clau susutan cepatan dan lain-lain galakan. Jumlah projek-projek yang diluluskan di dalam kategori ini mempunyai jumlah cadangan modal terkumpul sebanyak \$106 juta atau 20%, bagi tempoh Januari-Ogos 1974, dengan kemungkinan gunatena sebanyak 12,912 (23% dari jumlah kemungkinan gunatena). Jumlah terbesar yang diberikan kelulusan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP) masih lagi bagi projek-projek tanpa galakan, tetapi projek-projek ini adalah projek yang kecil. Dalam tempoh Januari-Ogos 1974, 196 atau 54% dari projek-projek yang diberi kelulusan adalah projek-projek ini. Jumlah cadangan modal terkumpul oleh projek-projek ini ialah \$82 juta, kira-kira 16% dari jumlah modal semua projek-projek yang dilulus, dengan kemungkinan gunatena sebanyak 12,200.

*Penyertaan Bumiputra* di dalam perkembangan perusahaan sedang meningkat maju, sejak dengan Dasar Ekonomi Baru. Sehingga bulan Ogos 1974, 119 kelulusan untuk projek-projek baru, adalah kepada projek-projek yang dimiliki oleh Bumiputra (lebih 50% dari jumlah equiti yang dicadangkan adalah diuntuk kepada Bumiputra). Ini merupakan kira-kira 8% dari jumlah kelulusan di antara tahun 1971 dan 1974. 56 projek telah diberikan taraf perintis, 42 telah diluluskan tanpa galakan dan 21 telah diberikan lain-lain galakan. Bagi tempoh bulan Januari-Ogos 1974, 10% daripada jumlah kelulusan adalah untuk projek-projek Bumiputra yang telah diberikan samada taraf perintis atau tanpa galakan. Equiti Bumiputra di dalam syarikat-syarikat bertaraf perintis, pada akhir bulan Julai 1974, berjumlah \$57 juta yang merupakan hanya kira-kira 7% sahaja dari jumlah equiti di dalam syarikat-syarikat bertaraf perintis yang berjalan semenjak tahun 1965. Tujuan untuk menambahkan lebih lagi pemilikan equiti Bumiputra mungkin dapat dipenuhi dengan tertubuhnya Jawatankuasa Penyertaan Bumiputra di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pemilikan equiti di antara *rakyat Malaysia* dengan bukan *rakyat Malaysia* di dalam perusahaan-perusahaan bertaraf perintis telah bertukar corak, menaikan bahagian rakyat Malaysia. Kandungan modal dalam negeri telah meningkat naik dari 41% daripada jumlah modal terkumpul dalam projek-projek yang diluluskan dalam tahun 1970, kepada 58% dalam tempoh Januari-Ogos 1974, dan pemilikan asing telah jatuh disebalkinya. Kerajaan telah mengadakan garis-garis panduan untuk mentadbirkan pengambilan harta-harta, percantuman dan pengambilan-alih syarikat-syarikat. Garis-garis panduan ini adalah di laksanakan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing, dan telah dibuat untuk mengadakan perimbangan dalam pemilikan dan pengawasan modal.

Walaupun menjadi tujuan untuk menurunkan bahagian pemilikan asing, jumlah nilai saham-saham yang dimiliki oleh orang-orang asing adalah dijangka akan meningkat lima kali ganda lebih daripada paras tahun 1970 menjelang tahun 1990, mengikut dasar mempercepatkan pertumbuhan perusahaan dan juga perniagaan.

Dasar *penyebaran perusahaan* ke kawasan-kawasan kurang maju, telah diutamakan dengan memberikan galakan-galakan khas, yang termasuk pengecualian cukai paling lama sehingga sepuluh tahun, untuk projek-projek yang didirikan di kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan kurang maju. Peningkatan kawasan-kawasan perusahaan di negeri-negeri kurang maju juga telah digalakkan untuk meluaskan penyebaran faedah-faedah perindustrian. Loji-loji perusahaan perkilangan berlesen, yang didirikan di kawasan-kawasan kurang maju telah diberikan faedah-faedah yang sama seperti di *Kawasan Perdagangan Bebas*, yang khusus mengendalikan perusahaan-perusahaan yang berdasarkan ekspot. Daripada jumlah yang diluluskan dalam tempoh bulan Januari-Ogos 1974, 63% adalah untuk kawasan-kawasan kurang maju, berbanding dengan hanya 43% sahaja dalam tahun 1971. Pada akhir tahun 1973, ada sebanyak 43 kawasan-kawasan perusahaan di Malaysia, 35 di Semenanjung Malaysia, 5 di Sabah dan 3 di Sarawak. Daripada jumlah ini, enam buah telah dijadikan Kawasan Perdagangan Bebas, dalam mana perusahaan-perusahaan tidak sahaja tertakluk kepada urusan-urusan rasmi kastam yang minima tetapi juga menikmati pengecualian cukai terhadap impot bahan-bahan mentah dan alat-alat jentera, dan juga ekspot keluaran mereka.

Dasar untuk mempercepatkan proses perindustrian telah membawa masalah-masalah pentadbiran. Ini tidak dapat dielakkan kerana usaha-usaha pelaburan di Malaysia dipecahkan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan beberapa buah badan resmi yang lain, yang mempunyai tingkat kemampuan yang berbeza-beza. Pemberian tanah untuk ditukarkan kepada tujuan-tujuan perusahaan adalah lambat dan merupakan suatu kesukaran kerana tiap-tiap negeri di Malaysia mempunyai dasar-dasar tanah sendiri. Keperluan-keperluan peraturan telah memberi kesan kurang sihat kepada perkembangan keupayaan pengeluaran dan juga pelaburan-pelaburan baru melalui kelambatan dalam memperoses permohonan-permohonan. Menyelaraskan peraturan-peraturan ini mungkin dapat mempercepatkan pelaburan. Dasar pelaburan, termasuk galakan-galakan dan pengecualian tarif, adalah di dalam kajian yang berterusan, dan amalan-amalan yang merugikan untuk kepentingan negara adalah dijangka akan disemak.

*Pelaburan di dalam tanaman bermasa*, sekarang ini merupakan kira-kira 10% daripada jumlah pelaburan, setelah merosot bahagiannya daripada 37% dalam

tahun-tahun enam puluhan. Ini adalah disebabkan oleh kegiatan-kegiatan yang semakin pesat di dalam sektor-sektor pembinaan dan perkilangan. Pelaburan dalam tanaman bermasa, telah jatuh sebanyak 6.7% di antara tahun 1963-68 tetapi telah pulih semula dalam tahun 1969-72 sebanyak 2% disebabkan oleh dasar-dasar tanah yang lebih liberal. Walau bagaimanapun, dari segi pencapaian matlamat-matlamat rancangan antara tahun 1971-73, kecuali Felda, lain-lain badan telah tidak mencapai matlamat masing-masing. Penubuhan Lembaga Kemajuan Pekekun-pekekun Kecil Getah (Risda) yang memberi perkhidmatan nasihat kepada pekekun-pekekun kecil beserta dengan tingkat harga getah dan kelapa sawit yang agak menarik dalam tahun 1973 dan permulaan tahun 1974 telah mendorong sektor pekekun-pekekun kecil mempercepatkan lagi rancangan-rancangan mereka. Ini telah mengatasi kegiatan-kegiatan menanam semula dan menanam baru yang rendah oleh sektor ladang. Berdasarkan kepada matlamat-matlamat baru, seperti yang telah dibentangkan di dalam Kajian Separuh Penggal RMK, adalah dijangka pelaburan dalam tanaman bermasa akan meningkat sebanyak 12% menjadi \$225 juta tahun ini.

#### Penggunaan swasta bertindakbalas terhadap inflasi

Penggunaan swasta yang merupakan bahagian KNK yang terbesar (61%) masih terus melambung hampir-hampir sepanjang tahun 1974. Ini disebabkan tingkat pendapatan yang tinggi hasil daripada penerimaan-penerimaan ekspot, keuntungan yang berterusan dan kedudukan gunatenaga yang baik. Dari segi sebenar, penggunaan swasta adalah dianggarkan akan meningkat dengan kadar yang agak tinggi sebanyak 9.8% berbanding dengan 4% kadar kenaikan tahunan dalam tahun-tahun enampuluhan, apabila harga-harga adalah agak stabil.

Penggunaan sebenar yang pada lazimnya bergerak mengikut penerimaan-penerimaan ekspot, dengan tahun-tahun ekspot melambung bersama dengan tingkat penggunaan sebenar yang tinggi dan tahun-tahun pertumbuhan ekspot yang rendah bersama dengan penggunaan yang rendah. Ini tidak dapat dilakukan, kerana bahagian besar ekonomi, terutamanya sektor barangan, ialah berdasarkan ekspot (53%). Kadar penggunaan sebenar sekarang yang tinggi, berbanding dengan kadar yang dicatitkan dalam tahun-tahun enampuluhan adalah akibat dari kenaikan dalam pendapatan per kapita yang membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi.

Dua tahun yang lepas telah menunjukkan kenaikan yang cepat di dalam harga-harga pengguna, yang telah menimbulkan suatu perkara baru, "saikoloji inflasi" yang telah memberi kesan kepada tabiat pengguna-pengguna. Kenaikan sebanyak  $10\frac{1}{2}\%$  dalam Angkutan-juk Harga Pengguna dalam tahun 1973, telah hampir-hampir berlipat ganda dalam tahun 1974. Kenaikan


yang besar bagi tempoh Januari-September dalam tahun 1974 berlaku dalam harga makanan (+30%), barang-barang kekal dan separuh kekal (+13%) dan kos dan bayaran-bayaran pengangkutan (+8%). Penggunaan, dari segi harga semasa, telah hampir mencapai \$12,000 juta, meningkat sebanyak 26%, lebih tinggi dari kenaikan tahun 1973 sebanyak 19%, apabila penggunaan dari segi sebenar berada pada peringkat yang paling tinggi. Kenaikan yang cepat dalam harga-harga pengguna biasanya mengakibatkan pertumbuhan yang rendah dalam pendapatan tolak cukai dan seterusnya menurunkan kuasa beli serta membawa kepada kenaikan yang rendah dalam penggunaan sebenar. Walau bagaimanapun, keadaan melambung dalam harga-harga barang telah menaikkan dengan banyaknya pendapatan mereka di dalam sektor ekspot, kerana nisbah harga impot-ekspot telah menguntungkan mereka dalam tahun 1973. Keadaan permintaan yang tinggi di dalam negeri dan juga di pasaran luar negeri dalam tahun 1973 telah menaikkan keuntungan ke paras yang tersangat tinggi di setengah-setengah firma.

Kenaikan yang besar di dalam harga-harga makanan telah mendorong Kerajaan mengambil langkah-langkah segera yang bersifat sementara. Ini termasuklah pemberian subsidi-subsidi kepada beras yang diimpot, pengecualian cukai impot dan tambahan impot di atas bahan-bahan makanan asas seperti tepung dan gula.

Bukti pembelian yang didorong oleh saikoloji inflasi, telah semakin nyata terutamanya di dalam pembelian barang-barang pengguna kekal. Impot motokar telah meningkat sebanyak 76% bagi lapan bulan pertama tahun ini, sementara impot motosikal telah meningkat sebanyak 110%. Jualan motokar penumpang, telah meningkat sebanyak 58% bagi tempoh bulan Januari hingga April 1974. Pendaftaran motokar terus tinggi dengan pertambahan sebanyak 21% bagi tempoh bulan Januari-Ogos, sementara pendaftaran lesen-lesen talivisyen telah mencatatkan kenaikan sebanyak 19% dalam separuh pertama tahun ini. Pinjaman-pinjaman syarikat-syarikat meminjam untuk pembelian-pembelian seawal telah meningkat sebanyak 34% bagi sembilan bulan pertama tahun 1974 sementara pinjaman-pinjaman dari bank-bank perdagangan untuk tujuan-tujuan persendirian (selain dari perumahan) telah mencatatkan kenaikan sebanyak 32% pada kadar tahunan berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Penggunaan bahan-bahan keperluan asas seperti makanan terus kekal agak tidak anjal, terhadap perubahan-perubahan dalam harga, walaupun harga-harga makanan telah meningkat lebih 30% bagi sembilan bulan pertama tahun ini. Walau pun begitu, permintaan terhadap pakaian telah turun seperti yang dicerminkan oleh kejatuhan dalam jualan pakaian sebanyak 22% dalam tempoh Januari-Ogos 1974 berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1973.

RAJAH 22

**PENUNJUK PENUNJUK PENGGUNAAN SWASTA**



Perbelanjaan penggunaan sebenar mereka yang berpendapatan tetap dan yang makan gaji telah merosot kerana kuasa beli mereka telah jatuh oleh kenaikan dalam harga-harga pengguna. Ini telah menyebabkan mereka yang makan gaji mendekuk untuk gaji yang lebih tinggi bagi mengembalikan semula tingkat pendapatan mereka. Tindakan Kerajaan terhadap masalah ini telah diterangkan di atas. Kalangan swasta telah memberikan kenaikan gaji, berbeza-beza di antara 7% hingga 80% dalam 76 perjanjian yang telah dipersejui di antara bulan Januari hingga Oktober tahun ini.

Permintaan ekspot yang dijangka rendah pada tahun 1975, bersama dengan nisbah harga impot-ekspot yang merugikan akan menurunkan pendapatan sebenar dan juga penggunaan. Perbelanjaan bercorak mengelak inflasi (hedging) akan berkurangan di akhir-akhir tahun 1975. Kenaikan upah yang sederhana mungkin turun mengurangkan perbelanjaan pengguna, manakala lapuran-lapuran mengenai pemberhentian pekerja-pekerja di negara-negara jiran, dan pengurangan waktu bekerja di beberapa buah kilang, seperti elektronik di Malaysia, mungkin akan mendorongkan pengguna-pengguna lebih berhati-hati terhadap perbelanjaan.

#### Kadar Inflasi lebih tinggi tetapi berkurangan

Kenaikan harga-harga pengguna semenjak dua tahun dahulu telah berkurangan. Setelah meningkat dengan pesatnya sebanyak 21% dalam kadar purata tahunan pada suku pertama tahun 1974, Angkutnjuk Harga Pengguna (AHP) bagi Semenanjung Malaysia ( $1967 = 100$ ) telah menunjukkan kadar kenaikan yang berkurangan semenjak bulan April kepada hanya 14.8% pada bulan September 1974. Arahaliran kadar kenaikan AHP yang berkurangan dijangka pada amnya akan berterusan sungguhpun kenaikan dalam harga barang-barang makanan mungkin meningkat dengan lebih deras akibat musim perayaan. Bagi sembilan bulan pertama kadar purata kenaikan tahunan bagi jumlah besar AHP ialah 19%, manakala AHP bagi barang-barang makanan ialah 30%. Pada keseluruhannya adalah dianggarkan kadar purata inflasi pada tahun ini adalah lebih kurang 18% (10.5% pada 1973). (Lihat Rajah 23).

Kadar kenaikan harga-harga makanan (wajar: 46.8%), yang sehingga ini telah menunjukkan kadar kenaikan yang paling pesat dalam tahun ini, telah juga berkurangan dari kadar purata tahunan sebanyak 35% pada suku pertama ke kira-kira 24% pada suku ketiga. Pada bulan September 1974, kadar kenaikan tahunan adalah 20.3% melebihi paras pada bulan yang sama tahun 1973. Kekurangan dalam kadar kenaikan AHP bagi barang-barang makanan adalah disebabkan

oleh kestabilan harga-harga beras dan minyak dan lemak dari suku kedua tahun ini dan juga apabila lebih lagi bahan-bahan dimasukkan dalam Akta Kawalan Bekalan, 1961.

Sungguhpun kadar kenaikan harga bagi setengah-setengah bahan-bahan telah menjadi stabil, kadar kenaikan bagi AHP pengangkutan dan perhubungan menunjukkan kenaikan yang pesat dari kadar tahunan sebanyak 4.9% (suku pertama tahun 1974) sehingga 9.2% (suku kedua) dan 11.2% (suku ketiga). Ini adalah pada sebagiannya disebabkan oleh kenaikan harga petrol pada bulan Mei dan diesel pada bulan Jun yang diluluskan oleh Kerajaan dan kenaikan harga-harga kenderaan yang diimpot.

Pada amnya, AHP bagi barang-barang tidak kekal (seperti bahan-bahan makanan, tembakau, minuman) telah meningkat dengan pesatnya sebanyak 24.9% secara kadar purata tahunan bagi sembilan bulan pertama tahun 1974, manakala bagi barang-barang kekal (seperti kereta, peti seuk, talivisyen) dan barang-barang separuh kekal (seperti pakaian, bulb lampu letrik) kenaikannya adalah 12.5% dan 13.9%. Bagi perkhidmatan, kenaikannya adalah lebih perlaha sebanyak 4.5%.

Arahaliran AHP bagi Negeri Sabah dan Sarawak adalah lebih kurang sejarah dengan arahaliran AHP Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah, kadar kenaikan tahunan dalam jumlah AHP pada bulan Julai 1974 adalah 15% melebihi angkanya setahun yang lalu. Sungguhpun kadar kenaikan purata tahunan bagi tujuh bulan pertama tahun 1974 adalah 14.4% (+6.6% pada tahun 1973), arahaliran yang meningkat telah berkurangan semenjak bulan Februari apabila kadar kenaikan tahunan ialah sebanyak 15.5%. Bagi bahan-bahan makanan pula, kadar kenaikan purata tahunan ialah sebanyak 24.8% bagi tujuh bulan pertama tahun ini berbanding dengan kadar purata tahunan sebanyak 12.5% pada tahun 1973.

Di Sarawak, kadar inflasi adalah kira-kira sama seperti yang terdapat di Sabah. Pada bulan Julai 1974, kadar kenaikan tahunan bagi jumlah besar AHP adalah 14.9% dan bagi tujuh bulan pertama tahun ini kenaikan purata tahunan adalah juga 14.9% (8% pada tahun 1973). Bagi bahan-bahan makanan, kadar kenaikan tahunan bagi tujuh bulan pertama tahun 1974 adalah 25.9% iaitu satu kenaikan yang tinggi berbanding dengan kadar purata tahunan sebanyak 14.7% pada tahun 1973. Adalah dianggarkan bahawa kadar purata inflasi bagi Negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 1974 ialah kira-kira sebanyak 15%.


Kenaikan harga telah pun sampai ke puncaknya. Bagaimanapun peringkat jumlah permintaan dalam negara yang tinggi akibat dari pengaliran masuk penerimaan ekspot yang lumayan terutamanya pada awal tahun 1974, semasa kekurangan bekalan bagi

RAJAH 23

### HARGA - HARGA PENGGUNA


-1967 = 100-

SEMPERANJUNG MALAYSIA



RAJAH 24

### HARGA HARGA PENGGUNA DI NEGARA NEGARA UTAMA



setengah-setengah barang-barang keperluan, akan mengjudgkan kadar inflasi di negara ini di peringkat yang tinggi. Sorokan dan perbuatan mengambil keuntungan yang berlebih-lebihan, terutamanya terhadap barang-barang keperluan yang mengalami kekurangan bekalan oleh setengah-setengah peniaga telah memburukkan lagi kadar kenaikan harga. Bagaimanapun, dengan adanya langkah-langkah pentadbiran bagi mencegah inflasi, seperti kempen anti sorok semenjak bulan Mac 1974, dan pelesenan bagi perniagaan dalam barang-barang keperluan dan kegiatan kempen mencegah penyeludupan, kenaikan harga akibat daripada sorokan dan perbuatan mengambil keuntungan yang berlebih-lebihan nampaknya dapat dikawal.

Dari luar negeri, inflasi yang diimpor dengan mudahnya dialami oleh ekonomi, terutamanya oleh kerana jumlah impot merupakan kira-kira 48% dari KNK negara ini. Kadar inflasi yang diimpor dapat dicerminkan dari kenaikan angkatunjuk harga impot sebanyak 42% bagi tujuh bulan pertama tahun 1974 apabila dibandingkan dengan jangka masa yang sama tahun 1973. Bagi barang-barang pengguna, akibat dari inflasi yang diimpor adalah sertamerta manakala bagi barang-barang perantaraan dan pelaburan akibatnya ke atas kos pengeluaran mungkin mengambil sedikit masa.

Sungguhpun kadar inflasi di negara ini adalah lebih rendah apabila dibandingkan dengan kadar-kadar di negara-negara jiran (*lihat Rajah 6 dan 24*), kadar inflasi yang dua angka pada masa ini dengan sendirinya adalah merunsingkan dan memerlukan perhatian yang berterusan. Kerajaan telah melancarkan beberapa langkah bagi mencegah inflasi pada tahun 1974, untuk menyempurnakan langkah-langkah yang telah diambilnya pada tahun 1973. Langkah-langkah belanjawan yang telah diambil termasuk pengecualian cukai-cukai tokok dan duti-duti impot ke atas tepung gandum, gula, minyak petrol, diesel, minyak tanah, baja-baja nitrogenous kompound dan lain-lain bahan keperluan selain daripada subsidi-subsidi yang tersebut di atas. Langkah-langkah belanjawan ini telah merugikan Kerajaan sebanyak kira-kira \$550 juta dalam tahun 1974 dari segi perbelanjaan dan hasil yang tidak dapat diperolehi.

Tambahan pula, cukai surcay eksport dan duti-duti ke atas getah, minyak kelapa sawit dan timah telah pun di "progressif"kan untuk menyerap mudauan yang berlebihan akibat penerimaan eksport yang lumayan. Dasar kewangan telah pun diperketatkan bagi mengawal pinjaman-pinjaman bank untuk pembelian barang-barang pengguna yang tidak perlu dan spekulasi. Kadar-kadar bunga telah dinaikkan untuk menggalakkan simpanan dan mengurangkan perbelanjaan.

Kerajaan telah meluluskan pembinaan lebih lagi kilang-kilang simin tetapi ini mengambil masa sebelum kekurangan boleh dapat ditemui. Eksport dalam minyak tanah dan baja telah diharapkan manakala

kawalan eksport dikenakan ke atas simin, batu bata clinker, besi dan besi waja bulat dan lain-lain alat perumahan untuk menentukan bekalan tempatan yang cukup. Tambahan pula, harga-harga bagi semua jenis beras telah pun dikawal semenjak 17hb Jun, 1974.

Sungguhpun Kerajaan telah mengambil banyak langkah-langkah bagi mencegah inflasi, adalah perlu untuk terus memerhatikan keadaan sekaran supaya dapat mengambil banyak lagi langkah-langkah apabila keadaan memerlukannya. Sungguhpun adanya usaha-usaha Kerajaan dalam bidang ini, adalah sukar untuk mengawal inflasi dengan sepenuhnya melainkan apabila keadaan antarabangsa bertambah baik dan keupayaan bekalan dalam negara bertambah baik lagi. Oleh itu, inflasi dijangka akan berterusan sungguhpun dengan kadar yang lebih perlaha pada tahun 1975 apabila dibandingkan dengan tahun 1974.


### Dasar Kewangan—Pengetatan yang selektif

Kadar pertumbuhan bekalan wang yang tinggi ketika harga-harga pengguna meningkat dengan pesatnya semenjak tahun lalu adalah merunsingkan. Oleh itu beberapa langkah kewangan telah dilancarkan pada tahun ini dan pada bulan Disember 1973 bagi tujuan mencegah kenaikan harga melalui pertumbuhan bekalan wang di negara ini.

Kadar bunga bagi simpanan tetap dan simpanan tabungan serta kadar pinjaman utama bagi pinjaman dan pendahuluan telah dinaikkan lagi dari  $\frac{1}{2}$  hingga 1 angka peratus pada 17hb Disember, 1973. Bank-bank perdagangan dikehendakki meninggikan nisbah cadangan berkanan mereka dari 8½% ke 10% dari jumlah simpanan mereka manakala cadangan berkanan syarikat-syarikat meminjam juga dinaikkan dari 5% ke 7% dari jumlah simpanan mereka mulai 16hb Januari, 1974. Kenaikan cadangan-cadangan berkanan ini membolehkan sebanyak kira-kira \$90 juta dari bank-bank perdagangan dan \$20 juta dari syarikat-syarikat meminjam diserap pada akhir bulan Januari 1974 dan tidak syak lagi langkah ini menggalakkan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam mengurangkan pemberian pinjaman mereka.

Sungguhpun adanya langkah-langkah ini, kadar pertumbuhan bekalan wang pada suku pertama tahun ini adalah terus meningkat, sebanyak 30% dalam kadar purata tahunan disebabkan terutamanya, oleh pengaliran masuk penerimaan eksport yang kukuh. Pada ketika itu, Angkatunjuk Harga Pengguna terus meningkat sehingga kekadarnya yang luarbiasa sebanyak 24% dalam kadar tahunan pada bulan Mac 1974. Memandangkan hal yang semedikian, beberapa lagi langkah-langkah kewangan telah diambil pada 23hb April, 1974. Kadar bunga bagi simpanan-simpanan tabungan dan simpanan tetap yang cukup tempoh genap 9 dan 12 bulan telah dinaikkan lagi sebanyak satu angka peratusan manakala kadar bunga bagi simpanan-simpanan

RAJAH 25



tetap yang mempunyai masa cukup tempoh lebih pendek dinaikkan sebanyak kurang dari satu angka peratusan untuk menggalakkan lebih lagi simpanan. Tambahan pula, untuk menjamin supaya pinjaman-pinjaman bank tidak memburukkan keadaan mudah-tunai yang berlebihan dalam ekonomi, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam masing-masing dikehendakki menghadkan tambahan pinjaman dan pendahuluan mereka kepada 20% dan 25% dari peringkat bulan Disember 1973 sebanyak \$4,867 juta dan \$615 juta. Institusi-institusi kewangan ini dikehendakki memberi keutamaan kepada sektor-sektor produktif yang mengalami masaalah daya pengeluaran semasa memberikan pinjaman mereka. Keperluan bagi bank-bank perdagangan untuk membekalkan sebahagian daripada simpanan mereka dalam pinjaman-pinjaman kecil di bawah Sekim Jaminan Kredit yang dilancarkan pada bulan Disember 1973, juga telah dinaikkan dari 3% ke 5% supaya peniaga-peniaga kecil tidak diketepikan dari biayaan wang yang cukup bagi pelaburan.

Langkah-langkah yang dikemukakan pada bulan April yang termasuk "progressivity" dalam kadar cukai tokok ekspot ke atas getah, minyak kelapa sawit dan timah dapat mengawal haluan kewangan sebagaimana dikehendakki. Dengan ini, pertumbuhan bekalan wang telah berkurangan dari kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 31% pada akhir bulan Mac 1974 ke 21% pada akhir bulan Jun. Apabila dibandingkan dengan peringkat pada akhir bulan Disember 1973, bekalan wang pada akhir bulan Jun adalah hanya 1.3% lebih tinggi. Di samping itu pinjaman dan pendahuluan bank-bank telah bertambah sebanyak 10% pada akhir bulan Jun apabila dibandingkan dengan peringkat pada akhir bulan Disember 1973. Di samping itu, Angkutan-juk Harga Pengguna telah menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan yang berkurangan dari 24% dalam bulan Mac 1974 ke 18.5% dalam bulan Jun.

Sungguhpun tambahan bekalan wang dan kredit yang dibekalkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam telah berkurangan pada suku kedua tahun ini, adalah penting untuk menentukan haluan pinjaman bank-bank selaras dengan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian, pada *11hb Julai, 1974* satu legaan yang selektif dalam had pertumbuhan kredit telah dikemukakan. Pinjaman-pinjaman kepada Bumiputra, peminjam-peminjam kecil, individu-individu untuk perumahan, dan Kerajaan serta perbadanan dan agensi Kerajaan untuk tujuan-tujuan tertentu, tidak lagi dikenakan had pertumbuhan kredit. Bagaimanapun had pinjaman sebanyak 20% yang dikenakan ke atas bank-bank pada *23hb April, 1974* terus berkuatkuasa dengan syarat sebanyak 25% dari pada jumlah tambahan pinjaman ini mestilah dalam pinjaman kepada perusahaan perkilangan. Langkah-langkah yang diambil pada bulan Julai ini walaupun

bercorak selektif sebenarnya membenarkan kenaikan dalam jumlah pinjaman dan pendahuluan yang boleh dibekalkan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat meminjam dalam tahun ini.

#### **Penentuan-penentuan Bekalan Wang—Berkembang dengan lebih perlahan**

Dengan adanya langkah-langkah kewangan yang lebih ketat pertumbuhan bekalan wang telah berkurangan dari kadar tahunan sebanyak 37% pada akhir bulan Disember, 1973 ke kira-kira 13.2% pada akhir bulan September, 1974. (*Lihat Rajah 25*).

Dalam sembilan bulan pertama tahun 1974, bekalan wang bertambah sebanyak 1.6% atau \$58 juta, dari \$3,735 juta pada akhir bulan Disember, 1973 ke \$3,793 juta pada akhir bulan September, 1974. Pendorong utama ke atas perkembangan bekalan wang datangnya dari sektor luar negeri yang menyumbangkan tambahan sebanyak \$300 juta dalam jangka masa tersebut.

*Sektor awam* mempunyai dorongan bercorak berkembangan yang tidak begitu kuat sebanyak \$35 juta ke atas bekalan wang dalam sembilan bulan pertama tahun 1974. Kredit yang diperolehi oleh sektor awam melalui pemegangan bil-bil Perbadanan, surat-surat jaminan Kerajaan dan pinjaman bertambah sebanyak \$119 juta manakala tambahan simpanan sektor awam dengan sistem bank-bank bertambah hanya sebanyak \$84 juta. Pertumbuhan simpanan sektor awam yang lebih perlahan adalah terutamanya disebabkan oleh pengurangan simpanannya dengan sistem bank-bank.

*Sektor swasta*, sebaliknya, adalah bercorak kuncupan dan ini adalah bertentangan dengan pengaruh berkembangan yang dibuatnya pada tahun 1973 sebanyak \$790 juta. Sektor ini menyerap sebanyak \$12 juta daripada bekalan wang dalam sembilan bulan pertama tahun ini. Sungguhpun keredit yang diperolehi oleh sektor swasta, terutamanya, oleh individu-individu dan badan-badan perniagaan, meningkat sebanyak \$650 juta, ini telah diseimbangkan oleh tambahan simpanan-simpanan sektor swasta dengan sistem bank-bank sebanyak \$662 juta. Tambahan dalam simpanan tetap dan tabungan dengan sistem bank-bank dalam jangka masa tersebut adalah terutamanya disebabkan oleh kadar bunga yang lebih tinggi dan pendapatan yang lebih tinggi dari penerimaan ekspot. Pangaruh-pengaruh lain keseluruhannya mengakibatkan satu dorongan berkuncupan sebanyak \$265 juta ke atas bekalan wang dalam jangka masa itu.

Adalah dianggarkan, sekiranya kawalan kredit diteruskan dan jika harga-harga barang ekspot terus merosot terutamanya, bagi getah dan kayu-kayan, kadar pertumbuhan bekalan wang bagi keseluruhan tahun 1974 akan menjadi lebih rendah daripada kadar pertumbuhan yang tinggi kira-kira sebanyak 37% yang dialami pada tahun 1973.

Adalah nyata bahawa dasar kewangan sekarang telah muncul sebagai satu aspek pengurusan ekonomi yang penting dan ianya akan terus memainkan peranan yang penting dalam tahun 1975 apabila pertumbuhan bekalan wang dijangka akan berkurangan.

### Keadaan Pasaran Wang yang ketat

Pada amnya pasaran wang Malaysia adalah ketat dalam tahun 1974 terutamanya dalam suku kedua dan awal suku ketiga, apabila setengah-setengah bank mengalami masalah keadaan mudauntai yang rumit, sungguhpun pada puratanya, kedudukan mudauntai bagi semua bank-bank perdagangan adalah senantiasa kira-kira 5% melebihi keperluan mudauntai minima sebanyak 25% yang dikehendaki oleh undang-undang. Kadar pinjaman antara bank bagi wang panggilan lapan hari dari sepuluh buah bank-bank utama mithalnya, telah meningkat dari kadar purata harian sebanyak 7% dalam minggu keempat bulan Disember, 1973 ke sehingga 18.6% dalam minggu kedua bulan Ogos tahun ini. Bagi wang bermalam dan lain-lain kumpulan wang antara bank, kadar-kadarinya adalah tinggi, terutamanya, pada bulan Jun, Julai dan awal bulan Ogos (*Lihat Rajah 26*).

Pada lahirnya, adalah paradox bagi pasaran wang Malaysia menjadi ketat pada ketika kumpulan wang antara bank seharusnya bertambah memandangkan adanya kawalan-kawalan ke atas pertumbuhan pinjaman-pinjaman bank-bank semenjak awal tahun 1974. Bagaimanapun, adalah nyata pada suku pertama, keadaan pasaran wang yang ketat yang dialami itu adalah kerana bank-bank perdagangan diperlukan mengurangkan pegangan wang tunai mereka serta mendiskaun semula bil-bil Perbendaharaan bagi menemui kenaikan dalam keperluan cadangan berkanan (pada 16hb Januari, 1974) dari 81% ke 10% daripada jumlah simpanan mereka. Pengeluaran-pengeluaran wang tunai oleh individu-individu swasta sebelum Hari Raya China yang jatuh pada lewat bulan Januari telah juga memburukkan lagi keadaan tersebut. Kecuali pada bulan April, apabila keadaan pasaran lega sedikit disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih perlahan ketika simpanan-simpanan dengan bank-bank meningkat akibat dari kenaikan kadar-kadar bunga, keadaan pasaran wang menjadi lebih ketat lagi dalam suku kedua. Ini pada sebahagiannya disebabkan oleh pengeluaran-pengeluaran wang yang pesat oleh orang ramai ketika pembayaran cukai pendapatan memuncak pada bulan-bulan berhampiran bulan Jun.

Bilangan bank-bank saudagar yang meningkat dalam negara ini dan penyertaan mereka yang aktif dalam pasaran wang telah menambahkan lagi pertandingan untuk mendapatkan kumpulan wang antara bank. Ini mungkin telah memburukkan keadaan pasaran wang yang ketat itu dan menyebabkan kadar-

kadar antara bank meningkat. Tambahan pula, setengah-setengah bank yang mempunyai masalah mudauntai nampaknya lazim mendiskau semula bil-bil pertukaran mereka dengan setengah-setengah firma-firma besar yang kemudiannya, mengeluarkan pegangan wang mereka dari bank-bank lain. Ini mungkin adalah satu faktor yang menyebabkan kadar antara bank yang tinggi itu. Adalah difahamkan bahawa pasaran wang yang ketat, terutamanya, pada suku kedua dan awal suku ketiga tahun ini adalah juga disebabkan oleh setengah-setengah bank menyorokkan kumpulan wang mereka dari pasaran antara bank supaya dapat memperolehi keuntungan yang lebih apabila kadar-kadar antara bank meningkat, akibat dari perbuatan itu.

Bagaimanapun, semenjak awal bulan September, terutamanya, selepas kemuncak tempoh pembayaran cukai pendapatan bagi tahun ini, pasaran wang telah pun lega. (*Lihat Rajah 26*).

### Lapan buah Bank Saudagar sedang menjalankan perniagaan


Kemunculan bank-bank saudagar menandakan satu lagi perkembangan kearah penubuhan satu sistem kewangan yang lebih bermutu di Malaysia. Dalam keadaan semasa, kegiatan-kegiatan perusahaan dan perdagangan negara berkembang, keperluan-keperluan berkenaan dengan kewangan, perkhidmatan-perkhidmatan nasihat dan pengurusan hartabenda yang lebih bermutu semakin bertambah mustahak, dan adalah dijangkakan bahawa bank-bank saudagar dapat membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan ini dengan lebih sempurna lagi.

Bank-bank saudagar menjalankan perniagaan "bank pemborong" secara menambah dan menyempurnakan aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh institusi-institusi kewangan yang ada pada masa ini. Mereka tidak dibenarkan bertanding dengan bank-bank perdagangan dalam mendapatkan simpanan-simpanan semasa dari orang ramai, firma-firma atau kongsi-kongsi. Oleh itu, bank-bank saudagar tidak dapat memperolehi sumber kumpulanwang yang bernilai ini oleh kerana simpanan semasa tidak dikenakan bayaran bunga. Bagaimanapun bank-bank saudagar boleh menerima simpanan-simpanan yang bernilai tidak kurang dari \$250,000 tiap-tiap satu simpanan dari bank-bank, syarikat-syarikat meminjam dan lain-lain institusi bank yang diluluskan. Perniagaan dalam matawang asing dan emas tidak dibenarkan sekarang dan ini menunjukkan perbezaan fungsi antara bank-bank saudagar dan bank-bank perdagangan.


Sungguhpun bank-bank saudagar adalah satu jenis institusi baru di negara ini, bilangan bank-bank ini telah bertambah sehingga lapan buah dalam bulan Oktober 1974 semenjak tahun 1970. Jumlah modal yang dibayar bagi lapan buah bank saudagar ini pada akhir

RAJAH 26

## KADAR WANG ANTARA BANK PURATA MINGGUAN



## KEDUDUKAN MUDAHTUNAI BANK BANK PERDAGANGAN



bulan Oktober 1974 ialah \$33.2 juta, \$18.5 juta (56%) daripadanya adalah dalam hak pegangan rakyat Malaysia. Adalah diperlukan oleh undang-undang bahawa modal yang telah dibayar bagi sesebuah bank saudagar mestilah sekurang-kurangnya \$1 juta. Di samping itu bank-bank saudagar adalah dikenakan dua "gearing ratios" yang akan ditentukan oleh Bank Negara dari masa ke masa. Ini adalah pertamanya, nisbah antara pinjaman dalam negara (termasuk simpanan-simpanan) dan kumpulanwang pemegang-pemegang saham [15:1] dan, keduanya, nisbah antara pinjaman dalam negara (termasuk simpanan-simpanan) serta tanggungan-tanggungan kontingen (termasuk jaminan dan penerimaan) dan kumpulanwang pemegang-pemegang saham [20:1] dengan syarat nisbah antara tanggungan-tanggungan kontingen (termasuk jaminan dan penerimaan) dan kumpulanwang pemegang-pemegang saham tidak melebihi nisbah 5:1 pada sesuatu masa. Bank Negara boleh juga menghendakki bank-bank saudagar memegang sebahagian dari jumlah harta mereka dalam harta-harta yang tidak mempunyai risiko dan menyimpan satu cadangan daripada tanggungan-tanggungan simpanan mereka dengan Bank Negara. Pada akhir bulan Ogos 1974, nisbah antara pinjaman-pinjaman dalam negara dan kumpulanwang pemegang-pemegang saham bank-bank saudagar adalah 6.7:1 manakala nisbah antara pinjaman-pinjaman dalam negara serta tanggungan-tanggungan kontingen dan kumpulanwang pemegang-pemegang saham adalah 7.5:1.

Tugas-tugas bank-bank saudagar adalah pelbagai jenis. Selain daripada menyertai dalam pasaran wang jangka pendek dan modal seperti biayaan, pengurusan saham, pajak serta dalam semua aspek biayaan syarikat, bank-bank saudagar juga membekalkan perkhidmatan nasihat dan pengurusan "portfolio". Pada akhir bulan Ogos 1974, bank-bank saudagar telah mengurus jumlah "portfolio" sebanyak kira-kira \$88 juta, sebahagian besar kumpulanwang ini adalah keupayaan kumpulanwang simpanan. Kira-kira \$47 juta (53% dari jumlah ini) telah dilaburkan dalam stok dan saham yang dinyatakan dan \$18 juta (20%) dalam surat-surat jaminan Kerajaan Malaysia. Dalam lapan bulan pertama tahun 1974, bank-bank saudagar telah menyertai dalam pengurusan berkenaan lapan keluaran saham berjumlah sebanyak \$27.5 juta (10 keluaran saham yang bernilai sebanyak \$20 juta pada tahun 1973). Mereka telah mengurangkan 12 penyelidikan dan pengajian keupayaan dalam jangka masa yang disebutkan dalam bidang-bidang: biayaan projek, gabungan-gabungan, cadangan-cadangan bagi merangka semula dan menambah modal, pengurusan harta-benda, syarikat-syarikat perniagaan dan hotel-hotel.

Jumlah simpanan tetap dan wang panggilan dengan bank-bank saudagar pada akhir bulan Ogos 1974 adalah berjumlah \$195 juta. Semua dari simpanan-simpanan ini datangnya dari sumber-sumber dalam

negara dan kebanyakannya mempunyai cukup tempoh dari setahun dan ke bawah. Kira-kira 64% daripada simpanan-simpanan ini datangnya dari syarikat-syarikat meminjam dan 13% dari bank-bank perdagangan. Oleh kerana corak aktiviti-aktiviti mereka, institusi-institusi ini hanya boleh menyimpan kumpulanwang mereka yang berlebihan dengan bank-bank saudagar bagi jangka pendek sahaja.

Jumlah pinjaman (termasuk bil-bil perdagangan dan kemudahan-kemudahan biayaan semula) yang dibekalkan oleh bank-bank saudagar pada akhir bulan Ogos 1974 adalah berjumlah kira-kira \$202 juta. kebanyakannya dibekalkan kepada pelanggan-pelanggannya di Malaysia. Oleh kerana kumpulanwang yang diperolehi oleh bank-bank saudagar adalah bercorak jangka pendek, maka kira-kira 60% dari pinjaman-pinjaman ini adalah cukup tempoh dari setahun ke bawah. Kira-kira 54% dari jumlah pinjaman-pinjaman ini adalah dipinjamkan kepada badan-badan perniagaan manakala 42% dipinjamkan kepada bank-bank perdagangan. Pinjaman-pinjaman berjangka yang dibekalkan untuk lebih dari setahun adalah kira-kira \$41 juta manakala jumlah pinjaman untuk bil-bil perdagangan dan kemudahan-kemudahan biayaan semula merupakan \$38 juta lagi.


Dengan bilangan bank-bank saudagar terus meningkat, pertandingan menjadi lebih pesat lagi dan bidang-bidang perniagaan baru perlu dicari. Adalah dijangkakan pada masa yang akan datang, lebih lagi firma-firma swasta akan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan khusus yang dibekalkan oleh bank-bank saudagar untuk galakan dan perkembangan perniagaan mereka.

### Bspp diubah menjadi Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Pejabat Pos (Bspp) adalah satu daripada institusi-institusi utama melalui mana Kerajaan boleh menggalakkan simpanan tabungan. Adalah merunsingkan memandangkan kadar pertumbuhan simpanan tabungan dengan Bspp yang perlahan apabila dibandingkan dengan kemajuan yang dicapai oleh bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan. Pertumbuhan simpanan tabungan dengan bank-bank perdagangan pada akhir tahun 1973 adalah meningkat tiga kali ganda semenjak tahun 1965 manakala simpanan tabungan dengan Bspp adalah hanya meningkat dua kali ganda. Dalam jangka masa yang sama pertumbuhan simpanan tabungan bank-bank perdagangan adalah sebanyak 17.6% setahun dalam kadar komponen manakala dengan Bspp kadaranya adalah 10.1%. sungguhpun kadar bunga yang dibayar untuk simpanan tabungan dengan Bspp ada kalanya lebih tinggi. (*Lihat Rajah 27*).

RAJAH 27

PERBEDAAN PERTUMBUHAN SIMPANAN\*  
KADAR PERTUKARAN TAHUNAN



Adalah perlu bagi membaiki peraturan-peraturan pentadbiran Bspp yang lama. Seorang penyimpan Bspp mithalnya, hanya boleh mengeluarkan simpanannya dengan sertamerta setakat \$400 sahaja. Pengeluaran wang yang melebihi \$400 hanya boleh dibuat setelah menghantar notis kepada ibupejabat Bspp. Tambahan pula, tidak lebih dari satu penge- luaran dibenarkan dalam seminggu.

Dengan bertambah pentingnya akan tugas-tugas menggalakkan simpanan tabungan ketika adanya keadaan inflasi, adalah perlu untuk membaiki pertubuhan Bspp. Oleh yang demikian pada 23hb April, 1974, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan pertubuhan perbadanan simpanan kebangsaan yang akan dinamakan Bank Simpanan Nasional (Bsn) bagi menggantikan Bspp. Bsn ini, yang akan ditubuhkan pada 1hb Disember, 1974, akan mengekalkan sifat-sifat Bspp yang lebih baik seperti jaminan Kerajaan terhadap pembayaran balik semua simpanan-simpanan tabungan dengan bank ini, penempatan bank-bank ini secara berlepasan dan kemudahan-kemudahan untuk mengeluarkan wang dari mana-mana pejabatnya di negara ini. Dengan adanya pembaikan institusional dan pentadbiran, adalah dijangkakan Bsn akan memainkan peranan yang lebih luas sebagai satu institusi simpanan tabungan.

### Pasaran Saham Malaysia—sentimen menjual

Sentimen menjual semakin menjadi di kebanyakan pasaran saham di seluruh dunia pada tahun 1974, terutamanya, dalam suku ketiga. Di London, Angkatunjur Perusahaan Financial Times menjunam ke peringkat yang paling rendah dalam 15 tahun pada 19hb Ogos, 1974, manakala, kira-kira sebulan kemudiannya di New York, Angkatunjur Perusahaan Dow Jones telah menerjun ke peringkat yang paling rendah pernah dialami pada bulan November, 1962 apabila angkatunjurnya mencatat paras 627.19 pada 13hb September. Di Hong Kong dan Singapura juga, pasaran saham kelihatan suram. Oleh itu keadaan Pasaran Saham Kuala Lumpur tidak dapat dilindungi dari sentimen yang suram yang terdapat di pasaran-pasaran saham utama luar negeri.

Arahaliran menjual yang terdapat di pasaran saham Malaysia pada lewat tahun 1973 telah berterusan ke bulan November tahun ini dengan sokongan pembelian yang berkurangan dan harga-harga saham menerjun ke nilai par. Semenjak awal bulan September, 1974 kebanyaknya harga-harga saham jatuh lagi kepada peringkat yang paling rendah lalu mengakibatkan Angkatunjur Perusahaan *New Straits Times* menuju ke peringkat yang paling rendah dalam tiga tahun yang lepas apabila angkatunjuk yang serupa ini diadakan. Langkah-langkah pun diambil untuk membaiki ke-


adaan tersebut. Peraturan-peraturan baru telah dikenakan ke atas Pasaran Saham Kuala Lumpur pada 17hb September, 1974, yang memerlukan "serahan sertamerta" oleh peniaga-peniaga untuk tidak menggalakkan penjual "short". Ini mempunyai kesan yang dikehendakki dan harga-harga mula meningkat pada lewat bulan September. Berikutkan dari itu, pembelian saham "blue chips" dan stok-stok kewangan pun bertambah. Bagaimanapun, peraturan ini ditarikbalik pada lewat bulan Oktober bagi kebanyakan saham-saham. Jumlah saham yang diniaga bagi sembilan bulan pertama tahun 1974 adalah kira-kira \$625.5 juta. (satu pertiga daripada nilai yang diniaga dalam jangka masa yang sama tahun lalu). Nilai bagi semua stok dan saham, kecuali timah, yang diniaga dalam tiga suku pertama tahun ini adalah lebih rendah daripada jumlah yang diniaga dalam tempoh yang sama tahun lalu, terutamanya, disebabkan oleh harga-harga yang rendah akibat sentimen menjual.

Sentimen yang merosot ini adalah akibat perkembangan-perkembangan ekonomi di dalam dan luar negeri. *Perkembangan-perkembangan antarabangsa*, seperti krisis minyak, kemerosotan ekonomi di negara-negara yang maju, inflasi, masalah imbangan pembayaran dan juga masalah politik di Amerika Syarikat sebelum Presiden Nixon meletakkan jawatan, pada amnya telah mengikiskan keyakinan para pelabur dipasaran saham. Dasar kewangan yang ketat dan kadar bunga yang tinggi, menyebabkan pengaliran keluar kumpulan wang dari pasaran saham ke pelaburan dalam bil-bil Perpendaharaan dan simpanan-simpanan bank yang boleh memberi keuntungan yang lebih tinggi. Baru-baru ini, berita-berita berkenaan dengan keruntuhan bank-bank asing dan kerugian Bank Lloyds, di Switzerland, dan juga prospek harga-harga minyak yang tinggi akan berterusan pada masa yang akan datang telah memburukkan lagi keyakinan terhadap pasaran saham. Kesemuanya faktor-faktor politik dan ekonomi ini serta perkembangan-perkembangan pasaran saham asing yang tidak memuaskan mempunyai kesan yang buruk ke atas pasaran saham Malaysia. (*lihat rajah 28*).

*Perkembangan-perkembangan dalam negeri* seperti pengumuman dasar kewangan yang lebih ketat pada bulan Disember 1973 dan pada bulan April tahun ini mungkin telah melemahkan lagi keadaan pasaran saham. Kadar bunga yang lebih tinggi dan kawalan ke atas pinjaman bank, terutamanya, untuk spekulasi memaksa mereka yang membeli saham melalui pinjaman dari bank dan tidak mahu membayar kadar bunga yang lebih tinggi, menjual saham mereka. Tambahan pula, keuntungan setengah-tengah syarikat-syarikat yang dianggarkan akan merosot memandangkan keadaan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi, mungkin telah mengurangkan pelaburan dalam setengah-tengah saham. Harga diesel dan petrol yang lebih tinggi semenjak bulan Mei dan Jun, serta

RAJAH 28

## PASARAN SAHAM




kemererosotan harga-harga barang ekspot telah memburukkan lagi sentimen menjual sungguhpun adanya banyak lapuran-lapuran yang memuaskan berkenaan dengan keuntungan syarikat-syarikat dan keputusan pilihanraya umum Malaysia yang memuaskan.

Dalam jangka pendek, adalah sukar bagi pasaran saham untuk maju semula dengan pesatnya. Memandangkan kekurangan permintaan membeli dalam negeri dan keadaan suram di pasaran-pasaran saham luar negeri pada amnya, arahaliran yang ada pada masa ini akan berterusan untuk beberapa waktu yang akan datang.

### Keluaran-keluaran Saham Baru Dipasaran Saham

Sungguhpun terdapat keadaan suram di pasaran saham Malaysia, sebanyak kira-kira \$86.5 juta dapat diperolehi melalui 11 keluaran surat-surat jaminan baru yang dinyatakan dipasaran saham Malaysia dalam tiga suku pertama tahun ini (\$59.2 juta diperolehi melalui 13 keluaran baru dalam jangka masa yang sama pada tahun 1973). Ini pada sebahagiannya mencerminkan keyakinan terhadap keluaran-keluaran saham baru. Dari \$86.5 juta jumlah bersih kumpulan wang yang diperolehi melalui keluaran-keluaran surat-surat jaminan baru, keluaran-keluaran awam merupakan kira-kira \$32.8 juta (38%), tawaran-tawaran swasta \$4.1 juta (5%) manakala keluaran-keluaran hak merupakan \$49.6 juta (57%). Dalam sembilan bulan pertama tahun 1974, tujuh buah syarikat baru telah dinyatakan di pasaran saham Kuala Lumpur manakala jumlah firma berokar saham telah meningkat kepada 32 buah.



## IV. Bekalan—Pengeluaran dan Impot

### KDNK—Pertumbuhan yang rendah sebanyak 6% dalam harga tetap dan 18% dalam harga semasa

Pada tahun 1974, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dianggar bertambah sebanyak 6% dari segi sebenar dan 18% dalam harga semasa berbanding dengan tahun 1973 masing-masing mencapai \$13,490 juta dan \$17,014 juta. Pertambahan ini adalah lebih rendah dari yang terdapat pada tahun 1973 (+9% dari segi sebenar dan +27% dalam harga semasa). Permintaan yang rendah untuk eksport pertanian, kerosotan dalam harga-harga eksport barang dan kenaikan harga baja adalah punca kepada menurunnya pengeluaran pertanian (6.1% dalam tahun 1974 berbanding dengan pertambahan sebanyak 13.5% dalam tahun 1973). Kekurangan dan harga melambung bagi barang-barang untuk kegunaan pembinaan dan perindustrian seperti simen, besi waja dan mesin-mesin yang diimpor membawa kepada perlambatan kadar pertambahan KDNK.

Pertumbuhan sebenar sektor perlombongan telah merosot (-9.5%) sebahagian besarnya disebabkan oleh berkurangnya pengeluaran bijih timah dan petrolium berbanding dengan tahun 1973 walaupun terdapatnya harga eksport yang tinggi barangan itu. Meskipun terdapatnya kos pengeluaran yang tinggi dan kekurangannya, pertumbuhan sektor perkilangan masih lagi berada dalam keadaan melambung pada tahun 1974 (15% berbanding dengan tahun 1973). Sektor pembinaan telah berkembang sebanyak 10% berbanding dengan tahun lepas sementara sektor perkhidmatan (+5% berbanding dengan tahun 1973) telah berkembang dengan perlahan dengan terdapatnya permintaan dalam negeri yang berkurangan.

Pada tahun 1975, KDNK pada kos faktor dijangka bertambah sebanyak 4.8% dalam harga tetap dan 5.4% dalam harga semasa disebabkan oleh jangkaan perlahannya pertumbuhan eksport (+1.8% harga sebenar) setelah merosotnya harga-harga eksport.

### Pengeluaran Pertanian—pertumbuhan perlahan

Pengeluaran pertanian (32% dari KDNK dalam 1974) (*lihat* Rajah 29 dan Jadual 1.2) seperti juga eksport pertanian, dijangka menunjukkan

pertumbuhan yang agak perlahan sebanyak 6.1% pada tahun ini berbanding dengan pertumbuhan yang melambung sebanyak 13.9% pada tahun lepas.

### Getah—Pengeluaran pekebun-pekebun kecil meningkat


Pengeluaran getah (38% dari pengeluaran pertanian) pada tahun 1974 dianggarkan bertambah sebanyak 3.5% mencapai 1.57 juta tan. Pada tahun 1975, pengeluaran getah dijangka bertambah pada kadar 6% berbanding dengan tahun 1974 sebahagian besarnya disebabkan pokok-pokok getah yang telah ditanam semula dan yang baru ditanam boleh ditoreh menjelang tahun itu. Pengeluaran pada tahun 1976 boleh meningkat pada kadar 8% dengan bertambah baiknya permintaan eksport dari negara-negara perindustrian menjelang penghujung tahun 1975.

Sumbangan sektor pekebun-pekebun kecil dianggarkan menjadi 55% dari jumlah pengeluaran getah pada tahun 1974 berbanding dengan 39% pada tahun 1964. Sumbangannya dijangka bertambah mencapai 60% menjelang tahun 1977. Pihak Berkusa Kemajuan Perusahaan Getah Pekebun-pekebun Kecil (Risda) telah melancarkan satu rancangan tanaman semula berkelumput yang baru bagi tanaman getah, kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain yang pada masa akan datang akan diberi kepada pekebun-pekebun kecil dalam bentuk milik secara berkongsi. Pemberian bantuan tanaman semula telah dinaikkan dari \$750 kepada \$900 seekor dalam bulan Mac akibat dari bertambah naiknya kos pengeluaran terutama sekali harga baja. Menjelang tahun ini, 1,285,419 ekar kawasan tanaman pekebun-pekebun kecil akan ditanam semula dan sejumlah 45,261 ekar kawasan akan dibuka bagi pekebun-pekebun kecil.

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (Mardec) telah mendirikan kilang-kilang memperoses getah di seluruh negara bagi membeli getah keluaran pekebun-pekebun kecil dengan harga yang baik serta memperosesnya menjadi getah piawai Malaysia (Smr) atau getah-getah lain yang bermutu bagi pasaran seberang laut. Perbadanan ini sekarang mempunyai 11 buah kilang-kilang yang memberi khidmat kepada 10% dari jumlah pengeluaran getah di sektor pekebun-pekebun kecil. Menjelang tahun 1976, tujuh buah lagi kilang-kilang akan mula menjalankan kerja serta mengeluarkan sebanyak 150,000 tan getah dan memperoseskan lebih kurang 20% dari jumlah pengeluaran sektor pekebun-pekebun kecil. Selain dari usaha

RAJAH 29

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR  
MENGIKUT PUNCA PUNCA KEGIATAN**



menambahkan pengeluaran, tumpuan lebih diberi kepada usaha meningkatkan mutu dan menggalakkan perusahaan yang mengeluarkan barang-barang buatan getah. Sebuah Pusat Teknologi Getah akan ditubuhkan oleh Instituti Penyelidikan Getah Malaysia (Rri) bagi memajukan perusahaan yang mengeluarkan barang-barang buatan getah. Pada tahun 1974, hanya 2% sahaja dari jumlah pengeluaran getah telah digunakan sendiri oleh Malaysia. Walau bagaimanapun, penubuhan perusahaan yang mengeluarkan barang-barang buatan getah yang telahpun diberi galakan pelaburan akan memperbaiki lagi keadaan ini. Sebuah syarikat perusahaan telah ditubuhkan bagi mengeluarkan benang getah. Pengeluaran tayar di Malaysia akan bertambah lagi dengan tertubuhnya kilang tayar yang kedua.

Semenjak tertubuhnya Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia (Mrelb) dalam bulan September tahun 1973, keahlian Lembaga itu telah diluaskan dan di antara ahli-ahlinya dari luar negeri ialah beberapa syarikat-syarikat asing. Lembaga ini juga telah menubuhkan Pusat Menempah Tambang Muatan Perkapalan di Pulau Pinang dan bercadang hendak menubuhkan satu cawangan di Pasir Gudang di Johor sementara unit perangkaannya yang baru akan mengumpul dan mengerjakan data-data kepada peniaga getah dan pengekspor-pengekspor dan Lembaga ini akan menubuhkan pejabat-pejabatnya di seberang laut dan pada masa ini sebuah pejabat telah-pun dibuka di Hamburg bagi memudahkan pemasaran getah Malaysia. Ianya juga sedang meninjau sistem "berbisik" bagi menentukan harga yang diguna pada masa ini kerana sistem ini tidak mencerminkan jumlah perniagaan fizikal yang sebenarnya. Sistem percampuran antara sistem "berbisik" dan sistem penetapan harga secara terbuka akan digunakan bagi menentukan harga dengan lebih sempurna. Penyelidikan tulin dan gunaan sedang dijalankan (terutama sekali oleh Instituti Penyelidikan Getah (Rri) bagi meningkatkan lagi mutu pengeluaran getah. Baru-baru ini penyelidikan telah menelurkan bahan tanaman yang boleh menghasilkan tanaman getah berlebihan dari 3,000 kilogram seekar berbanding dengan penghasilan biasa sebanyak 534 kilogram seekar di estet-estet.

#### **Minyak Kelapa Sawit—Pengeluaran meningkat sebanyak 25%**

Pengeluaran minyak kelapa sawit dalam tahun 1974, dianggarkan bertambah sebanyak 25% mencapai 924.4 ribu tan metrik (lihat Jadual 8.1). Pada tahun 1975, pengeluaran dijangka bertambah sebanyak 15% sahaja untuk sementara waktu sebelum bertambah lagi dalam tahun 1976.

Luas kawasan tanaman kelapa sawit bagi seluruh Malaysia dalam tahun 1974 dianggarkan bertambah sebanyak 8.3% menjadikan jumlahnya seluas 1.3 juta

ekar dan 73% dari jumlah kawasan itu terletak di Johor, Pahang, Selangor dan Sabah. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Lktp) memberi sumbangan yang besar kepada pertambahan luas kawasan tanaman menambahkan sumbangannya dari 29% dari jumlah luas kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit (hanya 9% sahaja dalam tahun 1964). Pengeluaran Lktp pada tahun 1974 dianggarkan sebanyak 140,000 tan (+51% berbanding dengan 1973) dan ini merupakan 15% dari jumlah pengeluaran minyak kelapa sawit negara. Pada tahun 1975, pengeluaran Lktp dianggarkan sebanyak 180,000 tan dan di antara tahun 1977 dan 1980, pengeluaran Lktp diramalkan meningkat di antara 400,000 dan 500,000 tan dan dengan ini Lktp akan menjadi lembaga yang terbesar mengeluarkan kelapa sawit didunia. Pengeluaran minyak kelapa sawit juga semakin menjadi kegiatan pertanian yang penting di Sabah. Lembaga Kemajuan Tanah Sabah telah membuka kawasan yang luas bagi tanaman kelapa sawit. Pada awal tahun 1974, terdapat 129,746 ekar tanah yang ditanam dengan kelapa sawit berbanding dengan 6,200 ekar pada tahun 1962.

Walaupun dalam beberapa tahun kebelakangan ini penglibatan badan-badan Kerajaan terutama Lktp merupakan ciri utama dalam perusahaan minyak kelapa sawit, sektor estet masih lagi mengekalkan sumbangan sebanyak 40% dari jumlah pengeluaran minyak kelapa sawit pada tahun ini.

Pengeluaran isi kelapa sawit pada tahun 1974 dianggarkan sebanyak +22% berbanding dengan tahun 1973 dan pada tahun 1975 dijangka meningkat lagi sebanyak 15%. Dalam masa lapan bulan pertama tahun ini, pengeluaran isi kelapa sawit adalah sebanyak 107,924 tan metrik (+17% berbanding dengan masa yang sama tahun lepas). Isi kelapa sawit tidak lagi diekspot dengan bertambahnya kilang-kilang memperoses isi kelapa sawit di dalam negeri. Ini membawa kepada bertambahnya isi kelapa sawit yang dimpot. Pada tahun 1973, 33,494 tan metrik kelapa sawit telah diimpot; pertambahan yang besar sebanyak 85% berbanding dengan 1972. Impot pada tahun ini mungkin turun sedikit. Ini telah pun dapat dilihat dalam aliran-aliran impot dalam masa lapan bulan pertama tahun ini (-45% berbanding dengan masa yang sama tahun lepas). Eksport minyak isi kelapa sawit telah meningkat dengan pesatnya hasil dari bertambahnya usaha memperoses isi kelapa sawit di dalam negeri. Pada tahun 1974, ianya dianggarkan bertambah sebanyak 14%.

Berlainan dengan isi kelapa sawit, sebanyak 90% dari hasil minyak kelapa sawit diekspot dalam bentuk mentah. Sementara yang lebihnya diproses untuk penggunaan dalam negeri. Setakat ini 27 buah kilang penapis minyak kelapa sawit telah diluluskan di bawah rancangan galakan pelaburan tetapi hanya 7 buah

kilang sahaja yang mempunyai jumlah keupayaan menapis sebanyak 95,000 ton setahun telah memulakan usaha memperoses itu. Sebahagian besar dari pembelian lebih suka membeli minyak kelapa sawit yang mentah oleh sebab cukai impot yang tinggi dikenakan ke atas minyak kelapa sawit yang telah ditapis. Terdapat juga beberapa masalah teknikal dalam usaha menghantar minyak kelapa sawit yang ditapis itu dengan kapal. Faktor-faktor ini merupakan halangan yang besar kepada percubaan menggalakkan usaha memperoses minyak kelapa sawit di dalam negara ini.

#### Beras—Kenaikan harga beras menghalang pengeluaran

Pengeluaran *beras* pada tahun 1974 dianggarkan bertambah sebanyak 4% mencapai 1,143,045 tan (lihat Jadual 8.1). Jumlah penggunaan dianggarkan sebanyak 1,216,000 tan dan dengan ini bermakna hanya 72,955 tan beras dijangka akan diimpor pada tahun ini berdasarkan kepada kadar penggunaan sebanyak 275 paun untuk seorang. Pada tahun ini Lembaga Padi dan Beras Negara menjangka akan mengimpor sebanyak 200,000 tan beras.

Pengeluaran dalam musim 1973/74 diramalkan meningkat menjadi 305 juta tan. Walaupun begitu bekalan beras dunia masih lagi runcing dan keadaan tidak tetap di antara bekalan dan permintaan akan berterusan. Harga beras di pasaran dunia terus berada di paras yang tinggi pada awal tahun 1974, tetapi telah menurun sedikit dalam bulan Mei 1974 dengan adanya laporan berkenaan pengeluaran yang akan bertambah dalam musim 1974/75 tetapi harga tidak dijangka turun ke paras harga rendah yang terdapat pada tahun 1972.

Harga beras dalam negara dijangka tidak akan turun kepada paras harga rendah seperti yang terdapat pada tahun 1972 walaupun penghasilan dijangka bertambah pada tahun ini tidak sahaja di dalam negeri tapi juga di luar negeri. Harga pasaran dunia diramalkan terus berada di paras yang tinggi pada tahun ini dan ini akan memberi kesan kepada harga-harga dalam negeri. Tambahan pula kos pengeluaran padi telah melambung semenjak tahun 1972 disebabkan harta faktor pengeluaran yang lebih tinggi terutama beras. Kekurangan beras telah juga menyebabkan kurang penggunaannya dan ini membawa kesan yang buruk kepada penghasilan dan pengeluaran beras.

Sebagai satu usaha menstabilkan harga beras di seluruh negara, Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah kawalan harga dalam bulan Mei 1974. Di bawah langkah-langkah ini harga beras yang maksima telah ditetapkan mengikut 6 kawasan dan 16 jenis beras, bagi meliputi semua jenis beras yang diniagakan di Malaysia. Dalam menetapkan harga, beberapa faktor telah diambil kira termasuk harga pengeluaran, pengangkutan dan tenaga buruh, sewa gudang, insuran

dan margin keuntungan yang munasabah bagi peniaga-peniaga. Panjang beras itu peratus pecahan dan kawasan harga juga diambil kira.

Kekurangan dan harga yang tinggi bagi beras boleh memberi kesan kepada pengeluaran beras negara. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan telah mengecualikan beras naiterozen dari cukai impot dan melaksanakan satu rancangan subsidi beras urea yang bertujuan menetapkan harga "farm-gate" sebanyak \$10 untuk satu beg yang beratnya 44 paun. Kedua-dua rancangan ini dianggarkan menelan belanja masing-masing sebanyak \$5 juta dan \$20 juta pada tahun 1974.

Pengeluaran beras di Malaysia dijangka bertambah lagi sebanyak 3% pada tahun 1975. Kawasan-kawasan baru seluas 130,000 ekar dijangka akan dibuka untuk penanaman padi terutamanya di Perak, Johor, Pahang, Trengganu, Sabah dan Sarawak di bawah rancangan Malaysia ketiga yang merupakan sebahagian dari rancangan jangkamasa yang panjang untuk menambah pengeluaran beras.

#### Makanan—harga masih tinggi walaupun pengeluaran bertambah

Pengeluaran bijian-bijian dunia pada musim 1973/74 dianggarkan bertambah sebanyak 8.1% mencapai jumlah pengeluaran yang paling tinggi iaitu sebanyak 1,230 juta tan. Walaupun begitu simpanan makanan di kebanyakan negara-negara pengeluar dijangka tidak akan bertambah dan ini akan menyebabkan harga bijian-bijian terus berada di paras yang tinggi sekurang-kurangnya sehingga tanaman musim 1974/75 yang dijangka meningkat itu habis dituai. Tanaman *gandum* dunia dalam musim ini dianggarkan bertambah sebanyak 10% mencapai angka yang paling tinggi iaitu 363 juta tan. Pengeluaran gandum di negara yang sedang membangun dijangka merosot sebanyak 6% dan ini akan menambahkan permintaan impot mereka. Sementara itu, bekalan makanan yang boleh diekspot dijangka berkurangan dari yang terdapat pada musim yang lepas. Australia, yang membekalkan 93% dari jumlah impot gandum ke negeri ini, tidak dapat memenuhi semua permintaan dari semua negara-negara Asia. Walaupun begitu keadaan pada tahun 1974/75 nampaknya bertambah baik dengan pengeluaran gandum dijangka meningkat 3% jika keadaan cuaca adalah baik. Bekalan yang dapat diekspot dijangka empat juta hingga enam juta tan lebih dari permintaan impot.

Dengan bertambahnya bekalan gandum dan turunnya harga makanan itu, dalam tahun 1974/75, adalah diramalkan yang tekanan ke atas harga makanan terutama sekali beras akan berkurangan. Pengeluaran beras seluruh dunia dijangka berjumlah 305 juta tan dalam musim ini (+8% berbanding dengan musim yang lalu). Lebih dari 84% (255.4 juta tan) dari ini dijangka datang dari Asia terutama sekali China dan Thailand. Permintaan impot yang tinggi sebanyak 8

juta tan diramal pada tahun ini. Harga masih tinggi pada awal tahun 1974/75 tetapi telah menurun sedikit semenjak bulan Mei walaupun masih lagi *di paras yang agak tinggi*. Tanaman beras pada tahun 1974/75 diramalkan bertambah baik berdasarkan kepada laporan awal yang telah diterima. Negara-negara pengeluar seperti Burma, Malaysia, Indonesia sedang menggiatkan lagi pengeluaran mereka berikutan dengan bertambahnya permintaan kepada beras.

Walaupun pengeluaran gula dunia dalam tahun 1974/75 dijangka meningkat 84 juta tan, harga tinggi di pasaran dunia akan berterusan oleh sebab penggunaan gula bertambah lebih cepat dari bekalan. Dengan lebih kurang 70% dari pengeluaran gula di dunia digunakan di dalam negeri negara-negara pengeluar, jumlah penggunaan dunia dianggarkan berlebihan sebanyak 1 juta tan dari pengeluaran. Sementara simpanan gula di dunia telah berkurangan sebanyak 15.6 juta tan (bersamaan dengan penggunaan dunia untuk selama dua bulan). Malaysia menggunakan lebih kurang 400,000 tan gula pada tiap-tiap tahun, dan sebanyak 32% dibawa masuk dari Australia. Dalam bulan September tahun ini Malaysia telah membuat *satu perjanjian* dengan Australia bagi membeli 1.6 juta tan gula mentah dalam jangka masa 5 tahun (320,000 tan tiap-tiap tahun).

Kos pengeluaran telah meningkat dan ini diburukkan lagi oleh *kekurangan dan harga baja yang tinggi*. Walaupun bekalan dijangka meruncing pada tahun 1975 dengan baki sebanyak 2.3 juta tan di antara bekalan dan permintaan, adalah dijangka ianya bertambah baik menjelang tahun 1976 dengan bakinya sebanyak 6.8 juta tan berikutan dari pertambahan dalam bekalan sementara permintaan tidak berubah bila dibandingkan dengan kedudukan pada 1975.

Masaalah yang menghadapi bekalan makanan pada masa ini telah menyebabkan Pertubuhan Makanan Sedunia (Fao) membuat cadangan untuk mengadakan rancangan tabung makanan sedunia bagi mengatasi kehendak makanan jika berlaku kemerosotan makanan yang besar. Cadangan ini diterima oleh Persidangan Pertubuhan Makanan Sedunia dalam bulan November 1973. Satu Persidangan Makanan Sedunia akan diadakan dalam bulan November tahun 1974 bagi mengkaji kedudukan makanan dan mengambil langkah-langkah bagi menambahkan ekspot dan pembahagian makanan selain dari rancangan tabung makanan sedunia.

#### Perlombongan—Minyak mengatasi kerosotan pengeluaran bijih timah

Sektor perlombongan (6% daripada KDNK) adalah dijangka merosot sebanyak 9.5% pada tahun 1974.

Pada tahun 1975, perusahaan perlombongan pada keseluruhannya mungkin mencatatkan kemerosotan

lebih kurang 2.2%. Pengeluaran petroliam dijangka meningkat sebanyak 70% sementara pengeluaran bijih timah terus merosot.

#### Bijih Timah—Kemerosotan pengeluaran kerana kehabisan sumber dan kenaikan harga

Pengeluaran bijih dalam padat timah pada tahun 1974 dijangka merosot sebanyak 6% berbanding dengan tahun 1973 (*lihat Jadual 8.1*), dan merosot lagi sebanyak 4% pada tahun 1975 disebabkan perlombongan bijih timah dijangka berkurangan lagi. Walaupun begitu kenaikan harga bijih timah dan pengurangan bahan-bahan yang mempunyai bijih di Semenanjung Malaysia telah mendorong usaha-usaha mencari gali bijih timah di dasar laut. Perlombongan bijih timah di dasar laut dianggap sebagai sumber bekalan yang baru. Bijih timah telah pun dijumpai dekat dengan pantai di Perak dan Melaka (dianggarkan sebanyak 200,000 pikul).

Sektor pam kelirik adalah paling *sensitif* kepada pergolakan harga dan masa depannya mempunyai hubungan rapat dengan harga bijih timah. Dalam masa lapan tahun yang lepas harga (harga bumbung dan lantai), peringkat di mana Pengurus Setok Penimbang campurtangan, telah dinaikkan sebanyak tiga kali [bulan Oktober 1970 (7%), bulan September 1973 (9%) dan bulan Mei, 1974 (34%)]. Walaupun begitu langkah-langkah ini sedikit sahaja memberi munafaat kepada pengeluar-pengeluar memandang kepada kenaikan kos perlombongan oleh sebab harga-harga kayu balak yang digunakan di lombong-lombong pam kelirik telah meningkat sebanyak 78%, barang-barang gantian lombong sebanyak 25% dan minyak pembakar sebanyak 35% semenjak tahun 1969.

Persidangan Bijih Timah Sedunia yang diadakan di Kuala Lumpur di antara 24hb hingga 30hb Oktober menumpukan perbincangan mengenai *kenaikan kos pengeluaran dan kemerosotan sumber-sumber yang mempunyai bijih-bijih timah yang bermutu tinggi*. Malaysia juga telah menyediakan kriteria mengenai anggaran kos pengeluaran yang akan menjadi asas yang berguna bagi menentukan harga-harga Setok Penimbang.

Bagi menjamin penyerataan *Bumiputra* dalam perusahaan perlombongan bijih, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bercadang akan mengadakan usaha bersama perlombongan dengan Pernas yang akan menggunakan pekerja-pekerja Melayu dengan sepenuhnya.

#### Petroliam dan barang-barang petroliam—pengeluaran yang pesat mulai tahun 1975

*Pengeluaran* (*lihat Jadual 8.1*) adalah dianggarkan merosot sementara sebanyak 5% (lebih kurang 5,000 tong sehari) dalam tahun 1974 kerana penutupan beberapa telaga minyak Miri dan kerana kerumitan kerumitan teknik yang dialami oleh telaga minyak

terutama di West Lutong, Sarawak. Pengeluaran dijangka pulih pada tahun 1975 memandang kepada telaga-telaga minyak yang baru dijumpai semenjak tahun 1973. Menjelang tahun 1977, Malaysia dijangka akan mengeluarkan 200,000 tong minyak mentah dan menjelang penghujung abad ini, sebanyak 400,000 tong dan 500,000 tong sehari. Setengah daripada telaga minyak yang baru dijumpai di Sabah, yang telah pun memulakan pengeluaran secara besar-besaran dalam Oktober tahun ini, dijangka dapat mengeluarkan 40,000 tong sehari mulai dari tahun depan. Jumlah pengeluaran pada tahun 1975 diramalkan bertambah pada kadar lebih kurang 70% serta mencapai kadar pengeluaran kira-kira 136,000 tong.

Selain dari itu, kawasan-kawasan yang berdekatan dengan pantai Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis dan juga kawasan lautan dalam pelantaran benua dekat dengan pantai Sarawak dan Sabah masih ada untuk dicarigaliak.

Kawasan gas asli dan jenis-jenis gas yang lain telah dijumpai dengan banyaknya dekat pantai Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Di Sarawak, gas asli digunakan sebagai minyak pembakar bagi mengeluarkan tenaga elektrik oleh Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak. Masa depan bagi penggunaan gas asli bagi kegunaan tempatan dan perindustrian adalah cerah dengan permintaan kepada gas asli dijangka bertambah kepada 450 juta kaki padu sehari menjelang tahun 1990.

Pengeluaran minyak di Malaysia akan merupakan *penggerak* yang mempercepatkan pembangunan ekonomi dan perindustrian dengan cara pembinaan kilang penapis minyak, pembangunan perusahaan petrokimia dan kegiatan pemasaran. Seterusnya ianya boleh membuka peluang pekerjaan di kawasan-kawasan yang pada masa ini mempunyai kurang penduduk atau kurang maju seperti di Pantai Timor Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Rancangan untuk membina kilang penapis minyak di Pulau Tioman, tidak syak lagi akan menggalakkan kemajuan sosio-ekonomi pulau itu dan kawasan pantai Pahang. Kuantan telah-pun menjadi pusat perkhidmatan kegiatan mencari-gali minyak. Dengan bermulanya pengeluaran minyak secara perdagangan dari telaga minyak yang baru dijumpai dan penubuhan kilang penapis minyak di Pulau Tioman, kawasan-kawasan di sekitar Kuantan, pada suatu hari kelak akan menjadi pusat perusahaan petrokimia dan oleh itu menggalakkan pembangunan kawasan itu.

Akta Kemajuan Petrolium, 1974, yang telah digubal dalam bulan Ogos memberi hakmilek perusahaan petrolium kepada Petrolim Nasional Berhad (Petronas). Petronas akan mempunyai semua kuasa bersabit dengan mencari-gali dan mengusahakan pengeluaran petrolium serta menjalankan perusahaan yang mempunyai hubungan dengannya termasuk

mengeluarkan barang-barang keluaran petrolium dan petrokimia bagi menjamin supaya Kerajaan dan rakyat negara ini mendapat munafaat daripada kekayaan minyak. Petronas telah menjalankan tugas-tugasnya dalam bulan Oktober 1974 dan sejak itu dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, ianya telah memulakan usaha pengambilan kakitangan dan rancangan latihan bagi menjamin penyertaan yang berkesan bagi bumiputra dalam perusahaan petrolium.

Jumlah penggunaan tempatan bagi barang-barang keluaran petrolium di jangka bertambah sebanyak 10% mencapai 29.4 juta tong pada tahun 1974. Barang-barang keluaran petrolium merupakan bahagian penting dalam perindustrian tempatan dan merupakan kira-kira 3% dari jumlah kos pengeluaran di dalam sektor pertukangan, 20% dalam sektor pengangkutan jalanraya dan 33% dari jumlah perbelanjaan mengurus sektor perlombongan.

## Perhutanan—Pengeluaran berkurangan

Pengeluaran *kayu-balak* (14.5% daripada jumlah pengeluaran pertanian) adalah dijangka merosot sebanyak 4% daripada tahun 1973 mencapai 18.4 tan metrik dengan pengeluaran papan merosot sebanyak 8% mencapai 3.3 tan metrik. Kemererosotan pengeluaran kayu-balak dan papan mungkin berterusan agak lama sedikit. Permintaan eksport mungkin meningkat dalam awal tahun 1976. Kadar pertumbuhan kayu-balak dan papan masing-masing adalah dijangka masih terus merosot sebanyak 4% pada tahun 1975. Permintaan eksport mungkin meningkat pada awal tahun 1976.

Kemererosotan pengeluaran ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh *permintaan yang kurang* dari negara-negara pengguna utama yang terbit hasil dari kemererosotan aktiviti-aktiviti ekonomi terutama sekali binaan. Sebab-sebab yang lain termasuklah kos pengeluaran yang lebih tinggi, kenaikan tambang muatan kapal dan masalah keselamatan di kawasan-kawasan yang terpencil di Semenanjung Malaysia.

Keadaan dan struktur perusahaan membalaik sedang berubah dengan bertambahnya lagi kilang-kilang kayu-kayuan yang diintegrasikan (meningkat sebanyak 1.6% daripada tahun 1973) yang ditubuhkan di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Galakan yang diberi Kerajaan untuk memproses balak tempatan dan pengalihan permintaan luar kepada barang-barang kayu yang siap seperti kayu lapis, veniar dan kayu sedia serta perkembangan perusahaan binaan tempatan (+10% berbanding dengan tahun 1973) yang giat merupakan faktor-faktor utama bagi perkembangan ini. Kayu bakau sekarang ini dijadikan serpihan-serpihan yang boleh digunakan sebagai bahan

atas untuk mengeluarkan cellophane, rayon dan barang-barang plastik. Oleh kerana kilang-kilang balak ini menghendaki pelaburan yang besar, projek-projek usaha-bersama telahpun ditubuhkan.

Kepentingan memajukan *perusahaan palpa dan kertas* di dalam negara ini telah diberi keutamaan semenjak tahun 1973 dengan meningkatnya harga-harga kertas dan palpa dari Canada, Scandinavia dan Jepun. Dengan banyaknya bekalan kayu gentian pendek, penanaman kayu-kayu konifer gentian panjang sebagai input adalah diperlukan. Satu rancangan bagi *menanam* kayu konifer dan penubuhan kilang-kilang memproses termasuk sebuah kilang palpa di Sabah akan bermula menjelang tahun 1987. Di Semenanjung Malaysia penanaman kayu-kayu konifer secara besar-besaran telahpun dimulakan berjumlah 200,000 ekar. Dalam masa perantaraan ini, kayu gentian panjang yang diimpor boleh dicampur dengan kayu balak tempatan gentian pendek bolehlah dipakai. Penggunaan kayu getah sebagai sumber asas dalam pengeluaran kertas celiakan telah menghebatkan lagi potensi pengeluaran palpa dan kertas.

Kerajaan adalah mengambil berat berkenaan dengan *kemerosotan* pengeluaran kayu balak hasil dari pengambilan untuk eksport dan pembukaan kawasan-kawasan hutan untuk pertanian dan oleh itu telah menjalankan satu rancangan mengadakan kawasan hutan simpan kekal di beberapa negeri. Rancangan menghutangkan semula adalah sedang dijalankan dan adalah diharapkan bahawa 2 juta ekar akan dapat dilaksanakan dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat.

Usaha-usaha mengadakan *kerjasama serantau* melalui Asean sedang dijalankan dengan penubuhan Persatuan Pengeluar-pengeluar Kayu Tenggara Asia (Sealpa) yang pada permulaan akan memotong pengeluaran dan menentukan paras harga yang minima.

### Ternakan, Perikanan dan tanaman-tanaman kurang penting—Meningkat lagi

*Pengeluaran ternakan* (4.5% dari jumlah KDNK) adalah dianggarkan meningkat sebanyak 4% pada tahun 1974. Bekalan ternakan lembu bertambah sebanyak 32% sementara babi, ternakan ayam, telur dan daging ayam masing-masing bertambah sebanyak 29%, 23% dan 15% berbanding dengan tahun 1973.

Kenaikan harga dan kekurangan bekalananya merupakan ciri-ciri utama bagi hasil ternakan pada tahun ini. Dalam bulan Oktober tahun ini, harga resmi daging lembu di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan sekitarnya meningkat sebanyak 12%. Jabatan Haiwan dan Perbadanan Kemajuan Ternakan (Majuternak) sedang mengambil *langkah-langkah* menambahkan bekalan daging lembu dan hasil-hasil

ternakan lembu. Majuternak sedang memperbaiki sistem penyembelihan bagi menjamin ketinggian cara menyembelih, penyimpanan yang lebih baik dan pembekalan daging kepada pengguna-pengguna. Dalam bulan Mei sebuah pusat penyembelihan yang berharga \$12 juta telah disiapkan di Shah Alam bagi melayani kehendak di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan. Pusat-pusat penyembelihan yang baru akan dibina di Johor Bahru, Alor Star pada tahun hadapan. Rancangan-rancangan galakan bagi meninggikan taraf perusahaan ternakan juga sedang dijalankan. Tujuh buah ladang-ladang ternakan lembu dan hasil-hasil ternakan yang luas kawasannya di antara 2,000 hingga 5,000 ekar sedang dibuka di Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Sarawak bagi memelihara 4,200 ekor lembu.

Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi) sedang menjalankan *penyelidikan* mengenai ternakan, rumput-rumput dan makanan ternakan. Kerajaan telah menubuhkan satu Pasukan Petugas bagi merancang dan mentadbir *rancangan pengeluaran ternakan yang disatukan*.

*Pendaratan ikan* pada tahun 1974 (+13% berbanding dengan tahun 1973) akan lebih banyak lagi jika tidak kerana musim tengkujuh dan krisis tenaga. Masaalah yang dihadapi oleh perusahaan ini ialah *harga-harga yang tinggi bagi minyak* (+40% semenjak Jun 1974) dan alat-alat menangkap ikan seperti jaring, tali nylon dan air batu (+7% berbanding dengan tahun 1973).

Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan (Majuikan) telahpun menjalankan projek-projek bagi memperbaiki *taraf-kehidupan* nelayan-nelayan dan menambahkan *penghasilan* perusahaan perikanan seperti rancangan membina kapal-kapal secara besar-besaran dengan membina 49 buah kapal menangkap ikan dalam masa dua tahun yang lepas. Projek-projek lain termasuk usaha memajukan kilang-kilang mengeluarkan makanan dari ikan, kilang mengejin ikan dan kilang-kilang air batu. Jabatan Perikanan dengan kerjasama badan-badan Kerajaan yang lain telah juga melancarkan satu rancangan memajukan kompleks tempat mendarat ikan yang moden di pusat-pusat perikanan utama.

Perusahaan menangkap ikan di lautan dalam dengan menggunakan pukat harimau yang moden belum lagi dimajukan dengan sepenuhnya. Pada masa ini Majuikan sedang berusaha mencari kongsi bagi memulakan perusahaan menangkap ikan lautan dalam secara usaha bersama.

*Pengeluaran kelapa kering* (0.1% dari jumlah pengeluaran pertanian) yang telah merosot semenjak tahun 1970 terus mengalami kemerosotan sebanyak

10% sebahagian besarnya disebabkan oleh penghasilan kelapa yang rendah, tetapi akan diatasi melalui rancangan tanaman semula dan pemuliharaan kelapa yang dikelolakan oleh Kerajaan.

Pengeluaran *nenas* (2.2% dari jumlah pengeluaran pertanian) pada tahun 1974 telah merosot sebanyak 5.5% berbanding dengan tahun 1973. Dalam masa 4 tahun yang lepas, pengeluaran perusahaan nenas telah *merosot*. Keadaan ini dijangka bertambah baik pada masa akan datang dengan adanya rancangan-rancangan penanaman semula, penyelidikan dan kawalan mutu yang telahpun dijalankan bagi menambah penghasilan dan kadar pemuliharaan. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$12.6 juta bagi penanaman semula sejumlah 28,000 ekar di antara tahun 1972 dan 1978. Sehingga tahun 1974, 1,933 ekar telah ditanam semula di seluruh negara.

Pengeluaran *koko* dalam tahun 1974 dianggarkan bertambah dengan pesatnya memandang kepada pertambahan dalam luas kawasan yang ditanam dengan koko sebanyak lebih kurang 27% berbanding dengan tahun 1973. Pada tahun 1975, luas kawasan di bawah tanaman koko mungkin bertambah lebih kurang sebanyak 20% mencapai 75,000 ekar. Di Sabah pengeluaran koko merupakan sebahagian daripada rancangan mempelbagaikan hasil tanaman negeri. Subsidi berjumlah \$550 diberi oleh Kerajaan Negeri untuk tiap-tiap satu ekar ladang getah yang ditanam semula dengan koko.

Pengeluaran *tembakau* dalam tahun 1974 telah meningkat sebanyak 54% berbanding dengan tahun 1973 dengan luas kawasannya bertambah sebanyak 29%. Walauapun begitu bekalan dalam negara (17 juta paun) adalah tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan tahunan dalam negara (40 juta paun).

Pengeluaran *Lada Hitam* (94% dari Sarawak dan 1.1% dari jumlah pengeluaran pertanian) dijangka bertambah sebanyak 16% mencapai 30,000 tan pada tahun 1974 disebabkan oleh sentimen pasaran yang lebih baik dan harga tinggi yang terdapat terlebih dahulu pada itu. Adalah dijangka pada tahun 1974 luas kawasan di bawah tanaman Lada Hitam di Sarawak akan bertambah sebanyak 11% mencapai lebih kurang 20,000 ekar.

### Perkilangan terus memainkan peranan sebagai pendorong utama

Walauapun pengeluaran perkilangan dalam tahun 1974 adalah lebih perlahan dari tahun 1973, sektor perkilangan terus memainkan peranan sebagai *pendorong utama* kepada perkembangan ekonomi. Pengeluaran pada tahun ini telah merosot dari perkembangan yang sangat menggalakkan sebanyak 20% dalam tahun 1973. Kemererosotan ini adalah disebabkan oleh kemelesetan permintaan terutama sekali bagi perusahaan-

perusahaan yang mengeluarkan barang-barang eksport seperti keluaran kayu, kelengkapan elektronik dan kain dan juga disebabkan oleh kekurangan bahan-bahan input yang diimpor. Pengeluaran, yang dalam enam bulan pertama telah meningkat sebanyak 19% berbanding dengan masa yang sama pada tahun 1973, dianggar akan turun sedikit kepada 15% pada tahun ini dan merupakan kira-kira 17% dari KDNK (18% dalam tahun 1973).

Pertumbuhan dalam sektor ini sekali lagi didahului oleh pengeluaran *alat-alat pengangkutan* yang dalam enam bulan pertama telah meningkat pada kadar tahunan sebanyak 50%. Kenaikan yang tinggi ini disebabkan oleh tambahan dalam keluaran memasang motor kenderaan dan lori-lori dan badan-badan kereta bermotor. Bagi enam bulan pertama, pengeluaran lori-lori bertambah sebanyak 71% dan pengeluaran kereta-kereta penumpang sebanyak 54% berbanding dengan masa yang sama tahun lalu. Perkembangan yang pesat ini, walau bagaimanapun, dijangka telah berkurangan sejak daripada itu disebabkan oleh penerimaan eksport yang berkurangan dan juga sekitan-sekitan kredit.

Berikutnya dengan permintaan yang kuat bagi bahan-bahan pembinaan, kenaikan pengeluaran yang agak besar juga dijangka dari perusahaan *barang-barang logam, barang-barang galian bukan logam dan perusahaan logam asas*. Kadar pertumbuhan bagi ketigataiga perusahaan ini, yang bagi enam bulan pertama adalah masing-masing sebanyak 22%, 10% dan 7% dijangka berkembang sebanyak 15%, 5% dan 4% bagi seluruh tahun 1974. Keluaran besi kimpal dan paip bertambah sebanyak 34%, bar dan rod untuk konkrit tetulang sebanyak 26% sementara keluaran simen adalah 10% lebih tinggi dari bulan Julai 1973.

Bagi perusahaan kimia, perkembangan yang perlahan (+3%) diramalkan pada tahun ini (+15% dalam tahun 1973) disebabkan oleh kekurangan bahan mentah dan kos pengeluaran yang tinggi kerana kimia ialah hasil sampingan petroliam. Keluaran baja kimia, gas mampat dan cair dan minyak kelapa bertapis berkurangan sebanyak 0.2%, 5.4% dan 10.6% bagi enam bulan pertama jika dibandingkan dengan masa yang sama tahun lalu. Walau bagaimanapun, keluaran kimia, alat-alat solek, cat-cat dan minyak barnis telah bertambah sebanyak 15%, 13% dan 4% masing-masing.

Selaras perkembangan yang pesat dalam tahun 1973, keluaran kain dan barang-barang kayu dianggarkan akan jatuh dalam tahun 1974 sebanyak 15% dan 7%.

Keluaran perusahaan makana juga dijangka akan turun sedikit dalam tahun 1974. Dari bulan Januari hingga Jun, keluarannya telah berkurangan sebanyak 1% disebabkan oleh kekurangan barang-barang input bagi perusahaan-perusahaan bijian, kilang-kilang penapis gula dan perusahaan susu. Keluaran bagi enam

bulan pertama bagi ketiga-tiga perusahaan ini telah berkurangan sebanyak 12%, 8% dan 6% dari tempoh yang sama tahun lalu.

Kebanyakan dari perusahaan-perusahaan yang mengalami perkembangan yang sederhana tahun ini adalah perusahaan-perusahaan gantian impot yang memenuhi pasaran dalam negeri dan mengekspor sedikit sahaja. Perusahaan-perusahaan ini, terutama sekali barang-barang logam, logam asas dan kimia telah berkembang dengan pesatnya sejak tahun 1968 dan ini mencerminkan penggunaan dalam negeri yang bertambah tiap-tiap tahun dan juga kemungkinan bagi pasaran dalam negeri untuk berkembang lagi.

Sekj akhir tahun-tahun enam puluhan, tekanan dasar perusahaan Malaysia ialah memberatkan kepada perusahaan-perusahaan yang memerlukan tenaga buruh yang lebih dan perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan barang-barang ekspot. Berikutnya dengan terdapatnya kemelesetan seluruh dunia, tumpuan yang lebih juga diberi kepada perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian.

## Gunatenaga

Kegiatan ekonomi yang pesat terutama sekali pada awal 1974, telah mendorongkan pengujudan pekerjaan baru. Jumlah pekerjaan dalam tahun 1974 dijangka akan bertambah sebanyak 128,000 atau 3.4% dari tahun 1973 untuk mencapai 3,885,000. Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan masih seterusnya merupakan punca gunatenaga yang terbesar sekali (kira-kira 48% dari jumlah pekerjaan). Kadar pengangguran yang kira-kira 7.5% dalam tahun 1970 dan 7.3% dalam tahun 1973 dianggar telah berkurangan lagi pada awal tahun 1974, tetapi adalah dijangka sekiranya bahawa kadar ini akan meningkat semula terutama sekali di setengah-setengah perusahaan.

Sektor *perkilangan* yang menampung kira-kira 11% dari jumlah pekerjaan dalam tahun 1974 dijangka akan mengadakan sebahagian besar dari pekerjaan-pekerjaan baru pada tahun ini. Bagi lapan bulan pertama 1974, 57% dari kekosongan baru yang dilapurkan adalah dari sektor perkilangan (+22% dari masa yang sama tahun 1973). Dalam tahun 1974, adalah dijangka bahawa sektor ini akan mengadakan kira-kira 27,000 pekerjaan-pekerjaan baru, iaitu kenaikan sebanyak 6.9% menjadikan jumlah pekerjaan dalam sektor ini sebanyak 419,000. Dari tahun 1971 hingga 1974, pekerjaan dalam sektor perkilangan telah bertambah dengan kadar tahunan sebanyak 8.3%. Kerajaan telah memberi tumpuan kepada sektor ini supaya menjadi sektor yang utama dalam mengujudkan pekerjaan dan dalam mengimbangkan lagi penyertaan berbagai-bagai kaum dalam sektor moden ini.

Berikutnya dengan dasar kerajaan hendak menggalakkan penempatan perusahaan-perusahaan di kawasan-kawasan luarbandar, pengujudan pekerjaan baru seharusnya bertambah di negeri-negeri seperti Kelantan, Pahang, Trengganu, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.

Sektor *pemborong dan runcit* yang menampung 11.4% dari jumlah pekerjaan dianggarkan mempunyai kadar pertumbuhan yang paling tinggi dalam pengujudan pekerjaan-pekerjaan baru. Pertumbuhan dianggarkan sebanyak 11.3% jika dibandingkan dengan 16.3% dalam tahun 1973. Pertumbuhan yang tinggi ini disebabkan oleh keadaan ekonomi yang melambung yang dialami dalam tahun 1973 dan dalam separuh pertama 1974. Pekerjaan baharu dalam sektor ini dianggar sebanyak 45,000 membawa kepada jumlah gunatenaga dalam sektor ini pada akhir tahun 1974 menjadi 443,000.



Kegiatan pembinaan yang melambung yang berlanjut dari tahun 1973 yang dianggarkan akan meningkat sebanyak 10% dalam tahun 1974 menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan bagi tenaga buruh. Pada tahun ini adalah dianggarkan pekerjaan dari sektor ini ialah 8.1% berbanding dengan 14.8% dalam tahun 1973, menjadikan jumlah gunatenaga dalam sektor ini kepada 134,000 (3.4% dari jumlah gunatenaga).

Kadar pertumbuhan pekerjaan baru di sektor *pertanian*, berkurangan dari 2.9% dalam tahun 1973 kepada 1.1% dalam tahun 1974 disebabkan oleh dasar pembagian kerajaan. Pada keseluruhannya, sektor pertanian dianggar akan mengadakan 21,000 atau 16% dari jumlah pekerjaan baru yang akan diujudkan dalam tahun 1974 membawa kepada jumlah gunatenaga dalam sektor ini kepada 1,865,000. Rancangan kemajuan tanah Felda menjadi sumber utama pengujudan pekerjaan baru yang merupakan 20% dari jumlah pekerjaan-pekerjaan baru yang diujudkan dalam sektor ini. Bilangan keluarga yang bekerja di rancangan-rancangan tanah pada penghujung bulan Oktober adalah dianggarkan sebanyak 30,061 iaitu tambahan sebanyak 2,047 keluarga dari tahun 1973.

Kemajuan yang berlaku dalam kedudukan gunatenaga adalah dicerminkan oleh kadar yang berkurangan dalam pengangguran yang berdaftar. Pada penghujung bulan September 1974, pengangguran berdaftar adalah 137,202 berbanding dengan 151,874 dalam bulan September 1973, iaitu berkurangan sebanyak 9.7%. Kemerosotan dalam pengangguran pekerja-pekerja perkhidmatan, jualan, pengangkutan dan buruh kasar adalah dianggarkan dalam tahun 1974. Di peringkat negeri, semua negeri-negeri kecuali negeri Sarawak melapurkan kekurangan dalam pengangguran berdaftar. Pengangguran berdaftar di negeri ini adalah agak

# KEDUDUKAN GUNATENAGA

Malaysia



tinggi mungkin kerana pertumbuhan perusahaan di Sarawak adalah tidak begitu cepat untuk menampung pengangguran yang meningkat dengan pantasnya.

Pengangguran di kalangan belia masih menjadi corak utama pengangguran dalam tahun 1974. Lebih dari empat perlita dari jumlah pengangguran berdaftar adalah di bawah umur 30 tahun. Masaalah pengangguran belia adalah juga akibat dari pencapaian pelajaran yang rendah. Dalam tahun 1974, adalah dianggarkan bahawa kira-kira 70% dari pendaftar-pendaftar mencapai pelajaran resmi lebih rendah dari SRP. 16% mempunyai SRP dan 14% mempunyai SPM ke atas. Kebanyakannya dari orang-orang yang mencari pekerjaan di semua kumpulan pekerjaan tidak mempunyai latihan institusi. Adalah perlu lebih ramai tenaga kerja dilatih dalam pekerjaan-pekerjaan mahir dan separuh mahir dalam berbagai-bagai bidang dan perusahaan untuk memenuhi kehendak-kehendak gunutengana yang kian berubah di dalam ekonomi. Tekanan terhadap mata pelajaran sains dan teknologi dan penubuhan institusi-institusi vokesyenal dan teknikal seharusnya akan mengurangkan masaalah ini. Pusat Latihan Belia di Dusun Tua dan Pertak boleh disesuaikan lagi ke arah memenuhi permintaan bagi buruh mahir terutama sekali oleh sektor perusahaan dari latihan disiplin bercorak tentera yang terdapat sekarang yang sungguhpun berguna tetapi tidak begitu perlu untuk pasaran gunutengana.

### Upah—tekanan meningkat

Tekanan untuk mendapat upah yang lebih tinggi mula mencapai momentum pada awal tahun 1974. Beberapa tuntutan-tuntutan yang besar untuk eluan bantuan khas dan perjanjian-perjanjian gaji bersama yang baru telah berlaku oleh kerana lebih dari tiga perempat permogokan yang terdapat dalam sembilan bulan pertama tahun ini adalah disebabkan oleh tuntutan-tuntutan ini. Enam puluh lapan permogokan telah terdapat dalam masa itu berbanding dengan 48 sahaja pada masa yang sama tahun lalu dan bilangan kehilangan hari pekerja meningkat sebanyak 205%.

Perjanjian-perjanjian gaji bersama yang ditandatangani pada tahun ini melibatkan lebih banyak pekerja-pekerja dari tahun yang lepas dan ini membayangkan penglibatan kesatuans-kesatuans pekerja yang lebih besar. Pada penghujung bulan Oktober, sebanyak 39,000 pekerja-pekerja telah terlibat dalam 76 surat-surat perjanjian, berbanding dengan 25,000 pekerja-pekerja dalam 80 surat-surat perjanjian yang ditandatangani pada seluruh tahun 1973. Diselalkunya pula, kira-kira 165 syarikat-syarikat telah memberi eluan bantuan khas antara \$15 hingga \$42.50 sebulan bergantung kepada paras pendapatan kepada kira-kira 252,000 pekerja-pekerja.

Di kalangan *awam*, kadar gaji pokok berdasarkan kepada syor-syor oleh beberapa Suruhanjaya-suruhanjaya gaji seperti Suruhanjaya Suffian bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan, Suruhanjaya Aziz bagi guru-guru, Suruhanjaya Sheikh Abdullah bagi anggota-anggota tentera dan Suruhanjaya Harun bagi pekerja-pekerja di badan-badan berkutan. Sejak bulan Oktober, 1973, Kerajaan telah memberi eluan bantuan khas untuk meringankan beban inflasi ke atas pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah di kalangan awam. Pekerja-pekerja di kalangan swasta telah sejak itu membuat tuntutan untuk mendapat faedah yang sama dari majikan mereka. Kerajaan juga telah memberi bonus sebulan gaji kepada semua pekerja-pekerjanya dan juga dibadan-badan berkutan (kira-kira 324,000) dari sejak bulan Januari tahun ini.

Di kalangan *swasta* data yang lengkap tidak boleh didapati. Di dalam sektor *ladang getah*, mengikut perjanjian yang ditandatangani antara Persatuan Pengeluar-pengeluar Hasil Pertanian Melayu (MAPA) dan Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) yang akan mansoh pada 28hb Februari, 1975, kadar upah dan bonus bergantung kepada harga getah (RSS 1) yang terdapat pada sesuatu masa. Seorang penoreh getah akan dibayar upah pokok sebanyak \$3.10 sehari dalam lingkungan harga 35/40 sen sepaun dan \$3.20 apabila harga di dalam lingkungan 40/45 sen sepaun dan ke atas. Selain daripada ini, bayaran bonus harga akan dibayar dari 5 sen kapad 60 sen apabila harga getah di antara 50 sen hingga 90 sen sepaun. Bonus tenaga sebanyak 5 sen akan juga dibayar bagi 10 batang pokok yang telah dioreh yang melebihi tugas yang ditetapkan. Tambahan lagi, eluan bantuan khas antara 60 sen dan \$1.15 sen akan dibayar kepada mereka-mereka yang berpendapatan \$500 ke bawah. Bagi penebas-penebas rumput, selain daripada menerima bonus harga dan eluan bantuan khas, gaji pokok adalah berlainan di antara perempuan dan lelaki. Penebas rumput lelaki diberi gaji pokok sebanyak \$3.20, sementara yang perempuan sebanyak \$2.75 sehari.

Walaupun harga getah lebih daripada 90 sen sepaun bagi lima bulan pertama tahun 1974, gaji pokok seorang penoreh masih sama sebab perjanjian-perjanjian ini tidak membuat penyesuaian bagi harga yang lebih daripada ini. Walau bagaimanapun, bayaran bagi berbagai-bagai bonus seharusnya telah menambahkan dengan lebih banyak lagi pendapatan mereka. Oleh kerana harga getah telah jatoh dengan mantapnya sejak bulan Jun, pendapatan purata bagi bulan-bulan yang akan datang ini akan banyak berkurangan.

Kadar upah pekerja-pekerja di ladang-ladang *kelapa sawit* juga bergantung kepada harga yang terdapat pada masa itu. Mengikut perjanjian yang ditandatangani antara Mapa dan Nupw sekumpulan

pemotong/pemikul akan dibayar gaji purata minima sebanyak \$8.25 sehari apabila harga minyak kelapa sawit di dalam lingkungan \$400/\$499 se tan dan akan ditambah sebanyak 50 sen lagi sehari bagi tiap-tiap kenaikan \$100 dalam harga sehingga harganya berada dalam lingkungan \$1,100/\$1,199 se tan. Oleh kerana harga minyak kelapa sawit adalah sangat tinggi pada tahun ini, pekerja-pekerja dalam sektor ini mengalami kenaikan yang besar dalam pendapatan mereka dibandingkan dengan tahun 1972.

Kadar upah, walau bagaimanapun, adalah berlainan bagi kira-kira 70% dari pekerja-pekerja dalam sektor pertanian yang tidak mempunyai kesatuan dan yang mana majikan-majikan mereka adalah di luar lingkungan MAPA. Upah di sini adalah ditentukan dengan perjanjian persendirian yang biasanya lebih rendah dari sektor yang mempunyai kesatuan.

Dari bulan Januari hingga Ogos tahun ini, sebanyak 32 surat-surat perjanjian gaji telah ditandatangani di sektor perkilangan berbanding dengan 38 bagi seluruh tahun 1973. Kenaikan upah adalah berlainan di antara beberapa perusahaan-perusahaan antara 6.5% hingga 35%. Walau bagaimanapun, dari kajian setengah tahun gunatenaga bagi perusahaan-perusahaan perkilangan yang terpilih yang diuruskan oleh Jabatan Perangkaan, menunjukkan kenaikan yang kecil dalam gaji dan upahan purata bagi berbagai-bagai kategori pekerja-pekerja pada bulan Disember 1973 berbanding dengan Disember 1972. Bagi kategori pengurusan dan profesional kenaikannya adalah kira-kira 18%; pekerja-pekerja am 18.3%; pekerja-pekerja mahir yang diambil secara langsung 5.7% dan pekerja-pekerja bukan mahir yang diambil secara langsung 14.7%. Kedua-dua kategori yang terakhir ini mengandungi 75% dari jumlah pekerja-pekerja dalam perusahaan-perusahaan perkilangan.

Bagi sektor perlombongan, perjanjian yang ditandatangani antara Kesatuan Kaitangan Perusahaan Lombok se Malaya dan Persatuan Majikan Lombong Malaya pada bulan Mac 1970 yang meliputi kira-kira 13,000 pekerja-pekerja telah dilanjutkan hingga 31hb Disember, 1974. Walau bagaimanapun, semua pekerja-pekerja termasuk pekerja-pekerja teknik, kerani dan penyelia telah diberi \$25 sebulan sebagai eluan bantuan khas bermula dari bulan Oktober, 1973. Bagi pekerja-pekerja teknikal, kerani dan penyelia (kira-kira 1,000), kenaikan gaji mereka adalah kira-kira 10%.

Bagi sektor perdagangan, sejak permulaan bulan September, 1974, 19 surat-surat perjanjian telah ditandatangani (17 bagi seluruh tahun 1973) dengan tambahan gaji sebanyak 10.5% hingga 80%. Kenaikan yang paling tinggi sekali (80%) dicatitkan di dalam perjanjian yang ditandatangani antara Persatuan Majikan-majikan Dewan Perniagaan negeri-negeri

Malaya dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perdagangan yang meliputi kira-kira 4,800 pekerja-pekerja dalam 17 buah syarikat. Bonus tahunan juga telah dinaikkan dari 1 bulan hingga 1½ bulan gaji.

Sekjat tahun 1971, tidak ada pertukaran terdapat dalam sekil gaji pekerja-pekerja bank. Walau bagaimanapun, mereka diberi eluan bantuan khas atas kadar purata \$35 sebulan bagi tiap-tiap kategori pekerja.

Kegiatan pembinaan yang terus melambong di awal tahun 1974 telah membawa kepada kenaikan dalam permintaan gunatenaga bagi perusahaan yang lebih memerlukan buruh ini. Dalam tahun 1974, kadar purata upah bagi buruh mahir ialah \$16 sehari berbanding dengan \$15 dalam tahun 1973 (46.7%). Kadar purata upah buruh setengah mahir meningkat sebanyak 9.1% kepada \$12 dalam tahun 1974 sementara kadar purata pekerja-pekerja bukan mahir bertambah sebanyak 23% kepada \$8.00 sehari.

Tuntutan untuk mendapat kenaikan upah telah bertambah disebabkan oleh inflasi. Kadar inflasi yang dijangka akan berkurangan dan kemungkinan mungkin mempunyai kesan ke atas tekanan-tekanan penyesuaian upah dalam tahun 1975 dan awal tahun 1976.

#### Pembinaan dan Perkhidmatan

Kegiatan pembinaan (5% dari KDNK) kurang pesat dalam tahun ini selepas kegiatan yang aktif dalam tahun 1973, disebabkan oleh kenaikan kos-kos dan masaalah kekurangan dalam bahan-bahan pembinaan juga pekerja-pekerja mahir. Serentak dengan ini, pengurangan pembinaan projek-projek pembangunan kalangan awam yang rendah keutamaannya, sebagai usaha mengurangkan tekanan inflasi, telah membawa kepada kegiatan pembinaan yang perlahan dalam kalangan awam juga. Nilai tambahan dalam perusahaan pembinaan dianggar akan bertambah sebanyak 10% dari segi sebenar tahun ini, berbanding dengan 15% dalam tahun 1973. Pengurangan permintaan terhadap perumahan persendirian, setelah harga rumah-rumah turus meningkat, sebahagiannya mencerminkan pengurangan yang besar dalam pembelian yang bercorak spekulasi.

Sektor perkhidmatan dianggar bertambah sebanyak kira-kira 5% dari segi sebenar tahun ini, iaitu lebih rendah dari tahun 1973, disebabkan oleh perlannnya kegiatan ekonomi. Bahagian sektor perkhidmatan dalam KDNK sebanyak kira-kira 45% masih terus kekal sejak tahun 1965. Bahagian sektor-sektor utama, iaitu sektor pertanian dan perlombongan, telah berkurangan dan tempatnya diganti oleh sektor perkilangan yang mengalami pertumbuhan yang pesat. Perdagangan-perdagangan borong dan runcit (14% dari KDNK) dianggar akan bertambah pada kadar

yang perlana setelah meningkat sebanyak 51% dalam tahun 1973. Ini sebagianya disebabkan oleh pembatasan kredit yang dikenakan dalam bulan April tahun ini untuk tidak menggalakkan kredit bank dari digunakan bagi menyorok barang-barang. Perniagaan borong masih terdiri daripada sebilangan kecil perusahaan-perusahaan besar, yang terdapat di bandar-bandar besar, yang menyumbangkan sebahagian besar dalam jumlah nilai tambahan. Perniagaan runcit sebaliknya, mengandungi ramai peniaga-peniaga dan menyumbangkan sebahagian besar dari jumlah guna-tengah. Perkhidmatan letrik dan air (21% dari KDNK) dianggar akan bertambah sebanyak 10% untuk menampung kegiatan pelaburan swasta yang pesat dalam tahun ini. Perkembangan rancangan pembangunan bagi kuasa letrik di kawasan-kawasan perusahaan baru, terutamanya di negeri-negeri pantai timur di Semenanjung Malaysia, dan penyambungan rancangan-rancangan bekalan letrik dan air ke luar bandar adalah merupakan projek-projek yang terbesar. Rancangan saluran nasis di bandar-bandar besar juga diperlukan dalam tahun 1974. Perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan (41% dari KDNK) dijangka meningkat sebanyak 7% dengan banyaknya kerja-kerja memperbaiki jalan-jalan raya. Ini termasuk pembinaan lebuhraya Kuala Lumpur-Petaling Jaya, Lebuhraya Timor-Barat dan kerja-kerja pembinaan di dua buah pelabuhan baru di Kuantan dan Johor Bahru serta perkembangan perkhidmatan antarabangsa syarikat-syarikat Sistem Penerbangan Malaysia dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia. Perusahaan pelancungan masih berkembang, walaupun terdapat krisis tenaga dan inflasi di seluruh dunia. Pelancung-pelancung yang sampai bertambah sebanyak 26% bagi separuh pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1973. Pasaran ASEAN menyumbangkan sebanyak lebih daripada 40% dari pelancung-pelancung yang sampai manakala pasaran-pasaran yang tidak ditakrifkan seperti negara-negara Burma, Laos, Hong Kong dan Taiwan kian bertambah penting. Sektor bank dan insuran dianggar akan bertambah sebanyak 7%, lebih rendah dari kadar tahun lepas (+10%) disebabkan oleh pembatasan kredit yang dikenakan dalam bulan April tahun ini. Pengurangan dalam kegiatan-kegiatan perumahan yang disebabkan oleh kekurangan bahan-bahan pembinaan telah melambatkan pemilikan kediaman, yang dianggar meningkat naik sebanyak 7%. Perkhidmatan awam dan pertahanan (61% dari KDNK) dijangka akan bertambah pada kadar yang rendah iaitu sebanyak 3% disebabkan oleh tindakan anti-inflasi Kerajaan yang telah menyekat perbelanjaan sektor awam.

### Impot Barang—meningkat dengan banyaknya dalam tahun 1974.

Paras permintaan dalam negeri yang terus tinggi akibat dari ekspot yang melambung dalam tahun 1973 dan awal tahun 1974 telah menyebabkan jumlah nilai impot barang meningkat sebanyak kira-kira 59% dalam tahun 1974, mencapai \$9,400 juta. Kenaikan itu sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh impot yang banyak pada hampir-hampir keseluruhan tahun itu dan meningkatnya harga impot dan kenaikan tambang pengangkutan. Dalam masa lapan bulan pertama tahun 1974, jumlah impot barang bagi Semenanjung Malaysia, yang merupakan kira-kira empat perlima dari keseluruhan impot Malaysia telah meningkat kepada \$5,749 juta, iaitu kenaikan sebanyak 83.3% berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1973. Walau bagaimanapun, aliran ini dijangka akan berkurangan pada penghujung tahun ini, mencerminkan kemerosotan permintaan dalam negeri. Bagi tahun 1974, impot barang bagi Malaysia diramalkan menyamai 48% dari KNK, berbanding dengan 34% dalam tahun 1967. Ini mencerminkan permintaan dalam negeri yang kian meningkat bagi mendapat bahan dari luar terutama sekali untuk pelaburan.

*Pengelasan impot* pada penghujung bulan Ogos mengikut fungsi ekonomi menunjukkan bahawa kenaikan *barang-barang pelaburan* telah mencatatkan kenaikan tahunan yang paling tinggi (86%). Kenaikan yang tinggi ini disebabkan oleh kenaikan yang pesat dalam impot jentera untuk perlakangan (105%), barang-barang logam (105%) dan jana-kuasa (83%). Kenaikan-kenaikan ini menjelaskan pertumbuhan yang pesat iaitu sebanyak 20% dari segi sebenar dalam pelaburan loji dan jentera pada tahun ini berbanding dengan 8% sahaja dalam tahun 1973.

Impot *barang-barang perluaruan* bagi lapan bulan pertama 1974 mencatatkan kenaikan sebanyak 85% dari masa yang sama dalam tahun 1973. Kenaikan yang banyak ini disebabkan oleh kenaikan impot minyak petrol kasar (245%), barang-barang kimia (109%), barang-barang kertas (99%), barang-barang plastik (96%), bahan-bahan pemasangan kereta (70%) dan benang untuk membuat kain (63%). Walaupun kenaikan pesat harga impot seharusnya dipertimbangkan, tambahan impot barang yang melambung ini mencerminkan pertumbuhan yang pesat oleh sektor perlakangan dalam ekonomi.

*Barang-barang pengguna* juga bertambah dengan besarnya di mana *barang-barang pengguna* kekal mengatasi yang lain-lain. Dari bulan Januari hingga Ogos, impot barang-barang pengguna meningkat sebanyak 78% berbanding dengan masa yang sama dalam tahun 1973. Dari barang-barang pengguna kekal, tambahan yang besar dalam impot dicatatkan oleh


RAJAH 31

IMPOT UNTUK 1974

... MENGIKUT SEKSYEN SITC



... MENGIKUT NEGARA-NEGARA ASAL



impot bagi peti air sejuk (143%), basikal dan bahagian-bahagiannya (136%), talivisen, radio dan radiogram, (134%), kenderaan-kenderaan yang siap dipasang (132%), motorsikil dan bahagian-bahagiannya (110%) dan pakaian (109%). Ini mencerminkan bertambahnyakekayaan penduduk-penduduk disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi pada tahun yang lepas dan sebagaimana besar tahun ini.

Impot makanan ke Semenanjung Malaysia sehingga bulan Ogos mencapai \$849 juta, 45% lebih tinggi dari paras hingga bulan Ogos 1973. Bertambahnya kemasukan beras dan bijian-bijian yang lain pada tahun ini akan menjadikan jumlah impot makanan meningkat sebanyak 40% dari tahun 1973 untuk menepai \$1,500 juta.

Impot minyak galian dan minyak pelincir sehingga bulan Ogos yang berjumlah \$574 juta adalah dianggar akan mencapai \$970 juta dalam tahun 1974, iaitu kenaikan sebanyak 148% dari tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, sebahagian besar kenaikan nilai ini ialah disebabkan oleh kenaikan empat kali ganda harga minyak (posted price). Dalam bulan Julai angkutanjuk harga impot bagi minyak galian ialah 406 berbanding dengan 135 ( $1970=100$ ) pada bulan Julai tahun 1973, iaitu menunjukkan kenaikan sebanyak kira-kira 200%. Impot kimia akan meningkat seterusnya terutama sekali bawa. Nilai impot yang lebih terutama sekali bawa, juga mencerminkan permintaan yang kuat dari sektor pertanian yang telah dipengaruhi oleh harga yang tinggi dan kekurangan bekalan dalam barang-barang pengguna.

Impot barang-barang perkilangan untuk binaan adalaht dijangka meningkat dengan banyaknya disebabkan oleh harga dan jumlah yang tinggi. Pada penghujung bulan Ogos, impot besi, besi waja dan campuran besi adalah 123% lebih tinggi dari masa yang sama dalam tahun 1973. Kenaikan impot yang pesat ini adalah disebabkan oleh pelonggaran kawalan-kawalan impot ke atas palang-palang keluli, besi gubal dan beberapa jenis besi serta dawai yang harga kesemuanya adalah lebih tinggi di luar negeri. Walau bagaimanapun, langkah-langkah pelonggaran ini memastikan bekalan yang cukup bagi barang-barang ini, dan juga menghalang kenaikan harga dalam negeri dengan lebih lagi. Oleh kerana itu dalam tahun 1974, jumlah impot barang barang perkilangan adalah diramalkan mencapai \$2,480 juta, berbanding dengan \$1,570 juta dalam tahun 1973, iaitu kenaikan sebanyak 58%.

Seperti tahun-tahun yang lepas, Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat seterusnya menjadi sumber bekalan yang utama bagi impot Malaysia. Ketiga-ketiga negara ini menyumbang sebanyak 43% dari jumlah impot. Impot dari negara Jepun, pembekal utama jentera, kereta-kereta kenderaan dan barang-barang perkilangan kepada Malaysia adalah dijangka

akan meningkat sebanyak 72% dalam tahun 1974. Ini meningkatkan bahagiannya dalam jumlah impot, dari kira-kira 23% dalam tahun 1973 kepada 25% pada tahun ini. Begitu juga bekalan dari UK dan AS adalah dijangka akan bertambah sebanyak 41% dan 70%. Impot dari AS merupakan 9.1% dari jumlah impot berbanding dengan 8.6% dalam tahun 1973 sementara bahagian UK telah berkurangan sedikit dari 10% kepada 9%. Berkurangannya bahagian impot dari UK ini adalah disebabkan oleh harga impot yang tinggi. Oleh kerana itu adalah perlu bagi pengimpor-pengimpor mencari sumber-sumber baru yang lebih murah.

Adalah menarik perhatian di sini bahawa Jerman Barat dan Republik Rakyat China menjadi bertambah penting sebagai pembekal impot, oleh kerana harganya adalah lebih bersaingan. Impot dari Jerman Barat dianggarkan akan bertambah sebanyak 71% dari tahun 1973 dan sebahagian besarnya mencerminkan impot jentera dan alat-alat pengangkutan yang lebih tinggi, sementara sebahagian besar impot kita dari negara China adalah mengandungi barang-barang makanan, terutama sekali beras.


### Imbangang Pembayaran

Satelah mengalami lebihan yang amat besar dalam tahun 1973, adalah dijangka bahawa *imbangang pembayaran* tahun ini akan menunjukkan *lebihan yang kecil* iaitu berjumlah \$100 juta. Cadangan bersih luar negara akan bertambah dengan jumlah yang sama. Oleh itu, jumlah cadangan pada penghujung tahun 1974 dianggarkan boleh membayai impot selama 5 bulan pada paras tahun 1974.

Akan tetapi, *akaun barang* akan mengalami lebihan yang separoh daripada lebihan tahun yang lepas. Ini disebabkan oleh kejatuhan jumlah dan harga ekspot dalam separuh kedua tahun 1974 dan juga disebabkan oleh nilai impot yang naik dua kali ganda. Kenaikan tambang pengangkutan menambahkan kurangan perkhidmatan dan ini membawa kepada kurangan di dalam akaun semasa sebanyak \$970 juta, berbanding dengan lebihan tahun 1973 sebanyak \$320 juta. Adalah dijangka akaun modal resmi akan menunjukkan lebihan yang kurang dari tahun 1973 oleh sebab tiadanya pinjaman pasaran luar negeri. Aliran masuk modal jangka panjang dari kalangan swasta dianggap akan terus naik selaras dengan pelaburan asing yang kuat. *Imbangang asas*, tidak termasuk gerakan modal jangka pendek serta kesalahan dan ketinggalan, dijangka akan mengalami kurangan sebanyak \$270 juta. Bagaimana pun, adalah dijangka bahawa cadangan luar negara akan bertambah sebanyak \$100 juta tahun ini, setelah dikira dan dimasukkan aliran bersih modal jangka pendek serta kesalahan dan ketinggalan.

RAJAH 32

### MALAYSIA: IMPOT BARANGAN



<sup>1</sup> Anggaran, Bahagian Ekonomi

*Akaun barang* tahun 1974 telah turun daripada lebihan yang paling tinggi sebanyak \$1,675 juta dalam tahun 1973 menjadi *lebihan* sebanyak \$710 juta. Turunnya jumlah lebihan ini adalah disebabkan oleh kejatuhan dalam jumlah dan harga eksport apabila permintaan dari negara-negara maju berkurangan dan juga disebabkan oleh kenaikan dalam jumlah dan harga impot yang tinggi bila inflasi terus melampaui di luar negeri. Jumlah impot telah naik disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang tinggi. Eksport barangang bertambah sebanyak 29% menjadi \$9,440 juta dan impot barangang bertambah sebanyak 54% menjadi \$8,730 juta. Kenaikan pendapatan eksport mungkin hanya perlaha jika tidak disebabkan oleh kenaikan harga petrolium yang telah menahan harga getah dari merosot pada awal tahun ini. Nisbah harga impot-eksport telah sekali lagi menunjukkan aliran jangka panjang yang tidak menguntungkan dalam separuh kedua tahun 1974 satelah menunjukkan kenaikan sementara sebanyak 10% dalam tahun 1973. Nisbah harga impot-eksport dijangka akan turun sebanyak 9% tahun ini. Kenaikan nilai ringgit Malaysia semenjak pengapungan dalam bulan Jun tahun 1973 telah membantu mengurangkan kadar kenaikan harga impot yang boleh menyebabkan kedudukan yang lebih buruk ke atas imbalan pembayaran.

*Kurangan tradisional* dalam *akaun perkhidmatan* terus meningkat sebanyak 27% ke \$1,510 juta. Pendapatan dari eksport perkhidmatan yang merupakan 10% dari jumlah eksport barangang bertambah sebanyak 29%, manakala pembayaran dari impot perkhidmatan yang merupakan 28% dari jumlah impot barangang, meningkat sebanyak 28%. Butir kredit yang terbesar sekali dalam *akaun perkhidmatan* ialah penerimaan dari pendapatan pelaburan luar negeri yang merupakan 42% dari jumlah eksport perkhidmatan. Bahagian ini telah bertambah dari 34% yang terdapat dalam tahun 1961 dan ini mencerminkan perkembangan pelaburan-pelaburan Malaysia di luar negeri dan juga kadar-kadar hasil yang lebih menggalakkan di atas pelaburan yang dibuat di luar negeri. Pembayaran pendapatan pelaburan ke negara-negara asing, yang merupakan sebanyak 39% dari jumlah impot perkhidmatan, mengatasi penerimaan dari pendapatan pelaburan sebanyak \$550 juta. Aliran keluar yang terbesar ini disebabkan oleh keuntungan-keuntungan yang besar yang dibuat dalam tahun 1973 dan permulaan tahun 1974 mengikut keadaan eksport yang melambung. Penerimaan dari tambang pengangkutan dan insuran dan bayaran pengangkutan yang lain terus bertambah disebabkan oleh operasi yang menguntungkan yang dibuat oleh syarikat penerbangan kebangsaan, Sistem Penerbangan Malaysia (Mas) dan syarikat perkapalan kebangsaan, Per-


badanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (Misc). Menjelang bulan September 1974, Misc mempunyai kapal-kapal yang beratnya berjumlah sebanyak 380,000 DWT. Penyerahan 3 lagi kapal-kapal pembawa minyak kelapa sawit dalam tahun 1975 akan menambah lagi pendapatan pertukaran wang asing bagi Malaysia. Mas telah membeli 3 lagi kapal-terbang Boeing dalam tahun 1974 untuk melayani jumlah penumpang-penumpang yang kian bertambah dan telah menerima pertukaran wang asing sebanyak \$50 juta dalam tahun kewangan yang berakhir dalam bulan Mac, 1974. Pembayaran untuk tambang pengangkutan, insuran, dan lain-lain pengangkutan, juga bertambah memandangkan jumlah impot yang tinggi dan bayaran-bayaran pengangkutan yang naik, mengakibatkan aliran keluar bersih dalam *akaun tambang pengangkutan* sebanyak \$745 juta. Penerimaan dari perjalanan bertambah mencerminkan jumlah pelancung-pelancung yang sampai yang bertambah. Walaubagaimana pun, masih didapati aliran keluar bersih bagi pembayaran perjalanan sebanyak \$110 juta. Pembayaran pindahan bersih seberang laut dalam bentuk pemberian persendirian dan caruman Kerajaan yang termasuk pembayaran yuran, bertambah sebanyak 11% berbanding dengan tahun 1973. Kurangan yang besar dalam *akaun perkhidmatan* dan pindahan telah mengatasi lebihan dalam *akaun barang* menyebabkan *akaun semasa* mengalami *kurangan* sebanyak \$970 juta berbanding dengan lebihan sebanyak \$320 juta dalam tahun 1973.

Kedudukan bersih dalam *akaun modal resmi jangka panjang* lebih kecil dari paras dalam tahun 1973, meski pun adanya aliran masuk modal resmi jangka panjang dalam bentuk pinjaman-pinjaman projek yang tinggi, yang dianggar sebanyak \$146 juta. Ini disebabkan terutamanya oleh bayaran bunga atas hutang luar negeri dan bayaran balik pinjaman-pinjaman pasaran dan projek luar negeri. Ini telah menyebabkan aliran keluar sebanyak \$136 juta. Disebalkinya, pelaburan langsung asing bersih bertambah lebih daripada 100% kepada sebanyak \$700 juta tahun ini disebabkan oleh keadaan pelaburan yang lebih baik dalam negeri ini. Pada keseluruhannya, *akaun modal jangka panjang* dianggar akan mengalami *lebihan* sebanyak \$700 juta atau 33% lebih tinggi dari paras tahun 1973.

*Imbalan asas*, yang menyatakan imbalan-imbalan *akaun semasa* dan *akaun modal jangka panjang* dianggar akan mengalami *kurangan* sebanyak \$270 juta berbanding dengan lebihan sebanyak \$848 juta dalam tahun 1973. Ini, bagaimana pun, telah diduga memandangkan kepada penurunan yang berterusan di dalam harga-harga eksport barangang utama dan kenaikan yang cepat di dalam jumlah dan harga-harga impot.

## IMBANGAN PEMBAYARAN

- \$ juta -



## V. Kualiti Kehidupan Di Malaysia

### Petunjuk-petunjuk Sosio-Ekonomi Pengenalan

Dalam Lapuran Ekonomi pada tahun lepas, Perpendaharaan telah memulakan perbincangan mengenai Kualiti Kehidupan di Malaysia dalam satu bab dengan menggunakan sebahagian dari petunjuk-petunjuk Sosio-ekonomi. Tujuan ini ialah kerana matlamat terakhir pertumbuhan ekonomi adalah memperbaiki kualiti kehidupan dan oleh itu kemajuan patut diukur dari segi tersebut juga.

Perpendaharaan adalah terlibat secara langsung dengan pengurusan ekonomi Malaysia dari segi jangka pendek dan jangka pertengahan. Bab ini mencerminkan perhatian Perpendaharaan yang semakin bertambah mengenai perubahan dalam bidang sosial, terutama sekali dalam jangka masa pendek hingga masa pertengahan.

Petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi yang bersiri adalah digunakan untuk mengukur perubahan-perubahan penting dalam masyarakat. Di dalam setengah-setengah bidang, dimana data bersiri tidak boleh didapati, Lapuran ini akan mengulas *keadaan sosial daripada perubahan dari semasa ke semasa*. Pengulasan disetengah-setengah bidang adalah kualitatif disebabkan oleh sifat perkara itu dan kekurangan data. Adalah dimaksudkan bahawa Petunjuk-petunjuk akan pada masa hadapan bukan sahaja melapurkan tetapi juga meramalkan aliran kualiti kehidupan di Malaysia. Ia juga boleh menyediakan suatu asas untuk membuat keputusan keatas matlamat-matlamat dan keutamaan-keutamaan negara selain daripada mengukur perubahan sosial (atau melapurkan jika tiada perubahan).

Satu kajian telah dibuat oleh Perpendaharaan (Bahagian Ekonomi) mengenai 465 soalan-soalan daripada Ahli-ahli Parlimen semasa Dewan Rakyat ber-sidang dalam tahun 1974. Kajian permulaan menunjukkan bahawa 43% daripada soalan-soalan berkaitan dengan bidang sosial, terutama sekali dalam bidang pelajaran dan kesihatan, manakala 29% adalah terdiri daripada hal-hal ekonomi (10% berkenaan dengan inflasi), 22% tentang hal-hal politik dan yang baki 6% tentang hal-hal keselamatan. Kesimpulan permulaan dari kajian yang serupa mengenai 301 soalan-soalan yang akan dibangkitkan di persidangan keempat Dewan Rakyat yang sedang berjalan sekarang, menunjukkan bahawa bahagian soalan-soalan dalam bidang sosial telah meningkat naik kepada 58%, sementara bahagian

soalan-soalan yang berkaitan dengan ekonomi adalah 20%, soalan-soalan politik sebanyak 15% dan soalan-soalan keselamatan sebanyak 7%.

Bahagian soalan-soalan berkenaan dengan sosio-ekonomi sebanyak 72% hingga 78% menunjukkan kepentingan dan keutamaan untuk mengawasi dan melapurkan perkembangan sosio-ekonomi di Malaysia.

Di mesyuarat antara wakil-wakil dari kalangan swasta dan Perpendaharaan di mana kalangan swasta telah memberi pendapat tentang Lapuran Ekonomi 1973/74, satu daripada komen utama yang telah diberi ialah supaya perlunya keluaran Lapuran yang akan datang lebih menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan sosial. Mereka juga berpendapat bahawa bab-bab mengenai Petunjuk-petunjuk Sosio-Ekonomi adalah sangat menarik.

Bangsa-bangsa Bersatu telah berpendapat bahawa Malaysia adalah satu negara membangun di Asia yang telah banyak memberi perhatian di dalam bidang ini. Adalah juga terdapat penerimaan yang bertambah tentang saling perhubungan yang rapat antara perkembangan sosial dan ekonomi dan kepentingan perubahan sosial sebagai "satu bahagian yang boleh di satukan dan bukan hanya keluaran sampingan perkembangan "ekonomi".

Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan sesuatu bangsa mengikut pekerjaan, menunjukkan tumpuan lebih yang diberikan oleh Kerajaan terhadap saling perhubungan antara hal ekonomi dan sosial dan pembangunan.

Lapuran Ekonomi 1973/74 telah meliputi bidang-bidang Pelajaran, Kualiti Alam Sekitar, Kesihatan, Pembahagian Pendapatan, Penduduk, Keselamatan Awam dan Kualiti Keadaan Bekerja. Lapuran tahun ini mempunyai tiga lagi tambahan utama iaitu Keupayaan Mendapat Kemudahan Awam, Pembahagian dan Pemilikan Tanah dan Kualiti Kehidupan di Kuala Lumpur. Bahagian berkenaan dengan Keselamatan Awam telah diluaskan dengan kemasukan perkara-perkara Jenayah dan Rasuah. Bahagian yang berkaitan dengan Perumahan telah dikeluarkan kerana tiada banyak perubahan yang boleh dilapurkan tahun ini. Perhatian utama diberi kepada Pembahagian Pendapatan, iaitu satu matlamat utama Dasar Ekonomi Baru. Perpendaharaan akan terus mengawasi perkembangan-perkembangan tersebut.

## Keupayaan Mendapat Kemudahan-kemudahan Awam

Kemudahan-kemudahan awam yang disentuh di sini termasuk radio, talivisyen, pengangkutan awam, perkhidmatan pos, talikom dan penerbangan awam. Keupayaan mendapat kemudahan-kemudahan ini mempunyai hubungan dengan taraf kehidupan seseorang. Walaubagaimanapun kerajaan telah mengadakan kemudahan perkhidmatan pos dan pondok talipon awam sebagai satu khidmat kepada orangramai *terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dari yang tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil*. Ini telah menolong mengurangkan jarak dan tempoh yang diambil oleh individu untuk mengecapai perkhidmatan itu terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan luarbandar.

Perhubungan awam yang utama bagi orangramai adalah *radio*. Pendaftaran peti radio di Semenanjung Malaysia telah bertambah dari 226,828 pada tahun 1960 kepada 347,860 dalam tahun 1973 (+53.5% atau 3.3% setahun). Rancangan radio tidak terhad (selama 24 jam sehari) sementara masa menuntun talivisyen adalah khusus untuk waktu petang dan malam sahaja. (Masa siaran purata selama 8 jam sehari). Adalah dianggarkan dalam tahun 1973 tiap-tiap 28 orang ada mempunyai sebuah peti radio berbanding dengan 32 orang untuk sebuah peti radio pada tahun 1960. Adalah dianggarkan juga 3 juta orang mendengar radio pada tiap-tiap hari. Sembilan puluh peratus dari golongan yang berpendapatan rendah (pendapatan di antara \$100-\$300 sebulan) mendengar radio. Oleh sebab tidak adanya hiburan lain di luarbandar, mendengar radio adalah paling diminati dan 92% dari orang dewasa di luarbandar mendengar radio sementara di kawasan bandar hanya 70% hingga 80% dari orang dewasa berbuat demikian.

Menuntun *talivisyen* semakin disukai ramai semenjak siarannya dimulakan pada tahun 1964. Pendaftaran peti talivisyen telah bertambah dari 28,125 dalam tahun 1964 kepada 313,244 pada tahun 1973 (pertambahan sebanyak 31% tiap-tiap tahun). Kadar pemilikan peti talivisyen telah bertambah dengan cepatnya dari satu peti talivisyen dimiliki oleh 281 orang dalam tahun 1964 kepada satu peti untuk 31 orang pada tahun 1973. Adalah dianggarkan semua orangramai dapat menuntun talivisyen walaupun tidak semua dari mereka memiliki sebuah peti dan tiga per empat dari orang-orang dewasa telah menuntun talivisyen pada masa-masa yang tertentu. Sebahagian besar dari penuntun-penuntun adalah dalam kumpulan umur 15 hingga 30 tahun. Bagi golongan yang berpendapatan rendah terutama di luarbandar rancangan-rancangan yang diminati ramai adalah tayangan gambar dalam bahasa-bahasa utama yang terdapat di sini, gusti dan siri-siri talivisyen buatan Amerika yang semuanya bercorak hiburan.

Jalanraya yang elok telah bertambah dari 5,846 batu dalam tahun 1957 kepada 7,925 batu dalam tahun 1970. Kenderaan bermotor untuk satu batu jalanraya elok juga telah bertambah [43.4 (1967-1968) kepada 84.4 (1970)] dan ini menunjukkan penggunaan jalanraya yang lebih banyak akibat dari bertambahnya jumlah kenderaan bermotor.

Pendaftaran teksi-teksi dan bas-bas di antara tahun 1970-73 masing-masing telah bertambah sebanyak 3.3% dan 7.7% setahun sahaja. Bagi seluruh negara, sistem pengangkutan awam adalah tidak memuaskan. Tambahan pula terdapat keadaan tidak seimbang di antara kawasan luarbandar dengan bandar terutama sekali bersifat dengan teksi dan bas. Pengangkutan awam, terutama sekali di bandar-bandar dan bandaraya-bandaraya, tidak memuaskan hati juga. Keadaan ini berpuncak dari beberapa faktor. Penggunaan pengangkutan awam lebih banyak dari pertambahan jumlah bas-bas dan teksi-teksi. Tambahan pula pengangkutan awam tergantung pada pergerakannya oleh kesesakan lalu-lintas terutama sekali pada masa-masa yang sibok dan ini memberi kesan kepada kesempurnaan sistem pengangkutan awam. Satu sistem pengangkutan awam yang cekap terutama sekali sistem perjalanan bas patut diadakan dan diberi keutamaan. Kesesakan lalulintas terutama di bandaraya-bandaraya akan bertambah buruk lagi dengan semakin ramai orang-orang yang terpaksa menggunakan *kereta-kereta persendirian* atau motosikal.

Di antara tahun 1963-1973, bilangan talipon-talipon di Semenanjung Malaysia telah meningkat dari 98,471 talipon kepada 198,950 talipon yang merupakan pertambahan tahunan sebanyak 7.3%. Kemudahan talipon bagi tiap-tiap 1,000 orang telah bertambah dari 9.8 talipon dalam tahun 1957 kepada 16.7 talipon dalam tahun 1970. Jumlah bilangan permintaan untuk mendapat talipon dalam senarai menanti telah bertambah dari 4,954 pada tahun 1963 kepada 17,816 pada tahun 1973.

Penggunaan perkhidmatan talipon awam juga bertambah terutama sekali di luarbandar. Dalam tahun 1963, terdapat 1,291 pondok-pondok talipon awam di Semenanjung Malaysia dan ini bertambah kepada 2,285 pondok talipon dalam tahun 1973 tidak termasuk 117 pondok di Sabah dan Sarawak. Lebih dari 60% dari jumlah ini terletak di kawasan luarbandar. Oleh sebab kemusnahan yang dilakukan ke atas talipon awam oleh gulungan jahat, kemajuan dalam perkhidmatan pondok talipon awam telah tergantung di kawasan luarbandar dan juga di bandar-bandar dan talipon awam yang baru telah diletakkan berdekatan dengan balai-balai polis dan di dalam kedai-kedai kopitiam.

Di kawasan luarbandar dan daerah terpencil, lebih banyak pejabat pos, wakil-pos dan pejabat pos bergerak telah diadakan. Pada tahun 1968, terdapat 205 Pejabat Pos yang sebahagian besarnya tertumpu di

kawasan bandar. Sehingga tahun 1971, 314 pejabat pos telah didirikan dengan lebih 50% darinya didirikan di luarbandar. Pada masa ini, terdapat 381 pejabat pos dan 24% darinya terletak di Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan Pos diadakan berdasarkan kepada ciri-ciri berikut; Pejabat Pos didirikan di bandar-bandar yang mempunyai penduduk seramai 3,000 orang atau lebih. Pejabat Pos bergerak diadakan untuk bandar-bandar yang penduduknya kurang dari 3,000 orang dan wakil pos di kampung-kampung yang penduduknya tidak lebih dari 1,000 orang. Wakil pos memberi perkhidmatan yang sangat berguna kepada kampung-kampung dan perkhidmatan ini adalah disukai ramai dan ini terbukti dengan bertambahnya bilangan wakil-wakil pos yang dilantik. Dalam tahun 1968, terdapat hanya 278 wakil pos tetapi pada masa ini ianya telah bertambah kepada 1,061 wakil pos termasuk di Sabah dan Sarawak. Pejabat Pos Bergerak menolong mengembangkan perkhidmatan pos terutamanya ke kampung-kampung. Dalam tahun 1957, 27.7 surat untuk seorang dalam setahun telah dihantar dan ini telah bertambah menjadi 66.7 surat dalam tahun 1970.

Perkhidmatan udara di dalam negeri telah bertambah semenjak bermulanya perkhidmatan Syarikat Penerbangan Kebangsaan, Sistem Penerbangan Malaysia (Mas) dalam tahun 1972. Perjalanan udara semakin disukai ramai, jika dilihat dari pertambahan lebih dari 50% dalam bilangan penumpang-penumpang yang mendarat atau yang naik kapalterbang dan pertambahan lebih kurang 12% dalam jumlah kapalterbang yang mendarat dan terbang di lapangan terbang udara di Malaysia dalam tahun 1973 berbanding dengan tahun 1972. Pertambahan ini sangat tinggi di lapangan terbang Kuala Lumpur (+52%), Pulau Pinang (+53%), Kuantan (+96%) dan Kota Baharu (+35%).

Pada masa ini Mas menggunakan 25 buah kapalterbang untuk penerbangan dalam negeri dan antarabangsa. Perhubungan udara dalam negeri ini adalah sangat penting terutama di Sabah dan Sarawak di mana perjalanan darat adalah sukar oleh sebab bukit-bukit. Semenjak bermulanya perkhidmatan Mas, jumlah penumpang telah bertambah dengan pesatnya. Di antara bulan Oktober tahun 1972 dan bulan Mac 1973, jumlah penumpang adalah 721,000 dengan faktor muatan penumpang sebanyak 50%. Sehingga bulan Mac tahun 1974, ia telah meningkat kepada 1,902,000 penumpang mencapai faktor muatan penumpang sebanyak 56%. Kemajuan pada masa hadapan adalah cerah dan perkhidmatan udara dalam negeri akan bertambah baik dan dengan ini memberi peluang kepada lebih banyak orang ramai untuk mendapat kemudahan penerbangan dalam negeri.

## Pembahagian dan Pemilikan Tanah

Di Semenanjung Malaysia, hampir 7 juta ekar tanah atau 20% dari jumlah tanah adalah di bawah tanaman

sementara kawasan-kawasan lain dipenuhi oleh hutan. Dari jumlah tanah di bawah tanaman-tanaman, 5.6 juta ekar (80%) adalah di bawah tanaman-tanaman pokok, getah (60%), kelapa sawit (11%) dan kelapa (7%). Padai adalah tanaman tahunan yang terpenting sekali dan luas kawasannya sebanyak satu juta ekar (14%). Mengikut Penjenisan Kesuburan Tanah 1969 (*lihat peta*), selain daripada 7 juta ekar yang di bawah tanaman-tanaman itu, didapati sebanyak 3.1 juta ekar tanah yang telah diuntukkan bagi pertanian tetapi masih lagi belum diusahakan. Dalam jangka masa 1971 hingga 1974, sebanyak 700,000 ekar tanah-tanah baru dianggarkan telah dimajukan.

Sebanyak 4.2 juta ekar (59%) dari jumlah tanah di bawah tanaman-tanaman diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil dan 31% di bawah pengurusan ladang-ladang sementara 10% lagi adalah di bawah Rancangan Penempatan.

*Ladang-ladang kecil* adalah ladang-ladang yang kurang dari 100 ekar tetapi kebanyakannya ladang-ladang kecil itu adalah lebih kurang 5 ekar luasnya. Dari jumlah 545,000 ladang-ladang kecil dalam negara, kira-kira 48% adalah kurang dari 3 ekar dan 20% masing-masing di antara 3-5 ekar dan 5-10 ekar sementara 12% lagi di antara 10-99 ekar. Peratus taburan pekebun-pekebun kecil dalam jumlah penduduk isi rumah berbeza dari satu negeri ke satu negeri. Kadar yang paling tinggi terdapat di negeri-negeri Perlis (65%), Kelantan (56%), Kedah (48%) dan yang paling rendah di Pulau Pinang (15.6%) dan Selangor (16.6%).

Satu peninjauan mengenai pemegangan tanah yang dijalankan di Kedah (*Ladang D II, Kubang Pasu*) dalam tahun 1973 menunjukkan bahawa dari 2,346 lot-lot padi yang terdapat, sebanyak 68% diusahakan sebagai satu lot, sementara yang lain dibahagi-bahagikan kepada dua atau lebih yang diusahakan oleh orang-orang berlainan samada sebagai pemilik ataupun penyewa.

Lebih kurang 25% dari jumlah pekebun-pekebun kecil adalah petani penyewa yang tulin sementara 12% dari pekebun-pekebun kecil menyewa tanah-tanah lain untuk menambahkan luas tanah yang diusahakan.

Di Semenanjung Malaysia, dua jenis penyewa yang sering terdapat ialah sewaan tetap dan kongsi tanaman (pawah). Tiga cara lain yang kurang sedikit terdapat ialah di dalam bentuk-bentuk pajak, gadai dan jual janji.

Perhubungan keluarga antara petani-petani penyewa dan tuan-tuan tanah adalah menjadi kebiasaan. Lebih kurang 50% dari petani-petani penyewa di Kedah menyewa tanah dari kaum keluarga mereka. Sewaan yang berasaskan perhubungan keluarga membawa kepada sewaan yang berdasarkan perjanjian mulut.

masa sewaan yang tidak ditetapkan, sewaan yang boleh dirundingkan, sewaan yang dibayar dengan mata benda dan sewaan yang dibayar dengan padi yang dibuat selepas selesainya musim menuai.

*Tuan-tuan tanah yang tidak mengusahakan tanah-tanah mereka sendiri sering didapati (16%) dan kebanyakannya mereka didapati di Kelantan (21%) dan Perak (10%).*

*Kedua-dua tidak terjamin dalam pemegangan tanah* didapati terutamanya sekali di Kelantan. Matlamat asas Akta Penanam Padi 1967 adalah untuk memberi iamanan pemegangan tanah kepada penanam padi dan mengawal tingkat sewa tanah padi. Akta ini telah dikuatkuasa oleh enam buah negeri iaitu Perlis, Kedah, Penang, Perak, Kelantan dan Trengganu. Walau bagaimanapun sehingga akhir 1974 lebih kurang 5,000 perjanjian-perjanjian semuanya telah didaftarkan dan ini ditumpukan hanya kepada 5 buah negeri sahaja (Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Pulau Pinang).

Persamaan di dalam pengelasan tanah padi kurang terdapat di negeri-negeri. Di setengah-setengah negeri, pengelasan dilakukan berdasarkan Mukim sementara di Kelantan, tanah padi dikelaskan mengikutberapa kali air dibekalkan pada tiap-tiap tahun.

Bagi mempercepatkan proses pemodenan sektor pertanian dan menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan untuk memperbaiki *keadaan pembahagian tanah*, Kerajaan telah menitikberatkan rancangan kemajuan tanah dan rancangan penempatan.

Hingga penghujung tahun 1974, Felda telah memajukan sebanyak 630,000 ekar tanah dalam 159 sekim-sekim. [Dari jumlah ini, seluas 385,000 ekar adalah di bawah tanaman kelapa sawit (61%).] Sebanyak 30,000 keluarga-keluarga mengandungi 200,000 penduduk telah ditempatkan dalam sekim-sekim tersebut. Felda akan membelaikan lebih kurang \$246 juta dalam tahun 1975 ke atas sekim-sekim getah, gula, koko dan kelapa sawit. Dari seluas 90,000 ekar tanah yang akan dimajukan, 60,000 ekar adalah untuk tanaman kelapa sawit (67%) dan 27,000 ekar untuk getah (30%).

Satu lagi agensi kemajuan tanah yang penting ialah Lembaga Penyatuan dan Pemuliharan Tanah Persekutuan (Felera). Adalah dijangka bahawa pada tahun 1974 Felera akan memajukan seluas 75,725 ekar tanah. Dalam tahun 1975, Felera dijangka akan memajukan sebanyak 8,630 ekar yang mengandungi 7 Rancangan Pinggir dan juga dijangka akan mempercepatkan rancangan pemulihran yang meliputi seluas 85,966 ekar di kawasan Rancangan Pengairan Kemubu.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil (Risda) ditugaskan untuk menanam semula dan memajukan tanaman baru secara berkumpul dengan

tujuan menambahkan keluasan tanah kepada pekebun-pekebun kecil dengan memberikan saham-saham di dalam ladang-ladang.

Adalah dianggarkan bahawa sehingga tahun 1974 Risda telah memajukan sebanyak 35,000 ekar untuk tanaman-tanaman kelapa sawit dan getah. Ajensi-ajensi kemajuan tanah yang lain adalah ladang-ladang awam, rancangan-rancangan kemajuan tanah negeri dan sektor swasta yang telah memajukan seluas 185,200 ekar kesemuanya.

Sebagai usaha untuk mengeluarkan *lebih banyak bahan-bahan makanan*, Kerajaan akan mengambil tanah seluas setengah juta ekar yang mana lebih kurang 250,000 ekar adalah di Semenanjung Malaysia. Dari jumlah kawasan tersebut, seluas 260,000 ekar adalah untuk tanaman padi (52%), 100,000 ekar untuk perusahaan bahan-bahan makanan binatang (20%), 75,000 ekar untuk perusahaan ternakan (15%) dan 60,000 ekar untuk tanaman buah-buahan (12%). Kerajaan juga akan membantu memajukan tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh penduduk-penduduk kampung.

### **Perkembangan-perkembangan di dalam bidang Pelajaran**

Kemajuan pelajaran yang pesat di negara ini semenjak Merdeka adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kedudukan istimewa yang diberikan kepada pelajaran di dalam keutamaan-keutamaan negara. Perbelanjaan ke atas pelajaran merupakan 19% daripada jumlah perbelanjaan kerajaan pada tahun 1960 tetapi peratusan ini akan meningkat lagi menjadi sebanyak 22% dalam tahun 1974. Kenaikan juga terdapat di dalam jumlah perbelanjaan ke atas pelajaran sebagai peratusan dari KNK yang telah bertambah dari 3.2% pada tahun 1960 kepada 5.6% pada tahun 1974. *Petunjuk keluaran* yang utama iaitu *kadar kebolehan menulis dan membaca* telah meningkat dari 51% pada tahun 1957 kepada 68% di dalam tahun 1970 sementara kadar purata bagi seluruh dunia adalah sebanyak 65%. Dengan adanya pertambahan dalam peratusan daripada jumlah penduduk di dalam lingkungan-lingkungan umur tertentu yang masih bersekolah, kadar kebolehan menulis dan membaca seharusnya akan bertambah pada masa-masa yang akan datang.

Kemudahan-kemudahan pelajaran sedang diperluaskan kepada jumlah penduduk yang lebih besar. Di dalam lingkungan umur 6 hingga 11 tahun, peratus yang masih bersekolah bertambah dari 80% di dalam tahun 1957 kepada 91% pada tahun 1973. Suatu perkembangan yang lebih menggalakkan adalah pertambahan di dalam peratusan murid-murid di dalam lingkungan-lingkungan umur 12 hingga 14 tahun dan 15 hingga 16 tahun yang

masih bersekolah masing-masing daripada 15% dan 11% di dalam tahun 1957 kepada 60% dan 25% di dalam tahun 1973.

Sistem pelajaran masih lagi menitikberatkan pelajaran-pelajar yang cenderung kepada bidang akademik walaupun adanya pertambahan sebanyak 650 peratus di dalam kemasukan ke dalam sekolah-sekolah teknik dan vokesyenal daripada tahun 1965 hingga 1973 (daripada 1,566 kepada 10,159). Bilangan yang lulus daripada institusi-institusi yang dibayai oleh Kerajaan yang melatih tenaga separuh profesional bertambah dari 259 di dalam tahun 1965 kepada 1,485 di dalam tahun 1973 (+573%). Walau bagaimanapun, pada masa yang sama bilangan graduan-graduan bertambah daripada 514 kepada 3,384 (+658%).

Keadaan tidak seimbang di dalam kemudahan-kemudahan pelajaran samada dari segi kawasan, bangsa dan lain-lain lagi yang telah ujud semenjak beberapa tahun yang lalu sedang diatasi. Di antara langkah-langkah yang sedang dijalankan dan yang dirancangkan termasuklah rancangan memberi makanan kepada murid-murid di sekolah-sekolah luar bandar, rancangan subsidi buku-buku teks dan penubuhan suatu yunit khas di dalam Bahagian Perancangan dan Penyelidikan di Kementerian Pelajaran bagi mengawasi dan menyelaraskan berbagai-bagi cadangan yang terdapat di dalam Laporan Keciciran, 1973.

Sehingga ini sembilan buah *Sekolah Menengah Sains Khas* telah didirikan di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia kecuali di Perak dan Melaka sebagai tambahan kepada sembilan buah sekolah berasrama penuh yang telahpun terdapat pada masa ini. Jumlah penuntut pada tahun 1973 di semua sekolah-sekolah tersebut ialah 9,243 dan dirancang akan bertambah ke 15,211 pada tahun 1976. Penubuhan sekolah-sekolah itu adalah sebahagian daripada dasar kerajaan untuk menambahkan peratusan pelajar-pelajar dari luar bandar di sekolah-sekolah menengah sains dan teknik.

*Kemasukan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah sains dan teknik* pada peringkat menengah atas bertambah empat kali ganda di antara tahun-tahun 1971 hingga 1974 membawa kepada suatu nisbah yang lebih baik iaitu 52 : 48 (daripada 66 : 34 pada tahun 1971) di antara kemasukan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah beraliran sastera dengan sains/teknik di peringkat menengah atas.

Pertambahan terdapat di dalam peratusan *graduan-graduan Bumiputra* dari universiti di dalam lapangan sains dan lain-lain lapangan yang berkaitan daripada 3.6% pada tahun 1965 ke 11.2% dalam tahun 1973. Walau bagaimanapun keadaan ini belum lagi memuaskan, memandangkan kepada kadar graduan-graduan

Bumiputra di dalam aliran sastera dan sains sosial yang bertambah daripada 35% di dalam tahun 1965 ke 73% pada tahun 1973.

*Penumpuan yang lebih terhadap matapelajaran sastera* merupakan suatu masaalah. Graduan-graduan di dalam aliran sastera dan sains sosial merupakan 72.2% daripada jumlah keseluruhan graduan-graduan pada tahun 1973 berbanding dengan 61.8% di dalam tahun 1965. Keadaan ini adalah suatu perkembangan yang tidak menggalakkan memandangkan kepada kekurangan kakitangan teknik di dalam sektor-sektor awam dan swasta.

*Jumlah purata penuntut-penuntut bagi seseorang guru* di peringkat kebangsaan adalah pada kadar 30 semenjak tahun 1970. Tetapi di negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan dan Trengganu, terdapat nisbah yang kurang memuaskan, iaitu masing-masing 33.7% dan 32.4%. Suatu keadaan yang membimbangkan di dalam perkhidmatan pelajaran ialah bilangan *guru-guru semenara* yang tidak terlatih yang besar jumlahnya. Dianggarkan bahawa ada lebih kurang 12,000 daripada guru-guru ini atau seorang daripada tujuh orang guru. Walau bagaimanapun, keutamaan sekaran sedang diberikan untuk melatih mereka.

Walaupun pelajaran adalah sebahagian besarnya tanggungjawab Kerajaan, tahun-tahun kebelakangan ini menampakkan penubuhan banyak lagi institusi-institusi pelajaran yang dibayai oleh pihak-pihak persendirian. Ini sebahagiannya dapat dilihat daripada pertambahan di dalam *bilangan calun-calun persendirian* yang mendukti peperiksaan awam daripada 47,856 di dalam tahun 1965 kepada 85,318 di dalam tahun 1973 (+78%). Bilangan penuntut Malaysia di luar negeri (yang dianggarkan lebih kurang 20,000 orang) menunjukkan permintaan yang banyak terhadap tempat-tempat di pusat-pusat pengajian tinggi.

Menghargai juga nilai *pelajaran tidak resmi* sebagai tambahan kepada sistem resmi, Kerajaan sedang memberikan perhatian yang lebih terhadap melengkap dan memajukan perkhidmatan-perkhidmatan perpustakaan. Berikutnya daripada penubuhan perpustakaan negara pada tahun 1973, Jepan negeri di Semenanjung Malaysia telahpun membuat undang-undang bagi menubuhkan perbadanan-perbadanan perpustakaan awam dan rangkaian-rangkaian perpustakaan juga sedang dimajukan. Di Selangor, Sabah dan Sarawak, rangkaian perpustakaan awam negeri terdiri daripada sebuah perpustakaan pusat atau negeri, cawangan-cawangan perpustakaan dan perpustakaan-perpustakaan bergerak. Di negeri-negeri lain, hanya perpustakaan pusat sahaja yang sedang dimajukan pada masa ini.

*Rancangan latihan pertanian di luar bandar* yang dikelolakan oleh Kementerian Pertanian telah diikuti oleh 10,000 peserta di dalam tahun 1973 berbanding

dengan 4,550 di dalam tahun 1970. Tambahan lagi 88 lawatan sambil belajar yang diikuti oleh 2,500 petani juga diadakan. Di samping itu, bilangan pelajar-pelajar luar kampus di Universiti Sains Malaysia meningkat daripada 76 di dalam tahun 1971 kepada 543 di dalam tahun 1974 (+614%).

Pertambahan di dalam kesedaran awam dicerminkan di dalam jumlah surat kabar yang dieras tiap-tiap hari bagi tiap-tiap seribu orang penduduk yang meningkat daripada 61 di dalam tahun 1960 kepada 167 di dalam pertengahan 1974, jaitu pertambahan sebanyak 170%. Bilangan pelawat-pelawat ke Museum Negara juga bertambah daripada 831,305 di dalam tahun 1965 kepada 3,792,662 di dalam tahun 1973 (+456%).

Tahun 1974 menandakan satu detik bersejarah di dalam perkembangan pelajaran di Malaysia dengan tertubuhnya Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran kebangsaan. Ini menunjukkan bukan sahaja perhatian berat kerajaan tetapi juga kesedaran orang ramai tentang perlunya dikaji struktur sistem pelajaran di Malaysia untuk menyuaikannya dengan keadaan yang semakin berubah.

### Kualiti Alam Sekitar

Aka Kuditi Alam Sekitar 1974 telah diluluskan oleh Parlimen pada 8 Mac dan dimerdekaan pada 14 Mac tahun ini. Undang-undang kawalan alam sekitar yang dahulunya terkandung di dalam beberapa ordinar yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi Kerajaan telah digantikan dan diletak di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974. Suatu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar telah ditubuhkan apabila Kabinet baru diumumkan selepas Pilihanraya Umum 1974. Kementerian baru ini telah mengambil alih tugas-tugas Bahagian Alam Sekitar yang dahulunya terletak di bawah jawatan Menteri dengan Tugas-tugas Khas mengenai Alam Sekitar dan Tenaga Nuklear. Ini membuktikan perhatian Kerajaan yang bertambah terhadap kekotoran alam.

Setakat bulan September, Bahagian Alam Sekitar telah menerima sebanyak 94 pengaduan dari pihak awam dan telahpun menjalankan penyiasatan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain. Menteri mengenai Alam Sekitar telah membuat beberapa lawatan ke perusahaan-perusahaan terhadap mana aduan telah dibuat (terutama sekali kilang simin, gas dan batu-bata) untuk menentukan keadaan kecemaran. Sebagai tindakan segera kilang-kilang tersebut telah diarahkan mengambil langkah untuk mengurangkan dan mengawal secara bersistem kekotoran alam dan juga memasang alat-alat menentang kekotoran tersebut.

Dua kejadian besar iaitu, penumpahan minyak di Port Dickson dan kematian besar-besaran ikan tilapia di pantai Selat Johor yang telah berlaku pada bulan Jun tahun ini menunjukkan bahawa kerjasama rapat di

antara negara-negara jiran haruslah ada untuk melindungi dengan berkesan alam sekitar kita. Berikutnya kejadian ini Kerajaan telah menjalankan perbincangan dengan wakil-wakil dari syarikat-syarikat minyak yang terbesar untuk mengatur satu rancangan bagi mengatasi kejadian-kejadian yang mungkin berlaku di Selat Melaka. Dengan adanya rancangan ini, tindakan serta-merta boleh diambil apabila penumpahan minyak berlaku dengan menggunakan "barges, booms and skimmer boats". Di samping itu satu sekim pengasingan lalu-lintas yang akan mengadakan jalan selah untuk perkапalan akan dirancang. Ini akan menambahkan lagi keselamatan pelayaran dan dengan demikian akan mengurangkan risiko kecemaran alam akibat pelanggaran atau kemalangan. Perbincangan berkenaan dengan objektif bersama mengenai alam sekitar di Selat Melaka telah diadakan dengan Indonesia dan Singapura. Di perbincangan tersebut adalah dipersetujui bahawa keselamatan pelayaran mesti menjadi tanggung-jawab bersama negara-negara yang berdekatan dengan pantai dan satu badan penyelarasannya di antara mereka hendaklah ditubuhkan. Ketiga-tiga negara itu juga bersetuju untuk meneruskan penyelidikan bersama rakanur dasar air di Selat itu. Di Persidangan Ketiga Undang-undang Lautan Bangsa-bangsa Bersatu di Caracas pada tahun ini Kerajaan telah menyatakan bahawa demi melindungi kepentingan negara, Malaysia harus mengatur dan mengawal kegunaan Selat Melaka dan menjaga supaya perairan yang berhampiran dengan pantainya bebas dari kecemaran alam. Kerajaan perlu juga menimbulkan tekanan moral terhadap pembuangan kekotoran ke dalam Selat oleh perkapanan antarabangsa.

Penyiasatan atas kematian besar-besaran ikan tilapia di Selat Johor mengesahkan bahawa kematian itu disebabkan oleh penukaran dengan tiba-tiba daripada tempat biasannya di air tawar ke air masin. Walau bagaimanapun Kerajaan sedar tentang bertambahnya kekotoran dari sungai dan kilang yang berhampiran dengan pantai. Berikutnya dengan perbincangan permulaan di antara Malaysia dan Singapura, pegawai-pegawai dari kedua-dua negeri telah bersetuju membentuk satu rancangan menentang kekotoran alam untuk melindungi Selat Johor. Perbincangan dengan pihak berkuasa di Johor telah juga diadakan untuk mengatur objektif bersama terhadap Selat itu dan membuat satu sekim air selokan di Johor Bahru dan kawasan berhampiran untuk mengawal pembuangan air kotor ke Selat itu.

\*  
Walaupun Akta Alam Sekitar telah diluluskan, pelaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan licin kerana kakitangan di Bahagian Alam Sekitar adalah terhad. Walau bagaimanapun Bahagian itu sedang membuat panduan-panduan dengan pertolongan jabatan-jabatan lain untuk pelaksanaan Akta itu.

Suatu petunjuk kekotoran alam akan diadakan dengan tertubuhnya suatu setesyen di Cameron Highlands yang akan mengkaji keadaan di latar belakang. Setesyen ini akan didirikan di Cameron Highlands dan bukan di Kluang kerana ia adalah dianggap lebih sesuai. Setesyen ini yang dijangka siap pada bulan Disember akan mengumpulkan data-data yang perlu untuk dikaji oleh Jabatan Kajieuaca. Tugas utama setesyen itu ialah untuk mengkaji perubahan jangka panjang di dalam keadaan susunan udara yang mungkin berhubung dengan perubahan di dalam cara-cara penggunaan tanah wilayah atau lain-lain aktiviti. Pada permulaannya setesyen itu akan menjalankan ukuran kekerohan udara yang akan menunjukkan kesan butir-butir debu di udara ke atas alam sekitar. Ini melibatkan ukuran debu yang terapung di udara yang mengganggu perjalanan cahaya dari matahari ke muka bumi. Kandungan kimia di dalam air hujan akan juga diukur. Catinan-catinan yang dibuat di setesyen akan dibandingkan dengan catinan-catinan yang dibuat di pusat-pusat bandar dan perindustrian untuk menetapkan keadaan kecemaran alam di tempat-tempat itu.

Kerajaan Malaysia dengan kerjasama "Royal Society England" dan "Japan Society for the Promotion of Science" telah mengadakan suatu mesyuarat "synthesis" berkenaan dengan penyelidikan yang telah dijalankan di Hutan Simpanan Pasoh dan Tasek Bera di bawah "International Biosphere Programme". Sebanyak 100 pakar sains dari negara-negara tersebut dan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu telah menghadiri mesyuarat tersebut. Ia diikuti oleh suatu lagi mesyuarat, yang juga diadakan di Kuala Lumpur, di antara negara-negara tersebut di bawah "Man and the Biosphere Programme" untuk membincangkan bagaimana projek-projek latihan dan penyelidikan tentang hutan tropika di Asia Tenggara boleh disatukan.

Dasar resmi Kerajaan bukan sahaja tertumpu kepada mengatasi dan mengawal kecemaran alam tetapi juga untuk memperbaiki alam sekitar pada umumnya. Untuk mencapai hasil ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melancarkan suatu kempen *menanam pokok* sebagai satu usaha untuk menanam semula pokok-pokok di Kota itu dan di kawasan perumahan baru. Bandaraya juga sedang menjalankan projek untuk mencantikkan Kota Kuala Lumpur terutama sekali di Lake Gardens.

Perhatian dari pihak awam untuk memelihara alam sekitar semakin bertambah. Ini dapat dilihat dari kegiatan-kegiatan yang aktif oleh beberapa organisasi persendirian. Satu Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Nasional yang mempunyai jumlah penasihat pakar-pakar telah ditubuhkan awal tahun ini dengan tujuan menimbulkan minat di antara pihak awam tentang alam sekitar dan juga untuk mengatasi masalah kekotoran alam. Instituti Jurutera Pengangkutan Jalan Raya ada rancangan untuk mengkaji kecemaran alam

yang disebabkan oleh asap kenderaan. Di samping itu kelab-kelab persendirian dan kumpulan-kumpulan sukarela akan melancarkan beberapa kempen pada tahun depan untuk memupuk minat terhadap alam semula jadi di antara murid-murid sekolah. Dengan ini perhatian dari pihak Kerajaan dan juga pihak awam tentang kualiti alam sekitar telah bertambah.

## Kesihatan

Petunjuk *keluaran kesihatan* yang utama, jangka hayat penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia telah meningkat dengan pesatnya antara 1957 dan 1970. *Jangka hayat* semasa lahir penduduk-penduduk lelaki dan perempuan yang masing-masing di paras 56 dan 58 tahun pada tahun 1957 telah meningkat ke paras 64 (+14%) dan 68 tahun (+17%) dalam tahun 1970. Jangka hayat bagi kedua-dua jantina, ialah 60.7 tahun atau 2.6 tahun lebih tinggi dari paras di negeri Sabah dan Sarawak bagi jangka masa yang sama. Kenaikan yang paling utama dalam jangka hayat bagi tempoh tersebut ialah bagi bangsa Melayu.

Daripada tahun 1960 hingga tahun 1972 *kadar kematian bayi* telah berkurangan dari 68.9 kepada 37.9 (-45%). Rancangan Kesihatan Keluarga yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan penubuhan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bidan yang meluas telah menjadi satu faktor utama dalam kekurangan kadar kematian bayi. Di sini juga kekurangan kadar kematian bayi di kalangan orang-orang Melayu adalah amat memuaskan. Kadar kematian *ibu-ibu semasa bersalin* dan kadar kematian *kanak-kanak* telah masing-masing berkurangan sebanyak 49% dan 50% di antara tahun 1960 dan 1971. (Lihat Rajah 34).


Sebab-sebab utama *kemasukan pesakit* ke rumah-rumah sakit Kerajaan menunjukkan satu perubahan ke corak yang biasa terdapat di negara-negara maju tetapi tidak terdapat di negara-negara membangun. Ini menunjukkan banyaknya terdapat kemalangan-kemalangan, bertambahnya pesakit-pesakit jantung dan pesakit-pesakit otak dan berkurangnya penyakit-penyakit yang bolch merebak seperti batu kering dan malaria dan penyakit-penyakit yang berjangkit. Kejadian penyakit diphteria berkurangan dari 18 bagi tiap-tiap 100,000 penduduk dalam tahun 1965 kepada hanya 2 bagi tiap-tiap 100,000 penduduk-penduduk dalam tahun 1973.

Walaupun *permintaan yang bertambah* dalam perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan pesakit-pesakit dan katil-katil di hospital telah bertambah dari tahun ke setahun, pertambahan ini tidak seimbang dengan tambahan di dalam jumlah penduduk, dan dengan ini nisbah kasar katil/penduduk berkurangan daripada 3.24 bagi 1,000 penduduk dalam tahun 1973.

RAJAH 34


## KADAR KASAR KEMATIAN\*

1960 - 1972




## KADAR KEMATIAN BAYI \*

1960 - 1972

KADAR KEMATIAN IBU-IBU BERSALIN DAN  
KANAK-KANAK \*

1960 - 1972

\* Anggaran pertengahan tahun bagi tiap-tiap penduduk  
1,000 penduduk-penduduk

kepada 2.90 di dalam tahun 1973. Tambahan permintaan ini telah menyebabkan penggunaan katil-katil yang lebih berkesan daripada 19.07 pesakit bagi tiap-tiap satu katil setahun dalam tahun 1955 kepada 30.01 dalam tahun 1972, (+58%).

Pada akhir tahun 1973, perkhidmatan kesihatan luar bandar mempunyai 54 pusat-pusat kesihatan luar bandar, 207 pusat-pusat kesihatan kecil dan 1,168 klinik bidan jika dibandingkan 8, 7 dan 25 sahaja pada tahun 1960. Pada masa sekarang *kakitangan-kakitangan separa perubatan* memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan terutama sekali di pusat-pusat kesihatan kecil dan klinik-klinik bidan. Oleh itu nisbah doktor/penduduk ialah bukan satu petunjuk input yang memuaskan untuk mengukur taraf kesihatan di Malaysia. Walau bagaimanapun nisbah doktor/penduduk terus bertambah dengan pesatnya daripada 1:7,326 dalam tahun 1957 kepada 1:4,562 dalam tahun 1973. Bagi jururawat-jururawat, nisbahnya bertambah daripada 1:1,321 dalam tahun 1970 kepada 1:1,180 dalam tahun 1973 sementara bagi pembantu-pembantu hospital, nisbahnya juga bertambah baik dari 1:9,926 dalam tahun 1971 kepada 1:9,038 pada tahun 1973.

*Penyakit otak*, sebab yang ketujuh pentingnya bagi kemasukan ke hospital-hospital Kerajaan dalam tahun 1968-1972 bertambah sebanyak 30% dalam tahun 1973 untuk mengambil tempat yang keempat yang sebahagian besarnya mungkin disebabkan liputan yang lebih luas kemudahan-kemudahan perubatan di seluruh negara. Walau bagaimanapun nisbah pakar jiwa/penduduk di Malaysia masih amat buruk, 1 pakar jiwa bagi 1.5 juta penduduk. Pada amnya kira-kira 1% dari jumlah penduduk yang ditakrifkan mengikut sesuatu tempat biasanya menghidap penyakit otak pada sesuatu ketika. Pada penghujung tahun 1973, jumlah bilangan pesakit-pesakit di kedua-dua hospital sakit otak Kerajaan adalah sebanyak 6,024. Jika criteria kejadian tersebut digunakan bagi Semenanjung Malaysia, ini bermakna sebahagian besar daripada orang-orang yang sakit otak masih tidak dapat dikesan. Dengan penubuhan Yunit-unit Kesihatan Sakit Otak Daerah, kemajuan lebih memuaskan kerana rawatan awal mungkin boleh menyembuhkan dan pesakit-pesakit dirawat tidak jauh dari suasana rumahnya yang menjadikan pemulihan lebih senang. Ini juga membolehkan penyediaan kemudahan-kemudahan selanjutnya dan mengurangkan kadar pesakit yang tidak mendapat rawatan.

Adalah dianggarkan bahawa daripada 2.1 juta belia-belia di sekolah-sekolah rendah dan menengah, peratus mereka-mereka yang menggunakan *madat* atau yang menggunakannya jarang-jarang kali menghampiri 100. Satu kajian awal yang telah dibuat di sekolah-sekolah menengah di Georgetown\* menunjukkan bahawa murid-murid lelaki adalah pengguna-pengguna madat yang terbesar. Walau bagaimanapun perkara yang mengagumkan ialah peratus yang tinggi murid-murid perempuan yang telah cuba meminum minuman keras (40%) dan merokok (13%). Marijuana adalah madat haram yang paling disukai dengan anggaran kasar sebanyak 3% murid-murid yang telah mencuba tetapi jarang-jarang sekali terdapat mereka yang menggunakannya selalu. Sehabis tinggi hanya 1% sahaja yang pernah cuba menggunakan madat-madat haram yang lain. Walau bagaimanapun, lebih kurang 30% telah mencuba menghisap rokok dan dari ini kurang dari 3% selalu menghisapnya. Bagi minuman-minuman keras kira-kira 50% telah cuba meminumnya, tetapi hanya 3% sahaja yang selalu meminumnya. Dalam tahun 1973 terdapat 480 pesakit-pesakit yang telah meminta rawatan kerana masalah-masalah yang berkaitan dengan penggunaan-penggunaan madat, berbanding dengan 690 dalam tempoh 3 tahun dari 1969-1972. Kebanyakan dari mereka adalah pengangur sementara yang lebihnya bekerja sendiri seperti penjaja-penjaja dan 30 dari lebihnya itu terdiri daripada pelajar-pelajar.

*Berat badan kanak-kanak* merupakan *satu petunjuk umum yang utama* untuk mengukur paras pesejahteraan yang terdapat di sesuatu negara.† Petunjuk ini bukan sahaja merupakan suatu petunjuk yang baik untuk mengukur paras perkhidmatan kesihatan dalam negara ini tetapi dengan tidak secara langsung ianya juga mencerminkan paras-paras pendapatan, suasana yang mempengaruhi cara-cara makanan, pengetahuan mengenai keperluan zat makanan dan keperluan kebersihan dan juga faktor-faktor yang menyumbangkan kepada kebolehan mental dan fizikal seorang kanak-kanak itu dalam jangka masa panjang. Dengan itu ia adalah suatu petunjuk yang dinamis bagi tujuan perancangan yang boleh digunakan di Malaysia untuk masa hadapan.

Angkutanjuk kadar kematian kanak-kanak kerana *kekurangan zat* telah berkurangan dengan banyaknya semenjak tahun 1957 sebanyak 7.3% setahun. Makanan seseorang kanak-kanak di Malaysia biasanya kurang dalam kalorien, protein, vitamin A dan zat besi. Sejak tahun 1969, 2,000 kanak-kanak Melayu yang belum berskolah yang tinggal di kampung-kampung iaitu di Kuala Langat, Ulu Trengganu, Kuala

\* Dilakukan bersama oleh Dr Cheah Oon Siew (Hospital Besar, Pulau Pinang), Encik Chee Kim Loy (University Sains Malaysia) dan Encik Gary Gottfredson (pernah menjadi ahli badan sukarela).

† Lihat Dudley Seers, "The Identification and Construction of socio-Economic Indicators in the Malaysian Context", salinan:

Trengganu dan juga di kalangan kanak-kanak Tentera di kawasan bandar dan sekumpulan kecil daripada kumpulan yang berpendapatan tinggi (pendapatan bersama lebih dari \$1,000 sebulan) telahpun dikaji. Kajian ini mengukur kekurangan zat dari bilangan kanak-kanak yang berat badan berbanding dengan umur adalah rendah dari garisan sepuluh peratus kelok berat badan yang diperolehi oleh anak-anak Tentera. Criteria ini menetapkan bawaha bagi kanak-kanak yang belum bersekolah di bawah umur 5 tahun yang telah dikaji di antara tahun 1969-1972, kekurangan zat makanan yang buruk nyata terdapat seperti berikut: 44% di Ulu Trengganu, 24% di Kuala Trengganu, 16% di Kuala Langat, 10% di kalangan anak-anak Tentera dan tiada bagi kumpulan yang berpendapatan tinggi.

Kekurangan zat makanan yang amat buruk terdapat di kalangan kanak-kanak di Ulu Trengganu daripada mereka yang terdapat di daerah pantai Kuala Trengganu dan lain-lain tempat. Bertambahnya kanak-kanak yang bantut di kampung-kampung pendalam telah dikaitkan dengan kekurangan zat makanan yang teruk dan penyakit-penyakit parasit yang telah dialami oleh mereka begitu lama. Sebaliknya apa yang terdapat di daerah-daerah pantai mungkin disebabkan oleh kekurangan zat yang buruk yang baharu sahaja dialami. Penyakit-penyakit parasit adalah juga sangat berkurangan di daerah ini. Berdasarkan kepada ketiga-tiga criteria ini iaitu berat badan dibandingkan dengan umur, berat badan dibandingkan dengan tingginya seseorang kanak-kanak itu bila dibandingkan dengan umurnya, adalah didapati bawaha kanak-kanak di bawah umur 1 tahun adalah kurang mengidapi kekurangan zat dari kanak-kanak di antara umur 1-3 tahun. Mengikut kajian yang dibuat yang meliputi 3,000 murid-murid yang berumur 7-8 tahun di daerah Kuala Langat berat badan kanak-kanak India yang hampir kesemuanya adalah anak-anak buruh yang bekerja di estet-estet adalah lebih buruk dari kanak-kanak Cina dan Melayu.

Pelajaran tentang zat-zat makanan diajar di mana ianya boleh memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan dan kemajuan kanak-kanak. Percubaan untuk mengadakan perkara ini melalui kempen sekali-sekala tidak mungkin memberi matlamat-matlamat yang dikehendaki. Untuk mengatasi penyakit-penyakit akibat dari kekurangan zat yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar, Kerajaan bersama-sama dengan agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu telah *memulakan*

*projek-projek makanan* kegunaan jangka panjang untuk membaiki mutu makanan melalui empat saluran yang termasuk penambahan pengeluaran makanan tempatan yang berat, pelajaran berkaitan dengan makanan berat, pembaikan kesihatan dan tambahan makanan bagi ibu-ibu hamil dan kanak-kanak dari murid-murid sekolah.

Kajian permulaan yang dimulakan dalam tahun 1970 adalah berjaya dalam meningkatkan lagi mutu makanan bagi kanak-kanak yang mempunyai berat badan yang kurang. Projek ini akan diperkembangkan lagi ke beberapa daerah di Trengganu, Kelantan, Pahang, Perak dan Kedah di mana kadar kematian kanak-kanak adalah tinggi. Menjelang akhir tahun 1976 adalah dijangkakan kempen ini akan meliputi 4.5 juta orang.

## Pembahagian Pendapatan\*

### Perubahan Pendapatan 1957-70

Analisa pembahagian pendapatan di Malaysia sebahagian besarnya berdasarkan kepada Pengkajian Belanjawan Isirumah 1957/58 dan Pengkajian Selepas Penghitungan 1970. Kedua-dua kajian itu dipilih kerana definisi mereka mengenai pendapatan adalah lebih lengkap daripada kajian-kajian lain. Pengkajian-pengkajian itu berbeza daripada Pengkajian Simpanan Persekutuan 1960 dan Pengkajian Cabutan Sosio-Ekonomi 1967/68, kedua-duanya mentarafkan pendapatan isirumah sebagai pendapatan wang tunai dan juga pendapatan dari segi barang-barang. Oleh itu nilai wang adalah termasuk juga nilai rumah-rumah yang diduduki oleh tuan punya dan jenis-jenis makanan yang dikeluarkan dan digunakan sendiri oleh mereka. Analisa yang berikut adalah didapati daripada data yang diperolehi sebagai sampingan daripada penyelidikan-penyelelidan yang dimaksudkan untuk tujuan-tujuan lain seperti penyelidikan tentang perbelanjaan pengguna, mass-media, keadaan ekonomi dan penduduk. Dari itu ia tidaklah tepat sama sekali untuk perbandingan tentang besarnya pembahagian pendapatan daripada berbagai-bagai puncu kerana tafsiran konsep dan penglibatannya adalah berbeza. Dari itu analisa ini patulah dianggap sebagai *sementara*.

Mengikut kedua-dua kajian itu pendapatan purata isirumah telah bertambah daripada \$220 sebulan pada tahun 1957 kepada \$275 sebulan pada tahun 1970. Ini merupakan pertambahan pendapatan sebanyak 25% dalam jangka masa kajian 13 tahun dan hampir-hampir

\* Sumber-sumber:

1. Penyelidikan Selepas Penghitungan, 1970.
2. Penyelidikan Belanjawan Isirumah, 1957/58.
3. Sudhir Anand, "The Size Distribution Of Income in Malaysia", Part 1, salinan, Pusat Penyelidikan Pembangunan, Bank Dunia, 30hb Disember, 1973.
4. Lim Lin Lean, "The Pattern of Income Distribution In West Malaysia, 1957-1970", Kertas Kerja yang dimukakan untuk Rancangan Penyelidikan Gunatenaga Dunia, Pejabat Buruh Antarabangsa, Geneva, Julai, 1974.

sejarah dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar pada masa yang sama. Walau bagaimanapun kajian ini tidak menjelaskan pembahagian pendapatan yang sebenarnya. Pada tahun 1957, 20% daripada isi-rumah yang berada di peringkat tinggi menerima lebih kurang separuh dari jumlah pendapatan, sementara 20% dari isi-rumah di peringkat kedua mendapat bahagian sebanyak 20% daripada jumlah pendapatan. Bakinya sebanyak tiga puluh peratus lagi dari jumlah pendapatan itu adalah dibahagi-bahagikan di antara gulungan penduduk sebanyak 60% yang berada di peringkat yang rendah sekali. Menjelang tahun 1970, keadaan ini nampaknya semakin buruk apabila gulungan isi-rumah yang tertinggi sebanyak 20% itu telah menerima 56% dari jumlah pendapatan, sementara gulungan 20% yang kedua dalam kedudukan yang sama seperti yang terdapat pada tahun 1957. Gulungan rendah yang meliputi 60% daripada jumlah penduduk hanya menerima 25% daripada jumlah pendapatan. Dengan ringkasnya, keadaan pendapatan purata dan pendapatan tidak samarata bertambah lagi.

Tiap-tiap pembahagian keadaan tidak samarata boleh juga diukur dengan menggunakan "Gini Co-efficient". Ia meningkat daripada 0.421 pada tahun 1957 kepada 0.499 pada tahun 1970 dan ini menunjukkan bertambahnya jurang perbezaan pendapatan.

Pada tahun 1957 pendapatan "*mean*" isi-rumah orang-orang Melayu adalah sebanyak 68% dari jumlah angka purata negara tetapi menjelang tahun 1970 ianya adalah sebanyak 64%. Dalam jangka masa 13 tahun yang dikaji, lain-lain bangsa (gulungan yang terdiri daripada bangsa Eropah, Thai dan bangsa Asia yang lain) mempunyai pendapatan yang tertinggi sekali dengan pendapatan "*mean*"nya 3.5 kali ganda daripada angka purata negara. Bangsa China mempunyai pendapatan sebanyak 1.5 kali ganda angka purata negara. Bangsa India mempunyai pendapatan lebih kurang sama dengan pendapatan "*mean*" negara. Walaupun begitu bila ketiga-kumpulan bangsa ini dianalisis dengan lebih lanjut mengikut sektor luar bandar/bandar, pendapatan "*median*" bagi orang-orang Melayu di luar bandar meningkat dengan sedikit sahaja dari \$108 kepada \$111 dan untuk orang-orang China di luar bandar dari \$216 kepada \$254. Walau bagaimanapun bagi orang-orang India di luar bandar ianya merosot dari \$192 kepada \$185.

Keadaan tidak samarata di antara bangsa-bangsa, merupakan jumlah yang kecil daripada jumlah pendapatan tidak samarata dalam negara, keadaan ini tidak memberi keterangan yang jelas kepada keadaan tidak samarata dalam taraf kehidupan di Malaysia.

Sebahagian besar dari jumlah tidak samarata ini adalah mungkin disebabkan oleh keadaan ketidakseimbangan pendapatan di kalangan sesuatu bangsa dan kawasan berbanding dengan ketidakseimbangan di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Perbandingan keadaan ketidakseimbangan di antara bangsa-bangsa telah menimbulkan anggapan yang salah bahawa tiap-tiap seorang di dalam kumpulan bangsa tersebut mempunyai pendapatan yang sama, iaitu pendapatan "*mean*" bulanan bagi bangsa tersebut sedangkan terdapatnya perbezaan yang besar dalam pendapatan di kalangan tiap-tiap kumpulan bangsa itu. Perbandingan pembahagian pendapatan mengikut bangsa boleh jadi mengelirukan oleh sebab ia tidak memberi penerangan sepenuhnya berkemara dengan gulungan "miskin" di kalangan satu-satu kumpulan bangsa. Perbandingan pembahagian pendapatan di kalangan tiap-tiap satu bangsa menunjukkan bahawa pembahagian pendapatan di kalangan orang-orang Melayu dan India adalah sangat luas di antara tahun-tahun 1957-70 sementara perbezaan di antara orang-orang China adalah tersangat kecil.

Perbezaan nisbah di antara penduduk luar bandar dengan bandar semakin luas daripada 1:1.7 pada tahun 1957/58 kepada 1:2.2 pada tahun 1970. Pendapatan isi rumah di luar bandar adalah dibahagi lebih rata daripada mereka yang tinggal di bandar.

Penunjuk-penunjuk selanjutnya yang berkaitan dengan bertambahnya keadaan ketidakseimbangan boleh didapati dengan mengkaji pendapatan "*mean*" ringgit di kalangan tiap-tiap sepuluh peratus isi rumah dari kedua-dua pengkajian tadi. Bila dibandingkan dengan gulungan sepuluh peratus yang "*extreme*", kumpulan 10% tertinggi dari 11 isi rumah menambahkan pendapatan mereka sebanyak 46% daripada \$766 pada tahun 1957/58 kepada \$1,130 pada tahun 1970. Sementara pendapatan kumpulan 10% yang terbawah dari isi rumah nampaknya telah merosot dari \$48 kepada \$33 dalam jangka masa yang sama iaitu kemerosotan sebanyak 31%. Pendapatan gulungan 30% yang terbawah merosot pada angka purata sebanyak 59.33 cents. Gulungan 10% keempat dan kelima yang terbawah sekali hanya mendapat tambahan pendapatan sebanyak 4% hingga 6% di dalam pendapatan "*mean*" mereka jika kadar inflasi dipertimbangkan pertambahan itu hanya cukup bagi menjaga taraf kehidupan mereka.

#### Keadaan kemiskinan

Sehingga ini perhatian hanya ditumpukan kepada corak dan sejauh mana perbezaan wujud di dalam pendapatan dalam jangka masa 13 tahun lepas. Tetapi

<sup>1</sup> Nisbah pemusatan Gini adalah nisbah pendapatan yang didapati dalam keadaan tidak persetaraan dengan pendapatan yang diterima di bawah keadaan persetaraan sempurna. Nisbah ini mempunyai nilai dari kosong (0) hingga satu (1). Nisbah yang lebih tinggi menunjukkan darjah tidak persetaraan yang lebih besar.

<sup>2</sup> Bagi menganalisa pembahagian pendapatan, pertengahan purata adalah lebih berguna dari purata (*mean*) daripada beberapa aspek oleh sebab purata ini adalah kurang tepat dari segi nilai-nilai yang tersangat berlebihan. Nilai pertengahan purata adalah di tengah-tengah dengan separuh daripada perkara-perkara berada di bawahnya dan separuh lagi di atasnya.

untuk analisa yang lebih bermakna, satu perbandingan serentak berkenaan dengan taraf pendapatan sebenar patut dibuat. Umpamanya pembahagian yang lebih sama rata pada peringkat "mean" yang rendah mungkin bermakna terdapatnya kemiskinan yang lebih banyak dari pembahagian yang kurang sama rata pada peringkat "mean" yang tinggi. Oleh itu patutlah dikaji bahagian penduduk yang terletak di bawah "garis kemiskinan". Pada masa ini tidak ada usaha mentarikkan "garis kemiskinan" dalam konteks masyarakat Malaysia walaupun penyelidikan di dalam bidang kajian ini sedang dijalankan oleh setengah badan-badan kerajaan dan pakar penyelidikan pada masa ini. Dengan tiadanya garis kemiskinan yang mutlak, ianya dapat didefinisikan dengan membuat perbandingan sebenar. Umpamanya, dapat ditakrifkan bahawa gulungan yang "miskin" adalah gulungan yang termasuk di dalam kumpulan terbawah 40% dari segi pendapatan per kapita isirumah. Jika kita menerima definisi ini, data yang dianalisiskan menunjukkan bahawa orang "miskin" bukan sahaja menjadi lebih miskin iaitu terdapatnya jurang perbezaan yang bertambah luas dari segi perbandingan pendapatan di antara mereka dengan seluruh isirumah tetapi juga dari segi mutlaknya, pendapatan sebenar mereka sekarang adalah lebih rendah daripada masa yang lepas.

Perenggan berikutnya juga didasarkan kepada Pengkajian Selepas Penghitungan tahun 1970. Peratus individu-individu yang berada di bawah tingkat ini ialah 40%. Jika sebahagian dari penduduk dikumpulkan dan dimasukkan semula menjadi isirumah, kita dapat i yang 37.2% dari pendapatan bulanan per kapita isirumah<sup>3</sup> adalah kurang daripada \$25 sebulan; 40.2% dari penduduk yang miskin mendapat pendapatan "mean" bulanan sebanyak \$16 sebulan sementara gulungan "tidak miskin" yang merupakan 59.8% dari jumlah penduduk mempunyai pendapatan "mean" bulan sebanyak \$73 seorang. Sebanyak 8.4% sahaja dari pendapatan kumpulan "tidak miskin" dikehendaki supaya mereka yang berada di dalam gulungan berpendapatan kurang daripada \$25 sebulan mencapai ke paras itu, adalah hanya 8.4% dari pendapatan orang-orang yang tidak miskin.

Ciri-ciri sosio-ekonomi kumpulan isirumah terbawah sebanyak 37.2% itu atau mereka di dalam gulungan miskin pada tahun 1970 adalah dijelaskan di bawah. Penganalisaan mengikut sektor menunjukkan dari semua jumlah isirumah yang miskin, 13.3% terdapat di kawasan bandar sementara 86.7% adalah di kawasan luar bandar. Di dalam kawasan bandar, kemiskinan

terdapat di kalangan 17.4% dari jumlah isirumah sementara di luar bandar kadarnya ialah 45.1% dari jumlah isirumah.

Pecahan angka-angka isirumah di empat buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu adalah sangat tinggi dan melebihi dari seluruh kejadian kemiskinan yang sebanyak 37.2% itu. Di Kelantan sebanyak 64.9% dari semua isirumah-isirumah adalah dalam keadaan kemiskinan; di Perlis keadaan tersebut adalah 58.7% di Trengganu adalah 55.1% dan di Kedah adalah 48.9%. Keempat-empat Negeri ini merupakan sebanyak 40.8% dari semua kepapaan di negara ini.

Mengikut kadar pekerjaan ketua-ketua isirumah, kejadian kemiskinan yang paling tinggi berlaku di antara orang-orang yang bekerja sendirian yang merupakan 54.8% daripada semua orang-orang miskin. Kategori ketua-ketua isirumah yang bermajikan mempunyai kadar kejadian kemiskinan yang lebih rendah (26.8%) dari kumpulan yang bekerja sendirian. Masaalah kemiskinan boleh dibedakan dari masaalah pengangguran, isirumah-isirumah yang mempunyai ketua-ketua yang menganggur merupakan hanya 3.8% daripada semua isirumah-isirumah yang miskin. Isirumah-isirumah yang diketuai oleh pekebun-pekebun adalah lebih miskin dari pekerja-pekerja di kebun. Kira-kira 62.1% dari semua pekebun adalah miskin manakala dari semua pekerja-pekerja di kebun hanya 48.5% yang miskin.

Apabila perbandingan dibuat di antara sektor, kejadian kemiskinan yang terbanyak berlaku di sektor pertanian yang merupakan 40.9% dari semua kemiskinan. Kejadian kemiskinan dalam sektor pertanian adalah juga sangat tinggi iaitu sebanyak 61.6%. Sektor yang berkaitan dengan barang-barang keluaran pertanian adalah juga mempunyai kejadian kemiskinan yang tinggi. Sektor pertanian dan sektor yang berkaitan dengan barang-barang keluaran pertanian, bersama-sama merupakan 73.7% dari jumlah kejadian kemiskinan di Malaysia.

Kebanyakan dari ketua-ketua isirumah di bawah garisan kemiskinan (96.6%) mencapai pelajaran hanya sebatas sekolah rendah sahaja. Kira-kira 42.8% tidak mempunyai pelajaran langsung sementara 53.8% mempunyai sedikit atau hanya sampai setakat sekolah rendah sahaja. Di samping itu patut juga diperhatikan bahawa 79.1% dari isirumah-isirumah yang bukan miskin juga diketuai oleh mereka-mereka yang mempunyai pelajaran setakat sekolah rendah sahaja. Walau bagaimanapun kejadian kemiskinan adalah mengakibatkan kemerosotan terhadap pelajaran, daripada 49.6%

<sup>3</sup> Ditakrifkan mengikut pendapatan seorang di dalam isirumah. Disebabkan isirumah berbeza mengikut saiz, dua isirumah dengan pendapatan yang sama mungkin mempunyai taraf kehidupan yang sangat berlainan. Oleh sebab itu, adalah lebih baik bagi memasukkan data di segi pendapatan seisirumah. Jumlah purata orang-orang dalam satu isirumah dalam tahun 1957/58 adalah sebanyak 4.8 orang dan pada tahun 1970 jumlah ini telah naik sebanyak 5.6 orang. Jika sebanyak \$25 digunakan sebagai pendapatan isirumah per kapita bagi penduduk-penduduk miskin yang berada di peringkat bawah 40% ini akan menjadikan pendapatan purata isirumah sebanyak \$140 sebulan dalam tahun 1970.

bagi mereka-mereka yang tidak mempunyai pelajaran kepada 33.8% bagi mereka-mereka yang mempunyai pelajaran setakat sekolah rendah dan kepada hanya 3.3% bagi mereka yang mencapai Sijil Persekolahan dan lebih.

Pembahagian kemiskinan adalah satu fungsi kepada kandungan isirumah iaitu *kejadian kemiskinan di kala-nan rumah-rumah yang "diketuai" oleh kaum wanita*

adalah *lebih tinggi* (45.3%) jika dibandingkan dengan rumah-rumah yang diketuai oleh kaum lelaki (35.4%). Kejadian kemiskinan juga dijangka meningkat dengan banyaknya apabila bilangan di dalam sesuatu isirumah itu bertambah. Apabila dibandingkan, bilangan *isirumah-isirumah* keluarga orang-orang miskin dan bukan miskin, didapati bahawa *isirumah keluarga yang miskin adalah lebih besar*.

#### JADUAL 3

#### PERUBAHAN GUNATENAGA MENGIKUT SEKTOR, SEMENANJUNG MALAYSIA, 1960-70

Tahun	Pertanian Utama	Lombong Bijih Timah	Kerajaan dan Separuh Kerajaan	Perusahaan	Perusahaan Bertaraf Perintis
1960	314,500	27,300	191,400	43,500	2,240
1970	278,300	45,100	277,400	148,300	36,869
% kenaikan/kekurangan	- 11.5	+ 65.2	+ 44.9	+ 241.0	+ 1,550.0

#### Bukti-bukti yang menyokong satu pandangan pilihan

Menurut kajian-kajian yang ada sekarang pendapatan bagi 40% dari jumlah penduduk diperingkat bawah sebenarnya telah jatoh. Kedua-dua kajian itu menunjukkan yang "miskin" telah jatoh bukan sahaja dari segi perbandaran tetapi juga dari segi sebenar iaitu daripada \$75.33 dalam tahun 1957 kepada \$66 dalam tahun 1970 (-12.4%) dalam tempoh ekonomi berkembang dengan pesatnya.

Walau bagaimanapun perkara-perkara lain menunjukkan bahawa *ini mungkin bukan perkara yang sebenar*. Menurut kajian 1970, 87% dari keluarga miskin terdapat di luar bandar. Walau bagaimanapun, telah terdapat pengaliran besar keluar daripada pertanian. Daripada 1960 hingga 1970 gunatenaga di dalam pertanian telah jatoh dari segi jumlahnya (*lihat Jadual 1*). Pada masa yang sama juga sejumlah besar tanah-tanah baru telah digunakan untuk pengeluaran. Luas kawasan yang ditanam oleh kebun-kebun kecil getah telah meningkat daripada 2.2 juta ekar dalam tahun 1962 kepada 2.7 juta ekar dalam tahun 1972 (+21.3%). Dalam tempoh yang sama luas yang ditanam dengan kelapa sawit telah meningkat daripada 153,000 kepada 833,000 ekar (+477%). Adalah jelas bahawa pendapatan pekebun-pekebun kecil getah dan kelapa sawit adalah rendah sehingga pokok-pokok ini cukup tempoh. Ini dapat menjelaskan sebahagian daripada kejatohan pendapatan sebenar dari tahun 1957-1970. Antara tahun 1957-1970 terdapat satu kenaikan yang tinggi sebanyak 76.2% dalam jumlah kawasan yang ditanam dengan padi akibat dari kemudahan-kemudahan talair yang lebih baik yang memudahkan penanaman dua kali setahun. Sehingga

ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) telah memindahkan kira-kira 30 ribu keluarga ke dalam rancangan-rancangan tanah yang melibatkan kira-kira 100,000 orang. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa perkembangan yang pesat dalam gunatenaga pihak Kerajaan dan dalam perkilangan—dua sektor di mana penyertaan bumiputra telah meningkat. Gunatenaga di bahagian perkhidmatan sebagai peratus jumlah gunatenaga bertambah dari 39.9% dalam tahun 1957 kepada 49.2% dalam tahun 1970. Pemindahan antara sektor di dalam tenaga pekerja daripada pertanian, perlombongan, perikanan dan perhutanan kepada sektor moden adalah satu tanda lagi yang menunjukkan pertukaran ekonomi kepada pekerjaan berpendapatan yang lebih tinggi.

Bilangan ahli-ahli pencarum Kwsp menunjukkan pertambahan yang sangat menggalakkan iaitu daripada 1.1 juta pada tahun 1960 ke 2.1 juta orang di dalam tahun 1970. Mereka mestilah memperbaiki keadaan ekonomi mereka sebelum mereka dapat menjadi ahli.

Bukti yang telah ditunjukkan belum lagi sistematis dan menggalakkan. Bagaimanapun, ianya mengurangkan kepercayaan di dalam arah-arah aliran utama seperti yang terdapat di dalam kajian-kajian yang telah dibuat terutamanya bila dipandang dari segi keadaan *ketidak seimbangan* sahaja. Hanya bila terdapat lebih banyak maklumat ke atas mekanisma yang menyebabkan pertambahan mutlak *di dalam tiga puluh peratus penduduk yang berpendapatan rendah*, baru kesimpulan-kesimpulan yang muktamat mengenai semua arah aliran ketidak seimbangan hingga 1970 dapat dibentuk.

## Perkembangan Semenjak 1970

Corak pembahagian pendapatan menunjukkan terdapatnya perubahan semenjak tahun 1970 dengan adanya pemberian di dalam pendapatan dan kebijakan masyarakat terutamanya dengan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai dua matlamat utama bagi menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia. Di dalam tiga tahun pertama rancangan ini, pendapatan per kapita telah meningkat daripada \$1,070 pada tahun 1970 ke \$1,170 dalam tahun 1973. Pada masa yang sama sebanyak 348,000 pekerjaan telah diwujudkan dan ini merupakan 58% daripada matlamat pekerjaan Rancangan Malaysia Kedua. Daripada 96,000 jumlah pekerjaan yang diwujudkan di dalam sektor pertanian, dua per tiga adalah dengan pembukaan kawasan tanah baru bagi pembangunan. Apa yang lebih penting lagi ialah pertumbuhan yang cepat di antara tahun 1971-1973 di dalam sektor-sektor pertanian, perhutanan dan perikanan di mana tingkat keluaran menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 10.2% pada harga semasa pasaran. Di dalam jangka masa itu, kemasukan buruh-buruh ke dalam sektor ini hanyalah 1.8%, menggambarkan kadar pertambahan yang besar di dalam daya pengeluaran. Sektor pembuatan memainkan peranan penting dari segi sumbangannya di dalam jumlah keluaran, jumlah pekerjaan dan di dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk mempercepatkan 30% penyertaan Bumiputra di dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Di antara tahun 1971-1973, jumlah keluaran sektor pembuatan menunjukkan kadar pertambahan purata tahunan sebanyak 16.1% dan 9.5% pertambahan di dalam jumlah pekerjaan. Usaha yang bersungguh-sungguh telah dibuat melalui unit-unit khas seperti Mara dan Midf bagi menyediakan perkhidmatan nasihat kepada perusahaan-perusahaan kecil dan dengan pinjaman-pinjaman yang diberikan di bawah Rancangan Jaminan Pinjaman, pengusaha-pengusaha di kawasan yang kurang maju akan terus menjadi lebih maju.


Di dalam tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua didapati lebih kurang 100,000 hektar yang telah disediakan dengan kemudahan-kemudahan talair bagi membolehkan penanaman dua kali setahun sementara 65,000 hektar lagi ditanam dengan getah dan kelapa, mendapat faedah-faedah daripada talair yang bertambah baik. Daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil getah akan bertambah dengan adanya rancangan tanam semula di bawah RISDA sebanyak 69,000 hektar. Di samping memindahkan lebih kurang 8,500 keluarga-keluarga ke rancangan-rancangan kawasan pencempatan baru di antara tahun 1971-1973, Felda juga telah memperluaskan kawasan tanah peneroka dari 4 kepada 4.9 hektar untuk tanaman getah dan dari 4 kepada 5.7 hektar untuk tanaman kelapa sawit. Pertukaran corak

pertanian pekebun-pekebun kecil dari *pertanian kecil* kepada pertanian bercorak perdagangan telah *dibiayai* terutama sekali oleh Bank Pertanian, Mara, Midf dan Bank Bumiputra, yang telah meminjamkan sebanyak \$350 juta kesemuanya. Badan-badan berkanun lain seperti Persatuan-persatuan Peladang, Majuikan, Majuternak, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia dan Perusahaan-perusahaan Makanan Malaysia juga memainkan peranan yang penting di dalam menyuruh kredit pertanian, memberi penerangan mengenai pemasaran dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Perbadanan Nasional (Pernas) dan Perbadanan Pembangunan Bandar, yang ditubuhkan untuk melaksanakan matlamat penyusunan semula masyarakat telah berjaya dalam menggalakkan lebih banyak lagi *usaha-usaha perniagaan*. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sedang menjalankan beberapa projek-projek perniagaan borong dan runcit di seluruh negara di samping terlibat dalam pembinaan kawasan-kawasan perusahaan untuk disewakan kepada peniaga-peniaga bumiputra.

Jumlah perbelanjaan Kerajaan ke atas kemudahan-kemudahan ekonomi dan sosial untuk gulungan berpendapatan rendah terutamanya dalam bidang pembangunan luar bandar, kesihatan dan pelajaran, memberi bantuan besar untuk menyekat keadaan yang lebih buruk lagi kepada ketidakseimbangan ekonomi. Di antara tahun 1960 dan 1974, jumlah perbelanjaan Kerajaan keatas perkhidmatan-perkhidmatan sosial menunjukkan penambahan yang banyak sejumlah 459%. Perbelanjaan ke atas pelajaran yang bertambah dari \$179 juta ke \$1,036 juta diantara tahun 1960 dan 1974 (+479%), memberi sumbangan yang bererti untuk meninggikan kelayakan dan latihan gulungan yang berpendapatan rendah untuk jawatan-jawatan berpendapatan tinggi. Dalam masa yang sama, jumlah perbelanjaan atas perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan, juga bertambah dari \$80 juta kepada \$343 juta (+329%), dari itu meninggikan lagi keadaan di kawasan-kawasan luar bandar dengan berkesannya.

Semua usaha-usaha ini mungkin telah mengubahkan corak pembahagian pendapatan di Malaysia semenjak tahun 1970. Sekiranya usaha-usaha pembangunan kerajaan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dipertimbangkan bersama dengan perbelanjaan yang lumayan bagi membaiaki kemudahan-kemudahan fizikal dan sosial, kesannya ialah pertambahan dalam pendapatan bersih bagi 40% daripada penduduk-penduduk yang berada di peringkat bawah. Beberapa perubahan-perubahan dalam pembahagian pendapatan antara kaum-kaum dan corak pembahagian dalam sesuatu kaum mungkin telah berlaku semenjak 1970, terutamanya di kalangan orang-orang Melayu yang bermodali dari badan-badan berkanun seperti Mara, Pernas dan Uda yang bertindak untuk simpanan

## PENDUDUK



tabungan orang-orang Melayu. Jumlah pembahagian pendapatan nampaknya telah bertambah bersama-sama dengan pendapatan sebenar bagi penduduk-penduduk dari 30% peringkat bawah.

### Aliran penduduk dan kesannya

Penduduk di Malaysia dianggarkan telah meningkat kepada 11.6 juta orang pada pertengahan tahun 1974 setelah meningkat pada kadar 2.7% tiap-tiap tahun dalam jangka waktu 1970-75. Kadar pertumbuhan tahunan bersih penduduk di negara-negara maju ialah 1% sementara kadar untuk kebanyakan negara-negara membangun ialah 2.5%. Kadar-kadar tahunan untuk negara-negara ASEAN ialah: Indonesia 2.6%, Filipina 3.0%, Singapura 1.7% dan Negeri Thai 2.7% antara tahun 1967-1972. Pertumbuhan penduduk yang pesat, jika tidak desakat, akan mendatangkan akibat yang kurang sihat kepada pembahagian pendapatan, guna-tanaga, perkhemmatan pelajaran dan kesihatan serta pelaburan. *Kadar pertumbuhan penduduk* di Malaysia telahpun menurun. Tetapi kadar kesuburan yang tinggi dalam tahun limapuluh akan mempengaruhi pertumbuhan penduduk apabila wainita-wanita muda di dalam umur perkahwinan merupakan sebahagian yang besar dari penduduk-penduduk. Ini telah dibuktikan oleh kenaikan semula dalam kadar kasar kelahiran pada tahun 1971 setelah menurun dari tahun 1957.

Kadar kesuburan, yang mengukur jumlah kelahiran tiap-tiap seribu wanita dalam kumpulan umur keahlian (15-44 tahun) ialah 152.9 tiap-tiap seribu penduduk pada tahun 1971 (angka bagi AS pada tahun 1971 ialah 82.3 tiap-tiap seribu penduduk). Kadar kesuburan ini telahpun turun sejak banci penduduk dalam tahun 1970 di mana ianya ialah 227 tiap-tiap seribu penduduk. Paras pelajaran yang meningkat, perkahwinan yang agak lambat dan perubahan dalam pendapatan per kapita yang mungkin menyebabkan kemerosotan itu.

*Perpindahan* dalam negeri, terutama dari kawasan-kawasan luarbandar ke kawasan bandar dan kawasan-kawasan industri adalah bertambah jelas. Pertukaran dalam komposisi kaum penduduk di kawasan-kawasan bandar menunjukkan kenaikan dalam bahagian penduduk Bangsa Melayu (yang kebanyakannya berlandaskan luarbandar) dari 21% pada tahun 1957 ke 27.6% pada tahun 1970. Perpindahan ke bandar ini sangat tegas di bandar-bandar besar di mana bahagian penduduk Bangsa Melayu telah naik dari 16.3% pada tahun 1957 ke 21.9% pada tahun 1970.

Kadar tambahan biasa yang pesat dengan kadar kelahiran yang tinggi menjadikan penduduk-penduduk mempunyai bahagian kanak-kanak dan anak muda yang tinggi. Bagi seluruh Malaysia, pada tahun 1970, 45% daripada penduduk adalah di bawah umur 15 tahun (Australia, 29% pada tahun 1970). Ini telah

menyebabkan tekanan yang berat di atas kemudahan-kemudahan pelajaran, terutamanya sekolah-sekolah rendah, yang akan berlanjut ke institusi-institusi pelajaran tinggi dalam tahun lapan-puluhan. Ini mempunyai kesan yang serius, antara yang lain, ke atas peruntukan untuk pelajaran.

### Polisi penduduk

Polisi-polisi penduduk sedang dicantumkan dengan keseluruhan dasar-dasar ekonomi, suatu strategi yang telah mendapat sokongan kuat dari berbagai pihak di Persidangan Penduduk Dunia Bangsa-bangsa Bersatu yang diadakan di Bucharest dalam bulan Ogos tahun ini. Perhatian terhadap perpindahan luar bandar ke bandar dan tekanan penduduk ke atas kawasan-kawasan bandar telah membawa kepada kemajuan yang meluas (decentralised development). Galakan-galakan khas diberi kepada industri untuk ditempatkan jauh dari bandar dan kawasan-kawasan perindustrian telah ditubuhkan di Negeri-negeri yang kurang maju. Pembukaan tanah wilayah dan penempatan serta latihan belia-belia telah juga dimulakan untuk menempatkan penduduk-penduduk luar bandar yang kian bertambah.

Rancangan Perancang Keluarga Negara yang diselaraskan oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN) yang ditubuhkan pada tahun 1966, adalah komponen yang lengkap di dalam rancangan-rancangan Kerajaan untuk kemajuan sosial dan ekonomi. Lembaga ini bertanggungjawab bagi perkembangan pengetahuan dan amalan perancang keluarga berpaduan kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak dan kebahagiaan keluarga. Matlamat jangka panjang yang dibuat dalam tahun 1966 ialah menurunkan kadar pertumbuhan tahunan penduduk dari 3% ke 2% menjelang tahun 1985. Rancangan ini sedang dilanjutkan dalam empat peringkat mulai dari bandar besar hingga ke kawasan-kawasan luarbandar. LKPN pada masa ini sedang menganjurkan Peringkat IV yang meliputi kawasan-kawasan luar bandar dengan menggunakan pasukan bergerak, bidan-bidan dan klinik-klinik Kerajaan dan bidan-bidan kampung.

Lain-lain agensi juga turut dalam penyelarasaran rancangan perancang keluarga selain daripada Lembaga Perancang Keluarga Negara. Kegiatan-kegiatan Persatuan-persatuan Perancang Keluarga telah bermula lebih awal dalam tahun 1953 dan pada masa sekarang ada 11 persatuan-persatuan seperti ini, sebuah di tiap-tiap negeri. Sumber-sumber lain termasuk di ladang-ladang dan kebun-kebun getah, rancangan Felda, Kementerian Kesihatan (penyatuan rancangan kesihatan luar bandar/rancangan perancang keluarga) dan doktor-doktor persendirian.

Rancangan penduduk selain daripada perancang keluarga juga termasuk memperkenalkan pelajaran penduduk di dalam rencana pelajaran sekolah. Tujuan

jangka panjang ialah untuk mengujudkan warganegara yang arif yang boleh mengambil keputusan yang bertanggungjawab terhadap persoalan-persoalan berkenaan dengan penduduk dan untuk membentuk tingkah laku yang bertanggungjawab terhadap kesuburan seperti yang dijelaskan oleh pedoman dan keperluan masyarakat. Universiti Malaya, dengan bantuan kewangan dari Kumpulan Wang Bangsa-bangsa Bersatu bagi Kegiatan-kegiatan Penduduk, akan tidak lama lagi membuat kajian atas dasar-dasar penduduk bagi kemajuan sosial dan ekonomi.

### Perlaksanaan

Semenjak rancangan keluarga dimulakan dalam bulan Jun, 1967, jumlah penerima-penerima perancang keluarga sehingga bulan Julai 1974 adalah 425,706. Dari jumlah ini, Lembaga Perancang Keluarga Negara mendapat peserta-peserta sebanyak 63%, Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga 26%, dan bakinya adalah peserta-peserta melalui ajensi-ajensi yang lain. Bagi tahun 1973 sahaja, jumlah penerima-penerima adalah 57,313, iaitu merupakan hanya 48% dari matlamat seramai 120,000 penerima-penerima. Bagi tujuh bulan pertama tahun 1974, jumlah penerima-penerima juga adalah 34,900 iaitu merupakan 25% dari matlamat untuk keseluruhan tahun ini.

Paras penerimaan langkah perlindungan yang tinggi dalam tahun 1968 dan 1969 telah turun dalam tahun yang berikut, tetapi telah terus bertambah dengan perlahan mulai tahun 1971. Mengikut Lembaga Perancang Keluarga Negara, kejatuhan jumlah penerima-penerima mungkin disebabkan oleh pasangan-pasangan yang luas pandangan yang telah mengambil faedah dari rancangan ini pada tahun-tahun permulaan. Gerakan yang lebih lanjut kepada penduduk-penduduk yang bersifat tradisional akan memerlukan perlibatan Kerajaan, terutamanya Kerajaan-kerajaan Negeri, dalam usaha mengujudkan minat yang kuat terhadap penggunaan cara-cara perancang keluarga. Penggunaan cara-cara di luar sumber rancangan keluarga (doktor-doktor persendirian, gudang-gudang ubat) yang biasanya tidak dilaporkan kepada Lembaga ini telah juga bertambah. Perkhidmatan perancang keluarga sedang disatukan secara beransur-ansur dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar.

Peratus penerima-penerima di bawah umur 30 tahun telah meningkat dari 56% pada tahun 1968 ke 66.4% pada tahun 1973. Ini menandakan yang rancangan ini telah sampai kepada kumpulan umur yang muda. Lagi pun, dalam tahun 1972, 58% daripada penerima-penerima mempunyai kurang daripada 3 orang anak berbanding dengan 41% dalam tahun 1967, menunjukkan keinginan untuk merancang saiz keluarga lebih awal lagi.

Tinjauan terhadap sifat-sifat sosial dan ekonomi penerima-penerima menunjukkan bahawa paras pelajaran penting dalam menentukan penerimaan; semakin tinggi paras pelajaran, semakin tinggi kadar penerimaan. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1973 bahagian penerima-penerima yang tidak berpelajaran atau pelajaran paras rendah (1-5 tahun) adalah 74% berbanding dengan bahagian pada permulaan sebanyak 44% dalam tahun 1968. Kenaikan ini disebabkan oleh perluasan rancangan ke kawasan-kawasan luarbandar dan dengan itu orang-orang yang kurang belajar juga mendapat perkhidmatan ini. Ini mungkin bermakna bahawa *kesediaan perkhidmatan-perkhidmatan perancang keluarga* dan juga *paras pelajaran penerima-penerima* adalah penting dalam menentukan kejayaan rancangan ini.

Kira-kira 60% daripada penerima-penerima pada tahun 1973 datang dari kumpulan yang pendapatan rendah sebanyak \$300 sebulan atau kurang, berbanding dengan 44% pada tahun 1968. Aliran yang menggalakkan ialah pertambahan penerimaan oleh buruh kasar (termasuk yang tidak bekerja, pekerja-pekerja musim, pekerja-pekerja tidak mahir dan separuh mahir) dari 74.1% dalam tahun 1967 ke 80.2% pada tahun 1970 (apabila perangkaan terakhir mengenai buruh kasar didapati).

Sikap-sikap, pengetahuan dan persetujuan terhadap perancang keluarga masih mengalakkan. Kajian di atas pengetahuan, sikap-sikap dan amalan yang dijalankan pada tahun 1970 menunjukkan keinginan wanita-wanita yang sudah berkahwin kepada saiz keluarga yang kecil. *Kajian yang kedua* sedang dijalankan oleh LPKN dan Jabatan Perangkaan untuk mendapatkan data berkenaan bentuk kesuburan dan kelakuan perlindungan penduduk Malaysia. Keputusan kajian ini akan siap pada pertengahan tahun 1975.

## Keselamatan Awam

Walaupun *keselamatan awam* adalah susah diukur, kesanggunpan orang ramai bergerak di tempat awam tanpa gentar terutama sekali pada waktu malam bolehlah menjadi satu petunjuk kasar kepada darjah keselamatan awam yang tinggi di Malaysia. Data-data di bawah cuma menunjukkan kejadian-kejadian yang dilaporkan kepada pihak berkuasa.

### Jenayah

Kejadian rompakan termasuk *sanun berkumpulan* yang meningkat dengan mantap dari tahun 1963 sampai kepada puncaknya dalam tahun 1968 (2,261 kejadian) dan selepas itu berkurangan untuk tempoh dua tahun tetapi kemudiannya bertambah semula. Kadar tahunan bagi *pembunuhan* menunjukkan perubahan tahunan sedikit kecuali bagi tahun 1969 apabila dengan tiba-tiba 286 kejadian dilaporkan. Kejadian *peras ugut* telah berkurangan semenjak 1968.

Kadar *jenayah* dalam tahun 1970 berkekurangan bila dibandingkan dengan tahun 1969. Kejadian pembunuhan berkurangan sebanyak 58.7%, rompakan termasuk samun berkumpulan berkurangan sebanyak 40.7% dan kejadian peras ugut berkurangan sebanyak 36.7% tetapi kejadian rogol telah bertambah sebanyak 1.6%. Faktor kedua yang menyebabkan berkurangnya kejadian jenayah ialah mendirikan pondok polis di penjurul jalanraya dan tempat kediaman awam (Sistem Salleh). Tekanan dan tindakan polis terhadap gerakan-gerakan kumpulan kongsi gelap pun adalah merupakan faktor yang ketiga.

Kejadian peras ugut dan bunuh diri telah berkurang sebanyak 9.8% dan 70.8% dari 1970 hingga 1973 tetapi dalam masa itu kejadian pembunuhan dan rogol telah bertambah sebanyak 7.6%. Kejadian rompakan termasuk samun berkumpulan bertambah sebanyak 80.8% dalam tempoh yang sama.

### Jenayah anak-anak muda

Faktor utama yang membawa kepada berlakunya kejadian *jenayah anak-anak muda* di Malaysia adalah kerana kurangnya kawalan dari ibu bapa mereka dan tidak stabiliti kedudukan kewangan dalam keluarga mereka. Mereka yang cicir dari sekolah Menengah Rendah yang tidak dapat pekerjaan kerana terlalu muda dan tiada kelayakan akademik telah membawa mereka ke dalam kumpulan jahat dan seterusnya terlibat dengan kejadian jenayah.


Kadar perubahan bagi jenayah anak-anak muda di Semenanjung Malaysia dari 1967 hingga 1973 adalah sedikit. Jumlah kejadian bagi *rogol* yang biasanya tetap pada 5 atau 6 kejadian tiap-tiap tahun bertambah tiba-tiba kepada 11 dalam tahun 1973. Kejadian *melanggar kesopanan* bertambah juga dari 8 dalam tahun 1972 kepada 14 dalam tahun 1973. Kadar *pecah rumah dan kecurian* bertambah sebanyak 7.8% dalam tahun 1973 berbanding dengan tahun 1972. Kejadian *kecurian kecil* di kalangan penjenayah-penjenayah telah berkurangan dari 836 dalam tahun 1967 kepada 788 dalam 1973. Jumlah *rompakan* termasuk *sanun berkumpulan* berkurangan dari 78 kejadian dalam tahun 1968 kepada 30 dalam tahun 1973. Kejadian peras ugut berkurang dari 38 dalam tahun 1969 kepada 25 dalam tahun 1973. Walau bagaimanapun dalam 1971 seramai 10 orang anak-anak muda telah dituduh kerana membunuh berbanding dengan tiada seorang pun didakwa dalam tahun 1969.

### Keselamatan jalanraya




Bagi tempoh selama 10 tahun jumlah semua jenis kenderaan yang berdaftar di Semenanjung Malaysia bertambah sebanyak 2.7 kali ganda dari 342,391 kenderaan dalam tahun 1964 kepada 939,951 kenderaan dalam tahun 1973. Kemalangan di jalanraya dalam

RAJAH 36

PERGERAKAN JENAYAH DARI 1963-73 (SEMANANJUNG MALAYSIA)



JENAYAH ANAK-ANAK MUDA DARI 1967-73 (SEMANANJUNG MALAYSIA)



tempoh itu bertambah sebanyak 1.9 kali ganda. Kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu bertambah sebanyak 1.7 kali ganda dan jumlah luka dan kematian dalam kemalangan itu bertambah sebanyak 2.3 kali ganda.

Jumlah kenderaan di atas jalanraya dalam tahun 1973 bertambah sebanyak 14.8% iaitu mengandungi motosikal (+16.4%), kereta (+13.4%), lori/van (+11%) dan Bas (+6.3%). Kadar kenderaan yang terlibat dalam kemalangan dalam tahun itu bertambah sebanyak 40.4% untuk motosikal, 40.3% untuk lori/van, 27.4% untuk kereta dan 19.6% untuk bas.

Cuma 4.8% dari jumlah kenderaan yang berdaftar itu telah terlibat dalam kemalangan jalanraya dalam tahun 1973. Kadar tambahan yang tinggi bagi kemalangan motosikal membuktikan perlunya bagi meluaskan lagi penggunaan topi keledar untuk pemandu motosikal dan penumpangnya.

Kadar kemalangan *basikal* bertambah sebanyak 44% dalam tahun 1973 (3,421 kejadian). Bagi tempoh enam bulan pertama dalam tahun 1974 sebanyak 2,619 basikal telah terlibat dalam kemalangan.

Jumlah orang *berjalan kaki* yang terlibat dalam kemalangan jalanraya dari 1960 hingga 1973 bertambah sebanyak 2.7 kali mencapai 3,588 kejadian. Kadar kemalangan bagi orang berjalan kaki bertambah sebanyak 48.6% dalam tahun 1973 dengan 349 kematian dan 615 luka parah. Dari bulan Januari hingga Jun 1974 seramai 2,382 orang berjalan kaki telah terlibat dalam kemalangan jalanraya. Lima puluh peratus dari jumlah kematian di Kuala Lumpur adalah terdiri dari orang berjalan kaki. Dalam tahun 1973 Mahkamah Persekutuan telah melindungi orang berjalan kaki dengan meluluskan satu peraturan iaitu pemandu kereta hendaklah memberi jalan kepada mereka terlebih dahulu.

Dari bulan Januari hingga Jun 1974 seramai 10,812 orang telah cedera dalam kemalangan jalanraya berbanding dengan 17,669 orang dalam 1973.

### Kebakaran

Dalam tahun 1973 kebakaran di Semenanjung Malaysia berkurangan sebanyak 1.1% berbanding dengan tahun 1972. Walaupun jumlah kejadiannya berkurang tetapi jumlah kecederaan dan kehilangan nyawa dan harta telah bertambah. Seramai 36 orang telah cedera dan 9 telah mati berbanding dengan tahun 1972 (2 cedera dan tiada kematian). Harta benda bernilai lebih kurang \$40 juta telah binasa (+75% berbanding dengan 1972). Pertumbuhan perindustrian yang cepat di negara ini dan kekurangan kelengkapan bagi mengawal kebakaran di sebahagian kilang mungkin menyebabkan tambahan kerugian harta benda. Kejadian kebakaran biasanya terjadi di kedai-kedai dan kilang-kilang khususnya di kilang papan dan getah.

### Rasuah


Perangkaan menunjukkan bahawa maklumat-maklumat tentang rasuah yang diterima daripada orang awam di negara ini dari tahun 1970 hingga 1973 berkurangan tiap-tiap tahun. Ini disebabkan oleh berbagai-bagai perkara termasuk fakta iaitu Biro Siasatan Negara (Bsn) sedang menghantar pegawai-pegawaiannya yang terlatih ke luar pejabat untuk mencari maklumat. Tambahan lagi, oleh kerana perhubungan persendirian pegawai-pegawaiannya dengan orang ramai, mereka adalah lebih sedar akan jenis-jenis maklumat yang dikehendaki. Bsn pada masa sekarang kurang menerima aduan yang dangkal.

Bsn adalah satu badan yang bebas, yang memperoseskan semua maklumat-maklumat yang diterimanya. Penyiasatan ke atas kebanyakan kejadian-kejadian memakan masa yang panjang. Bsn pada masa sekarang menumpukan perhatiannya bukan sahaja kepada kakitangan di kalangan kerajaan dan awam tetapi juga pada mereka-mereka di sektor swasta yang disyaki menerima rasuah kerana rasuah hanya boleh dilakukan dengan penyertaan dua pihak.

### Kualiti Kehidupan di Kuala Lumpur

Kuala Lumpur adalah salah satu daripada bandaraya-bandaraya di dalam dunia yang membangun dengan pesatnya dengan kadar pertumbuhan penduduk-penduduknya (termasuk orang pendatang) sebanyak 7.5% setahun. Tempoh perkembangan yang pesat adalah antara tahun 1947 dan 1967 di mana jumlah penduduk bertambah daripada 171,195 kepada 450,000 (175%) terutamanya disebabkan oleh perkembangan perindustrian yang pesat di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Batu Tiga terutamanya semenjak tahun 1957. Mengsebanyak 485,000 di kawasan bandaran dan 875,000 di daerah Kuala Lumpur. Berdasarkan Banci 1970, ikut Banci Penduduk 1970, jumlah penduduk adalah jumlah penduduk dijangka akan meningkat ke 657,200 dalam tahun 1990. Kuala Lumpur bersama Petaling Jaya mempunyai kepadatan penduduk yang agak rendah sebanyak 21 orang sekar, ini adalah satu keadaan yang menguntungkan kerana tanah yang belum diusahakan boleh digunakan untuk mengukuhkan dan membentuk semula struktur bandaraya tersebut. Ini adalah benar apabila dibandingkan dengan kota-kota Tenggara Asia yang lain umpamanya Bangkok yang mengandungi jumlah purata 187 orang sekar, Manila (99 orang) dan Singapura, (84 orang). Muatan penduduk kota Kuala Lumpur telah dianggarkan sebanyak 696,000 orang. Ini berdasarkan rancangan membagikan kawasan kepadatan pada masa sekarang, tidak termasuk peruntukan untuk kawasan pusat perdagangan yang boleh mempunyai kepadatan penduduk sebanyak 400 orang sekar dan muatan penduduk sebanyak

# KENDERAAN & KEMALANGAN JALAN RAYA



144,600 orang<sup>1</sup>. Dengan ini anggaran penduduk untuk tahun 1990 adalah selaras dengan keupayaan pembangunan di kota itu.

Oleh kerana kadar perkembangan bandaraya ini adalah lebih tinggi dari kadar perkembangan ekonominya, pentadbiran kota telah menghadapi beberapa masalah mengenai perumahan, kesihatan, pengangkutan umum, kesesakan kenderaan, kebersihan kesihatan, pembuangan sampah, kecemerlangan dan pemeliharaan alam sekitar.

Berkeraan dengan perumahan, dalam tahun 1973 sebanyak 1,035 blok rumah pangsa telah disediakan untuk penduduk-penduduk rumah haram, orang-orang miskin, mangsa-mangsa banjir dan kebakaran berbanding dengan 4 blok rumah pangsa sahaja dalam tahun 1958. Data yang terbaru mengenai jumlah penduduk-penduduk rumah haram tidak boleh diperolehi. Walau bagaimanapun, tinjauan yang terakhir pada tahun 1966-1968 dan Banci Perumahan 1970 menunjukkan bahawa jumlah keluarga penduduk-penduduk rumah haram adalah diantara 150,000-180,000 yang terdiri daripada lebih kurang 32%-39% jumlah penduduk-penduduk kawasan kota dan yang meliputi sebanyak 10%-15% jumlah kawasan kota. Peratus rumah-rumah haram berbanding dengan jumlah tempat tinggal di kota adalah di antara 30% hingga 35%. Dalam tempuh 1971-75 Suruhanjaya Ibukota membelanjakan lebih kurang \$42.5 juta untuk perumahan awam. Walaupun keutamaan hendaklah diberi untuk mengadakan perumahan yang cukup, adalah penting perumahan-perumahan tersebut dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan seperti kedai-kedai, tempat letak kereta dan taman-taman yang akan menambahkan kualiti kehidupan di samping meninggikan lagi mutu alam sekitar.

Disebabkan berkurangan perancangan semasa peringkat awal perkembangan, kawasan pusat bandar telah bertambah sesak kerana corak perkembangan adalah dalam bentuk pusat perbandaran yang mengandungi jalan-jalan sempit dan bangunan-bangunan yang berbagai jenis dan kegunaan. Hakmilik tanah persendirian yang pelbagai dan pemecahan tanah kepada lot-lot yang kecil telah menghalang perancangan. Ini boleh diatasi melalui pembaharuan bandaraya ini.

Dengan bertambahnya milik dan kegunaan kenderaan, terutamanya kenderaan-kenderaan persendirian, ditambah pula dengan perkembangan penduduk yang pesat, kota Kuala Lumpur akan semakin diganggu oleh kebisingan kenderaan dan kecemerlangan alam. Di dalam purata harian seminggu ada lebih kurang 300,000 kenderaan yang melalu-lintas di bandaraya ini di mana 75% darinya terdiri daripada kereta. Ini menunjukkan jumlah kalinya dan kesukaan kepada cara perbelanjaan

tersebut. Jumlah kereta dalam Wilayah Persekutuan termasuk kawasan-kawasan berhampiran dijangka akan bertambah lebih kurang 294% daripada 65,000 dalam 1973 kepada 191,000 dalam 1990 sementara jumlah semua kenderaan akan bertambah dari 127,000 dalam 1973 ke 335,000 dalam 1990. 60% daripada jumlah ini adalah muncul dari tambahan pemilikan kereta persendirian. Kesesakan lalu-lintas boleh diatasi dengan membaiki pengangkutan awam yang sangat berkurangan. Penggunaan pengangkutan awam boleh digalakkan dengan mengadakan persaingan di antara pengangkutan awam dan kereta-kereta persendirian, dari segi masa perjalanan dan kesenangan, dengan menggunakan strategi mengenai pembayaran letak kereta di kawasan-kawasan yang penting, dan pernambakan menyeluruh mengenai tambang, jadual dan hala perjalanan. Pengasingan lalu-lintas di antara orang-orang yang berjalan kaki dan kenderaan-kenderaan secara menghakskan kawasan-kawasan yang tertentu untuk orang-orang berjalan kaki boleh mengurangkan bahaya jalanraya dan kesesakan lalulintas.

Perkembangan bandaraya yang pesat yang melibatkan pembinaan bangunan-bangunan tinggi sedang menurunkan pemandangan dengan pesatnya. Ini meninggalkan kesan ke atas keadaan alam sekitar akibat daripada penebangan tumbuh-tumbuhan dan perataan bukit-bukit secara besar-besaran yang sangat berguna kepada sistem alam semula jadi. Pembukaan tanah secara besar-besaran telah mengakibatkan "banjir kilat" yang telah merupakan satu kejadian biasa semenjak keadaan pertumbuhan pembinaan yang melambung menyebabkan kesukaran kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan rendah.

Mengikut satu kajian sikap yang dijalankan di ibukota pada tahun lepas, kebisingan yang paling mengganggu dianggap berpuncu dari kenderaan, manusia, perusahaan, radio dan talivisyen. Lebih kurang daripada 75% jumlah orang yang ditemudugai telah diganggu oleh kebisingan dari punca-punca tersebut, sementara kereta dan motosikal dianggap sebagai gangguan yang paling besar. Dengan bertambahnya kegunaan kenderaan, pembangunan dan paras kecemerlangan alam oleh perusahaan dan kenderaan, maka adalah kemungkinan bahawa kabus berlaku di kawasan pusat Kuala Lumpur. Oleh kerana sebahagian besar kenderaan menggunakan kuasa disel, asap disel adalah kelebihan di Kuala Lumpur. Bas, taxi dan lori berat yang berdisel, 5% daripada kereta-kereta dan 9% daripada lori-lori ringan yang juga berdisel merupakan satu perlama daripada aliran lalu-lintas kenderaan melalui kawasan pusat ini. Kesan pembangunan ke atas alam sekitar dapat dikurangkan dengan mengkaji terlebih dahulu di peringkat perancangan, akan masaalah-masalah yang mungkin timbul.

<sup>1</sup> Sumber: Dasar Pengangkutan Bandar dan Kajian Rancangan untuk Ibukota Kuala Lumpur—Wilbur Smith.

Oleh kerana kadar perkembangan bandaraya pada masa sekarang dan masalah-masalah yang timbul maka perlulah diadakan suatu "Master Plan" yang membolehkan perlaksanaan pembangunan jangka panjang yang jelas dan rapi serta yang memberi perhatian kepada topografi sumber-sumber alam, hal-hal kenderaan, di samping kriteria-kriteria yang biasa.

### Kualiti Keadaan Bekerja\*

Pada keseluruhannya kepuasan bekerja adalah ukuran yang baik bagi kualiti keadaan bekerja. Walau bagaimanapun, di Malaysia belum ada lagi kajian utama dibuat untuk mengukur kepuasan bekerja berlainan dengan negara-negara maju di mana kepuasan pekerjaan telah dianggarkan oleh puncak resmi di bawah kategori-kategori yang luas. Tanpa petunjuk-petunjuk kepuasan bekerja ini, perhubungan perusahaan yang harmoni bolehlah dikaji sebagai gantian dengan menggunakan data permogokan dan kehilangan hari bekerja.

Dari bulan Januari hingga September tahun ini, 68 mogok telah berlaku berbanding dengan 42 sahaja pada tahun 1973 (+42%). Bilangan *kehilangan hari bekerja* telah mencapai 86,881 berbanding dengan 40,866 bagi seluruh tahun 1973. Pada tahun 1974 (Januari hingga September), peratus permogok akibat dari ketidak puasan keadaan bekerja meningkat kepada 79% (dari 66% dalam tahun 1973). Peratus permogok disebabkan oleh tuntutan-tuntutan gaji dan eluan bantuan khas juga bertambah kepada 44% (dari 32% dalam tahun 1973).

Perhubungan perusahaan perlu diperbaiki lagi dalam tahun 1975 apabila keadaan guna tenaga dijangka akan menjadi lebih ketat. *Perhubungan perusahaan* juga boleh diperbaiki lagi menerusi penggunaan yang lebih luas teknik-teknik moden dalam membuat keputusan, galakan dan latihan perusahaan seperti yang telah disyorkan baharu-baharu ini. Sikap baharu patutlah muncul di mana majikan dan pekerja tidak menganggap satu sama lain sebagai pihak yang bertentangan tetapi sebaliknya sebagai satu kumpulan yang memiliki tanggungjawab dan menerima faedah bersama. Di kalangan *undang-undang buruh*, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Ordinan Guna Tenaga 1955 adalah sedang dikaji.

*Perlindungan Keselamatan Sosial* disediakan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja-pekerja 1969, yang menyediakan dua rancangan keselamatan iaitu Sekim Insurans Kecederaan Pekerja dan Pencen Ilat. Sejak bulan Oktober tahun 1974 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) telah menubuhkan 33 pusat, 31 di Semenanjung Malaysia, 1 di Sabah dan 1 di Sarawak meliputi kira-kira 550,000 pekerja-pekerja dan 17,000 majikan berbanding dengan 428,157

pekerja-pekerja dan 13,717 majikan di penghujung tahun 1973. Dari bulan Januari hingga September sebanyak \$984,332 telah dibayar sebagai faedah wang tunai dan bayaran perubatan (+81% lebih tinggi dari masa yang sama tahun lalu). Bilangan kemalangan-kemalangan yang telah dilapurkan oleh Perkeso telah mencapai 29,191 berbanding dengan 27,357 bagi seluruh tahun 1973. Dengan itu perhatian yang lebih seharusnya diberi kepada keselamatan perusahaan dan undang-undang yang berkaitan patut dilaksanakan dengan tegas dan banyak lagi alat-alat keselamatan patut dipasang di kawasan-kawasan yang terbuka kepada kemalangan-kemalangan dan risiko perusahaan.

Pada permulaan tahun ini, *Rancangan Pencen Ilat* dilancarkan di semua 31 pusat di Semenanjung Malaysia. Oleh itu semua pekerja-pekerja yang mempunyai insurans dengan Pertubuhan ini sekiranya diberi perlindungan bukan sahaja dari kecederaan atau penyakit akibat dari pekerjaan tetapi juga dari "invalidity". Rancangan ini belum lagi diperluaskan ke Sabah dan Sarawak kerana kepentingan di sini diberi kepada pelancaran Rancangan Kecederaan Pekerjaan.

Akta Keselamatan Sosial meliputi semua pekerja-pekerja yang berpendapatan \$500 ke bawah sebulan dan perusahaan-perusahaan yang mempunyai lima atau lebih pekerja-pekerja. Kebanyakan ladang-ladang getah dan lombong-lombong walau bagaimanapun, adalah di luar lingkungan keselamatan sosial dan Pertubuhan ini sekiranya telah mengkaji kemungkinan meluaskan penglibatan mereka. Jawatankuasa Bertindak yang telah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan meluaskan rancangannya ke kawasan luar bandar telah menghantar laporannya ke Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) baharu-baharu ini telah menyiapkan satu laporan mengesyorkan pembaharuan-pembaharuan kepada rancangan-rancangan ini. Kemungkinan-kemungkinan memperkenalkan rancangan-rancangan keselamatan sosial yang lain seperti faedah-faedah bersalin dan "sickness" adalah sedang dikaji.

Data terakhir sekali yang terdapat menunjukkan bahawa sekarang terdapat 340 *kesatuan-kesatuan sekerja* di Malaysia (262 dalam tahun 1960), 259 di Semenanjung Malaysia, 57 di Sarawak dan 24 di Sabah dengan jumlah ahlinya sebanyak 452,000 berbanding dengan 184,627 dalam tahun 1960, tambahan sebanyak 145%. Dari jumlah ini, hanya 2 kesatuan sekerja sahaja mempunyai ahli yang lebih dari 10,000. Kira-kira 23% dari ahli-ahlinya datang dari sektor pertanian dan perlombongan dan 13% dari sektor perdagangan, bank, pengangkutan dan perhubungan.

\* Bagian ini hanya meliputi pekerja-pekerja yang dibayar upah.

Kegiatan kesatuan sekerja disektor perkilangan dan sektor memproses barang-barang (kira-kira 5.6% dari jumlah ahli) adalah tidak begitu luas.

Di Malaysia *latihan perusahaan* terdapat dikedua-dua kalangan awam dan swasta. Keluaran siswazah dari institusi latihan kalangan awam telah bertambah sebanyak 60% dalam tahun 1974 berbanding dengan tahun 1973. Jabatan Tenaga Rakyat di Kementerian Buruh telah menambahkan peranannya dalam memberi latihan resmi dan bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan perusahaan menyediakan latihan sambil bekerja untuk pekerja-pekerja. Institusi kalangan awam yang utama ialah dua buah Institusi Latihan Perusahaan yang memberi latihan dalam bidang kemahiran kejuruteraan, letrik, binaan dan pencetakan; empat buah institusi latihan kemahiran Mara yang menyediakan latihan sambil bekerja dalam

berbagai-bagai bidang; Pusat Latihan Belia Negara yang mengadakan 18 bulan kursus latihan untuk belia-belia luar bandar di dalam beberapa bidang pekerjaan dan Pusat Daya Pengeluaran Negara yang menyediakan kursus-kursus pengurusan perusahaan.

Disetengah-setengah negara maju seperti Jerman, tiap-tiap pekerja berhak menerima sokongan awam untuk mendapatkan latihan kemahiran dan latihan semula. Perkembangan yang sama di negara ini adalah sangat-sangat berguna. Aliran yang terdapat di negara-negara maju ialah penubuhan lembaga-lembaga latihan perusahaan dan perdagangan untuk memberi jaminan supaya tidak ada pekerja akan dibuang disebabkan oleh ciptaan teknologi baharu dan kemahiran yang obselit. Perkara ini sepatutnya diberi pertimbangan yang serius di Malaysia, dengan bertambah cepatnya perkembangan perindustrian.

## VI. Ramalan Ekonomi Tahun 1975 dan kemungkinan-kemungkinan untuk tahun 1976<sup>1</sup>

### Ringkasan

Malaysia tidaklah akan menerima kesan yang hebat dari rosotan seluruh dunia sekarang ini seperti yang mungkin dialami oleh banyak negara-negara lain.

Permintaan untuk eksport-eksport Malaysia adalah dijangka akan bertambah perlahan pada tahun 1975, disebabkan kemererosotan di luar negeri yang semakin bertambah. Walaupun begitu pertumbuhan ekonomi dari segi sebenar bagi tahun 1975 adalah dijangka pada kadar kira-kira 5%. Ini tidaklah begitu rendah jika dibandingkan dengan kadar-kadar purata tahunan antara 5-6%, yang telah dicapai dalam masa 1960-70 dengan kadar kira-kira 4% yang dicapai dalam tahun 1968 dan tahun 1970.

Ekonomi Malaysia dijangka akan meningkat semula pada awal tahun 1976. Peningkatan ini adalah dijangka akan dimulai oleh sektor eksport berikut dari pemulihian yang dijangka di antara negara-negara perusahaan pada akhir tahun 1975 Negara-negara perusahaan seharusnya akan berkembang daripada hampir 3% dalam tahun 1975 kepada kira-kira 5% tahun 1976. Pertumbuhan sebenar ekonomi Malaysia bagi tahun 1976, adalah dijangka tidak kurang dari 6% dari segi sebenar.

### Dalam tahun 1975 dan 1976

Dengan harga-harga barang eksport utama Malaysia dijangka terus meleset dalam tahun hadapan, penerimaan eksport adalah dijangka akan jatuh sebanyak kira-kira 6% dalam tahun 1975 daripada satu pencapaian yang sangat-sangat tinggi dalam tahun 1973 dan 1974, iaitu yang menunjukkan kenaikan sebanyak 50% dan 30% masing-masing. Pengecualian yang utama kepada arah-aliran yang menurun ini dalam tahun 1975 ialah minyak kelapa sawit dan minyak petrolium. Masa depan eksport minyak kelapa sawit terus cerah, disebabkan masa depan yang malap bagi minyak kacang soya, iaitu pengganti yang hampir dan kemungkinan ianya dimasukkan kedalam sekim Keutamaan Am oleh EEC. Eksport minyak petrolium (mentah dan separuh bersih) adalah dijangka akan

meningkat dengan banyaknya dalam tahun 1975 iaitu lebih daripada 50%, untuk menaikkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar bersih minyak petrolium. Jumlah eksport adalah dijangka meningkat sebanyak lebih dari 35%, yang terutamanya dibekalkan dari telaga-telaga minyak di Sabah.

Dengan perlahannya ekonomi, kalangan awam akan memainkan peranan utama sejauh dengan strategi Perbendaharaan yang melawan edaran. Peranan ini akan dilaksanakan dalam hubungan melawan pertumbuhan yang perlahan terutamanya menerusi perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan tanpa memburukkan lagi inflasi.

Pendorong yang paling kuat kepada pertumbuhan sebenar tahun 1975 adalah dari kalangan awam. Pelaburan awam adalah dijangka akan bertambah sebanyak kira-kira 17% dari segi nominal dan 8% dari segi sebenar. Penggunaan kalangan awam adalah dijangka akan naik sebanyak kira 12% dari segi nominal dan hampir 6% dari segi sebenar.

Rancangan-rancangan Pembangunan akan menumpukan kepada meninggikan kesediaan bekalan dan menyetabilkan harga-harga terutama sekali barang-barang pengguna. Pelaburan awam yang baharu akan memberikan perhatian kepada projek-projek yang memerlukan banyak buruh kerana pengangguran dijangka akan meningkat setelah jatuh dengan mantapnya dalam dua tahun yang lepas. Projek-projek yang boleh dilaksanakan dengan segera dan mempunyai jangka waktu penyiapan yang pendek dan yang mempunyai kandungan-kandungan impot yang sedikit akan diberi keutamaan. Projek-projek ini akan dipermuatkan di kawasan-kawasan luarbandar dan dalam bandar yang menerima kesan rosotan yang besar. Dengan kemasukan pelaburan yang besar oleh Kerajaan Pusat, kerajaan-negeri dan badan-badan berkanun, kalangan awam akan mengetuai dalam menentang aliran stagflasi (stagflation).

Kalangan swasta adalah diramal akan mengikut penurunan sepanjang tahun 1975 dan kemudian akan meningkat semula apabila ekonomi meningkat semula pada awal tahun 1976. Pelaburan swasta yang telah

<sup>1</sup> Patutlah diambil ingatan iaitu, ramalan-ramalan ini adalah dimaksudkan untuk menunjukkan arah-aliran yang umum tidaklah untuk menunjukkan angka-angka yang tepat.

mula berkurangan pada akhir tahun 1974, adalah diramalkan akan meningkat tidak kurang dari 4% dari segi sebenar dalam tahun 1975; iaitu sangat rendah daripada kenaikan yang pesat sebanyak 13% dalam tahun 1974. Walau bagaimanapun, dalam harga semasa kenaikan ini adalah dijangka pada kira-kira 14% berbanding dengan kadar yang sangat tinggi dianggarkan sebanyak 37% dalam tahun 1974. Ini mencerminkan deflator harga yang sangat tinggi dalam tahun 1974 yang sebahagian besarnya disebabkan oleh harga-harga impot dan bahan-bahan pembinaan yang tinggi.

Permintaan *pelaburan swasta* yang berterusan walaupun di masa penurunan adalah mencerminkan pertumbuhan sektor perkilangan di dalam ekonomi dan masa depan pelaburan di negara ini yang agak baik. Pelaburan di dalam alat-alat jentera dan kelengkapan (45%) daripada jumlah pelaburan swasta) telah meningkat naik sebanyak 20% dari segi sebenar dalam tahun 1974 sementara pelaburan sebenar di dalam pembinaan dan bangunan telah berkembang sebanyak 10%. Pelaburan dalam alat-alat jentera dan kelengkapan adalah dijangka akan berterusan hingga ke awal tahun 1975 pada kadar yang lebih cepat daripada pelaburan dalam pembinaan. Pelaburan dalam binaan masih lagi menghadapi (walaupun pada paras yang lebih rendah) masaalah-masaalah kos yang tinggi dan kekurangan dalam bahan-bahan binaan terutamanya simen dan besi waja.

Walaupun *inflasi* telah mula berkurangan dalam separuh kedua tahun ini, kadarnya pada tahun 1974 ialah 18%—jelas lebih tinggi daripada 10.5%, yang dicatitkan untuk tahun 1973. Keadaan yang berkurangan ini adalah tahun 1975 memandangkan langkah-langkah melawan inflasi fiskal dan kewangan yang telah dilaksanakan dalam tahun 1973 dan 1974, dan juga usaha-usaha Kerajaan menyekat kenaikan harga barang-barangan perlu. Kesan inflasi yang diimpost juga adalah dijangka akan berkurangan hasil dari turunnya kadar inflasi di negara-negara perusahaan pada awal tahun 1975. Inflasi dunia adalah diramalkan akan turun kepada kira-kira 7% dalam tahun 1975 dan kira-kira 6% dalam tahun 1976. Kadar inflasi di Malaysia bagi tahun 1975 adalah dijangka akan turun kepada paras lebih rendah dari 18% pada tahun 1974. Dalam tahun 1976, adalah dijangka inflasi akan terus berkurangan lagi. Bekalan barang-barang perlu yang dijangka akan bertambah dan terus berkurangnya tekanan dari inflasi yang diimpost adalah di antara faktor-faktor utama yang membawa kepada keadaan ini.

*Penggunaan swasta* yang merupakan lebih daripada tiga per lima KNK adalah diramalkan akan berkembang pada kadar yang biasa iaitu 4% dari segi sebenar (12.3% dari segi nominal) dalam tahun 1975. Ini adalah sama dengan paras yang telah dialami dalam tahun-tahun enam puluhan setelah meningkat dengan tinggi pada tahun 1973 dan 1974 apabila penggunaan awam meningkat dengan cepat pada kadar 19% dan 26% dari segi nominal dan 11% dan 10% dari segi sebenar. Penerimaan ekspot yang lebih rendah dan inflasi dalam negeri yang berterusan dalam tahun 1975 adalah merupakan sebab-sebab utama. Penggunaan swasta adalah dijangka pulih semula dari kedua-dua segi nominal dan sebenar pada awal tahun 1976 apabila ekonomi berkembang semula.

*Impot* meningkat sebanyak 50% dalam tahun 1974 (nominal) iaitu satu kenaikan yang paling tinggi pernah dialami sejak 20 tahun yang lepas. Dalam tahun 1975, keadaan ini akan berubah dengan banyaknya kerana adalah dijangka impot tidak akan meningkat lebih dari 12% dari segi nominal dan 2% dari segi sebenar.

Dengan jatuhnya penerimaan dari ekspot barang dalam tahun 1975 daripada tingkat yang tinggi tahun 1973/74 lebih dalam perdagangan barang yang sensitif dialami akan berakhir dengan kurangan yang kecil. Walau bagaimanapun, perkembangan yang berterusan dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat perkapalan dan pengangkutan negara (Misc dan Mas) adalah dijangka akan mengurangkan kurangan yang mungkin lebih besar dalam kira-kira perkhidmatan yang disebabkan oleh kenaikan dalam tambang pengangkutan dan juga perimiam-perimiam insurans. Imbalan semasa dalam tahun 1975 dijangka akan berakhir dengan kurangan yang lebih besar daripada tahun 1974. Dengan perlannahnya dalam permintaan pelaburan swasta kemasukan modal-modal swasta adalah dijangka tidak begitu besar. Walau bagaimanapun kemasukan modal resmi jangka panjang adalah dijangka lebih besar, dari tahun 1974. Dalam tahun 1976 cadangan-cadangan ini akan mendapat sokongan dari kedudukan ekspot yang pulih dan ekonomi yang mula berkembang semula.

**KELUARAN NEGARA KASAR MALAYSIA MENGIKUT JUMLAH PERMINTAAN PADA  
HARGA TETAP<sup>1</sup>  
(\$ juta)**

		1970	1971	1972	1973	1974	1975
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	...	7,151	7,424 + 3.8	7,602 + 2.4	8,442 +11.0	9,269 + 9.8	9,640 + 4.0
+ Perbelanjaan Penggunaan Awam	...	2,062	2,343 +13.6	2,491 + 6.4	2,607 + 4.7	2,810 + 8.0	2,965 + 5.5
+ Pembentukan Modal Kasar—Swasta	...	1,181	1,222 + 3.5	1,091 -10.7	1,217 +11.5	1,376 +13.1	1,430 + 3.9
Awam	...	693	796 +14.8	1,155 +45.1	1,170 + 1.3	1,092 - 6.7	1,180 + 8.0
+ Perubahan Simpanan	...	181	128	131	180	235	264
+ Ekspot Barang dan Perkhidmatan Bukan Faktur	...	5,381	5,499 + 2.2	5,633 + 2.4	6,364 +13.0	6,491 + 2.0	6,685 + 3.0
- Impot Barang dan Perkhidmatan Bukan Faktur	...	4,858	4,761 - 2.0	4,737 - 0.5	5,150 + 8.7	5,508 + 7.0	5,618 + 2.0
- Keluaran Dalam Negeri Kasar pada Harga Pasaran	...	11,791	12,651 + 7.3	13,366 + 5.7	14,830 +11.0	15,765 + 6.3	16,546 + 5.0
- Cukai tidak langsung + subsidi	...	1,840	1,809 + 8.6	1,762 + 6.7	2,103 +19.4	2,275 + 8.2	2,406 + 5.8
- Keluaran Dalam Negeri Kasar pada Kos Faktur	...	9,951	10,842 + 8.9	11,604 + 7.0	12,727 + 9.7	13,490 + 6.0	14,140 + 4.8
- Pembayaran Pendapatan Faktur Bersih kepada negara lain di dunia	...	174	184	253	377	401	406
<i>Keluaran Negara Kasar pada Harga Pasaran</i>	...	11,617	12,467 + 7.3	13,113 + 5.2	14,453 +10.2	15,364 + 6.3	16,140 + 5.0

<sup>1</sup> Anggaran dalam harga semasa adalah ditunjukkan di dalam Lampiran Perangkaan di bawah Kira-kira Negara.

Sumber: I.A.P.G.

## Kalendar Peristiwa-peristiwa Ekonomi yang Penting 1965-1974

### 1965

- Januari 1 — Cukai Daftar Gaji sebanyak 2% dikenakan di Semenanjung Malaysia.  
— Cukai sewa silem sebanyak 15% dikenakan.  
